

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 10

Selasa

21 Mac 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 6)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWAKE DALAM MESYUARAT	(Halaman 33)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 30)
Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Datuk Liang Teck Meng (Simpang Rengam)</i>	(Halaman 34)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 21 Mac 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah permohonan yang telah diterima bagi pembinaan Rumah Bina Negara mengikut agensi yang bertanggungjawab iaitu RISDA dan FELCRA dan berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan serta apakah perkembangan status pembinaan rumah tersebut bagi permohonan yang telah diluluskan.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:

Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini jumlah permohonan yang telah diterima oleh RISDA bagi Rumah Bina Negara (RBN) secara individu adalah sebanyak 1,626 permohonan. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 158 permohonan telah pun diluluskan. Sehingga kini sebanyak 81 unit rumah sedang dalam pembinaan dan 16 unit telah pun siap.

Manakala bagi Rumah Bina Negara yang dilaksanakan oleh FELCRA iaitu secara berkelompok. FELCRA telah menerima sebanyak 1,675 permohonan dan daripada jumlah tersebut sejumlah 1,183 permohonan telah pun diluluskan yang melibatkan pembinaan sebanyak 1,183 unit rumah di sembilan lokasi di seluruh negara.

Butir terperinci adalah seperti berikut:

- (i) Satu projek yang melibatkan 140 unit telah pun siap;
- (ii) Satu projek yang melibatkan jumlah 123 unit sedang di dalam pembinaan;
- (iii) Dua projek telah memperolehi kelulusan kebenaran merancang berjumlah 318 unit;
- (iv) Tiga projek dalam permohonan kebenaran merancang berjumlah 303 unit; dan
- (v) Dua projek pula dalam proses permohonan kelulusan tapak yang berjumlah 302 unit.

Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tahniah juga kepada pihak kementerian atas

keprihatinan untuk membantu generasi muda terutamanya generasi kedua di RISDA dan juga FELCRA untuk membina Rumah Bina Negara ini. Cuma isu pada hari ini ialah ramai di kalangan pekebun-pekebun kecil getah dan sawit ini mereka telah menjual hasil ladang secara tunai. Bagaimanakah kumpulan pekebun-pekebun kecil yang tidak ada bukti pendapatan ini seperti slip gaji ini dipermudahkan mendapat bantuan Rumah Bina Negara ini dan adakah FELDA juga termasuk dalam skim ini? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sewaktu pembentangan Bajet 2017, rumah generasi kedua luar bandar ini adalah untuk rumah generasi kedua luar bandar bukan generasi kedua FELDA. Ini kerana seperti kita tahu FELDA telah pun mempunyai program perumahan generasi kedua mereka sendiri iaitu rumah generasi kedua FELDA yang diuruskan dan dilaksanakan dan segala-galanya diuruskan oleh FELDA.

Jadi untuk rumah generasi kedua luar bandar ini adalah selain daripada generasi kedua FELDA tetapi terbuka kepada seluruh generasi kedua luar bandar tidak kira sama ada anak pekebun kecil, anak peserta FELCRA dan sebagainya. Kita faham bahawa isu yang paling besar dihadapi oleh pemohon-pemohon yang ingin membeli rumah mampu milik terutamanya luar bandar adalah pemohon tidak mempunyai slip gaji. Inilah merupakan punca utama kenapa akhirnya mereka gagal untuk memiliki rumah sendiri iaitu gagal untuk membeli rumah sendiri. Walaupun membeli rumah merupakan keperluan yang besar kepada generasi kedua luar bandar kerana kita dimaklumkan bahawa lebih daripada 30 peratus daripada generasi kedua luar bandar yang telah pun berumah tangga masih tidak memiliki rumah sendiri.

Untuk menyelesaikan isu besar ini, pihak RISDA pada 13 Mac 2017 telah pun mengadakan MOU ataupun *memorandum of understanding* dengan Agrobank iaitu selepas ini pemohon-pemohon yang ingin memohon pinjaman daripada Agrobank untuk membeli rumah generasi kedua luar bandar ini tidak lagi memerlukan slip gaji, yang perlu hanyalah pengesahan pendapatan oleh pemimpin-pemimpin tempatan sahaja.

■1010

Jadi, saya percaya dengan adanya MoU ini kita boleh menyelesaikan isu yang paling besar iaitu masalah untuk mendapatkan pinjaman bagi membeli rumah generasi kedua. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Hendak tanya, apakah yang dibuat oleh kementerian untuk menolong orang asal untuk menikmati Rumah Bina Negara di kementerian Yang Berhormat?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Rumah generasi kedua ini terbuka kepada semua, tidak kira sesiapa sahaja termasuk masyarakat daripada kaum Asli dan juga kaum lain di seluruh negara, kaum bumiputera Sabah, Sarawak dan sebagainya. Kita mempunyai program perumahan ini termasuk di Sabah dan juga termasuk di Sarawak. Seperti yang saya sebutkan tadi, beberapa projek di bawah FELCRA misalnya telah pun diluluskan untuk kaum bumiputera di Sabah, begitu juga untuk RISDA dengan syarat mereka mempunyai tanah sendiri ataupun tanah yang dibenarkan penggunaannya untuk mendirikan rumah dan sebagainya dan syarat-

syarat pun sama. Jadi, kita akan membantu sesiapa sahaja kaum generasi kedua luar bandar tanpa mengira di mana tempat mereka, daripada kaum apa dan sebagainya, kita akan beri.

Seerti saya sebutkan tadi bahawa kalau masyarakat kaum Asli juga isu utamanya tidak mempunyai slip gaji. Kita juga perlu hanya mendapatkan surat pengesahan pendapatan mereka oleh Tok Batin ataupun oleh Pengerusi JKKK Orang Asli. Itu sudah pun mencukupi untuk kita meluluskan pinjaman mereka untuk mereka memiliki rumah. Terima kasih.

2. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah kerajaan berhasrat meningkatkan taraf kebersihan Kuala Lumpur khususnya di kawasan tumpuan pelancong seperti Kampung Baru, Chow Kit dan Masjid India agar setanding dengan bandar raya-bandar raya seperti negara Korea Selatan, Australia dan New Zealand.

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sungai Petani, sememangnya pihak kerajaan khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan telah mempunyai program bagi meningkatkan taraf kebersihan Kuala Lumpur terutamanya di kawasan tumpuan pelancong di pusat bandar raya seperti kawasan-kawasan Kampung Baru, Chow Kit, Masjid India dan Bukit Bintang. Sebenarnya program yang dimaksudkan itu telah dimulakan sejak tahun 2013 lagi dan sedang berjalan sehingga sekarang iaitu program *Blueprint* Kebersihan Kuala Lumpur yang melibatkan tiga kawasan tumpuan iaitu Bukit Bintang, Jalan Petaling dan Chow Kit.

Program tersebut menekankan aspek *public engagement* dengan izin, semua pihak berkepentingan sama ada persatuan peniaga, pemilik premis, peniaga, penduduk dan komuniti setempat. Penglibatan aktif oleh pihak berkepentingan melalui aktiviti gotong-royong kebersihan yang diadakan secara berkala di ketiga-tiga kawasan yang terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat, penglibatan aktif oleh pihak-pihak berkepentingan dalam usaha meningkatkan kebersihan di kawasan-kawasan tersebut diiktiraf oleh pihak kementerian. Sebagai rakan kongsi strategik dan dengan izin, *change agent* melalui program Local Agenda 21 (LA21).

Tuan Yang di-Pertua, Program *Blueprint* Kebersihan Kuala Lumpur yang melibatkan tiga kawasan tumpuan tersebut telah diperluaskan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi meliputi kawasan-kawasan terpilih di kesemua 11 kawasan Parlimen yang wujud di Kuala Lumpur mulai tahun 2016. Program yang diperluaskan ini dikenali sebagai Program *Blueprint* Penarafan Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan setiap kawasan *blueprint* akan dinilai dan diberi status penarafan kebersihan selepas tamat tempoh fasa pelaksanaan.

Pelaksanaan dibahagikan kepada empat peringkat serta sembilan fasa dan akan diteruskan pelaksanaan sehingga tahun 2019. Apabila tamat tempohnya kelak, adalah disasarkan bahawa seluruh kawasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan diberi status taraf kebersihan masing-masing. Sekian, terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melawat ke Chow Kit hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita agak malu kerana pasar di Chow Kit amat tidak terurus dan amat kotor walaupun Menteri kata ada program sejak tahun 2013 dan boleh

disahkan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan pun. Orang datang ke tempat kita hendak tengok benda-benda yang pelik, benda luar biasa. Di antara tempat yang mereka lawat ialah Chow Kit dan sebagainya. Akan tetapi saya rasa, masih kedudukannya amat-amat luar biasa kerana kotornya. Apakah ini akan diberikan perhatian? Berapa peratuskah dari bajet yang ada di Kementerian Wilayah Persekutuan diberikan untuk tujuan kebersihan ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Minat Kuala Lumpur, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sungai Petani, Pasar Raja Bot dalam pembangunan. Dia masih di dalam pembaikan dan juga penaikan taraf pasar tersebut. Jadi buat waktu ini, benar apa Yang Berhormat telah sebutkan, memang sedikit ketara. Akan tetapi percayalah selepas selesai pembangunan yang akan kita laksanakan ini, *insya-Allah* kita akan pastikan bahawa kebersihan dalam kawasan Chow Kita ini akan terurus dan terjaga.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita juga telah melancarkan satu program yang disebut Volunteer for KL 2014, dengan izin. Tujuan kita adakan ini adalah untuk bekerjasama dengan pihak masyarakat satu, untuk masyarakat membuka minda selain mereka juga sedar bahawa kebersihan itu penting dalam persekitaran kehidupan kita. Jadi, kita ajak masyarakat bersama-sama dengan kita untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan, kerja-kerja pembersihan dan juga kerja-kerja untuk menaikkan taraf kawasan-kawasan yang tertentu di seluruh Wilayah Persekutuan.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, Volunteer for KL 2014 ini mendapat sambutan yang begitu baik khususnya di kalangan anak-anak muda. Jadi, kita harap bahawa dengan ada penglibatan anak-anak muda ini sedikit sebanyak dia akan mengubah minda dan juga memberi satu kaedah di mana dia juga akan membantu kerajaan supaya kita juga tidak mengeluarkan dana yang begitu banyak untuk membuat pembersihan-pembersihan yang telah kita rancangkan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, sejauh manakah kemajuan pelan pembangunan yang dirangka untuk Kampung Baru, Chow Kit dan juga kawasan Masjid India telah terlaksana seketika ini khususnya tentang penyelesaian kesesakan jalan raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini terkeluar daripada soalan yang asal. Walau macam mana pun, saya akan menjawab sedikit sahajalah. Kita sedang merancang untuk memastikan bahawa apa yang telah kita sasarkan untuk capai dalam pembangunan khususnya dalam Program Urban Renewal yang telah kita lancarkan akan dilaksanakan. Ini termasuk kawasan-kawasan seperti apa Yang Berhormat telah sebutkan. *Insya-Allah* kita akan pastikan bahawa kawasan-kawasan Kampung Baru juga akan dibangunkan seperti apa yang kita kehendaki pembangunan-pembangunan di kawasan-kawasan lain. Sekian, terima kasih.

3. **Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berhubung Perjanjian "Railway Network Access Agreement" (RNAA) yang akan menjejaskan perkhidmatan pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Apakah jaminan pekerjaan kepada pekerja-pekerja KTMB sekiranya RNAA ditandatangani dan dilaksanakan.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. RNAA adalah satu perjanjian di antara Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan Perbadanan Aset Keretapi (Railway Asset Corporation). Perjanjian RNAA ini berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Berhubung dengan isu sama ada RNAA ini memberi kesan atau sebaliknya kepada pekerja KTMB, setakat ini pihak kementerian tidak menerima apa-apa aduan melibatkan penamatan pekerja di KTMB kesan daripada RNAA.

Sekiranya ia memberi kesan kepada pekerja, peruntukan undang-undang yang berkaitan mestilah dipatuhi. Mana-mana pekerja yang mendakwa majikan telah gagal mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada, mereka boleh membuat aduan mengenainya kepada pihak kementerian iaitu melalui jabatan-jabatan yang ada di bawah kementerian, Jabatan Perhubungan Perusahaan dan Jabatan Tenaga Kerja. Sekian, terima kasih.

■1020

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, pada 16 Mac 2013, Timbalan Menteri Pengangkutan bila menyentuh tentang pekerja-pekerja KTMB, dia ada berkata akan dipertimbangkan. Persoalannya ialah apakah implikasinya dan jaminan terhadap Persatuan Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad iaitu RUM setelah RNAA ini ditandatangani? Jaminan yang hendak— kerana kekhuatiran mereka itu nampak luar biasa takutnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab kepada soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Kuala Langat, harus diingatkan bahawa dua taklimat telah pun diadakan iaitu taklimat-taklimat khas, satu yang telah diadakan khas untuk Majlis Eksekutif Kesatuan Pekerja-pekerja KTMB dan keduanya yang telah diadakan pada 10 Januari, taklimat khas *Railway Network* kepada Kesatuan Pekerja KTMB.

Jadi menjawab kepada soalan yang telah diajukan, ia perlu dilihat dari pelbagai perspektif. Antaranya, sama ada selepas RNAA ditandatangani, syarikat sedia ada masih kekal, diambil alih sepenuhnya atau sebahagian oleh syarikat baru yang sama atau berbeza entiti dengan syarikat yang sedia ada. Oleh yang demikian, *Railway Union Malaya* (RUM) perlu merujuk semula soalan ini kepada kementerian setelah RNAA telah ditandatangani dan persoalan mengenai status syarikat yang akan menjalankan operasi telah diketahui.

Dalam pada ini, kita sedang melihat sama ada kesannya negatif terhadap para pekerja. Saya telah menyebut dalam jawapan saya sebentar tadi bahawa ini adalah di bidang kuasa *Ministry of Transport*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Oleh sebab tidak ada soalan tambahan kedua kepada Menteri, maka sesi MQT pada hari ini berakhir.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan statistik terkini jumlah penagih dadah serta tangkapan yang dilakukan semenjak tahun 2015 dan tahun 2016. Apakah langkah-langkah yang lebih efisien diambil oleh kementerian bagi membanteras penyalahgunaan dadah daripada berleluasa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, malangnya saya tidak ada pantun untuk dibalas.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan sistem maklumat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), statistik penagih dadah yang dikesan daripada tahun 2015 sehingga September 2016 adalah seperti berikut.

Tahun	Jumlah penagih dadah dikesan (orang)
2015	26,668
2016	30,846

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri semasa Majlis Perasmian Hari Antidadah Peringkat Kebangsaan di Lawas, Sarawak pada 28 Februari 2016 telah mengisytiharkan tahun 2016 sebagai tahun memerangi dadah secara habis-habisan.

Selaras dengan pengumuman tersebut, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan telah menggerakkan program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH). Matlamat utama adalah untuk membersihkan 178 kawasan berisiko di seluruh negara secara berperingkat dari segi penawaran dan juga permintaan dadah dengan memberikan fokus seperti berikut:

- (i) Pembersihan menyeluruh di 14 kawasan paling berisiko tinggi di setiap negeri yang telah dipilih sebagai *focal point* dan projek rintis bagi menilai keberkesanan strategi dan program PDH;
- (ii) pelaksanaan enam program dan sekurang-kurangnya 29 aktiviti utama di bawah PDH;
- (iii) tiga buah kawasan sasaran utama iaitu kawasan nelayan, penempatan tanah rancangan FELDA dan FELCRA dan juga Projek Perumahan Rakyat (PPR); dan
- (iv) meningkatkan kerjasama dan penglibatan pelbagai agensi pelaksana dan komuniti setempat dalam PDH sebagai perancang, penggerak dan pemilik hak atau *ownership*, dengan izin, dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan dadah.

Pendekatan dan strategi PDH adalah untuk menggerakkan agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti secara bersama untuk memerangi dadah bagi mengurangkan penawaran dan permintaan dadah.

Selain daripada itu, saya hendak maklumkan di sini bahawa Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 10 Mac 2017 telah bersetuju dengan Dasar Dadah Negara sebagai sumber rujukan dan panduan utama dalam usaha memerangi dadah bagi semua peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Dasar ini mempunyai lima teras utama iaitu teras pencegahan, teras rawatan dan pemulihan, teras penguatkuasaan, teras pengurangan kemudaratan dan teras kerjasama antarabangsa.

Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan akan merangka pelan strategik pelaksanaan Dasar Dadah Negara yang menyeluruh bagi memastikan pelaksanaan dasar ini adalah komprehensif untuk semua agensi yang terlibat sama ada kerajaan mahupun badan bukan kerajaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya secara peribadi, Tuan Yang di-Pertua, saya amat membenci dadah kerana saya secara peribadi melihat ramai kawan-kawan saya yang terlibat dalam dadah rosak kehidupannya. Di Kulim-Bandar Baharu juga, ini merupakan agenda utama kita. Saya berterima kasih kepada kerajaan yang sentiasa meletakkan perang dadah ini sebagai agenda utamanya.

Cuma hakikatnya ialah kalau kita tengok statistik Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi tadi pun, tahun 2015 seramai 26,000, tahun 2016 seramai 30,000 dan tahun 2016 kita mengisytiharkan perang dadah habis-habisan ini tetapi masih kita lihat angkanya itu masih lagi meningkat.

Saya cuma hendak bertanya kepada kerajaan, apakah kerajaan berani membuat perubahan pemikiran kita ini dengan konsep kita sekarang ini *zero tolerances* iaitu *no drugs* dalam kehidupan kita kepada *harm reduction* ataupun macam Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, pengurangan kemudaratan menjadi agenda utama? Kita menerima dadah ini sebagai penyakit, sebagai masalah kesihatan daripada masalah hanya dari segi undang-undang. Ini kerana kalau kita perang daripada segi undang-undang, kita lihat bahawa akan ada pelbagai penyalahgunaan ini. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi ke penjara hari ini, kita tahu di penjara tidak ada dadah, tidak ada rokok, tetapi ada istilah kepada *prisoner* itu 'kapal akan berlabuh', di mana bila kapal berlabuh ini, dia akan datanglah sama ada rokok ataupun dadah.

Jadi saya hendak ajak kementerian dalam usaha kita untuk membawa isu ini di United Nations pada tahun depan ataupun tahun 2019, banyak negara seperti Amerika Selatan, Amerika Syarikat dan Eropah sudah menerima hakikat bahawa melihat dadah sebagai penyakit dan menguruskan mengikut cara kesihatan.

Samalah juga rokok. Kita ada fatwa kebangsaan rokok itu haram tetapi berapa ramai ikut? Doktor cakap esok kalau tidak berhenti rokok mati, berhenti. Jadi saya hendak ajak

bolehkah kementerian bawa pemikiran ini supaya pengurusan itu dapat dilihat lebih baik? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Saya kalau boleh hendakkan maklumat mengenai kapal yang hendak berlabuh di penjara-penjara kita supaya tindakan untuk menghentikan kapal daripada berlabuh ini dapat dilaksanakan. *[Ketawa]*

Soalan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu itu memang menarik kerana di Malaysia kita mengamalkan dasar *zero tolerance*, maknanya kita perang dadah habis-habisan. Akan tetapi pada waktu yang sama juga, kita mengamalkan dasar *dual policy* iaitu jenayah dadah ini dilihat sebagai isu keselamatan dari segi penawaran dan juga penagihan dadah dilihat sebagai isu kesihatan iaitu di sebelah permintaan pula. Ini adalah kerana penagih dadah memerlukan rawatan dan pemulihan dan pertolongan untuk membantu mereka kembali semula mencapai keputihan.

■1030

Masalah sekarang yang kita hadapi adalah di dalam dunia, kebanyakan negara Barat sudah *give up*, dengan izin atau menyerah kalah dalam menangani isu dadah tersebut. Ini kerana seperti yang tadi Yang Berhormat Kulim-Bandar Baru ada sebut, walaupun kerajaan ada dasar yang keras tetapi jumlah penagih makin meningkat. Di negara Barat mereka mengambil jalan senang iaitu untuk *dicriminalize*, dengan izin, dadah yang dianggap kesannya lembut *soft drug* macam ganja dan sebagainya. Jadi dengan sekali gus, jumlah penagih yang terlibat dengan *soft drug* ini dikeluarkan daripada statistik penagihan dadah.

Itu salah satu perkara yang berlaku di dunia sekarang ini. Negara-negara Barat daripada Amerika Selatan dan Eropah sekarang ini mahu menguasai agenda ini di peringkat antarabangsa di mana mereka hendakkan dadah *soft drug* ini *dicriminalize*, tidak lagi dianggap sebagai satu jenayah. Bahayanya kalau kita ambil dasar ini secara menyeluruh adalah mengikut kajian yang dibuat oleh pakar-pakar, penagihan dadah ini perlu dicegah sama sekali. Ini kerana walaupun penagihan bermula dengan dadah yang mempunyai kesan lembut tetapi akhirnya penagih ini akan ketagih, ketagih, ketagih dan dia hendak dadah yang lebih kuat lagi efeknya sampai mereka puas. Akhirnya mereka akan pergi kepada dadah yang berat juga.

Jadi sebab itu kerajaan walaupun mengamalkan dasar *dual policy* ini iaitu ada- kita juga menerima konsep-konsep *harm reduction* tetapi kita tidak boleh lari daripada dasar asal kita iaitu *zero tolerance*. Tolak dadah sama sekali. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kepada soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya memang sokong apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu bahawa kesan dadah berleluasa bukan sahaja di luar kerajaan tetapi di dalam jabatan kerajaan juga. Seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu memang benar ada kapal-kapal. Ini adalah daripada pengalaman peribadi saya

mungkin kita boleh kongsi pengalaman ini nanti tetapi yang saya hendak tujukan soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan perihal penyalahgunaan dadah ada berlainan kepada mereka yang mengedar dadah.

Untuk mereka yang menjadi penagih dadah, mereka hanya boleh ditahan di kawasan-kawasan yang ditetapkan khas oleh undang-undang. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, ialah ruang untuk menangkap atau menahan penagih-penagih dadah adalah amat berkurangan sekali. Contohnya dekat Pulau Pinang, kita ada kira-kira hampir 10,000 penagih dadah dan sekiranya sebilangan kecil ditahan, tak cukup tempat. Dia sebab kita telah minta banyak kali untuk AADK untuk menubuhkan itu tempat khas menahan penagih dadah yang diwartakan secara sah dan sah di bawah undang-undang. Tetapi semua pun telah dijanjikan banyak kali termasuk oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat merangkap Menteri Dalam Negeri tetapi sehingga sekarang masih belum ditempatkan.

Mengikut perancangan awal, pusat tahanan untuk penagih dadah ditempatkan di sebelah penjara dekat simpang empat di kawasan SPS Seberang Prai Selatan di Pulau Pinang kerana ada banyak tempat dan ruang yang besar. Tetapi sehingga sekarang tidak ada perkembangan. Saya harap bahawa pihak kerajaan boleh mendirikan bangunan tersebut kerana masalahnya pewartaan supaya kita dapat mengurangkan bilangan penagih dadah ini. Kerana sekarang Tuan Yang di-Pertua sekiranya kita tahan penagih dadah kita kena lepaskannya. Tak boleh dilepaskan. Tak boleh ditahan dalam lokap-lokap. [*Dewan riuh*] Ini akan dengan sendirinya menggalakkan mereka terus buat salah. Saya rasa itu isu penting, itu isu nasional. Kita harus bersatu, bersama-sama untuk menangani isu ini.

Saya harap pihak kerajaan boleh membina tempat sedemikian supaya kita dapat bersama-sama memerangi gejala dadah ini. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Apa yang dikatakan Yang Berhormat Bagan memang benar iaitu kita perlu mengambil tindakan yang tegas. Tetapi pada waktu yang sama kalau kita ambil tindakan yang tegas, tak cukup pula tempat tahanan yang ada untuk menahan mereka yang diambil tindakan tegas. Jadi baru-baru ini, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil keputusan untuk memecahkan tanggungjawab. Dulu polis jaga permintaan dan penawaran, dua-dua sekali. AADK hanya menjadi agensi sokongan. Sekarang ini polis diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan hal penawaran sahaja.

Maknanya *supply*. Hal isu sindiket, pengedaran dadah dan sebagainya polis jaga secara sepenuhnya. Hal-hal permintaan diletakkan kuasanya di bawah AADK sekarang ini. Jadi AADK jaga hal penagih dan sebagainya. AADK akan diberikan peruntukan, akan diberikan kemudahan terutama dari segi tempat tahanan yang diperlukan untuk AADK menguatkuasakan hal-hal penagih dadah ini. Saya hendak maklumkan di sini bahawa AADK sekarang dalam proses untuk mewartakan mana-mana tempat tahanan yang dimiliki oleh AADK supaya ia akan dapat dijadikan pusat tahanan yang rasmi bagi AADK.

Satu lagi isu saya rasa Yang Berhormat yang perlu kita tangani adalah dari segi masalah penangkapan penagih itu sendiri. Undang-undang kita masih lagi belum cukup untuk menahan penagih yang belum lagi buat kesalahan. Tetapi kalau mereka belum lagi buat kesalahan, bagaimana kita hendak tangkap dia? Jadi salah satu cara yang kita boleh buat adalah untuk Kementerian Dalam Negeri sekarang ini sedang mengkaji kemungkinan kalau boleh Akta Kelakuan Antisozial diperkenalkan dengan tujuan untuk mengenal pasti mereka-mereka yang melakukan atau bersikap secara antisozial.

Maknanya kalau mereka berlegar tengah malam, kadang-kadang mereka terlibat di dalam aktiviti dadah, jenayah dan sebagainya. Polis ada kuasa untuk menangkap mereka. Jadi ini merupakan satu langkah proaktif yang kita boleh ambil untuk memastikan bahawa penagih dadah tidak lagi berkeliaran di kawasan awam pada waktu-waktu yang tidak dibenarkan atau yang dianggap boleh membawa kepada perkara-perkara jenayah. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bercerita pasal dadah, kita nampak kita hanya mementingkan penagih. Tetapi kita tidak ada nampak kerajaan mementingkan untuk menangkap pengedar-pengedar. Saya percaya keadaan dadah ini sudah sampai ke kampung-kampung, di kawasan luar bandar. Di Kalabakan, di kampung Kalabakan sudah ada dadah. Kenapa kerajaan tidak boleh mengenal pasti pengedar dia?

Jadi saya minta supaya kerajaan mementingkan pengedar dari penagih kerana kalau tidak ada pengedar, tidak ada penagih. Ini kerana tidak ada pembekal, pengedar juga, tidak ada penagih. Jadi kita minta supaya kerajaan menumpukan lebih kepada pengedar yang ada, pembekal yang ada kerana kalau tidak, dadah ini dari tahun ke setahun dia semakin hari semakin meningkat. Jadi soalan saya, adakah kerajaan serius mementingkan bahawa dadah ini akan menjahanamkan rakyat kita bukan dalam bandar sahaja bahkan di luar bandar? Dan adakah kerajaan serius untuk memastikan bahawa pengedar, pembekal ini kita pastikan mereka ini semua ditangkap untuk dibawa ke pengadilan?

Ini kerana kita tidak mahu cakap-cakap luar bahawa pengedar tidak diambil tindakan, hanya penagih sahaja. Jadi kalau soal begini, lambat laun, tiap-tiap tahun berpuluh-puluh ribu bertambah untuk mereka yang menagih tetapi kita tidak dapat tahu, kita tidak dapat tangkap pengedar atau pembekal yang menjahanamkan kita. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jawapan dia pendek sahaja. Serius.

■1040

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Memang kerajaan serius untuk membasmi dadah ini. Saya sebutkan tadi, isu dadah ini dianggap sebagai satu isu keselamatan dan ia melibatkan pihak polis dalam menguatkuasakannya. Pihak polis pula dengan sumber yang berkurangan, dulu ia kena jaga hal penagih dengan juga hal pengedar. Sekarang ini apabila kerajaan sudah buat keputusan, polis jaga hal pengedaran

sahaja. Jadi, dengan tindakan proaktif seperti ini diharap bahawa polis akan menumpukan sumber mereka yang terhad dan juga segala usaha mereka kepada membanteras penawaran dadah (*supply of drugs*).

Dilaporkan di dalam media juga bahawa polis telah mendapat kejayaan dengan menumpaskan sindiket, dengan membuat rampasan dengan nilai yang besar dan sebagainya. Jadi, usaha ini perlu diteruskan. Satu lagi usaha yang akan dibuat oleh kerajaan adalah untuk memastikan bahawa semua agensi kerajaan yang terlibat di dalam pengawalan sempadan akan disatukan di bawah kepimpinan AKSEM. Akta AKSEM ini saya telah sebut semalam, sudah menunggu masa sahaja, bila-bila untuk dibentangkan di dalam Parlimen. Apabila Parlimen bersetuju dengan sokongan daripada rakan-rakan, kita akan dapat menyepadukan semua agensi penguatkuasaan di kawasan sempadan supaya mereka membuat aktiviti yang lebih berkesan untuk menghalang, terutamanya penyeludupan dadah daripada masuk ke dalam negara kita. Terima kasih.

2. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan hubungan Malaysia-India dalam mempromosikan pelancongan dan kebudayaan masing-masing. Nyatakan jumlah pelancong dari India yang datang mengunjungi Malaysia dan jumlah pelancong Malaysia yang melawat India bagi tempoh 5 tahun yang lalu.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, India adalah merupakan salah satu pasaran utama sektor pelancongan negara. Pada tahun 2016, bilangan pelancong India ke Malaysia adalah sebanyak 638,578 orang iaitu pengurangan sebanyak 11.6 peratus berbanding dengan tahun 2015. Jumlah ketibaan pelancong India bagi tempoh lima tahun ke belakang seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut. Pada tahun 2012 - 691,271 ianya berkurangan 0.3 peratus jika dibandingkan dengan tahun 2011. Tahun 2013 - 650,989 lagi negatif atau *minus* 5.8 peratus. Tahun 2014, Tahun Melawat Malaysia pada ketika itu, melonjak kepada 770,108 iaitu kenaikan sebanyak 18.3 peratus jika dibandingkan dengan tahun 2013. Tahun 2015, jatuh sedikit iaitu sebanyak 6.2% kepada 722,141. Pada tahun 2016, jatuh lagi sebanyak 11.6 peratus dan jumlah yang hadir dan datang 638,578.

Menurut *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO), bilangan pelancong Malaysia ke India adalah seperti berikut. Pada tahun 2012 - 198,583 iaitu jatuh sebanyak 4.6 peratus dibandingkan dengan tahun 2011. Pada tahun 2013 - 242,649 ia naik 22.2 peratus. Tahun 2014 - 262,026 naik 8 peratus. Pada tahun 2015 - 272,941 naik 0.42 peratus. Jadi, bilangan orang-orang Malaysia melawat ke India, tahun demi tahun meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kedatangan pelancong India ke negara kita melalui usaha pemasaran dan promosi serta kerjasama pintar dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan dan badan-badan korporat.

Daripada segi hubungan dua hala, memorandum persefahaman kerjasama pelancongan antara Malaysia dengan India yang berakhir pada 27 Oktober 2010 telah

diperbaharui dan akan tamat pada 26 Oktober 2020. Dalam bidang kebudayaan pula, Kerajaan Malaysia juga telah mengambil langkah-langkah pragmatik, termasuk menandatangani perjanjian Program Pertukaran Kebudayaan, dengan izin, *Cultural Exchange Program* yang akan tamat pada tahun 2020. Tujuan *Cultural Exchange Program* adalah bagi mewujudkan kolaborasi dan kerjasama dalam pertukaran kebudayaan Malaysia - India. Ini termasuklah penggambaran filem seperti filem Cavalli pada penghujung tahun 2015 serta penganjuran pelbagai program dan projek kebudayaan seperti Festival of India, Surajkund International Crafts Mela dan Vaisakhi.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai langkah bagi menggalakkan kedatangan pelancong India ke negara kita, pada 15 April 2016 Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan eVisa kepada warganegara India bagi lawatan singkat ke Malaysia iaitu tidak melebihi 30 hari. Ia boleh diperolehi dalam tempoh masa 24 jam. Untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala, kerajaan akan memperkenalkan pengecualian visa atau eEntry bermula 1 April 2017 sehingga 31 Mac 2018. Untuk lawatan jangka pendek yang tidak melebihi 15 hari ke Malaysia dengan yuran pemprosesan sebanyak USD20. Visa ini boleh diperolehi dalam masa 48 jam.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan Menteri, difahamkan tidak ramai pelancong-pelancong dari negara India yang melawat negara kita setiap tahun. Kita harus mengakui bahawa kita masih belum mencapai potensi tertinggi untuk menarik pelancong-pelancong daripada negara India melawat negara kita. Jumlah penduduk India lebih daripada 1.33 bilion iaitu 17.86 peratus daripada populasi dunia. Rakyat India yang melancong ke negara lain juga meningkat lebih kurang 15 peratus hingga 20 peratus setiap tahun. Jumlah pelancong yang keluar melawat negara-negara lain daripada India dijangka 50 juta menjelang tahun 2020.

India juga menjadi satu kuasa ekonomi yang besar di rantau ini. Rata-rata golongan yang berpendapatan tinggi atau kaya raya semakin bertambah di negara India. Jadi, kita nampak mempunyai potensi yang tinggi di negara India. Kita harus mempunyai satu strategi tertentu untuk menarik golongan sasaran ini. Saya percaya Kementerian Pelancongan Kebudayaan di bawah Yang Berhormat Menteri akan berjaya melakukannya. Saya ingin tahu apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kementerian untuk menarik golongan ini melawat negara kita kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain seperti China dan sebagainya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang betul seperti mana Yang Berhormat Batu Gajah sebut iaitu India merupakan sebuah negara yang mempunyai potensi yang besar untuk ditarik perhatian mereka untuk melawat ke Malaysia dan sememang itu yang kita lakukan. Kita tahu bahawa dia punya *growth* ialah 7 peratus dan meningkat pada tiap-tiap tahun. Dengan jumlah 1.33 bilion, kalau sekalipun 1 peratus daripada penduduk itu dianggap sebagai bilionair, bermakna ada 13 juta orang yang benar-benar kaya di India. Memang ia meningkat pada tiap-tiap tahun yang keluar melancong dan sememangnya mereka memang suka melawat Malaysia kerana ada perhubungan talian daripada segi

hubungan persaudaraan di antara rakyat Malaysia yang berketurunan India dengan orang-orang yang datang daripada wilayah-wilayah tertentu.

■1050

Yang Berhormat, cabaran kita ialah pertama sekali semua kita tahu bahawa Malaysia Airlines tidak begitu agresif untuk hendak terbang ke tempat-tempat yang tertentu. Malah ada tempat yang dia pernah terbang dahulu dan dia telah pun tutup. Hari ini kalau kita tengok di Eropah cuma hanya di London. Ini satu cabaran yang cukup besar bagi saya selaku Menteri untuk mempromosi pelancongan. Ini kerana soalan pertama sekali yang akan ditanya ialah bagaimanakah kami hendak ke Malaysia? Berbeza saya dengan Menteri Pelancongan Thailand di mana Thai International terbang merata-rata di seluruh dunia.

Jadi, kalau di India ini saya difahamkan iaitu bahawa jumlah penerbangan MAS ke sana ialah hanya pergi ke Delhi, Chennai dan juga Mumbai. Itu pun terhad. Saya tidak tahu berapa. Sama ada *double daily* ataupun *daily* kah ataupun mungkin kurang daripada tujuh seminggu. Itu saya tidak tahu. Jadi, masalah ini ialah masalah yang menjadi cabaran yang besar kepada saya.

Kedua, penerbangan syarikat penerbangan India. Mereka tidak *take up*, dia tidak *take up*. Apabila kita *offer* syarikat penerbangan India untuk datang ke Malaysia. Hari ini kita sudah tahu iaitu bahawa Air India sudah tidak lagi terbang ke sini. Sudah menghentikan perkhidmatan dia. Jadi, ini cabaran yang besar juga kepada saya. Ini kerana apabila syarikat India, penerbangan India tidak datang. Masalah kepada saya dan mereka tidak *take up* slot yang telah diberi kepada mereka. Apabila kita minta supaya kita menggunakan slot itu mereka tidak benarkan.

Jadi, masalah daripada kerajaan sebelah India pun wujud. Jadi, inilah cabaran-cabaran yang saya hadapi untuk membawa lebih ramai pelancong India ke Malaysia. Thailand sebanyak 1.2 *million* kalau tidak silap saya yang pelancong-pelancong India ke sana. Kerana apa? Ini kerana banyak penerbangan daripada India pergi ke sana dan juga Thai International terbang di banyak-banyak tempat. Cabaran saya ketiga ialah banyak negara-negara alternatif seperti Vietnam, Cambodia yang mempunyai tarikan menarik. Mereka memberikan kemudahan.

Sebagai contoh, Vietnam. Dia membenarkan *tourists* daripada India untuk pergi ke Vietnam, saya difahamkan tanpa visa. Jadi, persaingan daripada negara-negara ASEAN yang merupakan alternatif kepada Malaysia. Itu memang kuat dan kita terpaksa bersaing dengan mereka daripada segi memberikan melonggarkan kemudahan visa di mana yang kita boleh.

Jadi, inilah cabaran dan kita cuba mengatasinya sebagai contoh kalau kita hendak mengatasi penerbangan. Saya bekerjasama dengan AirAsia, Malindo dan juga Singapore Airlines. Supaya mereka boleh terbang ke Malaysia melalui Singapura pun. Ini kerana Singapura tidak ada domestik *route* dan kita benarkan domestik *route* kita ini digunakan oleh syarikat penerbangan Singapura.

Jadi, sebagai kata hendak menarik dengan melonggarkan kemudahan visa seperti saya sebut sebentar tadi kita telah pun akan memperkenalkan 1 April nanti kemudahan *entry*. Di

mana seorang itu dia boleh memohon e-visa daripada rumah dia tanpa perlu pergi ke pihak ketiga untuk mendapatkannya. Dia cuma bayar USD20 sahaja. Kemudian dalam masa 48 jam, akan diberikan visa dan dia boleh melawat selamat 15 hari. Inilah yang kita lakukan untuk mengatasi masalah dan cabaran apabila kita hendak menarik perhatian warga India untuk datang melawat ke negara kita.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya. Apakah kementerian mampu untuk memenuhi cita rasa pelancong-pelancong yang berbeza tentang produk pelancongan Malaysia. Misalnya orang India, daripada India. Sudah pasti dianya berminat kepada sesuatu yang berbeza. Orang Cina daripada China, Arab dan Eropah. Jadi, bagaimanakah kerajaan boleh mengatasi untuk memenuhi cita rasa pelancong yang berbagai-bagai kaum atau berbagai-bagai kumpulan antara benua ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, kita mampu disabitkan oleh sebab rakyat Malaysia itu sendiri yang berbilang agama, berbilang kaum dan berbilang budaya. Akan tetapi, **Malaysia, Truly Asia**. Sebagai contoh, bagi orang Arab. Kalau kita semua faham itu bahawa di negeri Arab itu kering kontang dan kalau bulan puasa mereka akan menghadapi keterikan matahari, cahaya matahari yang begitu kuat. Bagi mereka kita ada **Islamic tourism** dan kita juga ada **mosque trail** iaitu *trail* untuk lawatan ke masjid-masjid ke negara kita.

Kita juga pada bulan puasa mengadakan apa yang dikatakan berpuasa di Malaysia dengan kita mengadakan menjemput imam-imam daripada Arab Saudi untuk menjadi imam di masjid-masjid yang tertentu seperti di KLCC dan ini telah menarik perhatian orang Arab kepada negara kita. Dengan makanan halalnya dan begitu. Jadi, mereka datang ke Malaysia semata-mata untuk hendak berpuasa pada bulan Ramadhan dan mereka duduk lama. Kadangkala pun bila datang Aidilfitri, mereka tidak balik pun. Malah, menyambut hari raya di sini dengan melawat rumah-rumah Perdana Menteri dan lain-lain lagi. Itu sedikit berkenaan pelancong Arab.

Pelancong India, kita banyak program sebagai contoh kita ada Thaipusam. Sebenarnya ini sudah menjadi tarikan satu dunia. Thaipusam ini dia bukan sahaja berlaku di Batu Caves tetapi dia berlaku daripada di Pulau Pinang, Ipoh, Batu Caves dan juga di Johor. Ini sudah terkenal. Sudah terkenal di seluruh dunia bukan sahaja daripada masyarakat yang beragama Hindu tetapi juga yang beragama lain. Di antara mereka yang telah bernazar untuk membuat sesuatu dan telah capai maka dia hendak bayar untuk menyatakan terima kasih kepada Tuhan. Jadi, dia datang ramai.

Jadi, diversiti ini menyebabkan banyak orang-orang India datang. Kita ada **wedding** punya *reception* dan **wedding tourism** yang banyak menarik. Orang India yang kaya ini, dia suka kalau dia **celebrate** perkahwinan, dia akan bawa dia punya chef sekali. Satu kapal terbang datang dan tinggal di sini selama seminggu dan dia memang begitu. Jadi, dan juga kita hendak **create Indian trail**. Itulah sebabnya saya pergi ke Kampar baru-baru ini kerana hendak

melihat satu kawasan yang bersejarah. Di mana askar Jatt Punjabi bersama dengan askar-askar **British** telah mempertahankan negara kita dengan menghalang kedatangan Jepun.

Mereka telah terkorban lebih daripada 200 hingga 300 orang dan adapun sebenarnya permintaan daripada kerajaan India untuk menjadikan tempat itu sebagai memorial kepada tentera-tentera ini dan kita akan buat. Ini kerana bagus untuk *tourism* kerana dia punya cucu dia, cicit dia akan datang dan melihat sendiri di mana terkorbannya dia punya nenek moyang. Jadi, ini yang kita buat dan kepada masyarakat negara China pula. Macam-macam. Makanan kita, China Town dan mereka tertarik juga macam orang India. Bila dia melawat Malaysia, dia beritahu pada saya, dia kata "*Kami suka datang Malaysia kerana orang Malaysia cakap Cina, Mandarin*".

■1100

Bukan hanya setakat cakap Cina, dia kata dialek pun cakap. Hokkien, Kantonis, Hok Ciu, macam-macam. Begitu juga orang India datang bukan sahaja orang cakap Hindi tetapi Tamil ada, Telugu ada, Malayalam ada, jadi dia suka sebab kita *Malaysia, Truly Asia*. Jadi pertanyaan daripada Yang Berhormat Pendang jawapannya ya. Malaysia mampu untuk menarik perhatian berbagai-bagai kaum daripada pelbagai negara untuk datang ke Malaysia dan *enjoy* apa yang kita sediakan.

Akan tetapi yang penting sekali ialah rakyat Malaysia yang ada dia punya hospitaliti dia *first class*. Boleh cakap Inggeris, kemudian rakyat Malaysia ini dia bangga. Kalau ada orang kata, "*I love your country*", kita cukup bangga. Jadi yang pertama sekali yang boleh menarik perhatian warga pelancong dunia ke negara kita ialah rakyat Malaysia itu sendiri yang cukup *hospitable*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini betul-betul hebat, hero. Ini minggu depan hendak berdebat dengan bekas bos dia. Kita harap ini juga menjadi satu produk pelancongan baru, *debate tourism*. RTM tidak berani buat, saya ingat panggil TV India *mai* buat rakaman untuk tarik pelancong India datang ke Malaysia. Oleh sebab Menteri-menteri lain tidak berani. Ini salah satu Menteri-menteri yang berani ini, hah. Ini saya *salute*. Ada Menteri lain bila dengar Tun Dr. Mahathir *mai nothing to hide*, lari terus.

Baik, soalan Tuan Yang di-Pertua. Tadi disebut pelancong Malaysia ke India meningkat, pelancong India ke Malaysia ini menurun. Cuma berlaku pertambahan kenaikan pada tahun 2014 kalau tidak silap saya iaitu ada Tahun Melawat Malaysia. Jadi saya melihat bahawa ini seolah-olahnya bila ada waktu kempen, datang. Akan tetapi bila selepas kempen, habis. Seolah-olah kempen itu keberkesanan kempen.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sejauh mana keberkesanan kempen itu melekat dalam masyarakat di luar sana khususnya di India dalam konteks ini supaya mereka sentiasa rasa hendak datang lagi maknanya ada sesuatu yang mereka rasa *special* di

Malaysia. Oleh sebab saya merasakan bahawa seolah-olahnya selepas itu menurun maknanya kempen itu tidak melekat kepada masyarakat India.

Jadi soal MAS ini saya ingat lupa, buanglah, MAS ini sudah jadi makin teruklah. Jadi jangan *dok* bergantung kepada MAS, bergantunglah juga kepada syarikat-syarikat penerbangan yang lain. Bukan saya tidak sayang MAS Tuan Yang di-Pertua tetapi kerajaan sendiri, Khazanah sendiri pun tidak nampak kesungguhan mereka untuk menyelamatkan MAS sehingga terpaksa bawa daripada orang luar. Bawa orang luar pun pelancong tidak bertambah. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya harap rakan-rakan lain tidak usah berkecil hatilah sebab dia puji saya itu. Dia SMS dekat saya hendak minta nasi Arab pada hari ini. Saya memang bagi nasi Arab kepada semua. Jadi semua dijemput pada tengah hari makan nasi Arab. Semua dijemput untuk datang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Nasi Arab nasi mamak Penang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, Yang Berhormat selain daripada perkara yang saya sebut sebentar tadi, ada satu perkara yang mungkin juga menyebabkan orang-orang India tidak datang ke negara kita iaitu pada tahun 2016, pada bulan April apabila kita memperkenalkan eVisa ini, syarikat yang mengendalikan eVisa ini telah pun mengenakan 4,000 Rupees lebih kerana dia menguruskan. Sebelum ini Kerajaan India ambil 600 Rupee, Kerajaan Malaysia kutip 1,000 Rupee visa, jadi 1,600 Rupee.

Jadi selama hari ini mereka hanya membayar 1,600 Rupee, 1,600 Rupee, 1,600 Rupee. Akan tetapi apabila kita memperkenalkan eVisa ini, syarikat yang mengendalikan itu dia telah mengenakan sebanyak 4,000 Rupee lagi. Sejumlah 4,000 Rupee ini tambah dengan 1,600 Rupee yang ada, bayangkan setiap orang India yang hendak datang ke negara kita memang dia minat datang negara kita, sebelum pun dia melawat ke Malaysia, dia sudah kena 5,600 Rupee setiap orang. Walhal kalau kita tengok Thailand, Indonesia pengecualian visa, tidak payah bayar senang hendak pergi, Vietnam pun sama, Thailand pun.

Jadi dalam masa negara-negara jiran ASEAN memudahkan dan mengurangkan beban untuk membayar, mendapatkan visa kita menaik. Kalau saya pun jadi warga India lebih baik saya pergi negara lain, apa yang sangat *special* Malaysia ini saya terpaksa bayar 5,600 Rupee walhal negara lain bagi saya senang masuk. Jadi itulah sebab jatuh teruk sekali pada tahun 2016 kerana warga India merasakan bahawa mereka tidak mendapat a *good deal*. Oleh sebab mereka ada alternatif yang lain, dia pergilah.

Jadi ini yang saya cuba perbetulkan. Saya meminta kepada Kementerian Dalam Negeri supaya dipermudahkan. *Alhamdulillah* Timbalan Perdana Menteri menyedari perkara ini dan itulah yang kita hendak memperkenalkan pada 1 April ini, setiap warga India yang datang ke negara kita dia cuma perlu bayar USD 20 sahaja, jauh bezanya dengan 5,600 yang dia terpaksa bayar pada tahun lepas. Dia akan dapat dalam masa 48 jam dapat visa bayar 20 USD, tidak perlu guna *third party* dan dia boleh duduk 15 hari.

Jadi kita harap kerana ini kita juga beri kemudahan yang sama kepada warga negara China. Jadi dia kata kalau Malaysia tidak rasa tidak mahu kami, tidak apalah kami pergi tempat

lain. Itu yang telah berlaku. Thailand dapat RM1.2 *million*, RM1.3 *million* kita cuma RM600,000. Jadi sebab itu saya harap dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melawat India pada 1 April. Ini bukan *April Fool* ya, memang betul. Pada 1st April melawat ke sana. Saya punya pengumuman ini pun 1st April ini bukan *April Fool*, memang betul. Memang kemudahan diberi dengan Perdana Menteri melawat dan saya akan menjadi ahli rombongan bersama, kita harap supaya warga India akan menerima baik keinginan negara Malaysia untuk menerima mereka sebagai pelancong ke negara kita.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Latihan debat yang ini luluslah.

3. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah dana tersedia Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) bagi tahun 2017 dan berapakah jumlah semasa penerima manfaat di bawah tabung ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan kepada murid miskin tegar dan miskin melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ataupun dikenali sebagai KWAPM yang membantu murid miskin tegar dan miskin untuk meneruskan persekolahan mereka.

Bagi tahun 2017 seperti yang dipohon Yang Berhormat Sungai Besar, peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan ialah sebanyak RM100 juta dan anggaran penerima bagi tahun 2017 adalah seramai 1,061,381 orang murid. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Bagi pihak rakyat marhaen miskin ini, kita ucapkan jutaan terima kasih di atas inisiatif yang diberikan. Cuma kita hendak bertanya seterusnya langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan sumbangan ini berterusan dan juga konsisten kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini juga. Kemudian, bagaimanakah mekanisme terhadap sumbangan yang diberikan daripada tabung ini supaya ada pemantauan sumbangan yang diberikan ini tidak digunakan untuk perkara-perkara lain.

■1110

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Dua soalan. Tuan Yang di-Pertua, pemantauan atau mekanisme pemantauan ini memang kita sudah ada. Dari segi mengenal pasti penerima-penerima ini, kita menggunakan tiga jenis maklumat. Tiga jenis data yang diperlukan sebelum kita memastikan penerima itu layak menerima dan ini merupakan proses pemantauan yang dilakukan.

Data pertama yang kita mengambil ialah data yang dikeluarkan oleh eKasih. Data eKasih ini akan dihalusi oleh pihak ICU dan juga Jabatan Perdana Menteri.

Kedua pula, data kepada anak-anak murid Orang Asli ini yang dihantar, dipantau dan diambil daripada aplikasi Pangkalan Data Murid yang ada di bawah simpanan Bahagian Pengurusan Sekolah. Harian ini akan dikenal pasti dan dihantar ke Jabatan Kemajuan Hal

Ehwal Orang Asli supaya dapat kita mengenal pasti pelajar-pelajar daripada golongan berikut menerima.

Ketiga, kita menggunakan data yang sedia ada yang mana permohonan ini dibuat melalui Jawatankuasa Pengurusan Bantuan di peringkat sekolah. Jawatankuasa pemantauan peringkat sekolah ini, kita ada pengerusinya ialah guru besar ataupun pengetua. Yang mana dalam jawatankuasa ini juga, guru besar, pengetua serta penolong kanan hal ehwal murid dan dua orang wakil daripada PIBG juga akan menduduki jawatankuasa ini untuk memastikan pelajar-pelajar yang layak menerima bantuan ini dan pemantauan ini juga dilakukan dari ke arah itu. Itu untuk soalan yang kedua, Yang Berhormat.

Bagi langkah pertama yang diambil oleh kementerian untuk memastikan sumbangan-sumbangan ini berterusan, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah membuat promosi melalui media elektronik dan media cetak. Klip video ini biasanya dipakai guna dan ditayangkan dalam masa waktu perdana di televisyen dan juga radio Malaysia. Kita juga mewujudkan program-program seperti program penerangan, temu bual melalui slot program di televisyen dan memperluaskan promosi kepada syarikat swasta untuk menyumbang kepada tabung KWAPM.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga telah mewujudkan ruang dan peluang untuk orang ramai memberi bantuan. Untuk makluman Yang Berhormat, borang ini boleh saya berikan kepada Yang Berhormat juga dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin memberi bantuan kepada tabung ini. Setakat ini, contoh tahun lalu, Tuan Yang di-Pertua, kita ada seramai 10,106 kakitangan awam yang telah memberi sumbangan kepada tabung ini. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan awam dan individu-individu yang sudi memberikan sumbangan. Saya sendiri sebentar tadi telah pun meminta supaya sumbangan bulanan ini dilakukan bagi pihak diri saya sendiri. Saya harap dengan bantuan ini, kita dapat melaksanakan banyak lagi program-program bantuan kepada ini.

Untuk makluman, syarikat-syarikat swasta di sana yang ingin melakukan kerja-kerja tanggungjawab sosial mereka juga, sumbangan wang ini juga dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pelajar-pelajar miskin bandar terutama di Kuala Lumpur ini mendapat manfaat tabung ini? Jika ada, berapa ramai dan jumlah wang yang dibelanjakan? Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Seperti mana yang saya katakan sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita memberi bantuan ini tidak kira sama ada pelajar itu di bandar atau luar bandar. Tidak mengira agama, latar belakang sosial dan sebagainya. Bagi kita, kita telah tetapkan paras garis kemiskinan nasional tahun 2014. Berdasarkan kepada paras itulah bantuan ini kita berikan. Maklumat terperinci yang dimohon oleh Yang Berhormat tidak ada pada masa sekarang. Saya akan

berikan ini secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

4. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sebenar buruh kanak-kanak dalam negara ini setakat bulan Februari 2016 dan senarai-senarai majikan yang "employ" buruh kanak-kanak; dan
- (b) adakah negara ini menjadikan satu kesalahan jenayah ke atas para majikan yang "employ" buruh kanak-kanak dan jika ya, berikan butiran lengkap senarai para majikan yang telah didakwa.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Dengar pantun itu pun saya tahu. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia menjalankan penguatkuasaan melalui aktiviti pemeriksaan berkanun atau PB ke tempat-tempat pekerjaan secara berkala bagi memastikan pematuhan standard dan kepentingan hak pekerja terpelihara serta dilindungi termasuk isu penggajian kanak-kanak yang dikuatkuasakan melalui Akta Kanak-kanak dan Orang Muda Penggajian 1966 (Akta 350).

Aktiviti pemeriksaan berkanun ke tempat pekerjaan dijalankan adalah selaras dengan keperluan *Labour Inspection Convention* 1947 (No. 81) yang telah diratifikasikan oleh Malaysia dan merupakan juga sebagai *key performance indicator* kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod jabatan, pada tahun 2015 sebanyak 31,202 tempat pekerjaan telah dijalankan pemeriksaan berkanun. Manakala pada tahun 2016, sebanyak 39,480 tempat pekerjaan telah diperiksa. Berdasarkan laporan pemeriksaan berkanun sehingga Februari 2017, tiada pengesanan majikan yang menggaji buruh kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya mana-mana orang termasuk ibu bapa atau penjaga atau orang lain yang mengambil pekerja kanak-kanak dan tidak mematuhi peruntukan akta 350, ini adalah melakukan satu kesalahan dan tindakan pendakwaan boleh diambil. Merujuk kepada Ordinan Buruh Sabah Bab 67 dan Ordinan Buruh Sarawak Bab 76, peruntukan khusus berkaitan menyatakan tentang apa-apa yang dibenarkan melibatkan pekerjaan penggajian kanak-kanak. Pelanggaran mana-mana peruntukan dalam bab-bab ini membolehkan pendakwaan diambil yang mana kalau disabitkan kesalahan, denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mana-mana majikan yang memperdagangkan kanak-kanak bagi maksud eksploitasi adalah melakukan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Mana-mana majikan yang didapati mengeksploitasi kanak-kanak, melakukan kesalahan, tindakan pendakwaan boleh didakwa. Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod JTK, tiada kes tindakan pendakwaan berhubung penggajian kanak-kanak yang telah dijalankan oleh kerana tiada pengesanan yang didapati melalui pemeriksaan berkanun atau aduan yang diterima.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri untuk jawapan itu. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kita tahu bahawa- saya hendak *quote* laporan daripada NST 19 April 2016. Salah seorang kakitangan daripada kementerian, kalau tidak silap saya, namanya K.Kesavan menyatakan bahawa sekiranya Malaysia menandatangani TPPA, pada tahun 2017 ini, akan ada satunya pindaan ke atas satu *review* dan juga pindaan ke atas lebih kurang sembilan undang-undang berkaitan dengan buruh ini. Di mana kata pegawai tersebut, dia melalui dua strategi antaranya pindaan dibuat untuk supaya lebih dengan izin, *in line with ILO Declaration* yang berkaitan, dengan izin *abolition of child labour*.

■1120

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, apabila kita tahu TPPA ini mungkin akan dibatalkan, tidak diteruskan, adakah kerajaan komited untuk terus membuat pindaan-pindaan ke atas undang-undang dan menghapuskan sama sekali *child labor* ini? Oleh sebab kalau kita tengok dalam Akta– *Child and Young Person Act 1966* itu, Akta 350 itu ia bukan kata *abolish*, masih boleh lagi. Cuma dalam sektor-sektor tertentu sahaja. Jadi kalau Malaysia sudah kata akan hapuskan, adakah Malaysia akan teruskan dengan tindakan itu? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, tentang TPPA. Sehingga kini kita belum tahu sama ada TPPA itu akan diteruskan atau tidak. Akan tetapi itulah saya telah sebutkan bahawa sehingga kini kita tidak tahu sama ada TPPA itu akan diteruskan atau tidak.

Akan tetapi menjawab kepada soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat dari Sepang, kementerian sememangnya mengadakan perbincangan atau bersedia untuk Akta Kanak-kanak Orang Muda atau Akta Kanak-kanak itu selaras dengan *Convention ILO* nombor 138 dan 182. Jadi ingin saya menjelaskan di sini Yang Berhormat dari Sepang dan Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam perkara ini kerajaan atau melalui Kementerian Sumber Manusia telah meratifikasikan iaitu *Minimum Age Convention 1978* seperti yang saya telah sebutkan tadi dan Konvensyen 182 iaitu yang berbunyi, "*Worst forms of child labor convention*".

Jadi berbalik kepada soalan yang telah diajukan oleh kerana setakat ini kita tidak tahu sama ada TPPA akan diteruskan atau tidak walaupun kita telah mengadakan kajian holistik iaitu dengan meminda akta-akta yang sedia ada di bawah kementerian kita khususnya mengenai bab *labor*. Oleh yang demikian, maka soalan itu Tuan Yang di-Pertua saya fikir soalan itu tidak boleh dijawab di sini.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya maklum apa tadi Yang Berhormat Menteri nyatakan bahawa tidak ada laporan mengenai penggunaan kanak-kanak sebagai buruh. Walau bagaimanapun, saya ingin menanyakan satu soalan tambahan mengenai apakah bentuk pemantauan berskala yang dibuat oleh pihak kementerian? Mungkin dengan kerjasama NBOS yang dijalankan oleh pihak kementerian bagi memastikan bahawa memang tidak ada betul-

betul kejadian buruh paksa di kalangan kanak-kanak ini dan memastikan bahawa ia tidak akan berlaku di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya telah menyatakan bahawa kita telah mengadakan pemeriksaan berkanun. Pemeriksaan berkanun kita akan sentiasa menjalankan untuk memastikan bahawa *force labor* itu tidak berlaku. So, jawapan saya ialah kita telah menjalankan pemeriksaan berkanun dan kita akan sentiasa menjalankan pemeriksaan berkanun dalam masa-masa mendatang.

5. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta Menteri Kesihatan menyatakan pada tahap manakah "*ranking*" tahap kesihatan di Malaysia mengikut piawaian antarabangsa dan apakah jumlah doktor yang ada sekarang ini memenuhi jumlah yang diperlukan bagi mencapai status kesihatan bertaraf dunia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Sapawi Parlimen Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia telah menikmati perkhidmatan kesihatan yang diiktiraf oleh badan antarabangsa pada tahap antara terbaik di dunia. Misalnya pada 5 Januari 2017 tahun ini, majalah *International Living* di dalam Indeks Pasaran Global Tahunan 2017 telah menamakan Malaysia sebagai negara yang mempunyai sistem kesihatan yang terbaik di dunia berbanding dengan 24 buah negara yang lain. Ini merupakan perkhidmatan yang diterima oleh Malaysia selama tiga tahun berturut-turut.

Selain daripada itu, kaji selidik oleh *Bloomberg* pada tahun 2014 telah meletakkan Malaysia dalam kalangan 30 buah negara di dunia yang mempunyai sistem penjagaan kesihatan paling cekap berdasarkan tiga kriteria iaitu:-

- (i) jangka hayat semasa lahir,
- (ii) kos relatif penjagaan kesihatan per kapita,
- (iii) kos mutlak penjagaan kesihatan per kapita.

Malah ini turut disokong oleh kajian penyelidikan dari Sri Lanka yang telah diterbitkan dan dibentangkan dalam *World Innovation Summit for Health* di Doha, Qatar yang mengiktiraf kejayaan sistem dan perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai seramai 46,491 orang doktor dalam sektor awam dan swasta iaitu di pihak kerajaan 33,545 orang dan swasta 12,946 orang. Ini adalah bersamaan nisbah satu doktor kepada 656 penduduk. Dengan jumlah doktor yang sedia ada, mereka inilah yang bersama dengan semua paramedik yang telah memberikan perkhidmatan yang menyumbang kepada pencapaian Malaysia. Walaupun demikian, negara kita masih memerlukan tambahan bilangan doktor disebabkan terdapat peningkatan bilangan penduduk, peningkatan beban penyakit, *expectation* atau ekspektasi rakyat yang tinggi dan penambahan perkhidmatan kesihatan dan lain-lain agar dapat mengekalkan perkhidmatan cemerlang bertaraf dunia, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita ucapkan tahniah kepada kerajaan

dan tahniah serta terima kasih atas perkhidmatan para doktor yang membawa imej yang tinggi kepada negara kita.

Soalan saya, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan doktor perubatan yang terdapat di hospital kerajaan ini diberi perkhidmatan, tahap kualiti perkhidmatan yang ditambah baik? Ini kerana dalam usaha menambah baik ini pun kita dapati doktor-doktor yang baik ini ramai yang berhijrah ke hospital-hospital swasta. Jadi bagaimanakah kerajaan mengatasi penghijrahan kedokteran ini, doktor-doktor ini? Adakah ia berkaitan dengan soal skim perkhidmatan yang perlu ditingkatkan dan ditambah baik agar mereka akan menjadi doktor yang tetap dengan kerajaan dan memberi perkhidmatan yang baik?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, elok saya bagi senario keadaan sekarang di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua. Tentang perkhidmatan kesihatan di Malaysia, kita sekarang ada 146 buah hospital di seluruh Malaysia yang besar, yang kecil, yang pakar *minor*, pakar *major* dan hospital daerah 146 buah kesemuanya. Klinik kesihatan terdapat daripada tahap satu sehingga tujuh, hampir 1,000 iaitu 950 buah sebenarnya dan klinik kesihatan ada hampir 2,000 buah di seluruh Malaysia. Ditambah pula dengan perkhidmatan klinik bergerak, ditambah pula dengan 350 buah Klinik 1Malaysia dan selain daripada itu kita juga ada bot klinik dan juga perkhidmatan helikopter. Ada 12 buah pasukan semuanya. Makna ini menyeluruh pada seluruh Malaysia. Setiap rakyat Malaysia mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan kita seluruh pelosok tanah air.

Memang setiap tahun *houseman* bertambah lebih kurang 5,000 ekor dalam negara dan luar negara lebih kurang 5,000 dan setiap satu masa ada 10,000 kerana *houseman* buat *housemanship* dia dua tahun jadi 10,000 bertambah.

■1130

Memang ada sedikit masalah kelewatan untuk mendapatkan *placement* bagi *houseman*. Ini pun kita sudah selesai melalui pengambilan secara kontrak. Jadi maknanya, bila kontrak, jawatan *houseman* boleh diserapkan masuk kepada pegawai perubatan. Jawatan *houseman* yang ada hampir 10,000 itu, sudah boleh diserap masuk menjadi pegawai perubatan.

Dalam hal kehilangan pegawai kerajaan kepada swasta, memang berlaku Tuan Yang di-Pertua oleh kerana skim perkhidmatan kerajaan memang kalau hendak banding dengan swasta, memang jauh lebih tinggi di pihak swasta. Ada kes-kes yang saya sendiri lihat, contohnya bila pakar ini balik daripada luar negara, diberi *posting* dan diletak di tahap 54. Lepas tiga bulan doktor ini datang balik kepada saya, "*Sorry sir. I am leaving the government service*". Kenapa? Pasal dia kata luar sana, tawaran dia sepuluh kali ganda daripada hospital kerajaan.

Jadi sebab itu dalam hal ini, pihak kerajaan kita cuba meningkatkan lagi pendapatan pakar-pakar kita. Pelbagai insentif kita bagi dan baru-baru ini juga kita— bukan baru lah. Kita mula dulu. Sekarang kita sudah tambah lagi hospital-hospital yang ada *Full Paying Patient*, dia panggil FPP (*Full Paying Patient*) di mana pesakit boleh pilih pakar dia dan dia mendapatkan perkhidmatan daripada pakar ini dan dia bayar semua kos dan sebahagian daripada

pendapatan ini diberikan kepada pakar-pakar itu dan berkongsi dengan paramedik yang lain. Dengan cara ini, pakar-pakar mendapat pendapatan tambahan.

Akan tetapi, apa yang saya hendak tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa ramai di antara pakar-pakar kita yang walaupun pendapatan tidak seberapa tetapi mereka bersemangat dan terus kekal berkhidmat dengan kerajaan untuk rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri dan juga tahniah kerana disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, Malaysia mendapat di antara 30 buah negara yang terbaik di dalam perkhidmatan kesihatan.

Akan tetapi untuk maklumat Timbalan Menteri, bagaimana yang berlaku di bawah sana, seperti mana yang minggu lepas saya pergi ke Hospital Taiping. Saya telah ditemui bagaimana ada di kalangan pesakit-pesakit yang dulunya mereka mendapat ubat untuk boleh dimakan selama sebulan tetapi hanyalah untuk setengah bulan sahaja atau dua minggu sahaja. Ini merumitkan mereka terutamanya yang berada di jauh di pedalaman sana.

Jadi persoalan saya, kenapa jadi begitu dan adakah Kementerian Kesihatan telah pun memenuhi bagaimana peruntukan? Menurut WHO, lapan peratus daripada GDP ialah diperuntukkan untuk kesihatan dan sedangkan apa yang berlaku di Malaysia ini lebih kurang 4.6 peratus. Saya minta penjelasan daripada pihak Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Bukit Gantang iaitu perbelanjaan kita di Malaysia kalau banding dengan banyak negara lain adalah rendah 4.6 *percent*, 4.6 peratus daripada GDP kita. Ini pun termasuk bukan hanya kerajaan tetapi termasuk juga perbelanjaan oleh pihak swasta, 4.6 *percent*.

Sebenarnya tiap-tiap tahun, bajet yang kita terima bertambah, bukan berkurang, bertambah. Tahun lepas, kita dapat RM23 bilion. Tahun ini tambah lagi RM2 bilion, jadi RM25 bilion. Akan tapi kalau ikutnya masih belum mencukupi tetapi kita cuba jimat-jimat, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kos ubat meningkat, tahun lepas kita belanja RM2.2 bilion untuk beli ubat sahaja, tidak termasuk lain-lain *consumable* dan sebagainya. Ubat sahaja RM2.2 bilion dan ubat yang original Tuan Yang di-Pertua, memang mahal. Ubat generik murah sikit dan kita cuba untuk alih daripada ubat original kepada ubat generik. Akan tapi kita pastikan ubat yang kita beli generik ini ialah yang ada *bioequivalence* yang sama. Kita *check* dulu *bioequivalence* sama dengan original, baru kita beli dan gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, amalan kita dulu, bila kita bagi ubat kepada pesakit yang kronik ini contohnya, bagi sampai enam bulan. Lepas tiga bulan, dia datang balik kata ubat dia rosak, ubat dia hilang dan sebagainya ataupun kadang-kadang dia pergi ke rumah anak dia dari Bukit Gantang pergi ke Kuala Lumpur, dia tinggal ubat, dia datang ambil, ambil enam bulan lagi. Jadi membazir banyak, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab itu, kita bagi setengah bulan atau sebulan dan dia boleh datang balik.

Sekarang ini sudah ada kaedah yang berbagai-bagai. Tidak perlu tunggu sampai begitu lama di farmasi. Hospital, dia boleh pergi buat contohnya *drive-in*. Dia boleh naik kereta, naik

motor boleh, naik basikal pun boleh pergi ambil ubat di kaunter farmasi di hospital. Berbagai-bagai cara yang kita buat untuk memudahkan rakyat mendapatkan ubat, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini cara kita cuba hendak menjimatkan wang kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: [*Bangun*]

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana diiktiraf sebagai perkhidmatan terbaik dan kita tahu bahawa kualiti kesihatan adalah suatu benda yang tidak boleh di kompromi sama sekali. Daripada jawapan Menteri, menunjukkan bahawa kita masih lagi tidak mencukupi bilangan doktor. Namun demikian, kita lihat *placement* atau *houseman* kita masih lagi tidak dapat ditempatkan di hospital-hospital dan kita juga masih melihat bahawa tempoh menunggu di hospital masih lagi panjang.

Jadi saya difahamkan dan kita semua faham bahawa perkara yang penting ialah masalah infrastruktur kesihatan itu sendiri yang tidak mencukupi. Misalnya bilangan hospital itu sendiri itu tidak mencukupi, *training* hospital itu juga tidak mencukupi dan pakar-pakar yang untuk mengendalikan *houseman* itu tidak mencukupi. Jadi, saya merasakan bahawa kementerian ini seharusnya, oleh kerana kita ingin mendapatkan kualiti kesihatan yang terbaik, maka dari sudut bajet untuk kementerian ini juga seharusnya tidak boleh di kompromi. Jadi untuk itu, apakah perancangan kita untuk mempercukupkan hospital dan juga hospital *training* untuk mengatasi masalah kualiti ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Memang masalah *houseman* masalah yang *perpetual*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana sekarang ini ada penambahan bilangan *houseman* graduan yang lulus dalam negara dan juga luar negara, lebih kurang— dia makin meningkat Tuan Yang di-Pertua. Tiap-tiap tahun dia makin meningkat, sekarang sudah jadi hampir 5,000 graduan tiap-tiap tahun, satu.

Kedua, dalam masa latihan *houseman*, ramai juga antara **25 percent** hingga 30 peratus yang tersangkut dalam latihan kerana ada *posting* yang dia tidak begitu kompeten, maka dia kena sambung lagi. Maknanya dengan cara ini, dia telah pun memenuhi jawatan *houseman* itu. Jadi ramai yang tidak dapat masuk kerana kumpulan yang sangkut ini. Ada yang *resign* pun ada sebab **one percent**, **1.2 percent** yang *resign* terus kerana sebab-sebab masing-masinglah.

Jadi dengan cara ini, memang ada masalah di situ, ada kesesakan, dengan izin di situ. Sebab itu dalam hal ini— sekarang ini hospital latihan ada 44 semuanya, hospital kerajaan dan juga hospital universiti. Sekarang kita hendak tambah lagi Tuan Yang di-Pertua. Hendak tambah Hospital Shah Alam dan hospital tentera pun kita tambah lagi dan pihak hospital universiti pun telah bersetuju untuk tambah lagi slot untuk *houseman*. Jadi makna, akan ada tambahan slot supaya mereka dapat dipercepatkan *posting houseman*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sikit-sikit melanggar peraturan mesyuarat Yang Berhormat tidak juga boleh. *[Ketawa]* Macam mana sikit...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Penting, sebab penting. Ini penting.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat. Sudah ada tiga soalan tambahan. Kalau saya benarkan Yang Berhormat, sayalah yang melanggar peraturan mesyuarat. Mana boleh.

[Soalan No. 6 – YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) tidak hadir]

7. **Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah langkah standard operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh kementerian dalam menyediakan taska dapat membantu pihak-pihak yang berminat dan sejauh manakah pemantauan dilakukan oleh kementerian dalam menangani pusat jagaan supaya tidak berlaku seperti di taska di Kajang baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sik. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan terutamanya bagi membantu pihak yang berminat untuk menubuhkan Taman Asuhan Kanak-Kanak atau TASKA.

■1140

Penubuhan taska hendaklah mengikut Akta Taska 1984 (Akta 308) dan Peraturan-peraturan Taska 2012. Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya mendaftarkan taska yang dikendalikan oleh pengusaha swasta dan pengoperasian taska yang dikendalikan oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Perpaduan) dan agensi-agensi di bawah pentadbiran kerajaan negeri tidak perlu berdaftar dengan JKM seperti peruntukan seksyen 3 Akta Taska.

Dalam memastikan piawaian yang terbaik, kementerian telah menetapkan prosedur standard operasi (SOP) melalui Buku Garis Panduan Penubuhan Taska. Antara SOP yang terdapat buku garis panduan tersebut adalah seperti berikut.

Pertama, peringkat pra penubuhan di mana ia menerangkan mengenai pemilihan lokasi, pemilihan jenis premis, panduan kewangan dari segi kos permulaan dan kos operasi, syarat-syarat agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan, tempoh taska beroperasi dan penetapan yuran taska.

Kedua, peringkat penubuhan taska di mana ia menerangkan aspek-aspek penting dalam proses permohonan pendaftaran taska seperti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, mendapatkan kelulusan agensi teknikal, melengkapkan borang permohonan pendaftaran taska dan menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan dan proses sehingga perakuan pendaftaran taska dikeluarkan.

Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian bagi menangani isu penderaan adalah seperti berikut.

- (i) kementerian telah mengambil inisiatif mewujudkan *taskforce ramping up the EEC industry* atau *taskforce EECCE* yang berperanan untuk mengatasi isu-isu taska termasuk isu keselamatan dan penderaan kanak-kanak di taska;
- (ii) Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 turut menambah baik maklumat di dalam daftar kanak-kanak di mana butiran berkaitan dengan individu yang melakukan kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak direkodkan. Oleh yang demikian, pengusaha taska boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan membuat semakan bagi memastikan pengasuh yang diambil bekerja bukan seorang pesalah di bawah akta tersebut;
- (iii) Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 juga memperuntukkan tindakan pengasuh dan hukuman kepada kes penderaan di taska;
- (iv) mengadakan program advokasi seperti Program Jom Daftar bagi setiap negeri untuk memastikan taska berdaftar dan ia dapat mencegah berlakunya penderaan kanak-kanak di taska;
- (v) memastikan semua taska memasang CCTV mengikut pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1/2015;
- (vi) pegawai diberi kuasa taska membuat pemantauan berkala ke taska berdaftar bagi memastikan taska mematuhi akta dan peraturan yang ditetapkan; dan
- (vii) mengadakan audit pematuhan terhadap taska bagi memastikan akta dan peraturan taska dipatuhi.

Sebagai kesimpulan, kementerian amat prihatin akan isu penderaan kanak-kanak bukan sahaja di taska tetapi juga di tempat-tempat lain. Usaha berterusan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak iaitu kerajaan, agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat amat diperlukan bagi membanteras kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sentiasa mesra kepada wanita, keluarga dan masyarakat dan juga mesra kepada MPs. Yang Berhormat Menteri, apakah jenis tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap taska yang tidak mematuhi syarat-syarat dan juga SOP bagi tahun ini iaitu tahun 2016. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Sik atas ucapan kemesraan tadi. Mesra. Tuan Yang di-Pertua, prosedur (SOP) yang saya maklumkan tadi adalah untuk memastikan bahawa keselamatan kanak-kanak di taska berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Taska 2012 dan setiap pengusaha taska hendaklah mematuhi keperluan yang dinyatakan di dalam peraturan yang telah ditetapkan. Jadi mana-mana pengendali taska

yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Taska 2012 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan penguatkuasaan.

Jadi pada tahun 2016, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan arahan bertulis kepada 42 buah taska, sembilan taska diambil tindakan LAK, tiga buah taska dikenakan tindakan tutup sementara, 53 buah taska dibatalkan pendaftaran dan 10 buah taska telah didakwa.

Jumlah keseluruhan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sepanjang tahun 2016 adalah berjumlah 117 buah berbanding 23 tindakan pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 80 peratus kalau dibandingkan antara tahun 2015 dan tahun 2016 untuk menunjukkan betapa seriusnya kami terhadap taska-taksa tersebut. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan ke atas taska secara berkala, mengejut dan juga *ad-hoc* iaitu aduan-aduan daripada orang ramai sangat-sangat kami alu-alukan supaya insya-Allah kita sentiasa memastikan bahawa taska-taksa itu memang selamat dan juga mesra kepada kanak-kanak kita di negara ini.

Untuk makluman, pada tahun 2016, 556 pemeriksaan mengejut telah dijalankan dan bagi tahun ini, insya-Allah kita menyasarkan 1,000 pemeriksaan mengejut akan dijalankan ke atas taska-taksa yang ada di Malaysia. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana soalan ini ada melibatkan taska di Kajang, jadi saya ingin mendapat sedikit penjelasan tindakan yang telah diambil kepada taska yang telah melakukan kesalahan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat daripada Hulu Langat. Saya ingin memaklumkan bahawa kami telah menjalankan tindakan-tindakan yang telah berlaku kepada taska yang ada di Kajang iaitu di mana kes ini bagi yang tidak berapa *follow* kes ini, telah berlaku—ada kes *viral* kanak-kanak diikat tangan dan kaki. Untuk makluman Yang Berhormat, kes itu berlaku pada 1 Februari.

Viral iaitu ditunjukkan gambar bahawa kanak-kanak diikat tangan dan kaki serta mulut. Saya rasa sebab kes ini sudah disebut, taska ini dinamakan Taska Ilham Kasih, Bandar Baru Bangi. Untuk makluman, setelah segala kes dikendalikan oleh pegawai penyiasat dan pihak pendakwa Selangor mengarahkan polis membawa kes dan membuat pertuduhan di bawah seksyen 6 Akta Taska 1984 dan untuk makluman bahawa kes tersebut telah dibawa ke Mahkamah Sesyen Kajang pada beberapa hari yang lepas iaitu 15 Mac 2017.

■1150

Jadi orang kena tuduh iaitu pengusaha taska telah mengaku bersalah di bawah tuduhan seksyen 6 Akta Taska dengan denda RM1,000. Dan dia tidak mengaku bersalah di bawah tuduhan seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak. Jadi ini yang telah dilakukan. Untuk makluman, memang ini telah menjadi satu kes yang di bawah penelitian Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi ini adalah sesuatu yang saya ingin merekodkan di sini, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas mereka telah membawakan kes ini, *diviralkan*. Jadi kita telah mengambil tindakan seterusnya.

Jadi, saya tahu kadang-kadang Yang Berhormat, kita merasakan bahawa tidak puas hati dengan apa yang dilakukan namun pihak kami di Jabatan Kebajikan Masyarakat kita telah membuat yang terbaik. Kita telah mengadakan segala tindakan tetapi ini pihak penghakiman. Jadi kita boleh merayu Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Itu yang kita galakkan. Emak, ayah, emak, ayah kena *come forward*, Yang Berhormat. Oleh sebab kita telah melakukan yang terbaik sehingga kita membawa kes ini ke mahkamah. Terima kasih.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan mengalu-alukan tetamu-tetamu kita daripada John Hopkins ke Parlimen kita. [*Tepuk*] *Hopefully you will be able to learn something from us.* [*Dewan riuh*] *Hopefully.*

8. Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah dan senarai sekolah yang telah menerima Program Dwibahasa (DLP) secara sukarela dan apakah langkah-langkah kementerian menangani masalah buku teks dan bahan-bahan pengajaran-pembelajaran, kompetensi bahasa para guru dan murid-murid.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat, Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* dilaksanakan di 1,216 buah sekolah iaitu 587 sekolah rendah dan 629 sekolah menengah di seluruh negara. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mencetak dan menghantar buku teks untuk murid yang terlibat dalam Program DLP.

Berpandukan pada dasar yang sedia ada, setiap murid yang mengikuti program DLP telah menerima sebuah buku sains dan sebuah buku Matematik yang telah diterjemah kepada bahasa Inggeris daripada buku sains dan matematik dalam bahasa Melayu yang sedia ada. Bahan pengajaran dan pembelajaran (PDP) juga dibekalkan kepada semua guru dan murid yang terlibat dalam DLP untuk memastikan PDP dalam bilik darjah adalah berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru yang mengajar DLP diberi kursus secara dalam talian untuk *proficiency* bahasa Inggeris serta penggunaan bahasa *instructional* dalam bahasa Inggeris bagi pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kompetensi bahasa Inggeris mereka. Guru-guru juga diberi kursus secara bersemuka untuk penggunaan bahasa Inggeris yang spesifik serta pedagogi pengajaran matematik dan sains menggunakan bahasa Inggeris. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada usaha yang agak konsisten daripada kementerian dalam hal mahu meningkatkan keupayaan dan pencapaian murid-murid dan pelajar-pelajar dalam kedua-dua

bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan juga dalam bidang mata pelajaran Sains dan Teknologi.

Pemerhatian saya Tuan Yang di-Pertua ialah ada fenomena kita melakukan memberikan ubat kepada salah penyakit ataupun lain sakit, lain ubatnya. Sakit kita dalam bidang pendidikan ini ialah kelemahan bahasa Inggeris, kelemahan penguasaan bahasa Melayu, kelemahan penguasaan mata pelajaran Matematik dan Sains dan juga teknologi. Mengapa tidak barangkali kita menumpukan perhatian kepada pengajaran mata-mata pelajaran yang berkenaan. Dengan mengambil contoh misalnya, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina konsisten menolak sistem ini tetapi terus memperbaiki pengajaran bahasa Inggeris, terus memperbaiki kaedah pengajaran matematik dan sains *and they excel*.

Jadi kenapa kita hendak eksperimen. Kita sudah gagal, *quote and quote* dalam program PPSMI, kemudian kita hendak cuba lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita ingin mencadangkan supaya kita melihat *problem* ini, melihat penyakit, beri ubat. Jangan kita bagi, kita tambahkan lagi dengan penguasaan bahasa Inggeris yang rendah di kalangan guru-guru. Yang Berhormat tahu dan saya tahu dan penguasaan bahasa Inggeris juga yang lemah di kalangan para pelajar dan sistem sokongan juga yang lemah. Jadi kita bahasa Inggerisnya tidak kita kuasai, akhirnya matematik dan sains juga tidak kita kuasai, jadi akhirnya "*yang dikejar tidak dapat, yang dikendong keciciran*". Bagaimana pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Batu Pahat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memuji inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menambah baik sistem pendidikan yang sedia ada. Yang Berhormat, apa yang saya ingin menegaskan di sini ialah atau memaklumkan kepada Yang Berhormat adalah PPSMI dan DLP, dua program berbeza. PPSMI merupakan satu program yang mana kita telah mengarahkan semua sekolah mengikut. Tetapi DLP ini satu sistem pendemokrasian pendidikan yang mana kita beri pilihan kepada ibu bapa yang membuat pilihan sama ada mata pelajaran ini harus diajar atau tidak.

Maka semua sekolah yang telah mengikuti program ini merupakan atas permohonan ibu bapa dan juga segala kesesuaian pada sekolah dan juga guru-guru yang sedia mengajar. Bab yang mana Yang Berhormat mengatakan bahawa kita perlu beri penumpuan kepada mata pelajaran Matematik dan Sains, memang dilaksanakan. Kita beri tumpuan kepada mata pelajaran STEM (Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik) dan kaedah ini diperluaskan dari semua bidang pendidikan, daripada sekolah rendah Tahap 1, Tahap 2 dan juga sekolah menengah.

Kita sentiasa terbuka untuk mendapat pandangan dan juga cadangan, Yang Berhormat. Bukan sahaja Yang Berhormat, malah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang kita laksanakan sekarang telah mendapat input hampir 50,000 rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang. Itulah kita bukukan sebagai pelan pembangunan untuk masa depan. Kita menerima hakikat ada perlunya kita menambahkan inisiatif dalam mata pelajaran

Matematik dan Sains dan itulah kita lakukan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini.

Kita akan berikan keutamaan untuk mata pelajaran Matematik dan Sains. Pada masa yang sama, mata-mata, pelajaran yang lain tidak akan dipinggirkan. Kita akan beri tumpuan yang sama rata supaya pelajar-pelajar yang kita wujudkan ini pelajar holistik yang mampu menangani apa jua bidang dalam masa-masa yang diperlukan. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah, inisiatif bersama Kementerian KPM bersama dengan Kementerian Kesihatan mengadakan sekolah dalam hospital. Saya rasa ini amat baik kerana ia juga membantu mencernakan menggerakkan lagi STEM (Sains, Teknologi, "English" dan Matematik). Jadi soalan saya, saya meminta kementerian memberi penjelasan peratusan terkini pelajar yang terlibat dalam inisiatif sekolah dalam hospital ini. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat Kota Tinggi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang sekali lagi. Yang Berhormat, terima kasih juga atas kata pujian kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Kita memang bekerjasama bukan sahaja dengan Kementerian Kesihatan Malaysia malah semua kementerian. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga bekerjasama dengan kita dalam pelbagai bidang persekolahan.

Yang Berhormat, memandangkan soalan Yang Berhormat ini spesifik mengenai sekolah dalam hospital, dan soalan asal ini berkaitan dengan DLP, izinkan saya memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat kemudian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

■1200

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.00 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 22 Mac 2017."

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mendapat maklum bahawa sewaktu sesi Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat sedang berlangsung, di ruang legar Dewan Rakyat terdapat kehadiran wakil media massa dalam jumlah yang ramai berkumpul untuk mendapatkan ulasan daripada Ahli-ahli Parlimen. Keadaan ini telah menyebabkan sebilangan Ahli Parlimen merasa amat kurang selesa. Saya sendiri pun berasa kurang selesa kerana saya nampak ada ahli-ahli media yang duduk di merata-rata tempat seolah-olah ruang di luar sana itu adalah tempat *picnic*.

Peraturan Mesyuarat 94, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memperuntukkan kuasa kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk memberikan kebenaran kepada wakil media massa untuk hadir di Parlimen kerana membuat liputan sesi Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat. Peraturan Mesyuarat 94, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memperuntukkan seperti berikut, saya baca... *[Membaca petikan]*

“Tuan Yang di-Pertua boleh mengeluarkan kebenaran am kepada wakil apa-apa akhbar kerana menghadiri persidangan Majlis mengikut apa-apa Peraturan yang dikeluarkannya dari satu masa ke satu masa. Jika wakil itu melanggar peraturan-peraturan itu, maka kebenaran itu harus akan ditarik balik.”

Jadi sesiapa wakil media yang melanggar peraturan ini, maka kebenaran mereka itu saya akan tarik balik. Sehubungan dengan itu, saya telah membuat ketetapan bahawa wakil media massa yang hadir di Parlimen hendaklah membuat liputan sesi Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat atau sidang akhbar oleh Ahli-ahli Parlimen hanya di tempat yang telah disediakan iaitu di pusat media berkuat kuasa serta-merta ataupun mereka duduk di *press gallery*. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati apa yang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena, penjelasan mengenai dengan soal apa?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Berkenaan dengan apa yang dijelaskan oleh Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi berkaitan dengan media. Saya menghormati *ruling* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Namun, saya juga harus memperingatkan supaya kita juga harus mengambil kira soal pihak warga media yang perlu mendapatkan penjelasan segera daripada seseorang sama ada di pihak Ahli-ahli Parlimen ataupun di pihak anggota Kabinet.

Jadi oleh sebab itu, harus ada satu tempat yang lebih munasabah yang memudahkan mereka untuk bertemu. Kalau mereka berada di satu tempat yang tersorok, saya fikir bahawa mereka pun tidak tahu pergerakan keluar masuk Ahli-ahli Dewan sama ada Ahli Parlimen biasa ataupun pihak menteri. Jadi sebab itu bagi saya, saya tak nampak apa masalah kepada saya tentang adanya pihak media di luar. Dia memberikan satu kemeriahan kepada Parlimen ini sendiri.

Jadi oleh sebab itu, saya mohon pertimbangan daripada pihak Tuan Yang di-Pertua supaya menjadikan sedikit di hadapan ini, ruang itu untuk pihak media ada di situ dan mana-mana pihak MP ataupun pihak Menteri boleh membuat *press conference* di situ.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang terhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Macam Menteri Pelancongan tadi, mereka hendak dapatkan penjelasan tentang polis menggagalkan forum *debate* yang akan berlangsung, jadi dia memerlukan penjelasan segera daripada pihak Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Saya faham Yang Berhormat Pokok Sena. Sila.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya saya rasa keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua untuk wartawan untuk mereka membuat liputan dan juga pihak Ahli Parlimen untuk membuat sidang akhbar di pusat media, *with due respect*, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tempat bilik media yang disediakan di tingkat bawah di sebelah belakang bangunan Parlimen ini adalah tidak praktikal untuk Ahli-ahli Parlimen kerana terdapat jarak dan sebagainya. Kadang-kadang kita hendak membuat sidang media dan balik kepada persidangan dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah semasa pengubahsuaian bangunan Parlimen ini, telah pun disediakan satu bilik media di sebelah Dewan persidangan kita. Akan tetapi, itu tidak dibenarkan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk menggunakan dan ada *division* di antara Ahli Parlimen dengan Menteri.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak dibenarkan di ruang legar ataupun seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena, mengehendkan mereka di satu ruang di satu *corner*, sekurang-kurangnya bilik media yang telah diubahsuai ini telah disediakan ini supaya dapat digunakan oleh semua Ahli Parlimen. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh pertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena, satu poin yang menarik perhatian saya iaitu mengambil kira. Daripada tahun 2008, Yang Berhormat, hampir sembilan tahun sudah saya mengambil kira. Saya kira, kira, kira... [*Dewan ketawa*] Sehingga sekarang. Maka apabila mengambil kira semua yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena dan disebut oleh Yang Berhormat Seremban tadi, itu sebab kenapa saya mengambil keputusan.

Sebab pertama, mengenai dengan soal keselamatan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

Kedua, semua Ahli Yang Berhormat termasuk saya sendiri bekerja kuat mengenai dengan soal liputan, mengenai dengan soal penyebaran akhbar dan sedemikianya. Jadi biar media massa itu bekerja kuat sendiri untuk mereka membuat liputan dari mana bahan yang mereka buat. Kita sudah sediakan tempat untuk media massa pada ketika ini di tingkat bawah. Jadi siapa-siapa Yang Berhormat yang ingin untuk buat kenyataan akhbar, turun di tingkat bawah. Tidak susah sangat.

Di Parlimen-parlimen lain, Yang Berhormat, tidak ada macam Parlimen Malaysia di mana keluar sahaja Menteri daripada sidang perbahasan, terus dijolok dengan mikrofon. Tidak ada, Yang terhormat. Jadi buat sementara waktu, keputusan saya itu adalah keputusan saya. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa, saya akan buat pertimbangan dan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ambil kira juga. *[Ketawa]* Tak, kalau di tempat...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sudahlah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Yang untuk Menteri ini...

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Menteri sendiri pun jarang mengguna. Apa salahnya kalau digunakan oleh MP biasa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya punya keputusan tadi, termasuk menteri yang buat nanti kenyataan akhbar. Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2016) 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Ketiga Belas”. **[20 Mac 2017]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila Menteri Pelancongan dan Kebudayaan.

12.09 tgh.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian saya sepanjang perbahasan Titah Diraja peringkat dasar pada Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas ini.

■1210

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Sungai Besar, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Kota Melaka dan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Jadi, tujuan saya menyebut kawasan-kawasan ini supaya Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Bukit Katil jangan dok kacau saya nak menggulung ini. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya sebelum hendak mulakan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap saja, fasal Yang Berhormat macam mencabar saya kata jangan kacau, sedangkan saya tidak kacau program debat Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, okey. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang kacau ialah pihak polis yang mungkin diperalatkan oleh pihak lain yang takut...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Bukit Katil pun tidak kacau.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya menghormati Yang Berhormat sebagai seorang Menteri yang ada keberanian. Jadi, sebab itu saya minta supaya selepas ini debat itu mesti diteruskan untuk memperlihatkan kejantanan Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ya, saya sokong, saya sokong.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bukan macam Menteri-menteri yang lain. Saya harap saya sebut kepada *Sinar* tadi, *Sinar* perlu mengubah tempat itu diadakan di tempat *Sinar* sendiri di Karangkruf. Saya harap Yang Berhormat dan juga Tun Mahathir akan berada di sana pada tarikh yang akan ditentukan. Saya kesal dengan pihak polis kerana Kementerian Dalam Negeri sudah pun memberikan keizinan untuk Yang Berhormat berdebat. Jadi, alasan ini nampaknya macam ada campur tangan politik daripada pengecut-pengecut, penakut-penakut yang tidak seperti mana Yang Berhormat. *[Tepuk] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena ya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ramai pelancong hendak tengok ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena kata dia tidak mengacau tetapi dari konteks Parlimen, dia bangun macam ini, mengacaulah itu Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebenarnya saya buat perangkap sebab saya memang nak suruh dia cakap tentang hal itu pun. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan jawapan saya, saya hendak menyatakan sokongan saya kepada *ruling* yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi. Saya amat menyokong apa yang dibuat *ruling* sebentar tadi kerana terkejut dua kali tadi. Pertama sekali, lepas saya menjawab soalan, saya keluar, mereka serbu saya. Yang kedua, saya keluar *toilet*, belum nak pasang zip lagi mereka dah serbu saya. *[Ketawa]* Akan tetapi saya hendak cadangkan supaya...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pasang zip itu dari dalam bilik air, jangan pasang zip di luar. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itulah terlupa fasal nak *rush* kan. Jadi, saya cadangkan janganlah hantar mereka ke belakang, saya ingat hujung itu boleh cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, letak mereka di hujung tempat saya buang air tadi, tepi itu, ya urus setialah. Di situ pagar sikit, jadi saya pun bila keluar, saya tahu ada benda mereka hendak

tanya, saya terus pergi ke dia. Itu cadangan saya kepada Tuan Yang di-Pertua lah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seremban. Yang Berhormat Bukit Katil, tidak boleh tanya ya.

Untuk makluman Yang Berhormat Seremban, kementerian ini melalui *Tourism Malaysia* telah dan akan menjalankan pelbagai usaha promosi secara berterusan pada tahun 2017 bagi menarik minat golongan pelancong daripada Wilayah China Utara seperti mengadakan penerbangan sewa khas, *chartered flight* sebanyak empat kali sempena musim bunga dan juga enam kali sempena musim panas dari Harbin iaitu ibu kota Heilongjiang, Black Dragon terus ke Kuala Lumpur dengan menggunakan pesawat AirAsia A330-300 yang dijangka akan memuatkan seramai 2,300 orang pelancong.

Pada tahun lepas, sejumlah 1,500 orang pelancong dari Harbin telah melawat Malaysia melalui penerbangan sewa khas hasil kerjasama dengan agensi pelancongan di Harbin menggunakan pesawat AirAsia tersebut. Di samping usaha-usaha tersebut, *Tourism Malaysia* turut mengadakan seminar, perbincangan dan pembentangan produk pelancongan Malaysia pada setiap tahun bersempena dengan acara *Harbin International Ice and Snow Sculpture Festival* supaya maklumat pelancongan yang disampaikan kepada rakyat tempatan dan agensi pelancongan adalah sentiasa terkini. Selain itu, *Tourism Malaysia* juga telah bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan tempatan untuk menawarkan pakej pelancongan melawat ke Malaysia. Antara pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan adalah:

- (i) Pakej Mono Malaysia yang menjadi pilihan utama sebenarnya di kalangan mereka iaitu Kuala Lumpur–Genting–Port Dickson, 5 hari 4 malam dan juga Kuala Lumpur ke Pulau Pangkor, 4 hari 3 malam.
- (ii) Pakej Duo/Trio iaitu pergi ke Singapura, di Malaysia 5 hari ataupun Singapura–Malaysia–Thailand, 11 hari.
- (iii) Pakej FIT – *Free Independent Traveler* yang datang bukan menerusi *travel agent*, kita sediakan pakej Kuala Lumpur–Genting–Melaka–Sabah–Pulau Pinang.

Kementerian ini sememangnya mengambil inisiatif untuk menarik minat golongan pelancong dari pelbagai negara supaya menetap lama di Malaysia, khususnya dari China yang merupakan antara pasaran yang berpotensi tinggi. Cadangan untuk memperluaskan promosi Program Menetap Jangka Panjang di seluruh China adalah cadangan yang sangat baik dan pelaksanaan tergantung kepada program-program promosi yang telah dijadualkan mengikut keutamaan kementerian.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, dalam perbincangan saya, cadangan spesifik saya yang telah saya cadangkan ialah berkenaan dengan strategi bagaimana kita menarik pelancong dan juga mendapatkan pelancong-pelancong ini tinggal di Malaysia lebih lama daripada *short term holiday* mereka yang biasanya 5 hari 4 malam. Khususnya di Wilayah Utara yang telah pun diberikan maklumat oleh pihak Duta Besar China bahawa golongan ini merupakan satu golongan warga emas yang mempunyai pendapatan yang tinggi dan mereka ini sebab musim sejuk di Harbin itu terlalu sejuk. Mereka ini

cari tempat untuk berselindung beberapa bulan. Jadi, sekarang ini mereka ini banyak pergi ke Pulau Hainan.

Jadi, kalau Malaysia boleh menarik golongan pelancong ini, mereka boleh datang berbulan-bulan. Bayangkan kalau berbulan-bulan, jumlah perbelanjaan mereka ini yang akan membelanjakan dalam negara kita ini amat tinggi. Kita lihat trend di Thailand, di Phuket, di Krabi dan sebagainya, ada pelancong-pelancong Eropah yang duduk di sana berbulan-bulan tetapi untuk pelancong China ini, satu kekangannya ialah visa. Jadi, saya harap strategi ini kalau kita hendak berjaya, kita perlu mendapatkan kerjasama daripada pihak Kementerian Dalam Negeri supaya mendapatkan kelulusan visa sehingga tiga bulan. Sekarang ini dasar pihak kerajaan ialah 15 hari sahaja untuk pelancong-pelancong China walaupun visa *free*, ia 15 hari sahaja, tidak mencukupi untuk menarik pelancong jangka panjang ini. Ini perlu diperluaskan khas untuk golongan pelancong ini.

Saya harap pihak kementerian boleh meyakinkan pihak Kementerian Dalam Negeri bahawa ini adalah sesuatu yang baik untuk pelancongan negara. Kalau kita lihat sebelum ini yang saya juga bangkitkan dalam perbahasan saya, kalau dari Korea Utara sebelum berlaku kes Kim Jong-Nam ini, mereka masuk Malaysia tidak perlu visa. Saya yakin Menteri pun tahu bahawa tidak ada pelancong dari Korea Utara, mereka diberikan visa *free*. Akan tetapi kalau untuk pasaran negara China yang merupakan satu pasaran yang begitu penting untuk pelancongan negara, apatah tidak kita memberikan sedikit kelonggaran dari segi visa ini. Apakah pandangan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat Seremban. Saya pernah ke Harbin, memang kalau pada bulan Februari itu, sampai mati pun ada, memang sejuk. Kalau kita yang muda ini pun merasa begitu sejuk, apatah lagi bagi mereka yang *pensioner*. Saya juga mendapat maklumat bahawa sememangnya mereka pergi ke Hainan tetapi pergi ke Hainan sudah menjadi mahal jika dibandingkan kalau dia datang ke Malaysia. Apatah lagi di Malaysia dengan Ringgit kita dibandingkan dengan mereka telah jatuh. Jadi, memang mereka berminat untuk datang...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Baguslah. Oleh sebab apa, untuk pelancongan memang bagus, saya menyokonglah, kalau jatuh memang bagus untuk pelancongan. Ia akan menghalang orang Malaysia pergi ke luar negara macam Yang Berhormat Shah Alam pergi ke Amerika. Jadi, bila dah susah, tak pergi kan? Jadi, melancong di sini sajalah. Jadi, saya setuju dan saya akan duduk dengan pegawai saya untuk merancang sesuatu.

Kita ada *Silver Hat Program* dulu, jadi kalau boleh kita rangsangkan semula program ini. Saya bersetuju iaitu bahawa sememangnya kita memberi kemudahan e-visa dan *entry* tapi hanya maksimum terhad kepada 30 hari. Yang ini *winter* ini kalau di Harbin itu lebih daripada tiga bulan. Jadi, pada saya kalau mereka yang ada kemampuan, mereka sudah tentu akan bayar *upfront*. Dia datang ke sini, duduk lama dan saya rasa itu satu cadangan yang baik *and*,

dengan izin, *it is something that I would like to look into*. Terima kasih Yang Berhormat Seremban.

■1220

Sejak tahun 2010 sehingga kini, kementerian dengan kerjasama *Tourism Malaysia* telah menjalankan promosi Program Pusat Malaysia Rumah Kedua, *Malaysia My Second Home* di China bertempat di Nanjing, Fuzhou, Xiamen, Beijing, Tianjin, Shenyang, Dalian, Hohhot, Benxi, Shanghai, Zhengzhou, Nanjing dan Chaozhou. Di samping itu kementerian ini turut dijemput menghadiri seminar antarabangsa tahunan anjuran Bank of China cawangan Shanghai untuk mempromosikan Program MM2H di Shanghai. Sejak program MM2H di lancarkan pada tahun 2002 sehingga November 2016, sebanyak 31,723 permohonan warganegara asing dari lebih 126 buah negara telah diluluskan. Daripada jumlah keseluruhannya, kelulusan tersebut, sebanyak 7,976 permohonan warganegara China telah diluluskan.

Ini menunjukkan sememangnya minat mereka untuk datang ke Malaysia dan inilah saya hendak gunakan untuk duduk dan bincang tentang apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat itu. Saya percaya kalau kita ada satu program ini, kalau *Malaysia My Second Home*, dia boleh datang 10 tahun keluar masuk, tidak perlu visa. Mungkin yang enam bulan ini kalau kita ada satu program macam *Malaysia My Second Home* tapi dalam bentuk sementara, duduk tiga hingga empat bulan, saya rasa ini akan mendapat sokongan daripada pihak negara China.

Ahli Yang Berhormat Seremban juga turut mencadangkan supaya projek kereta kabel di Bukit Bendera, Pulau Pinang dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian bagi menarik lebih ramai pelancong di sana. Kementerian ini menyokong usaha untuk merangsang pertumbuhan sektor pelancongan di negeri Pulau Pinang, termasuk menyokong usaha untuk projek kereta kabel ini. Bagi tujuan tersebut, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri bolehlah menghantar permohonan cadangan pembangunan kereta kabel di Bukit Bendera untuk dipertimbangkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi pelaksanaan di bawah *rolling plan* keempat, RMKe-11.

Kementerian saya akan memberikan sokongan kepada permohonan ini dan untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian ini telah pun memperuntukkan sebanyak RM24 juta di bawah *rolling plan* pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas bagi melaksanakan projek menaik taraf *by path* di Bukit Bendera, Pulau Pinang. Projek ini telah pun siap pada 22 September 2016 dan telah pun dibuka untuk kegunaan awam. Jadi saya sebut benda ini kerana bukti yang menunjukkan sememangnya MOTAC menyokong apa juga usaha berkenaan dengan Bukit Bendera ini, termasuklah projek kereta kabel itu.

Kementerian ini akan terus memperkasakan usaha dan promosi untuk meningkatkan kemudahan prasarana pelancong yang bersesuaian di negeri Pulau Pinang bagi memastikan produk pelancongan di negeri tersebut akan dapat menarik lebih ramai pelancong. Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan...

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban bangun lagi Yang Berhormat ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan infrastruktur pelancongan, sukacita saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, mungkin Yang Berhormat Menteri pun sudah tahu bahawa pada minggu lepas satu perjanjian di antara Penang Port Sdn. Bhd. ataupun operator Swettenham Pier tersebut telah menandatangani satu perjanjian dengan syarikat Royal Caribbean yang telah pun dipaparkan dalam media untuk membentuk satu syarikat *joint venture* 60:40 untuk membangunkan semula pelabuhan Swettenham Pier.

Perkara ini juga saya pernah bangkitkan Dewan yang mulia supaya meminta pihak Kementerian Pelancongan melihat perkara ini dengan serius kerana ini merupakan satu pemangkin untuk sektor *cruise tourism* di Malaysia ini kerana sekarang ini satu syarikat internasional, Royal Caribbean itu telah masuk untuk melabur di pelabuhan Swettenham Pier. Ini sudah tentu baik untuk *cruise tourism* Malaysia dan menjadikan Swettenham Pier ini mungkin merupakan satu *hot port* di Malaysia untuk syarikat-syarikat pelayaran antarabangsa ini.

Akan tetapi saya rasa kita perlu mendapat kerjasama daripada pihak Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang supaya mempercepatkan pembangunan ini, segala kelulusan dan sebagainya itu perlu dipercepatkan untuk memastikan bahawa pembangunan Swettenham Pier ini dapat dijalankan dengan baik. Saya harap ini mendapat sokongan daripada pihak Kementerian Pelancongan juga. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut. Sebenarnya saya sendiri pun telah berkesempatan untuk pergi ke Pulau Pinang dan menaiki buat sementara waktu, memperkenalkan *halal food* di sebuah bot besar di situ. Pada ketika itu pun Yang Berhormat ada tunjuk pada saya ada rancangan untuk hendak membangunkan ada *warehouse* yang sekarang ini tinggal kosong. Akan tetapi dia *heritage* kerana kita tidak membenarnya ianya di musnahkan ataupun diruntuhkan. Saya juga telah mendapat beberapa permohonan untuk membangun *warehouse* itu yang menunjukkan bahawa Kementerian Pengangkutan juga sanggup bekerjasama untuk memajukan prasarana di dalam kawasan Swettenham Pier itu.

Saya mengucapkan tahniahlah kerana berjaya mendapat *Caribbean Cruise* untuk menggunakan Swettenham Pier kerana kita tahu, saya telah dimaklumkan iaitu bahawa dari segi *cruising*, mereka menyatakan itu bahawa di Tenggara Asia ini jauh lebih baik dan selamat jika dibandingkan dengan Caribbean itu sendiri. Jadi saya pun sedang menunggu, Yang Berhormat telah mencadangkan kepada saya untuk naik *cruise* itu pergi ke Phuket. Jadi saya masih tunggu lagilah bila kita boleh pergi ya. Jadi saya menyokong. Memang *cruise* merupakan satu sektor yang cukup penting dan baik, menjanakan kewangan dan ekonomi kita kerana secara kebetulan pun kalau *cruise* di Asia Tenggara ini, dia di sebelah sini elok sebab dia ada Singapura, kemudian sekarang ini sudah ada Melaka, Port Klang. Kemudian Georgetown, Langkawi dan kemudian ke Phuket.

Saya juga telah dimaklumkan bahawa ada usaha untuk meneruskan daripada Phuket pergi ke satu pulau di Myanmar. Jadi memang *cruising* itu cukup baik sekali terutamanya bagi *west coast* kita ya. Baik, Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Sekijang ada? Yang Berhormat Sekijang mencadangkan kepada kementerian agar di kawasan Sungai Segamat dan juga di Lembangan Sungai Muar dijadikan produk pelancongan di Sekijang kerana banyak prospek dan potensinya yang boleh diterokai.

Yang Berhormat Sekijang pun ada jemput saya untuk pergi ke sana. *Insyallah* saya akan bagi satu tarikh, saya akan pergi. Untuk maklumat Yang Berhormat Sekijang di bawah RMKe-10, negeri Johor telah diperuntukkan sebanyak RM42.4 juta dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan khusus bagi daerah Segamat dan Muar dan projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut, ini untuk makluman ya.

- (i) penyelenggaraan laluan pejalan kaki dari terminal pengangkutan awam ke Taman Bunga Batu Hampar dan kawasan sekitarnya di Segamat Johor yang menelan belanja RM1 juta;
- (ii) penyelenggaraan kawasan penemuan Segamat, Segamat, Johor - RM282,700;
- (iii) menaik tarafkan landskap dan tapak semaian *homestay* Batu 28, Lenga, Muar, Johor - RM49,300;
- (iv) menaik taraf landskap dan tapak semaian *homestay* Kampung Parit Bugis, Muar, Johor - RM46,100;
- (v) menaikkan taraf landskap dan tapak semaian *homestay* Kampung Sarang Buaya, Muar, Johor - RM73,100;
- (vi) cadangan membaiki dan menaik taraf kolam air panas di Sungai Gersik, Muar, Johor - RM500,000; dan
- (vii) penyelenggaraan Tanjong Mas, Muar, Johor - RM500,000.

■1230

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas jemputan lawatan Yang Berhormat Sekijang dan saya akan minta kementerian ini untuk merealisasikan hasrat Yang Berhormat tersebut, *insyallah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat, saya menyebut tentang lembangan Sungai Segamat dan juga Sungai Muar ini kerana kita melihat ada potensi untuk Sungai Segamat itu yang penyambungannya nanti ialah ke Sungai Muar untuk kita wujudkan konsep yang serupa seperti yang pernah kita lihat di Thailand iaitu perniagaan yang dibuat di kawasan sungai. Mereka boleh memasak ikan sungai itu sendiri di dalam bot atau sampan. Kemudian boleh kita jadikan kawasan tersebut sebagai kawasan tumpuan pelancong dan juga *agrotourism*. Ini adalah

antara cadangan daripada saya untuk kita manfaatkan Sungai Segamat yang ada ini yang bersambung dengan lembangan Sungai Muar. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju untuk membangunkan kawasan-kawasan ini untuk *ecotourism*. Saya pernah pergi ke Kanchanaburi di mana dia bersempadan dengan Burma dan di situ mereka benar-benar telah manfaatkan sungai itu. Sepanjang-panjang sungai itu, dia ada *resort* di atas air, *floating* di atas air. Jadi kita tidur di atas air itu, *resort* itu dan kalau air naik dan turun, dia akan ikut. Dia macam rakit, dia macam atas rakit dan memang cukup menarik sekali.

Cuma saya minta supaya Yang Berhormat *check, kot* ada buaya dekat Sungai Segamat ini atau Sungai Muar. Kalau ada buaya pun, membahayakan *tourist* kita sebab dia tak tahu. Jadi, saya memang setuju. Saya akan melawat dan saya memang hendak menggalakkan *resort* yang terletak di atas rakit. Sebenarnya macam mana Yang Berhormat sebut, itu adalah betul. Mereka benar-benar memanfaatkan sungai itu untuk mengail, tangkap ikan dan kemudian masak dengan cara tradisional iaitu masakan tradisional di negeri Johor.

Jadi cuma saya harap supaya sungai itu adalah sungai yang bersihlah. Kalau kita pergi ke Kanchanaburi itu, sungai dia itu gred satu sebab kita tengok bawah pun kita boleh nampak kat bawah. Cuma kalau Sungai Segamat itu dia macam teh tarik, kita kena fikir dua kalilah. Atau yang penting itu, buaya itu. Sebab mungkin di Kanchanaburi buaya semua dah naik ke darat, saya tak tahu tetapi buaya di Sungai Segamat saya nak kena *check* dululah.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Buaya itu, dia kalau Menteri datang, saya ingat buaya pun lari nanti. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Geng, geng.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Buaya mengenali tuan dia kan. Ya, saya percaya itu memang betul. Jadi, walau apa pun kita *check*-lah tengok ya. Baik, Yang Berhormat Sepanggar. Yang Berhormat Sepanggar ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepanggar tak ada.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Batu Sapi? Oh, ada. Okey, untuk Yang Berhormat Batu Sapi, dia bangkit berkenaan dengan mewujudkan pakej pelancongan yang berasaskan alam semula jadi terutama di kawasan Sandakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOTAC, kementerian ini dan *Sabah Tourism Board* sentiasa prihatin dan mempromosikan ekopelancongan di Sabah dengan menggalakkan pembangunan dan promosi pakej-pakej pelancongan berasaskan alam semula jadi termasuk di kawasan Sandakan. Saya sendiri telah pun melawat Sandakan dan melihat sendiri Batu Sapi yang memberikan nama kepada kawasan Parlimen Yang Berhormat. Betul-betul macam sapi lah, macam lembu dan saya percaya banyaklah legenda yang boleh kita baca berkenaan dengan ini dan saya memang kagum dengan apa yang ada di Sandakan itu.

Antara usaha-usaha yang telah diambil untuk mempromosikan tarikan-tarikan semula jadi di Sandakan dengan kerjasama *Sabah Tourism Board* adalah seperti berikut:

- (i) penganjuran lawatan *Mega Fan* untuk media dan para pengusaha pelancongan dengan kerjasama syarikat-syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines, AirAsia, Cathay Pacific, Dragonair dan Royal Brunei Airlines. Lawatan sedemikian memberi keyakinan kepada pihak wakil industri untuk meneruskan usaha membangun dan mempromosikan pakej ke Sabah di samping menjana publisiti media;
- (ii) penyediaan dan pengedaran risalah dan bahan promosi berkaitan produk ekopelancongan di negeri Sabah termasuk Sandakan kepada pelancong dan pengusaha-pengusaha pelancongan melalui pejabat-pejabat Tourism Malaysia, negeri, pusat-pusat penerangan pelancongan di seluruh negara, pejabat Tourism Malaysia di luar negara serta di pameran-pameran antarabangsa;
- (iii) penyertaan di pameran-pameran pelancongan antarabangsa yang relevan seperti *International Tourism Bourse* (ITB) di Berlin, *World Travel Mart (WTM)* di London, *Arab Travel Mart (ATM)* di Dubai, *China International Travel Mart (CITM)* di Shanghai dan Kunming, *Korea World Travel Fair (KOFTA)* di Seoul dan juga di SATTE di New Delhi. SATTE ini *South Asia Travel Trade Exhibition*;
- (iv) promosi menerusi kempen pengiklanan luaran seperti *billboard* serta penerbitan V.NET oleh *National Geographic Channel* yang ditayangkan melalui rangkaian TV satelit di seluruh dunia;
- (v) pembangunan pakej-pakej pelancongan Sabah dan promosi melalui buku *101 Package* untuk tahun 2017-2018 yang merangkumi segmen alam semula jadi termasuk di kawasan Sandakan. Program-program percutian Sandakan menerusi penyertaan dalam pameran-pameran pelancongan di peringkat negeri dan kebangsaan seperti pameran *Malaysian Association of Tours and Travel Agents* (MATTA), Cuti-cuti 1Malaysia Fair '*Dekat Je*', Corporate Travel Bazaar, Karnival Pelancongan Belia sempena sambutan Hari Belia dan lain-lain lagi di sepanjang tahun;
- (vi) kita melaksanakan promosi dalam talian secara usaha sama dengan Air Asia dan lain-lain *online travel agent* yang terkemuka di pasaran;
- (vii) usaha sama dengan rakan-rakan industri pelancongan di China yang telah berjaya mengadakan penerbangan sewa khas (*chartered flight*) daripada pasaran ke Kota Kinabalu dan program-program tambahan ke Wilayah-wilayah Sabah termasuk di Sandakan dan usaha yang terakhir yang kita lakukan iaitu; dan
- (viii) Tourism Malaysia juga telah bekerjasama dengan alibaba.com melalui pembangunan *Malaysia Tourism Pavilion* (MTP) di dalam

platform Alitrip. *MTP* adalah sebuah portal e-dagang yang menjual produk-produk dan pakej-pakej pelancongan kepada pengguna Alibaba dan Alitrip terutamanya dari pasaran China. Pelancongan China sememangnya gemar ke Sabah dan pakej-pakej alam semula jadi Sandakan turut dimuatkan ke dalam platform ini. Kita juga telah bekerjasama dengan *Singapore Airlines* untuk menerbangkan pelancong-pelancong daripada Eropah pergi ke Singapura dan terus ke Sandakan dan juga Kota Kinabalu.

Jadi inilah di antara usaha yang telah kita lakukan untuk mempromosi pelancongan *ecotourism* di Negeri Sabah. Sememangnya Sabah adalah satu tempat yang cukup popular dan orang memang khusus datang mahu pergi ke Sabah bukan sebagai orang, *an after thought* ke apa ke— tetapi mereka memang datang nak pergi ke Sabah kerana mereka tahu tentang *ecotourism*, tengok buaya di Sungai Kinabatangan, *Proboscis Monkey*, *Pygmy Elephant*. Saya telah berjumpa dengan pelancong-pelancong daripada Alaska, Argentina, Sepanyol yang datang dan dimaklumkan mereka datang kadangkala menerusi Hong Kong. Naik Cathay Pacific pergi Hong Kong, lepas itu turun datang ke Sabah. Jadi inilah yang kita lakukan dan saya sememangnya menganggap Sabah sebagai *the gem of our Malaysian tourism*. Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Semporna bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Semporna? Oh ya, Yang Berhormat Semporna.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang telah menjelaskan tentang penggalakan-penggalakan pelancongan di peringkat negeri Sabah. Saya ingin bertanya daripada segi usaha ini, memang kita amat alu-alukan kerana saya dapati walaupun contohnya bukan hanya di Sandakan malahan di pantai timur di Semporna berhadapan dengan ancaman keselamatan. Masih ada lagi pelancong sebahagian besar datang daripada negara China dan juga Jepun untuk berkunjung kerana di situ tempat-tempat seperti kepulauan *natural resources* iaitu *sea animal* yang ada di situ amat menarik perhatian masyarakat antarabangsa. Di Jerman dengan izin, *there are good numbers of German's that I notice whenever I go down to Semporna, encounter* dengan mereka, berjumpa dengan mereka dan mereka menyatakan *this is one gift by God, must be preserved*.

■1240

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Cuma saya mahukan sedikit penjelasan, walaupun dapat penjelasan, minta bantuan daripada Yang Berhormat dalam usaha memperkembangkan pelancongan di peringkat negeri ini, usaha untuk agar tempas ia kepada penduduk tempatan ini –saya hendak berikan satu contoh, amat membimbangkan saya hendak jadi *master dive, dive master* pun di Sipadan ini rungutan daripada penduduk tempatan

it's not easy. Malahan hendak jadi operator pun bukan mudah. Mereka terpaksa memohon permohonan daripada Majlis Keselamatan Negara.

You know, can it be you know sort of like delegate this authority supaya penduduk tempatan ini faham, tahu, kenal siapa yang sepatutnya dibantu supaya mereka bukan hanya menjadi penumpang menonton pelancong datang *but the benefit very limited goes to the local.* Saya tahu ikan yang mereka makan ikan daripada Semporna. *But,* pengusaha-pengusaha pelancongan contohnya *including the dive master,* saya sudah suarakan semasa saya menjadi Menteri pun. *I have already highlight this. I said can you please make sure that the local benefit.* Akan tetapi malangnya sehingga sekarang Majlis Keselamatan Negara memutuskan supaya perkara ini diputuskan mengikut kehendak-kehendak yang mereka mahukan.

Saya rasa saya beritahu apa kehendak [Tidak jelas] *We have qualified dive master* di situ, yang boleh menjadi *dive master but cannot. You see.* Oleh sebab itu diputuskan. Saya ingat *its too much a bit you* kuasa daripada pusat untuk membolehkan supaya penduduk tempatan di kawasan-kawasan ini mendapat manfaat. Saya juga merayu agar penekanan dari segi keselamatan daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dapat dibantu Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri supaya mempertingkatkan keselamatan di kawasan itu. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Semporna. Kita sebenarnya selalu mendengar pandangan daripada pihak yang di bawah. Saya masih ingat pada tahun 2000, dalam Jemaah Menteri pada ketika itu kita meletak *security* iaitu dalam satu platun yang kita letak di atas Sipadan tetapi pada waktu itu ada permintaan daripada Negeri Sabah supaya jangan meletakkan platun tentera di situ kerana *divers* rasa takut. Jadi kita pun keluarlah. Akan tetapi apabila kita keluar dalam masa sebulan sahaja Abu Sayaf datang. Oleh sebab maklumat di situ diberitahu bahawa tidak ada lagi tentera. Akan tetapi sekarang tentera sudah ada. Sebenarnya tentera sudah ada maknanya dia rasa selamat.

Baik, kita sentiasa –saya sebut perkara ini kerana kita mendengar. Lagi satu kita hadkan *120 divers per day. Not more than 120 divers* sebab kita mahu jaga dan pastikan tidak ada kerosakan berlaku dan supaya Sipadan itu jangan ada *pressure* daripada *too many divers.* Okey. Jadi apa juga yang kita buat adalah berdasarkan kepada *international norm* dan standard. Jadi macam *master divers* ini saya rasalah suka atau tidak suka kalau kita lihat kadang-kadang kita –dia ada dia punya kelulusan dia, kita kena pastikan *diver* berkenaan itu telah pun melalui proses kursus PADI. Jadi sebenarnya daripada segi untuk meluluskan *master diver* kebenaran ini dia bukan berdasarkan kepada soal *security,* dia berdasarkan kepada *complication divers* itu. *Top diver* di Sabah, di Malaysia ini ada seorang orang Sabah. Dia *top diver* dan dia yang sebenarnya memberikan input kepada kita apa yang kita perlu lakukan kerana kita bercakap tentang *security* juga *security* pelancong. *Security* bukan daripada segi kata takutkan Abu Sayaf tapi *security* maknanya...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *Safety*, ya itu dia. Ya, *safety*. Ini bekas, dia tahulah. *Safety*. *Safety* itu penting Yang Berhormat ya. Kalau saya rasa *master diver* kalau susah untuk kita mahu dapat keizinan, dia bukan kerana *security* di bawah MKN tetapi dia lebih kepada *safety* dan keupayaan dan kebolehan *master diver* itu sendiri ya.

Jadi saya...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sekejap ya. Saya hendak tengok daripada segi Yang Berhormat kata *spin off* kepada orang tempatan. Saya ingat kita punya skim *homestay* itu paling bagus sekali. Mana-mana kampung kita galakkan mereka untuk melibatkan diri dalam Program *Homestay* kerana bukan sahaja dia duduk di situ dia menyewa bilik tetapi dia juga akan memahami kita punya budaya. Maknanya di kampung itu bagaimana kita masak masakan tempatan dia akan ambil bahagian. Jadi saya ingat yang paling *direct* dan paling senang untuk kita melibatkan orang tempatan dalam *tourism* ialah dengan adanya *homestay*.

Kita kena galakkan jangan bagi mereka duduk di hotel-hotel besar ini. *Divers* ini kita bagi duduk di –katalah kalau di Semporna atau di Pulau Bum-Bum, kita perbaiki infrastruktur dan rumah itu kita perbaiki dia punya kemudahan, *facilities* dalamannya, kita suruh dia duduk dengan kita. Jadi itu secara langsung saya kira bagaimana masyarakat tempatan boleh mengambil bahagian dalam *tourism* kita. Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri berhubung kait dengan *master diver* tadi. Saya akui, bahawa itu merupakan salah satu perkara yang cukup penting iaitu keupayaan bukan hanya menjaga keselamatan para *divers*, para pelancong yang cukup minat. Akan tetapi saya juga sedar dan tahu *there are people who are highly qualified, they have been trained*. Ada kebolehan mereka dan sudah pun cuba. *I can give you the list of these people because I have already confronted them. I said these are the people you should have appoint. Should* lantik mereka sebagai ini. Ini yang saya bimbang sangat. Sebahagian daripada operator-operator ini saya bimbang mungkin dia *determined who is going to be have the closely link* dengan mereka. Saya harap sungguh Yang Berhormat boleh membantu tentang perkara ini untuk supaya manfaat biar dapat kita sampaikan kepada penduduk tempatan.

Seperkara lagi tentang *homestay* tadi memang saya akui. Cuma mungkin daripada sudut galakkan daripada operator-operator pelancongan. Pasal kadang-kadang saya dapati pelancongan ini dia ada *close connection* dengan hotel *sea face* dengan hotel-hotel itu. Jadi kita telah galakkan, masa saya dahulu pun telah galakkan *homestay* di kawasan-kawasan kampung. Itu yang agak membimbangkan kalau tidak ada *connectivity* dengan begitu rapat untuk membolehkan supaya setiap operator pelancong, *make sure* dengan izin *the moment they arrived at Semporna, this is the place they should go*. Ya, pasal hotel yang ada memang mereka ada rasa jauh lebih baik, hotel di Tokyo, hotel di China. Mungkin *homestay is something different*. Itu yang pertama.

Keduanya dari segi kraf tangan ini. Kita ada tetapi masalah dia mungkin *innovative*. Saya pun telah galakkan supaya lepa-lepa, pelbagai mutiara yang ada, pelbagai pameran,

kedai-kedai, gerai yang ada di situ diperbanyakkan. Saya galakkan mereka ini salah satu perkara mungkin Yang Berhormat Menteri Pelancongan boleh membantu sektor pelancongan di kawasan Pantai Timur. Terima kasih banyak.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi saya senarai mereka yang telah terhalang untuk menjadi *master diver*. Saya tidak suka perkara ini berlaku, kalau orang yang layak tidak diberikan kesempatan. **So**, berikan saya senarai itu. Saya mahu minta maaf Yang Berhormat berkali-kali ajak pergi ke lepa-lepa, saya tidak pergi. Tahun ini, *insya-Allah*. Yang Berhormat hantar *invitation* dekat saya, Yang Berhormat kena tunggu saya. Saya akan turun.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *I'm no longer the organizer* di situ. *Organizer* itu *the State Government*. *So...*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak mengapa. Kalau Yang Berhormat bukan *organizer* pun saya cakap kepada *organizer* Yang Berhormat kena hadir sama.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih sebab saya minta dahulu peruntukan daripada kementerian cuma RM70,000 sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Duit tidak ada Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Sebahagian besar daripada peruntukan lebih daripada RM2 juta *I have to tell the Dewan. It doesn't come from the State Government. It comes from sources* yang saya dapat sumber daripada rakan-rakan untuk bantu sektor-sektor hotel. *You contribute this is your benefit. So*, mereka memberikan sumbangan RM2 juta. *But RM70,000 comes from – ya, saya tahu. It doesn't come from the state but they said it comes from the state. But it comes from your Ministry. Because I remember that.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita sudah upgrade lepa-lepa ini kita ada *yachting*.

■1250

Kita ada *yachting, season yachting* dan *yachting* ini daripada Langkawi pergi turun dia naik sampai ke Sarawak ke Kota Kinabalu, Kudat dan ia berakhir di Sandakan. Di mana kita samakan antara *yacht* yang moden disambut oleh kapal-kapal tradisional lepa-lepa tadi. Akan tetapi tidak apalah saya memang betul belanja tinggi saya berurusan dengan Tengku Adlin dia memang *very passionate about this* dan saya akan cuba bantu dia. Apa pun siapa juga buat nanti saya turun Yang Berhormat kena tunggu saya lah sebagai Ahli Parlimen kawasan Semporna mesti terima saya di situ.

Kemudian, *tourist guide* ini betul. Yang Berhormat Semporna bagi tahu kepada saya kalau ada *tourist-tourist* yang operator ini yang hanya mengutamakan hotel-hotel besar, Yang Berhormat Semporna kena ingat dia pada tiap-tiap setahun ke dua tahun dia kena jumpa saya menghadap saya. Jadi kalau dia tidak layan *homestay* ini, saya akan tarik dia punya lesen. Saya *powerful* juga bukan tidak kuat, kuat juga.

Yang Berhormat Semporna kena bagi nama senarai-senarai *tourist guide* ataupun *tour operator* yang bersikap demikian. Kita tidak mahu ia membelakangkan kita punya *effort* dalam *poverty reduction* program iaitu mengadakan *homestay*, kita tidak mahu *homestay* ini

ketinggalan. **Okey**, kraf tangan ini banyak yang kita boleh fikirkan kita lakukan. Saya tidak tahu di Semporna sama ada pusat kraf tangan ataupun tidak tetapi kalau sebenarnya, memang ada kraf tangan yang dilakukan oleh orang kampung kita, kita boleh ada satu tempat kita kumpul di mana *tourist* selepas pergi ke mana-mana ke balik ke Semporna dia akan pergi ke tempat itu.

Baik, Yang Berhormat Ipoh Barat tidak sabar-sabar saya jawab sampai pukul satu sahaja kalau tidak naik *sorry*-lah, saya jawab bertulis lah. Sudah sudah, berseloroh sahaja.

Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat, meminta Menteri memberi penjelasan sama ada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada memohon secara rasmi kepada Jabatan Warisan Negara untuk mendapatkan khidmat nasihat bagi mengenakan syarat-syarat yang tertentu kepada pemaju bagi menjamin integriti struktur bangunan Vivikananda dan Ashram memandangkan terdapat kerja-kerja permohonan dengan jarak 15 meter dari tapak warisan tersebut.

Yang Berhormat juga meminta penjelasan apakah langkah terkini untuk menguatkuasakan Seksyen 40 kepada pemaju yang menjalankan pembangunan tersebut? Saya ingat sudah habis, ada lagi isu ya?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sedikit lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ada sikit lagi? Okey. Untuk makluman Yang Berhormat kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara, sememangnya akan memastikan supaya pemilik atau pihak berkuasa perancang tempatan mengemukakan permohonan kebenaran merancang atau perintah pembangunan selaras dengan seksyen 40 ya. *All the time* ya. Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu Akta 645.

Setelah penilaian dibuat, syarat tertentu akan dikenakan mengikut kesesuaian tapak warisan dan perlu mematuhi garis panduan pemeliharaan bangunan warisan serta garis panduan pihak berkuasa yang berkaitan. Untuk makluman Yang Berhormat juga bagi pembangunan bersebelahan dengan tapak warisan Vivikananda Ashram kebenaran pembangunan adalah terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Kebeneran pembangunan tersebut, telah diluluskan oleh pihak PBT sebelum bangunan Vivikananda Ashram ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah Akta 645 yang mana ia tidak tertakluk kepada Seksyen 40 Akta 645. Kementerian ini melalui JWN akan bekerjasama dengan PBT dan pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan projek pembangunan tersebut tidak menjejaskan tapak warisan Vivikananda Ashram. Di samping itu, saya menjamin JWN akan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala ke atas tapak-tapak lain yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Termasuklah tanah-tanah berdekatan tapak warisan bagi memastikan tapak warisan kekal terpelihara. Jadi yang isu Yang Berhormat ini dia sudah lebih awal sudah bagi nanti kalau kita *stop* dia saman kita. Oleh sebab dia telah diizinkan sebelumnya kita warta Vivikananda Ashram itu. Inilah masalah yang kita hadapi kalau kita guna kuasa kalau yang ada lah, untuk ini mungkin kita akan disaman balik sebab dia telah pun diluluskan dan itulah masalah yang kita hadapi berkenaan dengan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya berterima kasih lah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengaku bahawa keputusan itu telah dibuat sebelum kementerian dapat mengambil tindakan supaya 100 *quarters* iaitu lebih kurang rumah-rumah lebih dari 100 tahun patut dijadikan *gazette*. Saya harap lah kementerian Yang Berhormat akan mengambil lebih usaha *have a radar screen all around the country* supaya kita lebih mengambil inisiatif untuk *preserve* rumah-rumah dan harta benda yang lebih dari 100 tahun ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat dan juga yang saya sebut bahawa selepas ini kita akan memberi jaminan akan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala. Akan tetapi kita juga perlu kerjasama daripada orang ramai untuk memaklumkan kepada kita kalau sekiranya ada bangunan yang kita anggap sebagai mempunyai nilai warisan kalau dia dalam proses sedang hendak dirobah atau apakah sila maklumkan kepada kita. Kita akan cuba apa yang boleh di bawah kuasa diberi bawah akta ini untuk memastikan supaya warisan itu dipertahankan dan dipelihara kan.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat saya hendak minta ingin mencelah sikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya. Sila.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Cuma minta penjelasan, kebenaran dan sejauh mana contoh macam *old building of Malaysian Tourism Center* ia telahpun di *revoke* dari segi sebagai satu tapak warisan. Kita sedar bahawa itu merupakan salah satu tapak pertama Parlimen negara kita. *Tourism center* di situ dan saya membaca dalam akhbar tentang perkara ini dan saya masih ingat semasa saya menjadi menteri pelancongan menteri kebudayaan yang menjaga warisan ini timbul perkara ini dan saya nyatakan *preserved that* sebagai satu tapak warisan kerana itu merupakan tempatnya persidangan Parlimen yang pertama. Akan tetapi baru-baru ini saya dengar beberapa perkara yang menyatakan bahawa ada langkah hendak *revoke* ia kedudukan dia sebagai satu tapak warisan. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini telah dibangkitkan pada hari Khamis yang lepas dibawa oleh Ahli Parlimen Serdang tak silap saya. Dan saya pun telah menjawab tapi untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya yang dianggap sebagai warisan ialah bangunan itu. Bangunan bekas Parlimen dan juga bangunan yang dikatakan tempat dua atau tiga orang Almarhum Agong kita yang telah pun di *coronation* dia.

Jadi sebagai bukti untuk menunjukkan kepada Yang Berhormat iaitu bahawa sebenarnya warisan itu adalah bangunan itu bukan kawasan itu. Oleh sebab itu lah Saloma yang merupakan bangunan baharu dibenarkan untuk dibina. Kalau hendak ikut betul-betul kalau yang dianggap sebagai warisan itu bukan sahaja bangunan tetapi juga kawasan sekelilingnya maka sudah tentulah Saloma tidak boleh dibina. Jadi ini bukti menunjukkan bahawa yang di gazetkan sebagai – yang dianggap sebagai warisan hanya bangunan itu

sahaja ya. Oleh sebab itulah Saloma bangunan baharu ini dibenarkan dibina yang di hadapan bangunan warisan itu.

Jadi apa yang telah berlaku Yang Berhormat, di atas kemungkinan tidak disedari oleh pegawai di JWN dia mengazetkan seluruh iaitu *parking* sebelah kiri, kemudian dataran lanai dia *gazette* seluruh. Jadi yang warisan itu ialah bangunan tapi yang dia pergi *gazette* seluruh bangunan itu merupakan satu *over side by the JWN* jadi bila kita siasat balik memang sah yang warisan hanyalah bangunan sahaja. Maka apabila ada permohonan untuk membangunkan kawasan itu dengan janji bahawa dia akan membina bangunan selain daripada hotel dia juga hendak membina bangunan untuk keperluan jabatan-jabatan di bawah kementerian saya seperti kraf tangan dan juga – ada dua tigalah ada dua yang memerlukan kepada bangunan maka kita bersetuju supaya untuk *privatise* secara *land swap* tanah itu kepada pihak yang tertentu dengan janji-janji yang dia akan beri kepada kita. Akan tetapi apabila kita hendak laksanakan kita sedari bahawa seluruh kawasan itu digazette ya. Maka oleh sebab itulah kita mengambil tindakan untuk digazette dan menggazettekan balik bangunan itu sahaja. Yang lain itu bukan warisan hanya bangunan itu. Jadi ini penjelasan yang telah saya buat dalam Kamar Khas kepada wakil rakyat dari Yang Berhormat Serdang baru-baru ini dan dari segi peraturan dan undang-undang tidak ada apa-apa pelanggaran syarat ataupun undang-undang di bawah akta warisan kita. Jadi itu penjelasan kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Kalau pembangunan itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panjang lagi Yang Berhormat Menteri? Sudah masuk jam satu Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sambung petang Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya akan sambung lepas ini lah sebab saya pun baru – tadi *start* pun 12.20. sambung 40 minit lagi lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sambung petang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya sambung petang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.01 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang berbunyi Yang Berhormat Seputeh... *[Dewan ketawa]* Sila Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sungai Besar ada?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sudah balik. Yang Berhormat Kangar tidak ada ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Paya Besar, tidak ada dalam Dewan ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Kangar tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kangar? Minta Yang Berhormat yang berada di luar Dewan, minta masuklah dalam Dewan. Kita ada masalah teknikal sedikit daripada segi loceng.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak apa. Saya pergi tengok siapa yang ada dulu, saya tolong jawab sebab mereka ada sini. Mereka yang lain itu saya akan jawab nanti. Yang Berhormat Tanjong Piai?... Yang Berhormat Tanjong Piai ada.

Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai, mencadangkan kementerian memberikan tumpuan khusus dalam mempromosikan kawasan Tanjong Piai ke peringkat global bagi menarik lebih ramai pelancong dari luar negara selaras dengan kemudahan infrastruktur yang telah disediakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya sudah pergi ke Tanjong Piai. Memang Tanjong Piai ini satu tempat yang cukup menarik terutamanya di Kukup. Di Kukup, merupakan satu tempat yang cukup menarik dan boleh pelancong-pelancong- saya kira kalau kita sediakan dengan infrastruktur yang bagus, sudah tentu mereka akan datang melawat ke Kukup ini.

Usaha promosi yang telah dijalankan bagi menarik lebih ramai pelancong luar negara ke Tanjong Piai adalah seperti berikut. Pertama, mempromosikan Tanjong Piai sebagai destinasi pendidikan bagi pelajar-pelajar sekolah dari Singapura. Pelajar-pelajar Pendidikan Perhutanan dan Marin dengan memperkenalkan Tanjong Piai sebagai tapak Ramsar yang terdiri daripada pantai bakau dan dataran lumpur pasang surut yang terletak di hujung paling selatan benua Asia, amat penting untuk perlindungan daripada pencerobohan air laut dan hakisan pantai.

Saya sebut di sini tadi iaitu Kukup ini, bagi benua Asia *mainland*, paling selatan sekali di situ. Saya pun telah berdiri di situ dan bergambar. Jadi, tidak ada kawasan di Asia yang lebih selatan daripada Tanjong Piai dan inilah sepatutnya kita menjadikan sebagai bahan untuk kita memasarkan Tanjong Piai di Kukup ini.

Kemudian, kita juga mempromosikan *homestay* yang terdapat di sekitar Tanjong Piai bersama persatuan *homestay* di pasaran Utara Asia dan Asia Tenggara dengan melibatkan pelancongan pendidikan serta pelancongan keagamaan iaitu pakej korban untuk pelancong daripada Singapura yang secara tidak langsung memperkenalkan budaya hidup orang tempatan kepada pelancong luar.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi saya ingat, sekarang pun di Kukup sudah ada hotel yang telah didirikan dan juga saya kira kalau kita adakan kerjasama, gotong-royong, mencucikan kawasan, ia akan menjadi lebih menarik untuk orang datang ke Kukup. Sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat perkara ini sebab bilangan pelancong ke kawasan Tanjong Piai. Tadi kata Menteri boleh memberikan promosi, tapi saban tahun ini, pelancong ke Tanjong Piai ini menurun. Oleh sebab itulah saya katakan, kita melihat ramai bawa ramai pelancong ke Malaysia.

Minta jasa baik Menteri mungkin boleh promosikan Tanjong Piai bukan setakat untuk orang Singapore, kalau boleh seluruh luar negeri termasuk daripada negara China. Saya nampak setiap kali saya balik kawasan, begitu banyak bas bawa pelancong tengah-tengah tempat R&R, tempat rehat. Akan tapi dia tidak sampai ke Tanjong Piai. Kalau boleh minta jasa baik mungkin bawa ke Tanjong Piai. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya, seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi, sentiasa mempromosikan Tanjong Piai sebagai destinasi pelancongan. Saya juga setuju iaitu bahawa bukan hanya sekadar kita meminta orang daripada Singapura, tetapi juga daripada negara China.

Mereka mungkin di bawah *ASEAN@50* ini, di mana kita mempromosikan pelancongan, mereka mungkin boleh pergi ke Singapura. Kalau kita memudahkan untuk pelancong-pelancong daripada negara China, dia terbang daripada negara China ke Singapura dulu, duduk dua tiga hari, kemudian kita bawa dia masuk ke Tanjong Piai, di Kukup dan di selatan Johor.

Jadi sebab itu, saya sudah pun memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya kita mempunyai pertamanya, satu persefahaman dan kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri, sekiranya dia cop di Singapura kerana dia terbang ke Singapura, kita tidak perlu lagi untuk nak menyasat kalau sekiranya orang-orang daripada negara China itu datang ke Singapura tidak dapat masuk Singapura. Kalau dia nak masuk ke Malaysia, kita cop dia, bagi dia dua atau tiga hari. Ini yang kita nak lakukan.

Ini kerana saya percaya, *screening*- tapisan yang dibuat oleh Imigresen Singapura itu sudah pun ketat. Kalau dia boleh lepas masuk ke Singapura, saya rasa tidaklah sukar untuk kita nak membenarkan dia masuk ke Malaysia menerusi Tambak Johor, itu pertama. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa dia akan mempertimbangkan permintaan saya untuk membolehkan lebih ramai pelancong daripada China yang datang ke Singapura, terus masuk ke Tanjung Piai, duduklah dua, tiga hari. Itu pertama.

Keduanya, saya juga telah minta kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri, supaya kita ada satu *dedicated channel* untuk bas-bas pelancongan daripada Singapura memasuki Malaysia menerusi *Second Link* itu.

■1440

Daripada dia menyelesaikan cop imigresen di *Second Link*, kita buat *dedicated* link masuk ke dalam, ke kawasan lebih dalam. Supaya apabila kawasan yang lebih dalam, mereka ada tempat *parking* bas yang lebih luas dengan kemudahan yang lebih baik. Jadi, lakukan CIQ itu di dalam, bukan di link. Ini juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri telah pun menyatakan memberikan pertimbangan dan dia sendiri sebagai orang yang pernah duduk dalam Kementerian Pelancongan dahulu merasakan cadangan yang dibuat oleh pihak MOTAC ini adalah baik dan perlu di pertimbangkan.

Jadi inilah cara untuk kita hendak membantu pelancongan ke kawasan Yang Berhormat Kukup, Tanjung Piai ini. Kita hendak juga mempromosi kawasan persekitaran Tanjung Piai sebagai *value added activity*, seperti taman tema *The Little Big Club* dan Legoland, ladang buah-buahan yang berdekatan sebagai destinasi pelancongan keluarga. Banyak tempat-tempat *family outing* yang ada di situ dan saya cadang Yang Berhormat buat ladang-ladang buah, kemudian di Kukup tu mungkin bela ikan.

Saya dah pergi dan saya tengok pada hari itu ramai juga pelancong-pelancong, bukan sahaja dari Singapura, daripada negara China. Mereka pun naik bot pergi tengok tempat pembiakan dan pembelaan ikan. Ada satu itu dia masak situ. *You* pilih ikan yang mana *you* hendak. Tengok yang gemuk pun ada, ikan kurus ada, ikan gemuk ada, pilih, masak situ sahaja. Itu bagus. Inilah saya harap supaya dapat dilakukan.

Keempat yang terakhir sekali, mempromosi melalui aktiviti pengiklanan menggunakan pelbagai kaedah termasuk menggunakan medium digital seperti *Facebook*, *Instagram*, laman sesawang dan juga melalui *e-brochures* negeri-negeri.

Yang Berhormat Kanowit, oh ada ya? Okey, baik. Yang Berhormat Kanowit minta kementerian supaya memberikan perhatian terhadap ekopelancongan di Sarawak yang mempunyai Taman Negara, Gua Mulu, Gua Niah dan gunung-gunungnya kerana sektor pelancongan ini merupakan sumber utama pendapatan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian ini sememangnya kita mengutamakan pembangunan sektor ekopelancongan. Bagi tujuan ini kementerian telah mengkaji semula Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 1996 dan membangunkan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016 hingga 2025 yang telah ditambah baik mengikut permintaan semasa

pasaran, *demand driven*. Pelan ini mengenal pasti khazanah alam semula jadi dan sosiobudaya yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak-tapak ekopelancongan di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak.

Taman Negara Gua Mulu dan Gua Niah telah dikenal pasti sebagai salah satu *cluster* dalam usaha membangunkan sektor ekopelancongan negara. Di bawah *Rolling Plan 1 (RP1)*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), sebanyak RM34 juta telah diperuntukkan bagi membiayai projek peningkatan kemudahan pelancongan, projek pembangunan di Taman Negara Niah, Miri. Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan agensi negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak yang sekarang Menterinya itu sudah menjadi Ketua Menteri pun, dalam mempertimbangkan sebarang cadangan menaik taraf kawasan pelancongan yang berpotensi sekiranya bersesuaian bagi memastikan produk pelancongan dan kebudayaan di kawasan tersebut dapat dibangunkan dengan memberi faedah kepada masyarakat tempatan.

Antara aktiviti berkaitan ekopelancongan yang akan atau sedang giat dilaksanakan di kawasan ini adalah, satu kerjasama antara pelbagai agensi bagi penganjuran acara di peringkat antarabangsa seperti *Mulu Eco Challenge 2017* yang dijadualkan pada pertengahan tahun ini. Acara ini bertujuan untuk memupuk kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar. Yang ini, *insya-Allah* Yang Berhormat, saya hendak hadir sendiri sebab sebenarnya selaku- apa hal ini? Nanti sekejap, duduk dulu. Sebab kita cakap tentang Kanowit ya, sebab saya tidak pernah lagi.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, duduk dulu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebab saya tidak pernah lagi pergi ke Mulu dan kadangkala apabila ditanya oleh orang bagaimana Mulu, saya tidak boleh menjawab sebab saya tidak pernah pergi. Jadi masa *Eco Challenge 2017* ini, *insya-Allah* kalau saya tidak ada *appointment* yang lain yang lebih penting, saya akan datang. Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Bagus, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Tujuan saya menyuarakan pelancongan ini adalah oleh sebab seperti yang sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, *importance of ecotourism*. Jadi yang di Sarawak ini saya nampak, memang okeylah kalau Menteri belum pergi ke Mulu, mesti pergi. Sebab ini adalah satu tarikan yang amat unik. Kita ada mempunyai gua yang besar-besar, yang dulu boleh dikatakan satu gua boleh *landing* lapan, sembilan buah kapal terbang yang paling besar. Saya pernah, sebab dulu saya dengan Jabatan Hutan, memang kawasan tempat saya kerja.

Satu isu, Yang Berhormat Menteri, di Sarawak kita mempunyai *wildlife sanctuary*. Satu *wildlife sanctuary* kawasan untuk binatang-bintang liar ini seperti Orang Utan, dinamakan *Lanjak-Entimau Wildlife Sanctuary*. Ia dari Kapit terus ke Batang Air, lebih kurang *half a million acres*, lebih setengah juta besar *wildlife sanctuary*. Yang kita khuatir sekarang ini adalah kita takut pencerobohan *illegal logging* ataupun kuasa itu akan diberi PL, pengurus selia ladang-ladang sawit. Sebab itu adalah *one piece of virgin areas jungle* yang belum diterokai dan kita mempunyai sepakat dengan Kerajaan Indonesia, mereka mempunyai lebih kurang satu juta

hektar di sebelah sana yang bersambung kawasannya dengan *Lanjak-Entimau Wildlife Sanctuary*. Ini adalah satu kalau dibangunkan boleh dijadikan tarikan pelancongan dari segi *nature tourism*, kebudayaan dan sebagainya. Sebab banyak rumah-rumah panjang di persekitaran kawasan ini. Inilah saya ingat kalau mungkin ada mesyuarat ke, tekankan kerajaan Sarawak supaya kawasan ini dikekalkan, diuruskan secara komersial, pengurusan dari segi pelancongan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju seratus peratus dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kanowit kerana pada tahun ini kalau kita semua tahu iaitu *United Nations World Tourism Organization* telah menjadikan tema pelancongan tahun 2017 ini *sustainable tourism*, menerusi *ecotourism*. Jadi, sebenarnya pelancong-pelancong daripada negara Barat khususnya dan juga Amerika, mereka datang kepada negara kita kerana disabitkan oleh kekayaan- kita punya *nature* dan kita juga telah bersungguh-sungguh, orang kata apa, mempromosikan dan menjadikan orang kata tempat-tempat ini sebagai *UNESCO Listed Heritage*.

Jadi bila kita dapat UNESCO punya pengiktarfan, maka ini akan menyebabkan ramai orang yang datang ke Malaysia untuk melawat tempat ini. Apabila saya kata sebentar tadi bahawa Sabah adalah *gem of our tourism, ecotourism*, saya bermaksud Borneo, itu termasuk Sarawak juga. Kalau di Eropah, disebut Borneo ini, maka mereka membayangkan sesuatu tempat yang mereka wajib datang mahu tengok, kerana ini yang mereka hendak tengok. Dia tidak mahu tengok bangunan-bangunan tinggi, bandar-bandar, *urban area*, sebab dia punya *area* lagi *urbanized*. Akan tetapi yang dia tidak ada ialah apa yang kita ada di Sabah dan Sarawak.

Jadi oleh kerana itu, saya bersetuju dalam apa-apa perjumpaan sekalipun, saya akan memastikan supaya kawasan-kawasan ini tidak dirosakkan dengan pembersihan hutan untuk tujuan yang lain seperti hendak tanam sawit kah, apa kah, kerana kalau kita menjaga *wildlife nature* kita, dia boleh mendatangkan keuntungan kepada kita berlipat ganda lagi dan dia akan tahan lama.

■1450

Jadi saya setuju Yang Berhormat saya akan di mana-mana sekalipun bila ada mesyuarat dan perjumpaan saya akan pastikan supaya kawasan-kawasan ini akan di *conserve*, dipelihara dan tidak dimusnahkan. Promosi harga tiket penerbangan ke Mulu oleh MASwings-sekejap ya Yang Berhormat sabar. Semasa penganjuran *Mulu Eco Challenge 2017* dan juga semasa musim luar waktu kemuncak.

Ketiga, kita promosi harga bilik penginapan di *Mulu Marriott Resort* semasa musim cuti sekolah dan semasa musim luar waktu kemuncak.

Keempat, promosi pakej-pakej ekopelancongan dan *Gawai Tourism Packages*. Ini lagi satu perkara yang saya secara peribadi mahu dipromosikan. Saya telah pergi ke Gumbang dan saya melihat sendiri tempat-tempat yang sebenarnya menjadi tarikan pelancongan dia punya Gawai punya *celebration*. Saya ada waktu Gawai itu tahun lepas dan saya lihat sendiri

bagaimana *celebration* ini disambut dan ada orang putih pun, *European* yang menjadi *travel agent* untuk membawa masuk pelancong daripada Eropah datang ke Gumbang.

Saya setuju rumah-rumah panjang yang lama itu kita perbaiki balik dengan kemudahan asas yang bagus supaya dia boleh jadikan *homestay do not*- jangan musnahkan rumah panjang ini. Kita kalau Yang Berhormat ada kawasan rumah panjang yang dirasakan bahawa tidak lagi mahu diduduki oleh penghuni-penghuninya, jangan musnahkan. Kita jadikannya sebagai *homestay* untuk *experiential tourism* dan saya percaya ramai yang akan datang untuk merasa bagaimana kehidupan sebagai seorang Bidayah ke, seorang Iban ke, orang Mulu ke yang duduk di kawasan pedalaman. *Gawai Tourism Packages* oleh 34 pengusaha *Homestay Patrick Libau, Sungai Tangap, Niah*. Ini kita ada pakej ini.

Kementerian ini akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan pihak-pihak berkepentingan bagi membangun serta mempromosi produk-produk ekopelancongan di negeri Sarawak di samping memastikan masyarakat setempat beroleh manfaat daripada aktiviti pelancongan tersebut. Sila Yang Berhormat Kota Kinabalu ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri ke atas keprihatinan. Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri bagi tahu bilakah program seperti memulihkan plak Batu Sumpah. Kedua, ada kirim salam lagi Yang Berhormat kepada Menteri...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak ada isu lain kah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kedua, tarikh Batu Sumpah diwartakan. Ketiga- khas Batu Sumpah. Keempat, upacara Batu Sumpah dan sebagainya boleh dimulakan. Kelima, berapakah peruntukan yang diberikan untuk tujuan Batu Sumpah Keningau Sabah. Terima kasih. *Thank you*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Seperti yang telah saya janjikan kepada Yang Berhormat bahawa saya akan melawat Keningau untuk melihat Batu Sumpah ini. Saya pun telah pergi ke sana pada tidak silap saya sama ada tahun lepas ataupun yang mungkin tahun lepas saya pergi. Saya telah melawat ke situ dan cuma masalahnya ialah saya telah difahamkan itu bahawa Yang Berhormat bangkit untuk hendak tanya saya bagaimana kita hendak pindah Batu Sumpah itu kepada tempat yang asal, kan.

Okey, jadi saya pun pergi dan saya melihat sendiri dan saya memang gembira dengan apa yang ada di Batu Sumpah itu termasuk Timbalan Ketua Menteri Sabah iaitu yang saya hormati Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin. Dia pun hadir sama dan pada ketika itu pun ada orang kata apa bomoh-bomoh wanita Kadazan itu apa dipanggil Babazon ya? Apa dia? Babazon, dia datang... *[Disampuk]* Momohizan ya. Dia datang. Jadi saya lihat iaitu bahawa ini adalah satu perkara yang sangat serius kerana dengan dia punya ritual satu perkara yang dianggap begitu serius dan penting oleh masyarakat pedalaman.

Jadi saya memang bersetuju untuk memindah. Akan tetapi apabila jumlah permintaan diberikan kepada saya sampai RM15 juta, saya pun lagi terkejut... *[Disampuk]* RM15 juta. Jadi

saya tidak bersedia untuk mengumumkan RM15 juta kerana yang saya faham hendak pindah. Kalau hendak pindah itu saya ingat setakat RM1 juta, itu kita boleh bagi duit dululah dari peruntukan saya, tetapi apabila minta RM15 juta saya tidak berani hendak cakap apa-apa. Cuma yang saya hendak buat sekarang ialah orang kata memuaskan permintaan daripada Yang Berhormat bagi pihak orang pedalaman walaupun Yang Berhormat Ahli Parlimen Kota Kinabalu tetapi Yang Berhormat pun saya tengok *very passionate*.

Semalam pun- bukan semalam, semalam kah sudah naik syeikh satu macam apabila dicabar. Saya bimbang takut terbang kan tetapi saya tak mahu kena sumpah. Saya hendak pindah Batu Sumpah itu. Akan tetapi perbelanjaannya bukanlah RM15 juta, yang itu saya hendak buat dulu. Saya akan ketepikan daripada peruntukan kementerian saya sebanyak RM1 juta untuk pindah dulu sebab kalau hendak bina kalau hendak tunggu sampai buat galeri semua saya pun tak berani hendak *commit*. Ini kerana RM15, RM16 juta *is beyond my names*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini apa benda pula ini, apa kena mengena? You Yang Berhormat Seputeh...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya mahu tolong.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, okey. Nanti, nanti relaks. Jadi apa yang saya hendak lakukan sebaik sahaja saya ada masa saya akan pergi ke Sabah dan saya akan beri RM1 juta ini. Sebab rakan saya Jemaah Menteri Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup pun dia pun selalu tiap-tiap minggu Kabinet kadang-kadang saya bila masuk pintu saya tengok dia ada berdiri kiri saya masuk belah kanan. Sebab dia akan tanya, tiap-tiap minggu dia tanya. Dia tanya, *Chief* macam mana ini itu Batu Sumpah- okey, okey, okey, okey itulah boleh saya cari-cari dapatlah sejuta.

Jadi saya punya *Commissioner for Heritage* juga Jabatan Warisan Negara juga telah berbincang dengan Jabatan Muzium Sabah untukewartakan- nanti soalan yang kedua bila hendakewartakan. Mewartakan Batu Sumpah dan telah dipersetujui untuk selesaikan dahulu isu perpindahan Batu Sumpah ke lokasi baru di sebelah Muzium Warisan Keningau. Jadi kita bawa dulu batu itu ke tempat asal dia, selepas itu baru kerajaan negeri memulakan proses pewartaan. Selepas itu barulah angkat di peringkat persekutuan dan saya akan mengarah saya punya *Commissioner for Heritage* untuk menggazetkannya supaya janganlah Ahli Parlimen Kota Kinabalu disumpah. Jadi itu saya jamin saya akan lakukan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sekejap-sekejap Jabatan Muzium Sabah akanewartakan Batu Sumpah di bawah Enakmen Negeri Sabah sebelum diwartakan di bawah Akta 645 sebagai objek warisan. Yang Berhormat Seputeh, sila.

■1500

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya apa yang Yang Berhormat Kota Kinabalu mahu ialah pindah Batu Sumpah itu dan bagi ia satu *permanent home*. Akan tetapi kalau pihak Kerajaan Negeri Sabah hendak minta RM15 juta untuk pindah batu itu dan letak di tempat lain, biarlah. Mungkin Yang Berhormat

boleh mempertimbangkan, adakan *open tender*, adakan konsep, adakan *open tender* supaya mungkin *local contractor* ataupun NGO boleh memohon dan mereka bagi konsep, bagi semua itu. Jangan bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional Sabah. Mungkin mereka perlu *political funding*. Itu sebab mereka hendak minta RM15 juta begitu besar. Kita lihat skandal-skandal kewangan di Sabah ini, itu *watergate scandal*. Semua itu dengan amaun yang begitu besar sekali. Jadi isu Batu Sumpah, janganlah bagi mereka ambil peluang untuk makan wang.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Skandal Lim Guan Eng?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebenarnya Yang Berhormat silap fakta, yang minta itu bukan Kerajaan Barisan Nasional Sabah. Yang minta itu ialah Pejabat Daerah Keningau. Ia pejabat daerah. Pegawai kerajaan bukan ahli politik, dia *civil servant* ya.

Jadi soal untuk membina galeri ini. Itu ialah soal kedua, itu soal kedua. Saya rasa yang lebih penting jangan bagi Ahli Parlimen Kota Kinabalu kena sumpah, itu yang penting sekali [Ketawa] Saya pun hendak lepaskan dia daripada sumpahan batu itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya kena bantu sebab dia Ahli Parlimen. Kawan saya. Ya Yang Berhormat daripada Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya bersetujulah untuk lepaskan Yang Berhormat Kota Kinabalu daripada kena sumpah sebab Yang Berhormat Menteri pun sudah kena sumpah sudah pagi tadi dengan polis Perak [Ketawa] Tidak apa, sabarlah. Nantilah, ini sudah tidak jadi debat, tidak apalah, kita berdebat dekat sini kan.

Baik, cuma saya hendak tanya itu. Saya bersetuju maknanya pindahkan Batu Sumpah itu. Cuma saya hendak tanya, peruntukan RM1 juta itu kos pindah kah? Sampai RM1 juta itu, tak kan kos pindah hendak angkat batu itu sampai RM1 juta. RM1 juta ini, bagi saya ini- kos pindah? Pakai kren hendak angkat itu- jadi saya minta perincian sikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya tidak kena sumpah dengan polis dan saya pun tidak ada bersumpah-sumpah dengan sesiapa pun. Itu tidak apalah, itu soal polis.

Yang Berhormat kalau setakat pindah, dimaksudkan pindah itu pindah angkat batu, saya ingat tidak payah bayar apa pun. Saya akan cari buat kerjasama gotong-royong kah kita angkat sahaja. Akan tetapi yang kita hendak buat ini ialah kita bukan hanya angkat batu itu letak di situ, kita akan ada dia punya pagar-pagar, *landscaping* dia. Kita akan buat cantik. Takkanlah kita angkut batu itu selepas itu kita letak tengah-tengah *car park*? Ini *car park* sebenarnya, selepas itu tinggal macam itu. Tidak ada macam itu, tidak, tidak. Itu saya boleh bagi *free* pun tidak ada masalah. Akan tetapi ini kita hendak binalah.

Walaupun saya tidak kata kita hendak bina muzium tetapi kita hendak bina satu tempat yang cantik supaya orang pergi melawat di situ pun akan dapat merasakan betapa tinggi nilainya batu sumpah itu kepada perjuangan kemerdekaan di negeri Sabah bagi orang pendalaman. Betulkan Yang Berhormat ya? Itu yang kita belanja sikit dan jumlah perbelanjaannya untuk mencantikkan dan buat tempat elok, tempat orang duduk semua itu, itu

makan RM1 juta. Jadi itu sebenarnya. Bukan pindah begitu sahaja. Yang Berhormat Kota Kinabalu okey?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri ke atas prihatin kepada Batu Sumpah kerana kita sama-sama pun kita mahu kena sumpah lagi.

Okey, ini yang sebetulnya saya rasalah Yang Berhormat Menteri yang ada pandangan yang jauh dalam *tourism*lah. Ini akan bawa *economy development* di pelanconganlah khasnya di pendalaman. Untuk orang yang pendalaman cari makan seperti *handicraft* dan lain-lainnya. Ini yang kita- itulah maksud saya mahu- kenapakah saya mahu ambil hal ini kepada Parlimen.

Juga saya setuju Yang Berhormat Menteri. Tidak boleh bagi RM15 juta lah, ini gila punya. Ini gila, nasib kita Yang Berhormat Menteri ada otak jugalah. Saya banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dengan fikiran yang ada betul macam ada bukalah kepada Batu Sumpah. Saya pergi batu sumpah akan *blessing* sama Yang Berhormat Menteri juga kerana- ini kita tidak boleh main-main sama Batu Sumpah, sudah disumpah mana boleh tipu lagi itu Batu Sumpah. Jadi saya rasa sangat gembiralah hari ini. Ini satu-satu *news* yang besarlah kepada orang pendalaman... [*Tepuk*] Sekian, terima kasih.

Haraplah kita punya boleh mencapai apa wawasan kita mahu untuk pendalaman. Sekian, terima kasih. Banyak terima kasih. Saya akan belanja besar makan sama Yang Berhormat Menteri apabila datang Sabah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tengok orang yang bersyukur terlepas daripada kena sumpah, inilah. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak ada keputusan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dulu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bukan soalan Batu Sumpah.

Saya hanya hendak bangkit satu perkara yang saya rasa yang kurang mesra terhadap pelancong dari negara China. Di mana ada peraturan-peraturan yang saya tidak tahu rasmi atau tidak rasmi, setiap pelancong warga China kalau mereka hendak datang ke Malaysia, mereka selalu diingatkan oleh agen-agen pelancongan *make sure you* ada RMB4,000 *cash* dan *make sure you* ada *return flight*. Kalau tidak *means* Imigresen akan buat suatu terhadap *you*. So, saya rasa peraturan-peraturan ini tidak patutnya berlaku, dilaksanakan lagi.

Mungkin lima tahun yang lepas kita khawatir warga China datang sini untuk mencari kerja dan lain-lain. Akan tetapi sekarang ini memandangkan negara China ekonomi sudah berkembang pesat dan nilai wang Ringgit Malaysia pun sudah turun berbanding dengan Renminbi. So, mereka tidak akan ada kerja di sini. Mereka lebih hebat daripada kita. So, jangan kita melaksanakan peraturan ini yang tidak mesra. So, hendak dapat pandangan sedikit dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Soalan itu pun hampir-hampir macam sumpah jugalah sebab kalau ia terus berlaku memang kita kena sumpah daripada pelancong-pelancong dari China. Yang Berhormat jawapannya senang sahaja, tidak ada peraturan yang kena sediakan RMB4,000 untuk diberikan kepada Imigresen. Ini tidak betul. Kalau ada, itu mungkin di atas agen-agen itu yang kutip. Akan tetapi saya boleh bagi jaminan perkara itu adalah tidak benar ya, tidak benar. Ini kerana kita telah meletakkan seperti saya sudah jawab tempoh hari iaitu yang menjadi- selalunya sesuatu jabatan itu, selalunyalah ia akan berlaku katalah maknanya perkara-perkara yang tidak baik itu kerana ia *closed service*. Apabila dia *closed service* makna sudah ada daripada kemungkinan boleh berlaku daripada Ketua Pengarah sampailah ke bawah itu, semua itu telah dijaga. Siapa juga naik, sistemnya sudah ada. Itu mungkin kalau *closed service*. Jadi Imigresen ini *closed service* dan tohmahan ini dibuat kerana ia merupakan *closed service*.

Oleh sebab itulah kerajaan telah mengambil tindakan untuk melantik seorang daripada SPRM, saya kenal dia, Datuk Seri Mustafar Ali. Sekarang ini menjadi Ketua Pengarah Imigresen. Untuk apa? Untuk memastikan segala tuduhan Yang Berhormat bangkit sebentar tadi tidak berlaku. Saya boleh bagi jaminan tidak berlaku benda ini, memang tidak berlaku sebab apa- macam tadilah kalau ia berlaku sudah tentu orang akan bercakap. Tidak boleh *hush-hush*, tidak boleh sembunyi punya. Jadi orang akan bercakap, macam itu tadilah. Maknanya Yang Berhormat sebut pada saya, siapa kata. Yang Berhormat kata ini adalah *tour agents*. Jadi oleh kerana kita tidak boleh hendak sembunyikan apa yang berlaku ini. Itu menyebabkan saya cukup yakin bahawa perkara ini tidak berlaku kerana orang akan cepat dapat tahu.

■1510

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang wang itu bukan bagi ejen. Wang itu, yang pelancong itu kena *make sure* yang dalam poket dia dalam RMB4,000 yang hendak *make sure* orang ini datang Malaysia bukan kerja selepas itu balik ke China. Ini saya ingat peraturan ini sudah tidak ada, tetapi baru-baru ini saya pergi China, semasa saya beratur di kaunter AirAsia ini di Guangzhou, China, AirAsia kaunter punya orang beritahu pelancong itu dengan bahasa Cina, saya tahu, *make sure you* ada 4,000, *you* ada *return flight*, kalau tidak, mereka akan hantar *you* balik. Saya rasa ini bukan satu- bukan saya bohong ataupun memetik daripada ejen. Ini saya dengar sendiri daripada kaunter AirAsia.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *Flight* itu betul, *return flight* betul sebab kalau *you* seorang pelancong, *you* mesti ada *return flight*. Kalau *you* masuk bawa eVisa 14 hari, *you* tak ada *return flight*, apa maknanya itu? Sebab, mengikut *entry* yang kita hendak perkenalkan pada 1 April 2017 ini, *entry* punya perkhidmatan ini, *you* bayar USD20 *apply* eVisa, dalam 48 jam dapat visa untuk duduk 15 hari. Kalau *you* tidak ada *return ticket*, apa maknanya? Itu sudah menunjukkan bukti bahawa *you* tidak ada niat untuk hendak duduk selama 15 hari. *You* hendak *stay longer*. *Stay longer* tidak bolehlah pakai *entry*, *you* kena pakai visa lain. Jadi, tujuannya mesti ada *return ticket* itu sebab kita hendak siasat, hendak tengok. Kalau dia masuk 1 April, 15

hari, dia mesti ada *return ticket* 16 April balik, itu sahaja. Yang hendak *return ticket* itu mesti. Sebab kalau dia datang *return ticket* tidak ada, bermakna dia mungkin akan *overstay*.

Jadi, ini *standard operating procedure*, SOP biasa untuk memastikan supaya eVisa, *entry* itu tidak disalahgunakan sebab, dengan izin, *he supposed to stay only for 15 days*. Apa buktinya? Tiket *you* lah. Jadi kalau pihak AirAsia, kaunternya mengatakan *you* mesti ada *return ticket*, itu betul. Itu memang betul tetapi kalau kata 4,000 itu, saya tidak tahulah. Saya ingat itu langsung tidak betul. Untuk menyediakan RMB4,000 untuk kata hendak bagi duit kepada imigresen kah apa, mesti beri kepada sesuatu, itu tidak betul.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Dia bukan pun bagi imigresen, dia hanya *make sure you* ada wang *spend* di Malaysia. Itu sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pada sayalah, kalau dia tidak ada wang sekalipun- *for example* kalau dia buat *booking* menerusi ejen, kita sudah tahu kalau menerusi ejen, tempat tinggal ada, makan pagi sudah tentu ada, tidak bimbang. Tetapi kalau dia datang FIT, *free and independent traveler*, kalau dia datang secara ad hoc, kita kena tanya juga sama ada dia ada duit atau tidak ada duit, ataupun ada kadangkalanya mereka datang dan mereka bekerja. Dia kerja 14 hari, dia balik. Itu pun ada. Jadi sebab itu kalau imigresen tanya- sebagai contoh, kalau dia datang FIT, *free and independent traveler* dan dia datang itu mendatangkan syak wasangka kerana mungkin dia boleh *abuse* visa, 14 hari dia berniaga. Macam-macam perniagaan di sini boleh. Dia datang bukan dia hendak duduk lama, duduk kerja 10 hari, dia dapat duit, dia bawa balik. Jadi itu yang sebenarnya mengapa imigresen terpaksa tanya.

Saya percaya kalau yang datang dengan *travel agent*, sudah tentu tidak tanya lebih punya. Dia datang *as group* punya *tourist*, saya rasa tidak ada masalah. Tetapi yang mungkin ada pertanyaan ini ialah FIT, *free and independent traveler* yang datang. Kalau suasana itu mendatangkan syak, mungkin tengok daripada situ dia datang banyak kali kah, jadi kalau ia mendatangkan syak, kita tidak mahu dia *abuse the visa*. *That's all*.

Bukan kita tidak *welcome* dia tetapi ada suasana, bukti-bukti yang boleh mendatangkan syak untuk imigresen bertanya *you* ada duit kah tidak atau apakah, itu sebenarnya untuk mengelak daripada mereka datang menyalahgunakan *visa entry* 14 hari yang sebenarnya dia datang bekerja di tempat-tempat *entertainment*. Saya tahu benda ini berlaku. *New year* baru ini banyak yang telah ditangkap. Mereka ditangkap di tempat-tempat tertentu, *entertainment area* dan dia masuk dengan *visa tourism*.

Jadi kita kena benarkan imigresen kita untuk menjalankan tugas-tugas dia untuk mengelakkan daripada orang menyalahgunakan visa yang telah diberikan kepada dia. Ya, Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan visa pelancong. Ini bukan negara China tetapi Taiwan. Taiwan merupakan pelabur FDI keempat terbesar di Malaysia dan negara Amerika Syarikat dan Jepun memberikan visa pelancong selama tiga bulan kepada pelancong-pelancong dari Taiwan.

Saya tahu Yang Berhormat Menteri memang mengamalkan dasar pintu terbuka untuk *welcome* pelancong-pelancong, tetapi adakah kementerian sudi mempertimbangkan visa pelancong selama tiga bulan iaitu layanan yang ditawarkan oleh Amerika Syarikat dan Jepun kepada pelancong-pelancong dari Taiwan? Adakah Malaysia sudi mempertimbangkan permohonan ini? Ini kerana saya difahamkan dan dimaklumkan pelancong-pelancong dari Taiwan adalah lebih kurang *high spending power* dan mereka tidak datang untuk mencari kerja di Malaysia. Cuma mereka minta lanjutkan tempoh lawatan daripada 30 hari kepada 90 hari. Adakah kementerian sudi mempertimbangkan cadangan ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau pelancong ini dia datang melancong sebagai pelancong, maka selalunya kalau 15 hari itu sudah mencukupi, 15 hari. Akan tetapi kalau lebih daripada itu, kita ada visa yang lain yang boleh kita gunakan. Sebagai contoh, kalau macam Yang Berhormat sebut tadi kalau Taiwan dapat 30 hari, maka kalau dia mahu memohon duduk lebih daripada itu, sudah tentulah dia membuat perancangan. Dia bukan *on the spur of the moment*, "*Eh, aku hendak melawat Malaysia*". Tiba-tiba datang Malaysia hendak duduk sampai tiga bulan. Saya ingat itu bukan pelancong.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Antara mereka ada yang terdiri daripada pelabur-pelabur. Ada juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey. Kalau sudah pelabur, lain, Yang Berhormat. Kalau sudah pelabur, dia lain. Sebagai contoh, kadang-kadang bukan pelabur sahaja, katakan macam orang datang *on health tourism*. Bila datang *on health tourism*, sudah tentu dia mesti lebih daripada 15 hari. Jadi kita ada seksyen yang lain untuk berurusan dengan mereka yang hendak duduk di Malaysia untuk *health tourism*. Jadi pada saya, kalau 30 hari itu mencukupi. Menghormati keupayaan pelancong Taiwan yang mempunyai wang yang banyak dan suka pada negara kita, mereka diberikan 30 hari. Akan tetapi kalau dia hendak duduk lebih daripada 30 hari, sudah tentu dia kena merancang. Dia merancang hendak duduk tiga bulan dan dia akan membuat permohonanlah untuk duduk lebih 30 hari.

Begitu juga macam *Malaysia My Second Home*. Kalau dia betul-betul minat melabur, *apply Malaysia My Second Home* terus di mana dia boleh dapat 10 tahun masuk ke negara kita tidak kira berapa kali pun setahun, boleh masuk *anytime within 10 years*. Jadi dia ada dia punya orang kata seksyen-seksyen tertentu. Jadi macam Yang Berhormat sebut tadi, betul. Memang betul.

Tadi pun saya menjawab soalan Yang Berhormat Seremban berkenaan dengan orang-orang tua daripada *Northeast China*, dia sejuk dekat sana, hendak duduk lebih. Saya sudah hendak bincang dengan saya punya pegawai untuk membolehkan orang tua-tua ini pada waktu *winter* dia datang duduk di Malaysia ada skimnya, *simple health scheme* kah apakah, kita benarkan dia duduk tiga bulan kah, empat bulan. Jadi dia mesti bincang secara khusus tentang tujuan untuk datang ke negara Malaysia. *Long stay*, kita kena duduk bincang tetapi kalau datang *as tourist*, *I think 15 days* sudah mencukupi.

■1520

Walaupun bagaimanapun, oleh kerana saya kira Yang Berhormat orang yang mungkin ke 100, 200 yang membangkitkan perkara ini, saya hendak maklumkan itu bahawa *extension of Taiwan visa* daripada 30 hari ke 90 hari sekarang ini sedang difikirkan. Ia adalah di bawah KDN. Kita boleh cadangkan. *We all know that Taiwanese* kalau hendak kata fahaman komunis pun tidak, dia bukan komunis. Dia Taiwan, bukan? Saya rasa dan mereka mempunyai wang, *they have the money to spend. So, we can-* saya boleh meminta kepada pihak KDN untuk *review* daripada 30 hari kepada 90 hari. Terima kasih. Yang Berhormat Kota Melaka. Ada? Oh, ada. Yang Berhormat Kota Melaka, bolehkah saya jawab, jangan tanya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tidak boleh.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak boleh? Sebab saya punya rakan ada di sini, kita pun ada banyak kementerian lagi hendak menggulung pada hari ini. Jadi, saya cuma sebutkan bahawa Yang Berhormat Kota Melaka bangkitkan berkenaan dengan pelancong India, Indonesia dan Timur Tengah. Mengapa statistik kehadiran pelancong daripada negara yang berkependudukan tinggi seperti India, Indonesia tidak menggalakkan dan bagaimanakah sambutan pelancong daripada Timur Tengah terhadap pakej-pakej pelancongan yang disediakan khas untuk mereka?

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, India adalah merupakan salah satu pasaran utama sektor pelancongan negara, di mana ia menduduki tangga keenam dalam statistik ketibaan pelancong asing ke Malaysia. Tahun 2016 ada 638,578 orang pelancong dan telah mengalami penurunan sebanyak- saya jawab sebentar tadi, soalan daripada Yang Berhormat Batu Gajah. Ia telah menurun 11.6 peratus. Jadi, bagi meningkatkan kedatangan pelancong India ke negara kita, kementerian telah mengambil langkah-langkah pragmatik antaranya pelaksanaan kemudahan eVisa bagi warganegara India untuk lawatan jangka pendek yang tidak melebihi 30 hari ke Malaysia dan boleh diperolehi dalam tempoh masa 24 jam. Kita juga di samping itu, boleh memohon *Visa on Arrival* dengan tertakluk kepada syarat-syarat sedia ada. Saya sebut pada 1 April ini, kita akan memperkenalkan *entry visa* di mana dengan bayaran USD20 sahaja dia boleh mohon, dalam masa 48 jam diberikan visa untuk duduk 15 hari. Belum apa-apa lagi sudah tanya dah. Okey, macam ini, jawapan seterusnya saya akan bagi bertulis. Yang Berhormat tanya, okey.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak cadangkan bahawa sebelum ini di negeri Melaka ia ada lantik Datuk Shah Rukh Khan sebagai *tourism ambassador* untuk Melaka tetapi nampaknya tidak begitu berkesan. Oleh sebab tu, adakah dalam pandangan Yang Berhormat Menteri iaitu kita lantik *superstar* dari Tamil Nadu iaitu '*Rashidi Khan*', yang baru-baru ini dia *main actor* dalam Kabali ini yang difilemkan di Malaysia ini. Bolehkah cadangan ini dipertimbangkan bahawa kita ada promosi ini di Tamil Nadu supaya kita dapat tarik mereka ke Malaysia? Harap timbangkan. Saya ingat ini *superstar* di antara kaum India, terutama di Melaka, di Malaysia ini, saya ingat paling popularlah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri pertimbangkan?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Itu sememangnya kita punya caralah. Saya juga lantik seorang penyanyi daripada China iaitu 'Chang Xi', dia menyanyi. Dia dikenali di kalangan orang-orang di Malaysia ini dan juga di China, yang suka dia ini orang yang berumur sedikit, macam Yang Berhormat. Saya pun sudah lantik dia. Yang India ini, dia bukan 'Rashidi Khan', Rashidi ini saya punya Timbalan Ketua Setiausaha [Ketawa] Dia Rajinikanth. Rajinikanth. Ya, jawapannya boleh. Saya akan berhubung dengan beliau dan cuba untuk mendapat persetujuan dia untuk menjadi *ambassador* kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, yang lain ini saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Ya, saya jemput Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Sila Yang Berhormat Menteri.

5.25 ptg.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Seri Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan isu dan pandangan yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan ke atas Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk melaporkan bahawa sektor komoditi telah mencatatkan peningkatan dalam nilai eksport dan menjadi antara penyumbang tertinggi kepada pendapatan negara. Pada tahun 2016, industri komoditi telah merekodkan pendapatan eksport sebanyak RM122 bilion, meningkat 4.2 peratus berbanding dengan RM117 bilion pada tahun 2015. Oleh itu, sektor komoditi telah menyumbang 15.5 peratus kepada jumlah pendapatan eksport negara.

Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi telah bangkitkan mengenai peranan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC), dan adakah ia telah mengambil kira kawasan sawit yang ditanam oleh pekebun kecil dan untuk memperbanyakkan negara menyertai CPOPC. Yang Berhormat Kota Tinggi juga telah mencadangkan supaya pekebun kecil sawit pertengahan dan besar turut dipersijilkan *Malaysia Sustainable Palm Oil* (MSPO).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries* bertujuan untuk mengkoordinasi dan meningkatkan kerjasama dalam pembangunan industri sawit di peringkat antarabangsa. CPOPC juga memberi penekanan kepada usaha untuk memperkukuhkan kepentingan pekebun kecil dan kita juga akan menubuhkan satu forum khas untuk pekebun kecil di *Council of Palm Oil Producing Countries*. Pada masa ini, Malaysia dan Indonesia merupakan negara pengasas CPOPC dan keahlian CPOPC akan dibuka kepada negara pengeluar minyak sawit dunia seperti Thailand, Papua New Guinea, Nigeria dan Columbia.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bertujuan untuk membantu semua pengusaha sawit, khususnya pekebun kecil untuk

mempersijilkan kawasan mereka kerana kos persijilan di bawah *scheme line* seperti *Roundtable on Sustainable Oil Palm* (RSPO) adalah tinggi. Pensijilan MSPO ini adalah sangat penting untuk memastikan minyak sawit yang dihasilkan oleh Malaysia mengikut peraturan dan undang-undang negara yang mendapat pengiktirafan antarabangsa. Di bawah skim MSPO, keperluan-keperluan khusus bagi pensijilan kawasan sawit yang ditanam oleh pekebun kecil dan kita telah merangka pelbagai strategi bagi membantu golongan ini. Antaranya melalui pertubuhan kelompok minyak sawit mampan atau *clustering*, di mana pekebun-pekebun ini dikelompokkan dan diberi bantuan teknikal dan juga subsidi untuk menyediakan pekebun-pekebun kecil untuk mematuhi standard MSPO dan mendapat pensijilan.

Sehingga Februari 2017, seluas 245,000 hektar telah dipersijilkan. Adalah diharapkan dengan kerjasama kerajaan melalui CPOPC dan pensijilan MSPO, penerimaan terhadap minyak sawit mampan negara akan dapat ditingkatkan di pasaran antarabangsa dan secara langsung meningkatkan permintaan terhadap produk sawit negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah bangun.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Bagaimanakah penerimaan sijil MSPO ini di peringkat antarabangsa? Oleh kerana kalau petani kita, penanam sawit kita ramai dapat sijil tapi ia tidak diterima, diiktiraf, maka hasilnya tidak memberangsangkan dan akhirnya tidak mendatangkan pulangan yang setimpal. Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kita akui pada masa sekarang, sijil yang diakui adalah RSPO.

■1530

Akan tetapi sijil ini adalah terlalu sukar terutamanya untuk pekebun-pekebun kecil. Oleh itu, kita sekarang hendak membangunkan MSPO, satu sijil negara kita sendiri dan kita akan *push for it* untuk mendapat *recognition* antarabangsa. Ini bukan senang tetapi sebenarnya sijil MSPO dan sijil RSPO, dia bukan beza sangat. Masalahnya ada banyak NGO yang hendak buat banyak sekatan-sekatan terhadap kelapa sawit Malaysia dan kita berdiri atas prinsip bahawa sebagai negara yang mengeluarkan kelapa sawit. Kitalah yang patut menetapkan kriteria untuk sijil-sijil.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih. Saya tambah sedikit. Soalan saya ialah berapa banyak kah pelaburan yang kita berikan untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap MSPO? Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: MSPO telah dimulakan tahun dahulu. So, kerja-kerja untuk mendapatkan pengiktirafan masih berjalan. Oleh itu, sebelum kita hendak *go all out* untuk mendapatkan pengiktirafan *international*. Kita hendak memastikan pekebun kecil kita, estet-estet kita di negara kita mesti dapat sijil dahulu. *So, we must get local acceptance then we can push all out for this* sijil. Akan tetapi, pensijilan ini adalah sangat penting bagi negara kita. Kita harap dengan pensijilan ini walaupun ada kos, walaupun sudah buat audit tetapi pensijilan

MSPO akan memberi satu *branding* kepada kelapa sawit dari negara kita dan kita harap akan dapat sedikit premium pada masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bintulu. Bukan kongkalikung ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak kongkalikung. Ini mustahak. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Begitu prihatin atas pekebun-pekebun kecil ini. Begitu mustahak untuk negara kita atas ekonomi untuk negara kita. Tuan Yang di-Pertua, sekarang masalah dalam negara kita banyak pekebun-pekebun kecil. Semua hendak tanam kelapa sawit tetapi memohon dapat benih ataupun mendapatkan bantuan tanaman semula, tunggu menunggu tidak dapat bantuan daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin lah itu MPOB.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, MPOB. Ini pengerusi mungkin kongkalikung. Saya sudah kongkalikung, dia kata masalah peruntukan tidak cukup. Inilah saya minta Yang Berhormat Menteri atas perkara ini. Kita jangan bagi pekebun-pekebun kecil ini merasakan kita suka berjanji tetapi tidak di serupa bikin. Kalau perkara ini boleh dibawa di bawah Kabinet, berbincang balik semula, banyak pekebun-pekebun kecil ini dia orang mahu tanam balik semula. Akan tetapi, tidak boleh dapat.

Contoh macam di Bintulu ini. Ada sebuah syarikat yang mengusahakan nurseri anak benih kelapa sawit telah diberi pelantikan daripada MPOB. Dalam tahun 2016, dapat 45,000 anak benih untuk skim kelapa sawit ini ataupun tanaman semula. Akan tetapi tahun ini 2017, separuh sahaja tinggal. Banyak orang tidak dapat. Saya punya anak buah daripada rumah panjang sudah bising, berapa lama lagi kita hendak tunggu. Minta Yang Berhormat Menteri kalau ada peluanglah boleh datang Bintulu. Saya bawa Yang Berhormat Menteri sekali sama dengan ini MPOB, kongkalikung punya Pengerusi sama-sama melawat saya punya kawasan ini. Minta pertolongan daripada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat borang MPOB ini semua serah pada Yang Berhormat, Pengerusi MPOB.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Pada tahun 2016...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Soalan tambahan kepada yang diutarakan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lepas Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Kota Tinggi.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan berapakah jumlah peruntukan untuk tanam semula bagi

pekebun-pekebun kecil. Ini kerana sentiasa apabila mereka menanam semula dikatakan tiada peruntukan dan ramai kerana tidak sanggup lagi menunggu untuk peruntukan mereka menanam dengan wang sendiri. Sebenarnya, wang yang mesti diberikan kepada penanam pekebun-pekebun kecil dahulu dikatakan kalau dia daripada pokok getah dikatakan kutipan daripada ses pokok getah yang mereka sudah bayar berpuluh-puluh tahun.

Akan tetapi, kerana tidak sanggup menunggu lagi kerana *will cost them for the lost*. Mereka menanam dengan wang sendiri, akhirnya apabila wang datang ataupun ada peruntukan mereka mohon untuk wang yang digunakan untuk tanam semula. Mereka pula di hukum dikatakan menanam semula tanpa kelulusan. *And very often the first phase*, peringkat pertama jumlah terbesar di tolak daripada jumlah yang hendak dibayar kepada penanam semula pekebun-pekebun kecil. Sebenarnya, orang-orang ini kerana ciri-ciri inisiatif *to replant* mesti digalakkan ataupun mesti di *reward rather than be punish*.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri membuat keputusan supaya kalau salah kerajaan tidak memperuntukkan jumlah yang mencukupi apabila mereka membayar wang sendiri untuk tanam semula seluruh hak mereka mesti diberi balik kepada pekebun-pekebun kecil dan tidak menghukum mereka. Ini kerana inisiatif menanam semula. Dari soalan pertama, kenapa setiap tahun tidak cukup jumlah wang yang di peruntukan untuk tanam semula. Kementerian mesti ada statistik. Berapa jumlah pokok yang sudah sampai masa 25 tahun untuk tanam semula. Mesti ada peruntukan. Sebenarnya wang ini adalah wang ses rakyat sendiri, bukan wang kerajaan. Kenapa wang ini hilang. Ingin saya dapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri ke selepas ini? Yang Berhormat Menteri hendak jawab dahulu kah?

Datuk Seri Mah Siew Keong: Tidak mengapa. Teruskan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya menyentuh sedikit tentang CPOC tadi. Yang Berhormat Beruas cakap fasal *allocation* dan Yang Berhormat Bintulu cakap *allocation* untuk tanam semula. Saya hendak cakap *allocation* fasal promosi *of* kelapa sawit supaya kita kena pertahankan kelapa sawit ini. *So*, kita tahu di Eropah 25 juta tan *consumption a year from Malaysia alone between 7 to 8 million tonne a year*.

Akan tetapi, baru-baru ini saya hendak sebut sama arwah Yang Berhormat Kuala Kangsar dahulu. Kita telah berjaya *repeal 300 Euro per tan levy by the French Government and of course* masa kita pergi Brussel. Akhir-akhir ini Yang Berhormat Menteri, kita ada lawatan *Members of European Parliament* datang. *The same message* hendak *deliver* bahawa *this they are pushing again* untuk dapatkan levi ini dikenakan. Kalau levi ini dikenakan, *there will be almost a death blow to us*. *Effect* kita punya *small holders*. Kita ada 400,000 hingga ke 500,000, di Indonesia ada 3.5 bilion.

Apa yang saya hendak sampaikan di sini. Kita kena *put enough* bajet untuk menangani isu *no pump labelling* ini yang dibuat oleh mereka dan perkara-perkara yang tidak baik dibuat oleh RSPO. Ini kerana *they are changing goal post* Yang Berhormat Menteri. Dahulu kita sudah tahap standard selepas itu ditukar lagi. Jadi, kita dalam bahaya dan ini melibatkan 70 bilion *income* kerajaan dan *half million small holders*. Satu lagi aspek yang saya tekankan CPOC ini Yang Berhormat Menteri. Kita selalu ada sekarang ini *sustainable development goal 2030*, di mana antara yang disebut, di *emphasis* ialah *deforestation sustainable, deforestation and* alam sekitar. Di kawasan kita ini dia *punish* kita *because* dia kata kita rosak alam sekitar, pokok.

■1540

Keduanya, *environmental hazard* terutamanya jerebu. Kita tahu di Indonesia kita ada *three over million smallholders* ini dia buat *slash and burn*. Bila dia buat macam itu, terbakar, kita jadi mangsa. Ada negara jiran kita kata saman sahaja, mana boleh saman tidak ada *solution, it is not a solution*. Jadi CPOPC kita harapkan kalau kita dapat *join* dengan Indonesia kita *produce CAT 5 percent of the production of palm oil, edible oil* dan kita *center strengthen* kita punya MSPO dan ISPO *which is Indonesian Sustainable Palm Oil* dan kita harap kita dapat *inculcate good agriculture practice* di kalangan *Indonesian*, dan dengan cara itu kita dapat menangani isu harga, isu *environmental degradation, deforestation*, jerebu dan sebagainya.

Jadi saya hendak minta kepada Menteri, saya *echo* Yang Berhormat Bintulu cakap saya, saya *echo* juga Yang Berhormat Beruas cakap. Kita kena *put a proper budget to cater for this challenges*. Satu, tanam semulalah. Akan tetapi *more important than that actually* kalau kita keluar pun kita tidak boleh jual dan dapat jual pada harga rendah. Ini *would affect the liability, the whole industry*.

Jadi saya hendak minta kerajaan kena tengok balik CPOPC *and give a proper weightage in terms of budget and man power*. *When I went to Europe* bersama dulu, kita rasa *engagement* kita masih belum cukup lagi. *We have to educate them, a lot of European* dia ingat pokok kelapa sawit ini macam pokok *rapeseed* atau *canola* yang dia macam *cash crop*. *I think there's a lot misconception and perception about* kelapa sawit, dengan izin, yang berlaku. Kita rasa MPIC, MPOB *must be empowered to tackle these very serious issue or else I think the livelihood our smallholders will be affected greatly*. Jadi itu harapan saya Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Menteri.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Menteri, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Kawan baik saya Yang Berhormat Kota Tinggi, saya memang sokong dalam perkara ini. TPPA kita boleh gaduhlah tapi yang ini memang saya sokong.

Saya ada tiga poin. Pertama ialah RSPO. RSPO kita sudah masuk saya rasa 10 tahun sudah. Setiap tahun Menteri tadi cakap kita berharap dapat sedikit premium. Selama 10 tahun kita tunggu tidak pernah dapat satu premium pun. Apa yang kita tahu kos setiap satu tan CPO kita kena tanggung RM50, ada orang kata RM60, RM70. Maknanya bilakah kita akan tunggu

RSPO untuk bayar kos ini? Kalau dua tahun, tiga tahun lagi tidak ada saya hendak minta Menteri pendirian Menteri sama ada kita akan buat satu tindakan lebih drastik.

Mana ada di Malaysia ini –kenapa kita terlalu –saya tidak hendak guna bodohlah, kita terlalu tidak cerdik. Kita bayar semua ini tapi *voting right* kita 40 peratus. Manakala yang *environmental group* satu sen tidak bayar dapat 30 *percent*, yang pembeli satu sen tidak bayar dapat 30 *percent voting right*. Tiap-tiap kali dia *out vote us*, macam mana kita boleh masuk dalam satu sistem betul-betul tidak adil.

Poin kedua ialah seperti Yang Berhormat Kota Tinggi cakap bajet memang tidak cukup. Kalau kita tengok US punya *agriculture* dia guna bajet satu peratus *total sales*. Di Malaysia dalam tahun yang baik kita jual RM100 bilion minyak sawit kita, tahun yang tidak kurang baik RM60 bilion, kata lebih kurang RM80 bilion setahun purata dia. Satu peratus digunakan di Amerika Syarikat sebagai *rule of thumb, one percent is use*, dengan izin, *one percent is use for create promotion of the agriculture product*.

Maknanya di kelapa sawit kalau kita jual RM80 bilion setahun, eksport, kita tidak kira lagi yang domestik *consumption*, eksport sahaja. Kita kena guna RM800 juta setahun untuk kempen kita. Akan tetapi kempen melawan semua ini RM10 juta sahaja satu tahun. Memang tidak cukup, saya bukan cakap kita kena pakai RM800 juta. *But at least RM50 million a year to protect your RM100 billion dollar industry is actually a very good plan*.

Nombor tiga, tentang isu *haze*, tentang *sustainability environment*. Bilakah Malaysia akan sedar bahawa Indonesia adalah masalah terbesar? Semua dia bakar, kita yang kena hentam. Dia orang bakar hutan kita yang kena. *When we are going to start to differentiate*, dengan izin, *when we are going to start to differentiate Malaysian palm oil which is more sustainable compare to Indonesian?* Bila kita akan berhenti jaga kepentingan Indonesia? *Indonesia* di belakang kita dapat semua *marketing* dengan negara China. Saya dengar banyak cerita politik ini katalah MCA bawa, negeri China beli...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: ...*Palm oil* Malaysia, minyak sawit Malaysia tapi sebenarnya tidak benar. Data daripada kerajaan menunjukkan bahawa mereka beli lebih daripada Indonesia daripada Malaysia untuk tahun ini ya. Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan tanaman semula dan tanaman baru, saya hendak beritahu bahawa jumlah kelulusan tanam semula dari tahun 2011 sampai tahun 2016 adalah 58 ribu hektar dan untuk tanaman baru adalah 98 ribu hektar.

Dalam RMKe-10, RM1 bilion diperuntukkan oleh kerajaan untuk tanam semula dan baru dan dalam RMKe-11 RM540 juta diperuntukkan untuk tanaman semula. Baru-baru ini di Bajet 2017 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga umumkan RM30 juta yang baru untuk penanaman semula.

Walau bagaimanapun, saya hendak beritahu bahawa saya maklum bahawa pada akhir tahun dulu ada banyak permohonan. Pada masa itu tidak ada peruntukan *but* dengan peruntukan yang baru untuk tahun ini kita harap dapat menolong lebih pekebun kecil.

Kedua,...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh saya dapat penjelasan daripada angka-angka ini?

Datuk Seri Mah Siew Keong: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, daripada angka-angka yang dinyatakan oleh Menteri memang jelas kerajaan dengan sengaja telah meluluskan peruntukan yang tidak mencukupi untuk pekebun-pekebun kecil. Kalau RMKe-10 sejumlah RM1 bilion dalam lima tahun, satu tahun RM200 juta. RMKe-11 sejumlah RM540 juta sudah kurang 46 peratus hampir setengah. Apatah lagi tahun 2017 sejumlah RM30 juta. Kalau dulu RM200 juta sekarang RM30 juta ini bermaksud kerajaan dengan sengaja ada niat tidak menolong pekebun-pekebun kecil... [Tepuk]

Bagaimana? Ini pun wang dulu dikutip melalui SES apabila wang mereka menukar daripada pokok getah ini duit wang SES, wang rakyat bukan wang kerajaan peruntukan khas sungguhpun saya tahu dalam satu jawapan dikatakan sebahagian daripada kutipan SES ada yang tidak mencukupi, kerajaan *top up*. Akan tetapi malangnya ini tentu tidak cukup untuk tahun 2017 untuk tanaman semula. Boleh dapat penjelasan.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Ya, Ahli Yang Berhormat Beruas. Peruntukan SES tidak membayar apa-apa penanaman semula. Bayaran SES adalah RM13 sekarang, harga kelapa sawit sekarang adalah RM2,900 satu tan. Bayaran SES hanya RM13. So, mungkin bayaran SES adalah tidak mencukupi tetapi bayaran SES tidak membiayai apa-apa *replanting scheme*, okey.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksud saya dulu apabila sebelum semua getah yang dijual sama ada lateks ataupun getah keping mereka diperlukan membayar SES, semua. Kemudian apabila ditukar kepada kelapa sawit, memang kutipan untuk *rubber*. *Is there* memang skim ini tidak sama untuk kelapa sawit.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Ya, *I know*. Bayaran kepada SES, RISDA *collect the* SES dan untuk menanam semula getah. *Is ongoing process*. *But SES* dulu ada untuk getah, *so it is actually* berlainan. Dulu SES untuk getah tidak boleh diberi untuk menanam semula kelapa sawit.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Akan tetapi dulu Ses Getah memang itu hutang kerajaan kepada pekebun kecil untuk 20 tahun...

Datuk Seri Mah Siew Keong: *Okay, I think we* terlalu lama. *I will let you know*. *Let me continue*, saya akan teruskan. Saya ambil maklum bahawa kita hendak meningkatkan macam mana supaya kita dapat menolong pekebun kecil untuk menanam semula.

Saya masuk ke isu yang...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Tadi Yang Berhormat ada bangkitkan bahawa banyak negara terutamanya negara Eropah buat banyak sekatan. Sebenarnya sekarang Eropah adalah pengimport yang utama terbanyak sekali *palm oil and palm oil product*. So, kita ada bimbang. Tadi ada cakap melalui usaha Ahli Parlimen kita apabila Ahli-ahli Parlimen kita pergi ke *Europe* pada tahun dulu, Perancis ada satu *planning excise duty*. Saya juga dimaklumkan EUR400.

▪ 1550

Akan tetapi melalui *lobbying* kita, ia telah tidak jadi. *It was out voted in Parliament*. Pada masa Disember lagi, satu lagi *voting* di *French Parliament*. Nasib baik *was overruled* tetapi sekarang pada April ini, *European Unions Parliament* ada satu lagi usul di mana mereka hendak buat *labeling* kepada kelapa sawit dengan juga mereka hendak satu *certificate* yang mereka boleh akui. So ini adalah antara- *to me* adalah sekatan kepada kelapa sawit kita dan saya akui kita sangat bimbang sebab dengan adanya semua sekatan ini, akan menjejaskan harga kelapa sawit kita. Oleh itu adalah apa sebab tadi saya menegaskan supaya kita hendak satu skim MSPO. *Why we have our own scheme? Because* kita hendak bezakan. Bila saya pergi ke Eropah, saya telah adakan perbincangan dengan Menteri Alam Sekitar mereka.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kena pandang Speaker sentiasa. Ini peraturannya ya.

Datuk Seri Mah Siew Keong: *Sorry. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Akan tetapi Speaker tetap pandang Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Saya cuma hendak beritahu bila dalam mesyuarat dengan Menteri Alam Sekitar Perancis, dia telah membangkitkan dalam mesyuarat setengah jam sahaja. Dia telah bangkitkan bahawa industri kelapa sawit membunuh orang utan. Tiga kali. So itulah satu bagi saya *it's a propaganda*. Oleh itu kita mesti ada satu sijil MSPO walaupun mungkin ada sedikit kos tetapi kita hendak mewajibkan kesijilan MSPO untuk membuat *branding* bahawa negara kita, kelapa sawit kita adalah mapan, tidak *affect* alam sekitar dan kita bercadang supaya semua estet-estet disijilkan, diwajibkan persijilan pada tahun 2019 termasuk juga kelapa sawit. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menolong kita juga dari usaha ini. *We have no choice because many other countries are using propaganda to kill our palm oil industry* sebab lain-lain minyak masak telah meningkatkan propaganda mereka.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah *how far are we going to be able to aggressively propagate*, dengan izin. Setakat manakah kita bersedia untuk melaburkan, membuat pelaburan yang besar untuk memasarkan sawit, menjawab propaganda tadi dan juga meletakkan MSPO di persada antarabangsa? *How far are we going to go? How much are we willing to spend?* Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih. *I think we will go all out because* jika kelapa sawit kita tidak dapat masuk ke Eropah dengan eksais ini, *then* seluruh industri akan menghadapi satu masa depan yang sangat negatif. *That is why* bila Perancis pada masa itu hendak mengenakan duti yang terlalu tinggi kepada kelapa sawit kita, kita juga memberi

maklum kepada mereka. Jika *you* dikenakan duti ke atas kelapa sawit, kita juga akan *take action*. Kita juga akan *take action against French product* sebab *it is too important to us*. Saya telah beritahu kepada mereka bahawa kita cakap kita musnahkan hutan tetapi ini tidak betul. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita buat apa-apa, *MPOB ensure* bahawa kita mengikut undang-undang, kita jaga alam sekitar. Akan tetapi bagi saya ini semua adalah lobi-lobi *group* sebab dia ada persaingan kepada kelapa sawit. So adalah sangat mustahak dan saya memberi jaminan *we are going all out*. MPOB, MPOC dalam beberapa bulan ini juga bersama dengan Ahli Parlimen kita akan pergi ke Eropah untuk *present our case to the European Parliament*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dengan izin, *I don't want to sound rude but you know*, kita memang faham apa yang Yang Berhormat Menteri cakap itu dan kita tahu Yang Berhormat Menteri faham isunya. Cuma soalan yang asas sekali ialah *you have to put the money where your mouth is*. Berapakah yang kita hendak *commit* untuk promosikan MSPO dan untuk *differentiate* kita daripada minyak Indonesia sebab orang utan kita, *we don't have the problem there*. Kalaupun adapun dekat Sabah sikit-sikit sahaja tetapi kita ada Sepilok. Yang bakar habis, yang orang utan mati semua itu kebanyakan 99 peratus daripada Indonesia. Jadi promosi, kita cakap kita hendak *promote*. Berapakah- *what is the amount that you are going to commit? Are you fighting and asking for the Cabinet to give the right amount? Thank you*.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, sikit boleh tidak? Yang Berhormat Menteri, tambah sikit boleh? Tiga perkara yang Yang Berhormat Kelana Jaya cakap itu betul tetapi yang dua itu saya kurang setuju sedikit sebab *end of the day, as Yang Berhormat Menteri cakap it is up to the consumer to decide*. Kalau *Europe* tidak mahu beli kita, habislah, lumpuhlah kita punya industri. *So, we have to listen to what they've said consumer side*. Cuma MSPO ini *midstream and downstream centered*. Maknanya dia ambil kira lebih kepada *industrial* macam *Procter & Gamble*, dan *consumer which is in Europe*. Kalau kita tidak *meet standard* dia, dia boikot kita *then we have a lot of problem*. Itu satu.

Kedua, di Indonesia, *of course we are producing about 20 million tan. We have land limitation*, dengan izin. Tanah terhad tetapi di Indonesia, *they can go 10, 50 times size. They can go 50 to 60 million tan*. So kalau kita tidak *work* dengan dia, *it's not a very good, not very smart long term* punya *approach*. Jadi kita kena kalau boleh *inculcate good, working together with Indonesia. That's why we said that CPOPC* Saya punya alasan, CPOPC ini mesti dikukuhkan dan dengan cara itu sahaja kita *inculcate good agricultural practice* di kalangan *Indonesian* supaya dia tidak bakar. Kalau dia bakar di Indonesia, asapnya sampai ke sini juga. So maknanya di *European Country* kata *this is not sustainable*. Kalau *they are four, five times our size*, dia tidak bagus, kita pun *effected. No matter how good we are we say*. Itu satu.

Keduanya, saya hendak komen sedikit Yang Berhormat Menteri daripada Yang Berhormat Kuala Kedah cakap tadi. *We have gone through this once*. Dulu kita kena label *cancerous, nutrition value very bad but somehow MPOB have done a very good job*. Kita *overcome it*, *now no nutritional value problem anymore now but the problem* sekarang is

deforestation as sustainability. Fires, orang utan and all this thing. Itu sebab we have to work with our Indonesia, the biggest producer, with the bigger acreage and control the environmental impact because this is what chartered in their sustainability development growth yang diberi mantera by the whole European community. So, we have to play their game. Saya percaya MSPO must be diperkasakan bersama dengan ISPO baru kita have the volume and we have the strength to negotiate. Akan tetapi yang pentingnya this part I setuju. Kita kena ada a very strong team base in Europe because that is RM70 billion punya export market and we have to have empowerment in terms of budget, Menteri. Kalau tidak with the present way we doing now, I think kita cannot beat the tsunami that they are having in Europe now. Thank you.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Sikit sahaja, Yang Berhormat Menteri. *One sentence.*

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin? Saya agak setuju dengan Yang Berhormat Kelana Jaya tadi. Jumlah yang digunakan untuk melawan anti kelapa sawit ini mesti besar dan kita mesti menerangkan bagaimana kita menanam kelapa sawit. Kaedah kita. Tidak perlu memburukkan Indonesia tetapi bagaimana kita menanam sawit dengan kaedah yang betul. Umpamanya kita tidak ada pembakaran, kita tanam semula dan bukanlah saya hendak membandingkan Yang Berhormat Menteri sekarang dengan *the late* Keng Yaik tetapi Keng Yaik *spend a lot of money and time to promote* kelapa sawit dengan jumlah wang yang besar. Jadi saya setuju bahawa jumlah yang kita gunakan adalah kecil berbanding dengan saiz yang diperuntukkan oleh *government. We have to spend of money. This is our bread and butter.* Sawit adalah industri besar dan untuk melindungi, *promote* sawit, mesti juga menggunakan bajet yang besar, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. *One sentence.* Saya tidak pasti sama ada kita boleh lakukan pemasaran sawit Malaysia secara *indirect*. Syor saya ialah kalau boleh kita pasarkan sebagai *high quality Malaysian palm oil* ataupun *Malaysian Palm Oil as a brand*.

■1600

Saya juga faham bahawa kalau kita berjaya mempromosikan MSPO di persada antarabangsa, mungkin itu juga memasarkan sawit Malaysia. *So, we have to invest a lot more to get MSPO accepted at the international level.*

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih. Saya setuju, saya bersetuju bahawa kita menghadapi satu cabaran dan kita perlu bajet yang lebih. Pada masa ini, peruntukan promosi di MPOC adalah hanya RM43 juta, tadi ada tanya *RM43 million*. Saya akui ini tidak mencukupi sebab industri kelapa sawit kita adalah begitu penting, eksport sawit kita adalah RM65 bilion, antara produk yang terbanyak sekali dieksport.

Akan tetapi tadi saya tegaskan sekali lagi, sekarang banyak *criticism* dan juga *accusation* terhadap kelapa sawit kita dan oleh itu, sekali lagi saya tegaskan, mengapa kita perlu MSPO sebab MSPO akan dia ada macam ISO. Dia akan pastikan *Good Agricultural Practices, quality product* tidak memusnahkan alam sekitar. *So, with the MSPO, kita ada satu reason* untuk bila kita masuk ke pasaran baru dan lama, kita satu keyakinan kepada mereka.

Saya sudah beritahu kepada semua negeri pengimport bahawa bukan senang sebab kita ada 500,000 pekebun kecil. Kita ada banyak estet tetapi kita hendak memastikan untuk pastikan kualiti kelapa sawit adalah *safe* dan bagus, kita akan pastikan semua disijilkan. Itu bukan satu perkara yang senang tetapi *we have no choice* untuk masa depan kelapa sawit kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada berkaitan dengan pasaran...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri, ada soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang bangun, Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, ini adalah berkaitan dengan lesen MPOB yang dikeluarkan kepada pekebun-pekebun kecil. Saya ingin tahu, apakah dasar kita dari segi pandangan kementerian, adakah kementerian sanggup menggalakkan lesen MPOB kepada peneroka-peneroka FELDA yang telah buat tanaman semula dengan sumber mereka sendiri dan yang telah dianugerahkan geran kepada ladang-ladang mereka yang kita tahu adalah dalam saiz sepuluh hektar dan memang dalam lingkungan atau takrif pekebun kecil?

Akan tetapi apa yang saya difahamkan, ada beberapa yang dapat lesen MPOB tetapi ada ramai yang ditolak. Jadi saya ingin tahu daripada perspektif kerajaan ataupun kementerian, apakah dasar kita sebenarnya? Boleh kita galakkan dan berikan ataupun memastikan MPOB akan memberi lesen MPOB ini? Lesen ini adalah untuk supaya mereka boleh membekalkan FFB mereka kepada mana-mana kilang yang sanggup beli. Akan tetapi masalah sekarang, ramai tidak diberikan lesen MPOB itu. Minta penjelasan.

Datuk Seri Mah Siew Keong: MPOB ada kriteria dan saya akan bekalkan kriteria secara bertulis. Saya, sebab banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah telah bangkitkan isu mengenai pemakanan dan keselamatan minyak sawit serta pasaran *virgin palm oil* dan juga bahawa kegiatan kempen anti sawit di Eropah yang merosakkan imej industri sawit yang mengatakan bahawa kelapa sawit adalah *carcinogenic* atau *cause* kanser.

Saya tegaskan di sini bahawa minyak sawit bukanlah satu-satunya minyak sayuran yang mempunyai molekul *carcinogenic* seperti yang selalu dibangkitkan. Molekul ini juga hadir dalam semua minyak sayuran termasuk minyak soya. Sebenarnya, masih belum ada penemuan kukuh sama ada elemen ini benar-benar boleh menyebabkan kanser. Baik, saya *stress again*, ada banyak *report*, dia *target* terhadap kelapa sawit. Sebenarnya, *3-MCPD* adalah juga di semua minyak masak dan juga bukan sahaja kelapa sawit dan belum ada *conclusive evidence*.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Datuk Seri Mah Siew Keong: Sungguhpun demikian, sebagai langkah proaktif dalam Bajet 2017, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi meningkatkan standard minyak sawit untuk mematuhi standard yang ditetapkan di pasaran Eropah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya jelaskan sedikit? Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak jelaskan ataupun minta penjelasan, Yang Berhormat?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Jelaskan tentang soalan saya itu. Apa yang saya bangkitkan tentang *virgin palm oil* ataupun minyak sawit dara ialah kerana untuk mengubah persepsi masyarakat. Kita ada minyak sawit asalnya dengan izin, *unrefined palm oil*, minyak sawit merah kemudian kita proses. Kalau yang kita pasarkan yang kita proses, itu betul. Kita boleh teruskan tetapi kalau kita juga boleh memasarkan sebagai makanan kesihatan, *unrefined palm oil* ataupun minyak sawit merah yang memang sangat berkhasiat kerana ia punya pro vitamin A, *carotene*, *ubidecarenone*, *tocotrienol* dan lain-lain lagi sebagaimana juga minyak kelapa dara.

Maka di dalam kepala atau benak masyarakat, sawit *equal health*. Minyak sawit sihat dan itu akan merubah persepsi masyarakat. Bila merubah persepsi, kalau isu lain ditimbulkan seperti *3-MCPD* dan lain-lain lagi di masa depan, itu akan tidak lekat di hati masyarakat. Seperti minyak kelapa, dahulu minyak kelapa dianggap tidak baik tetapi bila minyak kelapa dara sebagai konsep dipasarkan, di Barat orang menganggap minyak kelapa baik. Sedangkan bila minyak kelapa diproses, ia juga menghasilkan *carcinogenic* molekul iaitu kita pasarkan sebagai *health food*, *health supplement*, diambil sebagai suplemen untuk merubah persepsi sebagai sebahagian kempen kita juga. Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berkaitan minyak dara kelapa sawit, sudah. *Okay, fine*. Sekarang kita ada banyak macam *virgin coconut oil*, *virgin olive oil*, sekarang ada *extra virgin olive oil*, semua ada ekstra-ekstra.

Mengenai isu *virgin palm oil*, Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah *pattern*-kan proses pengeluaran minyak tersebut. Walau bagaimanapun, kos pengeluaran *virgin palm oil* adalah masih tinggi. Namun demikian, *virgin palm oil* berpotensi sebagai produk premium yang bernilai tinggi untuk pasaran Malaysia. Akan tetapi saya ambil kesempatan memberitahu, MPOB telah juga buat *research* di mana kita *compare* kebaikan kelapa sawit dan *olive oil*. *Olive oil I think* lima sampai sepuluh kali ganda lebih mahal dari *palm oil* dan *tests* menunjukkan bahawa mereka adalah sama. So, ini juga di-*confirm* di *Nutritious Science Society of China*.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya tambah? Minyak *olive*, minyak zaitun, tidak ada *ubidecarenone*, tidak ada *tocotrienol*, tidak ada *carotene*. Jadi, *as a whole food* sebagai makanan suplemen, minyak sawit jauh lebih baik. Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih. Saya setuju [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tambah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Datuk Seri Mah Siew Keong: Saya setuju sebab pada masa kempen kita hendak memasarkan kelapa sawit, ada banyak NGO juga luar negara yang memburukkan imej kelapa

sawit tetapi apa yang saya kecewa, ada pihak-pihak tertentu di negara kita juga memburukkan imej kelapa sawit...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: IJN, IJN, Institut Jantung Negara, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Menteri, panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya memang setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah dan juga Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa dari segi *nutrition* kita memang baik. Akan tetapi apa yang saya faham tentang karsinogen yang di-raise oleh *European Unions* adalah kita punya *chain process* kita tidak terkawal. Maknanya, apa yang kita jual di *shelves* di EU, sebenarnya bila di *test* adalah berlainan. Maknanya terdapat terlalu banyak *impurity* dan terlalu banyak air di campur semua, proses kita tidak terkawal.

Jadi apa yang kita buat yang kalau kita dapat minyak terus daripada pokok itu kita *test* di *lab*, memang baik. Akan tetapi apa yang dijual adalah berlainan dan ini membimbangkan kerana ini adalah isu karsinogen yang dibawa oleh EU. Jadi yang paling penting bagi saya Yang Berhormat Menteri kalau boleh, dapatkan bajet yang lebih besar, kawalkan proses, pastikan apa yang dijual adalah bersamaan dengan apa yang kita *test* di Malaysia. *You have to tighten the entire chain, supply chain* sebab banyak kita tahu campur air daripada *meal* CPO itu dia campur air.

■1610

Ada yang pakai minyak kotor. Minyak longkang campur balik, jual balik. Maknanya kita kena jaga proses orang yang jual minyak sawit ini, prosesnya kena dipantau. *Why enforcement must be very strong. Eitherwise it will destroy the entire industry.* Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri sikit lagi.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Seri Mah Siew Keong]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sikit, belakang YB Menteri.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Ya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar begitu hebat sekali tentangan daripada barat sana berkenaan dengan minyak kelapa sawit kita.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah perjuangan menentang ini menceritakan kita menceritakan tentang R&D kita, tentang kebaikan, semua ada data. Adakah cara kita menentang, melawan ini adakah berseorangan ataupun secara bersepadu

kerana bukan kita sahaja pengeluar, Indonesia keluar lebih banyak, Thailand juga antara pengeluar yang besar di dunia ini. Apakah, adakah satu usaha yang bersatu padu antara negara-negara pengeluar utama ini untuk menceritakan segala kebaikan dan memberikan penjelasan dan keyakinan kepada negara-negara ini tentang kebaikan perusahaan sawit ini. Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih. Oleh sebab itu kita hendak meningkatkan aktiviti *council of palm oil producing countries*. Tadi saya tegaskan sekarang Indonesia dan Malaysia sahaja, kita akan *invite* yang lain negara untuk bersama dan seperti cadangan ahli Yang Berhormat, Menteri yang berkaitan di Indonesia dia telah juga cadang kepada saya bahawa kita dua-dua pergi ke *Europe* sekali, *together for a joint promotion effort*, saya terima cadangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kuantan, ada di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kuantan tidak ada dalam Dewan.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Tidak ada ya? So saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Can skip..*

Datuk Seri Mah Siew Keong: Okey, saya akan bagi jawapan tulis. Ahli Yang Berhormat Bakri. Okey ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Okey, Ahli Yang Berhormat Bakri telah bangkitkan status hab perabot di Bukit Bakri dan masalah yang dihadapi pengusaha perabot di Muar terutamanya kekurangan pekerja dan bekalan bahan mentah. Untuk maklumat ahli Yang Berhormat Bakri, sejak tahun 2014, kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama MTIB serta *Muar Furniture Association* telah bangukan sebuah hab perabot di Bukit Bakri Muar. Hab perabot ini akan mula beroperasi pada tahun 2019.

Saya dimaklumkan, majlis pecah tanah akan diadakan tahun 2017, tahun ini dan sehingga kini banyak syarikat perabot bumiputera dan bukan bumiputera telah membeli lot kilang di kawasan ini. Mengenai isu kekurangan pekerja dan bekalan bahan mentah pula. Pihak kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat masalah yang dihadapi sehingga kini sebanyak 88 buah syarikat perabot di Muar telah diluluskan untuk mendapatkan pekerja asing. Syarikat-syarikat di Muar telah memohon sebanyak 9,475 orang pekerja yang diluluskan setakat ini adalah 9,367 pekerja. Pada masa yang sama, kerajaan turut membantu syarikat perabot untuk melaksanakan *Lean Management* serta amalan perkilangan terbaik bagi meningkatkan produktiviti serta mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas bangun Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan atau penjelasan, memandangkan duit Ringgit Malaysia sudah menurun mendadak sejak 1 Januari 2013 di mana USD1 kepada RM3 sudah

menurun kepada USD kepada lebih kurang RM4.50 sen. Ini menyebabkan gaji pekerja-pekerja asing yang dianggarkan dua juta dikatakan secara sah dan lebih kurang empat juta PATI tanpa permit ataupun Pekerja Asing Tanpa Izin, kita baru-baru ini dapati ramai pekerja-pekerja asing terutamanya dari Indonesia, Vietnam dan Thailand sudah hendak balik ke negara asal mereka kerana pembangunan yang pesat di Indonesia, Vietnam dan Thailand. Gaji di sana sudah naik dan mereka dapati..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Gaji yang mereka dapat di sini sudah turun mendadak mungkin sampai 30 *percent*. Jadi, ramai yang pergi balik ke negara masing-masing. Apakah rancangan? Adakah kerajaan sudah membuat satu rancangan, kalau semua pekerja-pekerja asing ini balik ke negara asal, apakah akan terjadi kepada ladang-ladang getah, kelapa sawit dan juga kilang-kilang di Malaysia yang sangat memerlukan, yang menggunakan tenaga sebahagian besar daripada tenaga kita daripada pekerja-pekerja asing. Apakah tindakan atau rancangan sudah diatur untuk menangani masalah ini? Kalau tidak seluruh industri perladangan dan kilang-kilang *will be paralyse*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri boleh jawab secara bertulis jika tidak disuarakan ketika perbincangan.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Ya, saya akan bagi...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang terhormat Menteri, soalan dari Bakri.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Ya. Saya akan teruskan.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey. Boleh? Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri rasa bukan hab perabot Malaysia akan dipecahtanahkan pada tahun 2017. Saya hendak tahu tarikh yang sebenarnya, tarikh bila? Tadi Yang Berhormat Menteri belum sebutkan tahun 2017 tahun ini tetapi penduduk hendak tahu bulan bila hendak pecah tanah hab perabot Malaysia ini?

Datuk Seri Mah Siew Keong: Saya dimaklumkan...

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Yang terhormat Menteri...

Datuk Seri Mah Siew Keong: Okey.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Yang terhormat Menteri tadi ada katakan pekerja asing pelabur di Muar itu, saya masih difahamkan bahawa kerajaan telah meluluskan apa yang dikatakan oleh Yang terhormat Menteri tetapi sehingga kini pekerja asing masih tidak dapat masuk ke Malaysia. Jadi bolehkah Yang terhormat Menteri bagi penjelasan, bilakah pekerja asing di benar masuk ke Malaysia untuk industri perabot ini?

Datuk Seri Mah Siew Keong: Kaitan dengan pekerja asing yang diluluskan, kita telah buat laporan kepada KDN dan kita harap dapat dipercepatkanlah secepat mungkin. Okey, bila akan dipecah tanah, yang akan pecah tanah itu bukan saya tetapi saya dimaklumkan anggarannya adalah Jun tahun ini. Okey.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah harga bahan mentah, okey. Kenaikan harga bahan mentah terutamanya kayu getah bergergaji pada tahun ini disebabkan oleh

beberapa faktor seperti kenaikan harga *latex*, berkurangan kawasan tanam semula getah serta musim hujan yang menyukarkan aktiviti penebangan kayu getah. Kementerian akan sentiasa memantau situasi bekalan dan permintaan supaya bekalan akan terus mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Gerik, Gerik ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada Yang Berhormat

Datuk Seri Mah Siew Keong: Ya, ada, ada ya. Ahli Yang Berhormat Gerik telah cadangkan supaya usaha pembangunan produk-produk baru getah yang berpotensi meningkatkan pendapatan pekebun kecil terus diberi tumpuan. Dalam masa yang sama ahli Yang Berhormat Baling dan ahli Yang Berhormat Pokok Sena telah membangkitkan isu potongan jualan getah yang dikenakan oleh pembeli dan kilang getah yang didakwa terlampau tinggi sehingga menjejaskan pendapatan pekebun kecil getah.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian bersama dengan Lembaga Getah Malaysia sentiasa menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan produk-produk baru. Usaha ini adalah untuk meningkatkan permintaan penggunaan getah yang dijangka mampu mengukuhkan harga getah tempatan. Antara produk baru adalah *rubber rise road* yang menggunakan *cup lump*, *modified bitumen*, *green rubber insulator* dan *green retreat*. Kementerian yakin penggunaan getah tempatan dalam produk baru ini akan meningkatkan permintaan terhadap getah dan seterusnya mengukuhkan harga getah.

Dalam usaha meningkatkan peranan dan taraf ekonomi pekebun kecil, kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia telah memperkenalkan pendekatan baru di mana pekebun kecil diberi peluang untuk turut terlibat dalam aktiviti tambah nilai. Ke arah ini kerajaan telah membangunkan sebuah pusat proses getah *creep model* penyelidikan skala pandu- *pilot scale*, bernilai hampir RM3 juta di Sungai Sari Kedah seperti mana yang telah dilawat oleh Yang Berhormat Gerik.

■1620

Pusat ini menghasilkan getah separa proses yang berkualiti dan pulangan dari nilai tambah ini disalurkan kepada pekebun kecil dalam bentuk input pertanian. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa pada takat ini ia adalah *technical feasible*, belum pasti *commercial feasible*. Untuk menjayakan hasrat ini, LGM akan meningkatkan kerjasama dengan RISDA bagi mengenal pasti lokasi-lokasi yang bersesuaian untuk mewujudkan lebih banyak pengeluaran getah grip.

Berhubung dengan isu harga getah dan diskaun ke atas harga getah yang tinggi dan berubah-ubah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan bahawa kementerian mengambil serius tentang perkara ini dan akan terus memantau untuk memastikan pendapatan para pekebun kecil tidak terjejas.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, diskaun yang tinggi pada harga getah yang diterima oleh pekebun kecil adalah berikutan dengan perubahan harga pasaran yang drastik sejak akhir-akhir ini. Harga pasaran pada beberapa bulan yang lalu iaitu RM5 ke RM6 sekilogram telah melambung kepada RM10 dan jatuh balik. So, *volatility*nya ini adalah sangat

tinggi. Bila *volatility*nya sangat tinggi, harga yang dibayar oleh *processer* juga akan berbeza sangat.

Walaupun bagaimanapun, kita akan memantau dan satu cara kita hendak menghadapi masalah ini adalah kerajaan telah peruntukkan RM6.4 juta sebagai bantuan modal kepada 40 buah koperasi pekebun kecil untuk membantu koperasi tersebut membeli getah daripada pekebun kecil dan menjualnya terus kepada pengilang. So melalui mekanisme ini, rantaian orang tengah dapat dikurangkan ke minimum dan pekebun kecil menerima harga di ladang sehingga 20 sen sekilogram lebih tinggi.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, masalah kita ialah sejauh mana koperasi boleh membantu pekebun kecil dalam membeli balik getah-getah yang dijual kepada koperasi? Ini kerana kita tahu koperasi sendiri tidak mempunyai modal yang tinggi. Sementara di peringkat kementerian melalui Lembaga Getah, kita faham bahawa banyak lesen-lesen membeli getah diberikan kepada pembeli-pembeli getah yang mana kita tahu pembeli-pembeli getah kebanyakannya bergantung kepada kilang-kilang yang besar dan akhirnya itu yang dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli Parlimen dan juga penduduk kampung kompelin soal pemetongan getah *cuplumps* tadi terlampau tinggi. Jadi apa usaha lain yang boleh daripada segi kementerian membantu supaya harga ini lebih stabil?

Saya melihat kalau kita boleh beralih kepada produk dalam negara, permintaan dalam negara seperti tayar yang sehingga hari ini, kita melihat kita tidak ada satu jenama yang cukup terkenal untuk Malaysia kecuali kalau kita kata daripada Thailand, tayar *Michelin* tetapi dalam negara kita, kita ialah antara pengeluar getah asli yang terbanyak dalam dunia. Jadi itu yang kita melihat. Lembaga Getah sebenarnya mempunyai kepakaran sejak berapa lama tetapi sehingga hari ini kita tak nampak produk yang dikeluarkan oleh Lembaga Getah tadi boleh membantu pekebun-pekebun kecil di seluruh negara. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya setuju. Oleh itu, sekarang kita ada satu program untuk jalan getah. Bagi saya, ini adalah satu yang akan menjadi *game changer* sebab walaupun mengikut kajian *rubberize road* ini adalah lebih tinggi daripada segi kos permulaan tetapi jalan-jalan biasa selepas empat tahun, dia hendak buat turap sekali lagi tetapi untuk *rubberized road*, adalah lapan tahun. Kos permulaan adalah lebih tinggi tetapi kos jangka panjang dan jangka lama adalah lebih efisien dan bagi saya, tadi saya tegaskan, ia adalah satu *game changer*. Jika kita semua mula guna *rubberized road*, ini akan menolong pekebun kecil.

Dan saya juga setuju, itulah masalah, modal-modal. Banyak koperasi yang kita mulakan tidak cukup modal. So sekarang kita bagi mungkin satu koperasi kita bagi sampai RM140,000 di mana RM110,000 boleh dibeli kenderaan untuk kumpul getah dan RM30,000 untuk *cashflow*. Mungkin ini tidak mencukupi terutamanya apabila harga getah menaik. Macam empat bulan dahulu, harga getah adalah RM5 sekilogram dan sekarang harga getah RM9. So daripada segi modal, dia perlu dua kali ganda. So kita dalam kajian untuk bolehkah kita beri

lebih *cashflow* kepada mereka. So kita akan bekerja lebih keras untuk meningkatkan permintaan terhadap getah.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan sikit. Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian sedar *rubberized road* ini telah pun dilaksanakan di Thailand dan kajian dibuat selama dua tahun didapati *rubberized road* ini banyak kemalangan berlaku disebabkan licin dan sebagainya. Jadi adakah kementerian Menteri sedar perkara itu? Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Saya tidak boleh komen terhadap negara jiran tetapi kita sudah buat kajian di tiga jalan kecil di negara kita dan mengikut kajian, tidak ada masalah. Dia boleh tahan lasak dan sebenarnya lebih selamat sebab *traction* dia.

So saya hendak mengakhiri dan sekali lagi saya hendak...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Menteri, boleh bagi cadangan? Rumusan kepada rumusan Menteri. Menteri, saya dengar dengan teliti. Saya nak balik sedikit kepada sektor kelapa sawit tadi.

Saya difahamkan Menteri membelanjakan RM43 juta untuk mempertahankan sektor kelapa sawit ini dan juga Menteri pun telah kaitkan dan mengatakan bahawa hasil adalah RM65 bilion. Setuju? Okey. Oleh sebab itu, kalau kita gunakan satu *percent* pun, hampir RM650 juta perlu digunakan untuk mempertahankan sektor ini. RM43 juta ini jauh daripada duit yang diperuntukkan. Saya boleh duduk di sini dan merasai apa yang dialami oleh kementerian dan saya rasa *problem* ataupun masalah sekarang adalah kekurangan dana. So saya rasa Yang Berhormat Menteri perlu menuntut jumlah yang lebih besar, sekurang-kurangnya RM200 juta untuk mempertahankan sektor kelapa sawit ini. Kalau tidak, saya rasa tahun depan pun kita akan duduk membahaskan benda yang hampir sama.

So, priority has to set right. Macam kita membelanjakan RM379 juta untuk satu hotel di Langkawi, St. Regis. *Why aren't we not setting our priority correct?* Minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulunglah Yang Berhormat.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih atas sokongan untuk mendapat lebih bajet kepada kementerian kami. Saya akhiri sekali lagi, saya hendak beritahu...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Boleh satu lagi? Tuan Yang di-Pertua, bila saya melawat di kilang Sungai Sari, getah bila dia proses yang di bawah Lembaga Getah Malaysia, akhirnya dia akan dapat tiga produk daripada kilang yang RM3 juta yang Menteri beritahu. Akan tetapi sehingga setakat ini, sejauh mana kementerian memberi fokus untuk memastikan kilang yang dibuat oleh Lembaga Getah tadi boleh kita guna pakai di semua kawasan getah terutama-saya tawarkan datanglah ke Gerik dulu tetapi kerajaan kena bantulah peringkat awal ini kan. Pasal saya cukup yakin bila saya tengok getah *cuplump* yang kualiti tinggi, protein dengan gula yang tiga produk di samping air lebihan tadi boleh menjanakan mini hidro yang kecil, jadi ini mungkin boleh menambah pendapatan mereka yang menoreh getah. Cuma, sejauh mana perkara tersebut diberi perhatian oleh kementerian dan juga Lembaga Getah untuk kita betul-

betul *apply* digunakan oleh rakyat? Pasal, saya cukup yakin kalau betul-betul diberi peluang, masa hadapan penoreh getah akan lebih bermakna. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Menteri, sikit, *last*. Pendek sahaja. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya tadi setuju dengan Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Kelana Jaya. Cuma, kuantum *one percent* itu saya tak tahulah *where it come from*. Cuma bagi saya, pengalaman saya pergi sana, kita dah ada *manpower* di *Europe*, Tuan Yang di-Pertua, ada seorang, *very good doctor*, tapi *what we need is to collaboration* dengan Kementerian Luar dan pejabat-pejabat kita di sana, *so that will be more blue ocean* punya strategy that kita *engage move more people*. *Doesn't means that you have to, of course need more money but not that really big*, sampai kita jadi kekangan, sampai tak boleh nak bergerak. *So, I think the government* punya *machinery* sudah ada di *Europe*. So, kita kena *materialise*, satu.

■1630

Keduanya Yang Berhormat, satu lagi saya *notice that if we can get them, the senior people, the key people from European* datang melawat kita. *Will make a whole lot of difference* sebab bila dia datang sini, dia tengok kelapa sawit kita, dia terperanjat. Dia *thought the* kelapa sawit ini macam *cash crop*. *So, I think managing the perception, managing- giving the proper message and they can come and see for example FELDA*. Jadi, kita *present FELDA* punya kes or *small holder* punya skim, and kita ada FELDA, FELCRA, RISDA. *I mean- and regional development authorities* macam KEJORA. *All these people are handling* kelapa sawit *as well and of course, this is the way different from the way Indonesian handle*. *Because*, dia tidak ada agensi yang buat macam ini.

So, kita *can do, not very extensively, but kita must be very focus and there are a very clear framework* dan *of course, need more budget* dan kita ada '*blue ocean*'. Kita ada banyak *machinery* kita di *Europe to mobilise*. So, kadang-kadang kita tengok *the* duta pun mungkin dia tidak berapa *aware* sangat *about this*. *So, with that I think, we can do cost effectively and meet our objectives*. Itu pandangan saya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih. Saya bersetuju sebab pada bulan dulu bila Ahli-ahli Parlimen *European Unions*, mereka datang melawat. Ada juga jumpa dengan beberapa Ahli Yang Berhormat. Mereka beritahu saya, pada masa hari mereka sampai pada masa itu, banyak skeptism terhadap industri kelapa sawit. Selepas 3 hari di sini, mereka juga *suprise*. So, ini adalah yang kita hendak galakkan supaya lebih Ahli-ahli Parlimen dari *Europe* akan datang ke Malaysia. Mereka boleh tengok dengan mata sendiri.

Yang kedua, berkaitan dengan Yang Berhormat Gerik. Saya setuju, sekarang dia masih belum *commercial viable* tetapi daripada segi *cup lump* itu tadi Ahli Yang Berhormat tanya, dapat berapa produk.

Yang pertama, itu getah beku ia adalah lebih berkualiti, *the crepe product*. Yang kedua, air dari *cup lump* itu kita telah dalam- kilang itu telah buktikan ia boleh dibuat serum untuk makanan haiwan. So, potensinya adalah begitu besar dan kita haraplah tidak berapa lama lagi kajian akan memastikan bahawa ini adalah *commercial viable*. Saya- tadi saya beritahu industri

komoditi kita adalah banyak potensi dengan menggunakan sains dan *research*. So, saya menafikan sekali lagi ada berapa artikel yang tulis bahawa industri komoditi adalah *sunset industry*, getah adalah *sunset industry*. Itu langsung tidak benar.

Macam tahun ini, *Malaysian International Trade and Exhibition Center* (MITEC). Ia akan siap tahun ini. Ini adalah 10 kali lebih besar daripada *KL Convention Center*, MATRADE dan yang menarik perhatian saya ialah, bentuk bangunan tersebut menyerupai benih getah. So, some asked, "*Why benih getah?*". So, they tell me untuk *acknowledge past contributions of industry* getah. So I tell them, saya tidak bersetuju sebab bukan *past contributions* tetapi *future contributions* sebab getah dan komoditi adalah masa depan negara kita. Saya ucap terima kasih kepada cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan dalam perbahasan ini menyentuh bidang kuasa kementerian, saya telah cuba menjawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, giliran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

4.34 ptg.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Datuk Seri Ong Ka Chuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Titah Diraja 2017, 7 Mac hingga 16 Mac 2017. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang isu TPPA. Berikutan pengunduran Amerika Syarikat daripada TPPA pada 30 Januari 2017, TPPA kini tidak boleh dilaksanakan kerana pada Artikel 30.5 TPPA menetapkan bahawa perjanjian ini hanya boleh di kuat kuasa apabila ratifikasi dilaksanakan sekurang-kurangnya oleh 6 negara yang mewakili 85 peratus jumlah keseluruhan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara TPP.

Amerika Syarikat sahaja menyumbang kepada 60 peratus daripada jumlah keseluruhan KDNK negara-negara anggota TPP. Justeru, Malaysia dan negara-negara anggota TPPA lain sedang menimbang beberapa alternatif sebagai langkah seterusnya. Dijangkakan perbincangan formal yang lebih mendalam akan berlangsung di Vietnam semasa pertemuan Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan (APEC) yang akan diadakan pada bulan Mei akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah seterusnya, Malaysia meletakkan keutamaan kepada perjanjian perdagangan bebas yang sedia ada di mana kita telah muktamadkan seperti ASEAN dan juga kita menandatangani 13 FTA dengan ada *FTA multilateral*, dan juga 6 multilateral, 7 bilateral. Juga kita sedang berusaha untuk memuktamadkan ARCEP kerana kerajaan berpandangan bahawa ARCEP merupakan pilihan yang terbaik kepada Malaysia buat

masa ini. ARCEP adalah integrasi antara 10 negara ASEAN dengan rakan-rakan dialog kita iaitu China, India, Korea, *Japan*, Australia dan New Zealand.

Kita juga bergiat untuk mengambil langkah susulan untuk mengeratkan kerjasama perdagangan dengan negara-negara seperti negara China di bawah inisiatif '*belt and road*', dan juga kita sedang juga berusaha dengan negara-negara *Gulf Corporation Council* seperti Arab Saudi supaya kita dapat eratkan hubungan perdagangan antarabangsa dengan negara-negara kita ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga akan buat lawatan ke negara India pada bulan akan datang, di mana kita jangka juga akan dapat mengeratkan hubungan perdagangan antara dua negara.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya bangun, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang- saya dengar daripada Yang Berhormat Jeli ataupun Yang Berhormat Menteri MITI bahawa kita akan mulakan semula CAUCUS TPPA tetapi memberi fokus kepada ARCEP. Akan tetapi saya hendak tanya, soalan saya ialah Yang Berhormat Menteri sudah cakap dia hendak buat ya. Apa yang saya hendak tanya ialah sama ada CAUCUS akan diberi teks untuk ARCEP? Oleh sebab masa kita CAUCUS di TPPA, teks itu tidak diberi langsung. Saya sanggup *sign any non-disclosure agreement*. Akan tetapi saya rasa oleh sebab negara China, motif dia untuk ARCEP ini kurang lebih baik daripada motif Amerika Syarikat untuk sekat negara China. Jadi maknanya, *geopolitical* isu dia sudah tidak ada. Sama ada Yang Berhormat Menteri sedia untuk bagi teks kepada CAUCUS ataupun tidak, bagi kepada seluruh Parlimen. Terima kasih.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Saya faham. Nanti saya ada jawapan untuk CAUCUS ini. Jadi, saya akan habiskan. Selain daripada itu, kita juga sedang berusaha dengan mempertingkatkan hubungan ekonomi, pelaburan dan perdagangan dengan negara-negara yang disasarkan di Asia, Amerika dan Eropah. Kita sedang berusaha, berunding dengan *European- EU* untuk meninjau sama ada kita boleh mencapai Malaysia EUFTA, kita sedang runding. Lapan rundingan telah diadakan dan kita harap dapat dicapai satu persetujuan yang lebih jelas tidak lama lagi.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Jadi, untuk jawab Yang Berhormat. Di peringkat domestik, konsultasi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat melalui Mesyuarat CAUCUS juga akan diteruskan untuk melaporkan perkembangan rundingan, khususnya ARCEP dari semasa ke semasa.

■1640

Saya nak tambahkan sedikit. Sebenarnya RCEP ini sepertimana saya katakan ia adalah merupakan integrasi antara sepuluh buah negara ASEAN. Ini tidak ada masalah sebab kita ada sudah ada ASEAN, FTA tetapi yang masalah enam buah negara yang *dialog partner* ini mereka tidak ada FTA antara mereka. Macam India dengan negara China, dengan Jepun dan sebagainya. Maka dia tidak dapat mencapai satu persetujuan dalam jangka masa yang

pendek. Sebenarnya kita harap dapat muktamadkan RCEP ini pada tahun yang lepas, malangnya kerana enam buah negara ini tidak ada FTA antara satu sama lain, maka ia telah mengganggu proses kita memuktamadkan RCEP ini.

Jadi Yang Berhormat, kita bukan hendak melindungi rahsia atau masalah, bukan masalah ASEAN, masalah di enam buah negara *dialog partner* kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri berkait dengan perhubungan di antara TPP dan juga dengan RCEP. Saya telah pergi untuk mesyuarat rundingan RCEP di Indonesia, saya ingat Disember lalu. Di mana saya telah berjumpa dengan *lead negotiator* daripada India. Beliau mengatakan kepada saya bahawa negara-negara seperti Jepun, Australia dan juga Korea Selatan ingin membawa *the highest standard of international property rights chapter* dan juga bab pelaburan, bawa masuk kepada RCEP.

Saya bangkit isu ini sebab kita di ASEAN ada tiga negara seperti Myanmar, Cambodia dan Laos di mana institusi mereka *is not equipped to have the highest standard of international property rights* ataupun bab *investment*, ataupun bab pelaburan. Saya juga, *as reminded* apa yang dikatakan oleh Menteri MITI dalam mesyuarat kokus di mana *it's ASEAN lead, not China lead but ASEAN lead and therefore the standard will not be TPP standard* tetapi *lower* oleh kerana kita terpaksa *accommodate* negara-negara yang masih di belakang macam Myanmar, Cambodia dan juga Laos.

Oleh kerana itu, saya tidak begitu faham bila kerajaan cakap *they are not going forward with TPP*, itu saya faham. *I understand where America is but I don't understand where Malaysia is going* sebab sekarang kita ada Jepun, *TPP partner*, Australia *TPP partner*, South Korea yang ada *agreement* dengan Amerika Syarikat *which are pushing for the highest standard of IPR* dan bab pelaburan di dalam RCEP. *So therefore, we are back to TPP without TPP*. Minta penjelasan.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Ini adalah dua perkara yang berlainan. Jadi saya rasa ia tidak ada hubung kait dengan piawai yang dirunding dalam TPPA. Pada masa TPPA adalah satu FTA yang paling komprehensif *and* dia punya piawaian cukup tinggi seperti dalam IPR dan *state-owned enterprise* dan sebagainya. Jadi itu satu piawai yang pada saya buat masa sekarang adalah piawaian yang paling tinggi.

Akan tetapi untuk RCEP seperti mana saya jelaskan, ia bukan masalah ASEAN kerana ASEAN, kita telah melalui seperti mana Yang Berhormat kata kita ada negara macam Laos, Myanmar dan sebagainya, LDC atau *less develop countries*. Kita ambil 20 tahun untuk muktamadkan RCEP. Jadi pada ASEAN keseluruhannya tidak ada masalah. Cuma enam buah negara ini, mereka tidak dapat mencapai persetujuan kerana apabila kita tandatangani RCEP, 16 buah negara, mereka harus ada persetujuan, maka baru boleh muktamadkan perjanjian. Jadi enam negara ini masih ada perbezaannya. Akan tetapi saya rasa kita telah hampir capai satu rumusan. Saya haraplah kita akan dapat muktamadkan pada tahun ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya ramai orang rasa untuk RCEP ini negara China adalah *driver*. Sebenarnya ASEAN, sekretariat ASEAN patut jadi *driver* kerana negara China ada dia punya program yang lain *One Belt, One Road* jadi untuk RCEP dia sokong tapi dia tidak mahu menjadi *driver* untuk RCEP ini. Oleh kerana tidak ada satu *driver* macam negara China atau Amerika di TPPA, kita perlu sebuah negara menjadi *driver*. Jadi buat masa sekarang, ASEAN sekretariat perlu jadi *driver* untuk memuktamadkan ASEAN ini.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun]

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada beberapa yang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Selayang.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya teruja dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya dan Yang Berhormat Klang.

Saya setuju, sebenarnya RCEP ini *ASEAN 10 plus 6. It is not driven by China, it's driven by ASEAN. ASEAN should be the driver.* Cuma dari segi saiz itu, *China of course by now China is second biggest economy about USD11 trillion.*

By 2027, China will surpass America as a biggest economy in the world. Kita tahu *by 2030 China bigger*; kedua, India GDP wise; ketiga, Amerika; keempat, Japan; dan nombor lima, Indonesia. *Quiet surprisingly Indonesia, Indonesia is coming up very fast.* Akan tetapi kalau Indonesia *as one of the ASEAN member*, kalau campur kita pun besar. Maknanya kalau campur China, India dan ASEAN, kita *the center the bigger weightage of the economy activity in a whole world.*

Cuma saya hendak katakan di sini, walaupun begitu tapi *Amerika is still the driving, big force.* Kita dah buat *comprehensive agreement with TPPA, all are not lost.* Walaupun sekarang ini Menteri cakap, kita macam *slow down* dulu, kita *consider RCEP*, saya setuju. Akan tetapi kita jangan lupa bahawa *Amerika still there with NAFTA.* Dia masih lagi- dan sebenarnya TPPA ini *is a precursor* ataupun prakarsa untuk *bigger economy block which is* kita percaya *it's APEC. That is why APEC is set up in the first place about 20 years ago.*

Jadi saya hendak mencadangkan kepada Menteri, kita fokus pada *RCEP with the high standard* yang kita ada TPPA, *of course* kita tidak boleh sampai TPPA tetapi kita jangan *abandon totally because* kita juga masih mempunyai kepentingan di *South America* dan juga *North America* punya *interest.* Perkara ini akan berlaku *still take 10 to 15 years.*

Jadi saya fikir, dalam kita kata kita *slow down*, saya hendak bagi pandangan lain kepada Menteri, kalau boleh TPPA ini jangan kita *abandon* tetapi kita fokus kepada RCEP dan kita mesti melihat dalam keadaan di mana tiba-tiba kita Malaysia ataupun rantau Asia Tenggara akan menjadi *focus of economic GDP in the next 15 to 20 years.* Itu sebabnya saya tekankan, satunya tadi dalam *primary industry is sustainable development growth (SDG) 2030* yang mana kita juga mesti *comply* dan mesti seiring dengan keterlibatan kita dalam *trade* perdagangan antarabangsa. Terima kasih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang bangun, hendak bagi Yang Berhormat?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kembali kepada cadangan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya untuk mengadakan kokus dengan maklumat yang penuh kerana ini memang satu amalan yang baik. Berbanding dengan TPPA, saya faham bahawa TPPA ada syarat di mana perundingan itu menjadi satu rahsia dengan klausa *confidentiality* tetapi fahaman saya tidak ada syarat yang sama untuk RCEP. Saya setuju dengan cadangan bahawa kerajaan mengamalkan kokus dengan memberikan semua Ahli Dewan yang mulia dengan maklumat yang penuh supaya kita dapat berunding bersama dengan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Mungkin tadi Yang Berhormat Menteri tidak faham soalan saya. Sebenarnya soalan saya ialah negara-negara Jepun yang juga dalam konteks RCEP, Korea Selatan dan juga Australia sekarang mendesak RCEP supaya terima *the highest standard of IPR and investment* dalam RCEP. So, apakah respons Malaysia ataupun ASEAN dalam konteks ini? Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Jadi saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi. Memang TPPA ini adalah satu FTA dari segi piawainya yang tinggi. Malaysia melalui kesusahan untuk berunding dan kita pun telah mendapat banyak pengalaman dalam TPPA ini dari segi IPR dan sebagainya.

■1650

Kita rasa kita tidak harus gugurkannya sewenang-wenangnya kerana kita boleh gunakan ini sebagai satu *blueprint* untuk FDA masa akan datang. Untuk Yang Berhormat daripada Klang, sebenarnya RCEP bila di runding dia adalah berlainan dengan TPPA. Jadi seperti mana yang saya katakan piawai di TPPA ini dia tidak boleh dibandingkan dengan RCEP. Jadi pada masa kita buat rundingan saya rasa kita telah mencapai satu hala tuju di mana kita gunakan *blueprint* di RCEP, kita tidak boleh pakai apa yang berlaku di TPPA. Mungkin ada negara seperti Jepun dan sebagainya boleh bangkitkan mahu gunakan kandungan daripada TPPA di RCEP. Saya rasa ini tidak akan berlaku kerana TPPA dan RCEP dari segi taraf, dari keadaan negara saya rasa memang tidak setaraf. Jadi kita tidak boleh gunakan apa yang di TPPA pada RCEP.

Jadi saya rasa ini satu cadangan. Akan tetapi saya rasa ia tidak boleh dilakukan. Buat masa sekarang enam negara ini seperti mana yang saya kata *our dialog partner*, dia tidak boleh mencapai persetujuan maka kita tidak boleh muktamadkan.

Jadi apabila tidak boleh dimuktamadkan, kita tidak mempunyai benda yang konkrit untuk dibentangkan kepada *Caucus*. Jadi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir *Caucus* untuk bersabar. Apabila kita sudah ada benda yang lebih konkrit, kita akan salurkan

maklumat ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam *Caucus*. Ini kerana apabila tidak muktamad, kita tidak dapat bantangan dokumen atau butiran yang belum matang atau yang belum dapat mencapai persetujuan antara enam negara *about dialog partner* itu.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya faham bahawa proses rundingan akan mengambil masa. Akan tetapi sekurang-kurangnya *first draft* mesti dikeluarkan. Pada kebanyakan rundingan, *the final 10 percent, 20 percent of the* terma itu dia akan berubah. Akan tetapi untuk memastikan proses yang lebih baik daripada proses TPPA di mana kita tunggu empat tahun, lima tahun, sepuluh tahun, tiba-tiba selepas sudah *approved* baru kita dapat teks. Itu tidak baik.

Pantauan Parlimen, Parlimen *is sovereign in Malaysia* kalau Menteri tidak faham lagi. Ya. Parlimen *is sovereign*. Kita Ahli-ahli Parlimen mempunyai *responsibility, duty* kita untuk memantau *trade agreement* juga. Jadi kalau boleh saya minta Menteri *do the different thing*, bagi kita teks. Kita faham terma tersebut belum masak lagi, tetapi kita perlu pantau proses dia ya. Kalau Menteri hari ini boleh beritahu kami secara prinsip enam bulan daripada sekarang dia akan keluarkan teks untuk kita, saya boleh duduk senyum. Tidak perlu kita risau. Ya. Boleh atau tidak enam bulan daripada sekarang draf pertama diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen kalau tidak semua kepada *Caucus* Parlimen. Terima kasih.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya boleh janji kita akan panggil satu *Caucus* secepat mungkin. Kita akan bincang dalam *Caucus* apa dokumen yang kita boleh bentang dalam *Caucus*. Itu sahaja yang saya boleh janji.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh ada di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Seorang Ahli: ...Yang Berhormat, tidak ada.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tidak ada? Jadi, saya akan jawab secara bertulis.

Ahli Yang Berhormat Tanjong Manis dan Yang Berhormat Kota Melaka ada?

Beberapa Ahli: Ada!

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Ada ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Manis tidak ada, Yang Berhormat Kota Melaka tidak ada. Jangan ikut Yang Berhormat Seputeh Yang Berhormat.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Okey, tidak ada. Jadi kalau tidak ada saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Jasin ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Jadi saya juga akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulis ya.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Kota Samarahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong ada Yang Berhormat.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Okey, jadi Yang Berhormat Parit Sulong, ada bangkitkan berkaitan isu halal dalam membantu pengeluar-pengeluar produk halal tempatan dan pembangunan industri halal di NCR tanah hak milik peribumi di Sarawak. Setakat tahun 2016, pihak kementerian melalui HTC telah melaksanakan *Program Halal Business Transformation* (HBT) yang melibatkan sejumlah 531 buah syarikat. Program ini bertujuan untuk menyediakan syarikat bagi mendapatkan pensijilan halal, meningkatkan keupayaan pematuhan syarikat ke arah piawaian antarabangsa. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di bawah program tersebut adalah memudah cara pensijilan halal dengan membimbing dan memberikan khidmat nasihat yang berterusan kepada pihak syarikat sebelum mendapatkan pensijilan halal.

Sehingga kini ia telah berjaya menarik penyertaan sejumlah 300 buah syarikat dan kita juga ada meningkatkan kadar keupayaan pengusaha halal. Melalui aktiviti ini pihak syarikat dibantu dengan aktiviti saringan awal, bantuan promosi serta aktiviti *business matching*. Sebanyak 150 buah syarikat telah terlibat menjalankan aktiviti ini di mana turut melibatkan syarikat-syarikat seperti *Tesco, Giant, Jusco, Mydin* dan *The Store* sebagai rakan strategik.

Kita juga ada *Program Mentoring*. Objektif aktiviti ini adalah untuk memberikan bimbingan terhadap pembangunan keupayaan serta piawaian antarabangsa kepada syarikat PKS melalui kolaborasi bersama Syarikat Multinational (MNC) yang terpilih. Antara syarikat MNC yang terlibat setakat ini adalah Nestle Malaysia Berhad dan Perfect Food Manufacturing Sdn. Bhd. Melalui aktiviti ini sebanyak 120 syarikat telah menyertainya.

Bagi pasaran global pula, langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian melalui *Halal Development Corporation* dalam membantu usaha usahawan-usahawan IKS memasarkan barangan dan produk mereka ke pasaran global. Ini termasuklah membantu usahawan-usahawan IKS untuk menjalankan aktiviti promosi dan penjenamaan halal melalui ekspo-ekspo antarabangsa seperti- tahun 2017 di Nanning, China; *Gulfood* pada 26 Februari sehingga 2 Mac 2017 di Dubai; Anuga di *Germany* pada 7 Oktober sehingga 11 Oktober; dan juga *Food Ex.* pada 7 Mac sehingga 10 Mac di Jepun dan juga MIHAS pada 5 April 2017 sehingga 8 April 2017 di Kuala Lumpur.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman antara inisiatif berkaitan industri halal di Sarawak adalah tertumpu di Taman Industri Halal Tanjung Manis. Walau bagaimanapun, perkara berkaitan dengan memaksimumkan potensi di kawasan NCR tanah hak milik peribumi bagi pembangunan industri halal perlu diperhalusi bersama dengan pihak Kerajaan negeri.

Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Stampin ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ada Yang Berhormat.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Yang Berhormat Stampin dan Yang Berhormat Kuala Kangsar membangkitkan isu berkaitan dengan perniagaan atas talian. Pada tahun 2016,

sebanyak 112 syarikat telah pun dilesenkan untuk menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan *courier* di Malaysia. Adalah dijangkakan jumlah pemegang lesen ini akan terus meningkat menjelang akhir tahun 2017. Dari segi daya saing kos penghantaran harga perkhidmatan penghantaran yang ditawarkan adalah mengikut pasaran semasa dan penentuan harga perlu mengambil kira perubahan kos seperti kos bahan api yang ditanggung oleh syarikat penyedia perkhidmatan.

Sebagai contoh, produk berbayar seperti *flexi pack* boleh didapati dengan harga serendah RM4.50 untuk menghantar penghantaran barangan yang tidak melebihi satu kilogram berbanding dengan cas semasa dikenakan oleh penyedia perkhidmatan lain iaitu di antara RM8 sehingga RM10 bagi jenis produk dan barangan yang sama. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk meningkatkan daya saing industri perkhidmatan perdagangan supaya seiring dengan pertumbuhan pesat e-Dagang di Malaysia.

Kerajaan melalui industri e-Dagang kebangsaan NECC, yang turut dianggotai oleh suruhanjaya *Malaysian Communication and Multimedia Commission (MCMC)* akan terus bekerjasama dengan pihak industri seperti Pos Malaysia untuk menambah baik keberkesanan sistem penghantaran.

■1700

Buat masa ini terdapat pelbagai program dan inisiatif berkaitan e-dagang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan usahawan wanita untuk menceburi perniagaan secara *online* yang dilaksanakan oleh Menteri dan agensinya seperti perbadanan pembangunan perdagangan luar MATRADE dan SME Corp. Malaysia serta Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDeC) di antara program-program tersebut ialah eTRADE, *My cyberspace*, eUsahawan, eRezeki.

Melalui program eTRADE ini, sebanyak 38 peratus iaitu 325 syarikat milikan wanita daripada 866 syarikat PKS telah diluluskan insentif di bawah program eTRADE sejak program ini diperkenalkan pada Oktober 2014. Syarikat milikan wanita ini adalah terdiri daripada syarikat dalam bidang pakaian, aksesori, makan dan minuman, kosmetik, perabot, bahan binaan dan produk keperluan rumah. Menerusi program eTRADE juga, sebanyak 437 buah syarikat milikan wanita atau 13 peratus daripada 3,247 syarikat telah mengikuti seminar dan bengkel mengenai eDagang pada tahun 2016.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat kalau boleh. Stampin?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin bangun, Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu isu yang saya bangkitkan, dari segi *competitiveness* adalah isu penghantaran kos ke antarabangsa ataupun *international shipping* ada satu contoh yang saya bagikan contohnya, POSlaju Malaysia kalau bagi usahawan kita menghantar satu kilogram barang ke Hong Kong, saya pernah cuba *registered one kilogram* ke Hong Kong ataupun ke Shenzhen, dia punya kos adalah lebih kurang RM57 hingga RM58.

Akan tetapi, kos satu kilogram penghantaran dari Hong Kong ataupun Shenzhen ke Malaysia kosnya hanya dalam lingkungan RM16 sahaja. Iaitu 3.6 kali ganda lebih mahal *compare from* dengan menggunakan POS Malaysia. Jadi ini menjadikan usahawan eDagang kita *less competitive as compare to seller* yang lain daripada *international*. Jadi saya harap kalau boleh untuk menggalakkan lagi usahawan eDagang di Malaysia, kita perlu- *we have to come out with a much more competitive because shipping cost is one of the main reason why we are losing out in term of competitiveness*. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Saya akan ambil maklum ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Rabu akan umumkan Digital *Free Trade Policy*. Jadi ini akan melibatkan juga *the last lap courier*- penghantaran, jadi saya rasa mungkin ada *policy* yang baharu supaya kita juga memudahkan kemudahan untuk penghantaran barangan melalui eTRADE ini. Jadi saya akan ambil maklum tentang cadangan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat Selayang ada sini? Selayang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang ada Yang Berhormat.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Okey. Yang Berhormat Selayang meminta kerajaan mengkaji semula cadangan untuk menjual ekuiti Proton pada pelabur asing. Kumpulan DRB Hicom selaku pemilik penuh Proton bebas untuk melakukan keputusan perniagaan dan kerajaan tidak sama sekali campur tangan ke atas keputusan perniagaan mana-mana syarikat swasta termasuk pemilikan ekuiti antara Proton dan rakan kongsi strategiknya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak jelaskan di sini industri automobil ini satu industri yang penuh dengan cabaran. Ia bukan satu industri yang lumayan buat masa sekarang kerana dengan inovasi yang baharu di mana saya jangka industri automobil ini ia akan menjadi satu alatan macam *smart phone* kita, ia akan melalui banyak perubahan dan banyak produk-produk yang baharu akan muncul. Jadi ia akan penuh dengan cabaran.

Jadi saya dimaklumkan juga pada tahun akan datang tahun 2018 di mana kereta *fully autopilot* akan muncul. Jadi ia akan membawa satu persaingan yang cukup hebat pada industri automobil ini. Jadi untuk *Proton*, kerajaan tidak minta mereka supaya jualkan saham kepada mereka kepada pelabur asing malahan saya rasa hendak minta pembeli-pembeli untuk industri automobil bukan sahaja di Malaysia di mana-mana dalam dunia sekarang pun sudah menghadapi satu cabaran macam kebelakangan banyak kereta- syarikat automobil melalui *mutual acquiescence*, dan sebagainya, bukan mudah dikatakan kita hendak jualkan sebuah automobil di Malaysia malahan di negara-negara yang lain. Apa yang kita galakkan kepada Proton adalah supaya mereka mencari satu rakan strategik supaya mereka boleh kongsi R&D kerana di pasaran Malaysia, pasaran kita kalau dalam automobil cukup kecil. Kita cuma ada dalam tahun lepas keseluruhan jualan kita untuk semua jenama termasuk *Perodua, Honda, Proton, Toyota, Nissan* dan sebagainya.

Cuma 580 buah kenderaan dijual dalam masa yang kemuncak pun kita boleh capai 620,000 hingga 630,000 sedangkan kalau kita bandingkan macam US- 17 juta, negara China- 28 juta tahun lepas. Jadi kalau mereka kutip RM1 daripada setiap kereta macam negara China,

mereka boleh dapat dana penyelidikan 28 juta. Kalau kita kutip di Malaysia RM1 daripada sebuah kenderaan kita cuma boleh dapat RM600,000. Jadi kita tidak boleh sokong satu sistem satu ekosistem untuk automobil. Apa yang kita boleh buat, kita cari satu rakan strategik sama ada dari Jepun, *Europe*, China dan daripada USA supaya bersama-sama kita dapat menghasilkan kereta yang lebih bermutu tinggi bukan sahaja untuk pasaran di Malaysia malahan kita boleh masuk ke negara-negara yang ada FTA dengan kita seperti ASEAN dan negara-negara yang ada perjanjian perdagangan bebas dengan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dua orang bangun Yang Berhormat. Bagi sana dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan semasa kerajaan membuat keputusan untuk *extend RM1.5 million loan* ini, *if I am not mistaken, its a loan- one of the condition*, kita letakkan mereka mestilah mencari rakan strategik. Rakan strategik dalam maksud ini adakah mereka akan menguasai maknanya *more than 51 percent* dalam Proton baru ini? Yang kedua ialah, *if at all* kerajaan bersetuju bahawa rakan strategik ini mempunyai *more than 50 percent* maknanya mereka *control, do we still protect Proton after that?* Kerana kalau mereka ini ingin bersaing maka *all sort of* subsidi atau apa juga pertolongan yang menyebabkan mereka ini tidak boleh berkembang kita harus pada pandangan saya kita harus mansuhkan. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Soalan saya sama dengan Yang Berhormat Setiawangsa kerana harga kereta kita adalah antara yang tinggi di dunia sebab *import duty, excise duty* dan beberapa peraturan untuk melindungi *Proton*. Kalau seperti yang dikatakan majoriti ekuiti akan dipegang oleh syarikat asing. Adakah kerajaan akan mengkaji semula tentang cukai-cukai yang sedang ada kerana ini tidak akan membantu rakyat dan hanya membebaskan mereka dan kalau majoriti *ekuiti* dipegang oleh syarikat asing, masa sudah sampai untuk membebaskan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya bangun. Hendak bagi, Yang Berhormat?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak dapat penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status *Geely-Proton deal?* Geely itu syarikat China lah. Mengikut Bloomberg dua minggu lalu Geely sudah *fed-up*. Dia kata tiap-tiap kali terma-terma bertukar. Saya hendak tahu pada pembacaan saya tentang Bloomberg artikel itu, memang Geely sudah *fed-up* dan memang sudah keluar. Saya hendak tahu apakah isunya sebenarnya? Adakah seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Selayang bahawa terma-terma bertukar mengikut isu tentang *local product* atau *protectionist policy?*

■1710

Kalau boleh- saya faham abang kepada Menteri kita memang rapat dengan *businessmen* orang Cina ya. Jadi kalau boleh itu beri kita sedikit tentang kenapa Geely-Proton ini sudah *collapsed*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, kita automobil di Malaysia begitu aktif tetapi saya cukup sedih. Nampak kita *Malaysia Automobil* ini agensi, dia punya perangai lagi hebat daripada Perdana Menteri.

Kita kalau bila minta perjumpaan berbincang pelabur daripada negara asing, tetapi itu CEO kah ataupun ketua sana, kita hubungi 100 kali, satu kali pun tidak ada jawab. Kita minta *appointment* dia, perjumpaan tidak beri langsung. Boleh Menteri pergi jelaskan ini CEO kah ataupun ketua ini Malaysia Automobil, dia lagi besar dari Menteri termasuk Yang Berhormat Menteri II kah ataupun dia ada sistem diri sendiri? Saya minta penjelasan daripada Menteri, apa sebab dia.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, boleh Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi, ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju kalau *Proton* ini kita tidak *sustainable*, kita tidak ada *economic skill*, tidak cukup *volume and the next concession* Yang Berhormat Menteri, kita kena *take option* pertama iaitu kita jual *or* kita buat yang lebih *excessive collaboration* dengan syarikat-syarikat yang lebih besar.

Kita faham tadi China RM28 juta, *US 70 million population*. Kita *home industry is only six hundred thousand*. Kalau itu *Proton* kalau jual 120,00 pun sudah bernasib baik. *So, we do not have enormous skill*. Kalau syarikat-syarikat besar *Fiat* buat *floor sharing, platform sharing*. *Fiat* dengan *Peugeot* dengan *Alpha*, *Mitsubishi* dengan *Volvo*, *they do that*. Akan tapi kita dulu mungkin masa kita ber-*negotiation* ini, mungkin kita memikirkan tentang patriotisme. Mungkin *this one of branding Malaysia* dan sebagainya. *I think this is* yang kita kena tengok dari sudut berbeza.

Satu lagi saya minta, bila kerajaan bagi kita RM1.5 bilion untuk *Proton*, *that make either technical collaboration* ataupun kita *disposed* kita punya ekuiti sama ada *main equity* kah *whatever*, tapi *that does not give blank cheque* kita jual *fire sale*. Jadi saya minta, kerajaan kena lihat juga kalau Geely ini atau China, *they forced us just because* kita ada *timeline* dan kita jadi *seating duck and we selling fire sale*, saya rasa *this is something at cannot be* kita tidak patut benarkan. *Because Proton* juga mempunyai *excessive value* yang bagus. R&D punya teknologi yang ada contoh melalui Lotus.

Jadi saya minta, kita jangan tekan *Proton* sampai kita jual *fire sale and I think negotiation* ini, mereka mesti nak *the cheapest*. So, jangan kita *SWA* dia punya *negotiation* punya *outcome just because* kita nak *meet the time* dan saya *expect the negotiation must be win win, not fire sale*. Jadi itu pandangan saya Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sabar seketika kerana buat masa sekarang, proses penilaian oleh pihak *Proton* dan DRB-HICOM ke atas calon-calon rakan strategik berada pada fasa yang terakhir dan hanya dapat dimuktamadkan dalam separuh pertama tahun 2017. Bermaksud tidak lama lagi, mungkin dua bulan lagi.

Jadi oleh yang demikian, sebarang bentuk perkongsian strategik termasuk pemilikan ekuiti antara *Proton* dan rakan kongsi strategiknya masih lagi sedang dibincangkan. Jadi sebenarnya, kita masih belum tentukan berapa ekuiti akan diberi kepada rakan strategik sekiranya dapat satu orang rakan strategik. Akan tetapi kerana ikut model *Perodua* sekarang dari segi *production* kerana rakan strategiknya adalah *Daihatsu*.

Jadi *Daihatsu* dia perlukan kerana dia guna teknologi dia, dia perlukan 51 peratus ini untuk model *Perodua*. Jadi ada orang sangkut-pautkan dengan ikut dengan *Proton*. *Proton* juga ikut hala tuju ini tetapi tidak semestinya. Jadi kita akan tengok macam mana *Proton* akan buat pengumumannya apabila mereka dapat satu rakan kongsi strategik untuk membuat pembangunan yang semula.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Menteri.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Yang Berhormat Kota Tinggi katakan bahawa RM1.5 bilion itu sebenarnya adalah ini legasi *problem* di mana kita perlu jelaskan masalah yang dihadapi oleh *Proton* dan kita perlu bayar vendor-vendor. Akan tapi syaratnya, kita minta *Proton* supaya apabila vendor-vendor ini diselesaikan, mereka haruslah menjana supaya menjadi satu syarikat automobil yang kuat, yang bukan sahaja boleh mendapat pasaran di tempatan dan juga boleh dapat pasaran di peringkat antarabangsa.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Jadi Tuan Yang di-Pertua, tentang perlindungan, saya ada jawapan seterusnya, Yang Berhormat Selayang. Minta maaf, Yang Berhormat Bintulu ada bangkitkan *MY*. Jadi saya akan arahkan supaya Ketua Eksekutif *MY* berjumpa dengan Yang Berhormat Bintulu, jangan risau, untuk membincangkan hal yang berkaitan lah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, masalahnya, saya tidak faham kenapa *Malaysia Automobil*, orang kata *now ran with the reality*. Orang memohon mahu masuk pelabur di *Malaysia*. Akhir sekali, itu permohonan boleh lari kepada lain orang. Kita mahu minta penjelasan daripada *Malaysia Automobil*, kenapa ini perkara boleh berlaku? Pegawai semua sorong sini sorong sana. Kenapa ini boleh berlaku? Kalau kita perangai dan sikap menunjukkan kepada pelabur daripada luar negara, orang akan *lose confident* sama kita. Janganlah ini *Malaysia Automobil* ini, macam selalu saya kata kongkalikung punya agensi, nak cari peluang untuk diri sendiri. Itulah dia tidak berani jumpa sama saya, lari sini lari sana.

Saya minta kali ini dalam Parlimen ini saya soal, saya mahu minta itu CEO kah ataupun siapa ketua itu, saya mahu jumpa. Walaupun dia wanita, dia jangan kongkalikung sama saya. Fasal saya mahu jawab kepada itu pelabur daripada luar negara. Dia minta saya jelas. Dia berasa saya sudah ambil sebahagian dalam ini. Cari lain *company* bagi ambil peluang ini. Ini saya tidak mahu kena tuduh. Kalau ketua itu ataupun CEO dia kongkalikung, minta dia jawab sama itu antarabangsa.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tuan Yang di-Pertua, kerana ini kes spesifik, saya pun telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Bintulu, saya pun sedang minta satu laporan di bentang pada saya. Akan tapi walau bagaimanapun, saya akan aturkan satu pertemuan antara CEO MY dengan Yang Berhormat Bintulu.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [Bangun]

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Yang Berhormat Selayang juga bangkit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Menteri, boleh? Terima kasih. Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, saya cuma nak satu *assurance* daripada Menteri ya. Apabila kita melihat isu tentang penjualan *Proton*, saham *Proton* atau ekuiti *Proton* ini, kita tahu bahawa *industry car manufacturing* iaitu *Proton* adalah kurang memuaskan sebab itu kena jual.

Akan tetapi yang lebih besar dan lebih penting untuk negara ialah *supportive industry, the automobile spare part or the auto parts*. Itu adalah lebih penting kerana ia adalah lebih besar. Saya nak tahu daripada Menteri, apabila kita membuat *deal* dengan *strategic partner* kita, apakah langkah yang diambil untuk memastikan bahawa *market share automotive part* kita ini terjaga? Adakah ini merupakan satu terma-terma di dalam perundingan? Terima kasih.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan, sabar seketika apabila kita biarkan *Proton* akan umumkan. Walau bagaimanapun, apakah langkah dan hala tuju yang akan dilakukan, dia perlu mematuhi polisi automobil negara seperti memelihara ekosistem untuk vendor-vendor, untuk rakyat tempatan gunakan *automobile part* keluaran tempatan dan sebagainya. Jadi kita mesti memastikan supaya kepentingan tempatan ini dipelihara.

▪ 1720

Jadi apabila *Proton*, mereka telah mencapai satu persetujuan dengan rakan strategiknya dia akan buat pengumuman. Adalah tidak matang bagi saya buat sebarang rumusan di sini, sampai ketika mereka akan buat pengumuman. Yang Berhormat Selayang juga meminta supaya keputusan meneruskan pelaksanaan AP terbuka dan kadar *duty* eksais dikaji semula. Sistem AP dan kadar *duty* eksais bukan faktor utama menentukan harga kereta. Harga kereta di Malaysia ditentukan juga oleh beberapa faktor lain seperti kos pengeluaran, margin keuntungan, kadar tukaran wang asing, kos pengangkutan, insurans kadar dan faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya perlu memperjelaskan di bawah semangat *feature agreement*. Sebarang *import duty* dia akan dapat, dia harus kurangkan kepada *zero rate*. Jadi, buat masa sekarang kita di negara-negara ada FDAA dengan kita macam Jepun ini, kita telah hapuskan ini *import duty*. Cuma sekarang kita masih ada eksais *duty* daripada 65 peratus kepada 105 peratus mengikut kapasiti enjin. Jadi untuk itu juga, kerajaan juga mempertimbangkan untuk mengurangkan melalui pemasangan dan penggunaan kandungan tempatan dan *iniciative cluster mind* ke atas kenderaan cekap tenaga. Jadi apabila mereka mematuhi syarat-syarat yang kita berikan seperti EV, *energy saving*, *energy efficiency vehicles* dan juga gunakan kandungan tempatan dan sebagainya, kita akan memberi pengurangan juga dalam eksais *duty*.

Jadi dalam kekurangan ini, harga kereta telah, di negara kita telah menjadi lebih *competitive* dan untuk AP ini, buat masa sekarang kita masih teruskan dengan AP tetapi, dia bukan semata-matanya digunakan untuk meraih keuntungan kerana dulu kita juga AP sebagai satu cara, satu kaedah untuk kita kutip maklumat untuk setiap kereta yang masuk ke negara kita ini. Jadi buat masa sekarang, AP ia bukan satu penghalang yang besar untuk menjadikan harga kereta kita naik, kerana banyak-banyak jenama kereta macam *Mercedes*, *BMW*, mereka sedang buat pasang kereta di Malaysia. Bukan sahaja di Malaysia, mereka gunakan Malaysia sebagai hak macam *BMW* untuk eksport kereta mereka ke negara-negara ASEAN. Jadi mereka sudah, mutu kereta itu sudah mencapai satu tahap yang cukup tinggi. Jadi ini akan menjadi harga-harga kereta di negara kita menjadi lebih kompetitif.

Yang Berhormat selayang juga membangkitkan isu berkaitan dengan harga keluli. Harga keluli di negara kita bukan ditentukan oleh harga gas semata-matanya, kerana di pasar global harga keluli telah meningkat secara mendadak sejak bulan Mac 2016, susulan kenaikan harga sehingga 30 peratus di Republik Rakyat China yang merupakan negara pengeluar utama besi dan keluli di dunia. Kerajaan Republik Rakyat China telah mengambil langkah mengurangkan dan mengimbang semula lebih kapasiti pengeluaran. Ini termasuk penyusunan semula bekalan, pengawalan kapasiti baru serta penyambungan dan pengambilalihan *merger* dan *acquisition* syarikat-syarikat pengeluar utama. Sejak peningkatan dan penstabilan harga di pasaran global, permintaan terhadap produk besi keluli, keluaran tempatan telah mula meningkat.

Pengeluar-pengeluar besi dan keluli tempatan telah mula meningkatkan kapasiti pengeluaran masing-masing bagi memenuhi peningkatan permintaan tempatan. Permintaan harga ini juga adalah selaras dengan kenaikan harga di pasaran global serta kenaikan harga bahan mentah seperti bijih besi *iron ore* dan bijih *scrub*. Ini juga telah membantu pengeluar-pengeluar tempatan khususnya di peringkat huluan *up stream* meningkatkan keuntungan dan sedikit sebanyak meningkatkan halangan pasaran *market share* tempatan. Kebanyakan syarikat-syarikat pengeluar besi dan keluli tempatan telah menunjukkan pemulihan pendapatan pada tahun 2016 dan secara umumnya industri tempatan telah mula mencatat keuntungan keseluruhannya purata sebanyak RM181 juta pada tahun 2016 berbanding dengan kerugian sebanyak RM1.79 bilion pada tahun 2015.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu industri tempatan keluli meningkatkan daya saingan adalah seperti kita telah menubuhkan Majlis Keluli Negara, *Malaysian Steel Council* untuk merancang dan membantu pelaksanaan dasar pasaran bagi meningkatkan daya saing industri besi dan keluli tempatan. MSC disokong oleh jawatankuasa teknikal dan kumpulan kerja yang turut diwakili oleh pihak industri. Menubuhkan *Malaysian Steel Institute* sebagai *think tank* untuk membantu kerajaan dan merancang pembangunan industri besi dan keluli serta berhubung secara aktif untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak industri. MSC telah mula beroperasi sejak tahun Januari 2014.

Tuan Yang di-Pertua itulah sahaja jawapan saya. Jadi, adalah berkenaan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan Titah Diraja 2017. Mana yang tidak dijawab saya akan susuli dengan jawapan bertulis. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan tersebut. Sekian. Terima kasih

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Menteri, sekejap sikit sahaja.

Timbalan Tuan di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri dah habis Yang Berhormat Sekijang. Seterusnya Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air saya jemput Yang Berhormat Menteri.

▪ 1727

5.27 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johny Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Sepanjang sesi Perbincangan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kali ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, membudayakan gaya hidup hijau ke arah mencapai matlamat untuk menjadi ekonomi rendah karbon adalah terkandung dalam *task* utama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Dalam hal ini sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia bahawa usaha agensi oleh kementerian ini sedang dan akan diambil untuk melaksanakan pelbagai inisiatif seperti:

- (i) peningkatan penjanaan tenaga boleh baharu;
- (ii) penggunaan tenaga yang lebih cekap;
- (iii) perlaksanaan *water demand management*;
- (iv) pembangunan bandar rendah karbon; dan
- (v) penggunaan kenderaan elektrik.

Dari aspek pembangunan tenaga boleh baharu, tindakan yang diambil untuk menjana megawatt tenaga solar berskala besar bagi tempoh tahun 2017 sampai kepada tahun 2020. Bagi inisiatif kecekapan tenaga, langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan tenaga elektrik sebanyak lapan peratus dalam tempoh sepuluh tahun, mulai pada tahun 2016. Di

samping itu usaha juga sedang dilaksanakan oleh kementerian bagi mengurangkan purata kadar air tidak berhasil *or non-revenue water*, dengan izin, kepada kadar 25 peratus menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perbahasan Titah Seri Paduka yang di-Pertuan Agong kali ini seramai enam orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Serdang. Saya rasa Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Rasah, dan Yang Berhormat Raub yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan isu-isu berkaitan dengan fungsi kementerian ini, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana begitu peka dengan isu-isu yang telah dibangkitkan.

Untuk menjimatkan masa Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan layan gangguan daripada mereka yang telah berbahaslah supaya menjimatkan masa.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Serdang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang tidak ada, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tiada? Saya jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan ikut dengan Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh mengelirukan Dewan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya nanti jawab secara bertulis. Dia bertanya tentang perihal *solar farm* dan seterusnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia mengelirukan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak payah, *I think*. Namun *second part*, bahagian kedua saya jawab juga kerana makluman lebih banyak yang telah membangkitkan perkara ini sebelum ini.

Ahli Yang Berhormat Serdang juga turut membangkitkan berkenaan projek *solar farm* 150 megawatt yang dianugerahkan secara rundingan terus kepada konsortium *Quantum Solar Park* di Melaka, Kedah dan Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, projek yang dianugerahkan secara rundingan terus kepada konsortium *Quantum Park Malaysia* adalah projek perintis solar berskala besar, *large scale solar* (LSS), dengan izin, yang diperkenalkan oleh kerajaan dengan tujuan meningkatkan sumbangan tenaga boleh baharu dalam penjanaan elektrik negara. Konsortium ini telah bekerjasama dengan syarikat antarabangsa iaitu *Scatec Solar* dari Norway yang berpengalaman dalam projek solar berskala besar dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 322 megawatt.

Di samping itu, konsortium tersebut mempunyai 35 orang tenaga kerja mahir dalam kerja pemasangan dan penyelenggaraan panel solar dan, dengan kerjasama *Scatec Solar*, dapat memberi manfaat kepada syarikat tempatan untuk meningkatkan kepakaran dalam teknologi solar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, juga projek solar seterusnya telah dilaksanakan secara tender terbuka oleh Suruhanjaya Tenaga. Untuk makluman juga, status terkini, mereka sedang *finalize*, mengemas kini sukuk untuk pembiayaan ini. *So, it is open market funding. If you can raise, dengan izin, the sukuk on the market place, that means you must be a viable enterprise. It's not just an ordinary people, dengan izin, who coming in who can raise a sukuk to a tune over RM1 billion.*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Boleh tanya sikit?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Gopeng kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gopeng.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okeylah. Orang lama.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan solar ini. Sebab, sumber dana untuk solar ini berasal daripada SEDA *fund* dan memang apabila SEDA *fund* ini dimulakan, caruman itu satu peratus daripada bil elektrik tetapi kemudiannya ditingkatkan ke 1.5 peratus. Kebetulan, apabila caruman ini ditingkatkan, tidak ada *information* atau maklumat kepada pengguna jelata. Jadi yang pertama, adakah dalam masa akan datang, kementerian akan maklumkan apabila ada sebarang perubahan dari segi caruman SEDA *fund* tersebut? Adakah apabila ada projek seperti *solar farm* sedemikian, caruman tersebut akan dinaikkan sekali lagi dalam masa yang terdekat? Sekian.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, apa yang disentuh itu adalah memang *1.6 percent contribution*, sumbangan kepada *trust fund* tenaga boleh baharui. Sebenarnya dari segi prinsipnya, itu banyak dibahaskan pada tahun 2010, Ahli Yang Berhormat barangkali sudah ada di sini, waktu kita membentangkan rang undang-undang tersebut dan sudah termasuk di dalam akta tersebut cadangan untuk mengutip sumbangan daripada pihak pengguna untuk mempromosikan dan menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan *carbon footprint* dan memastikan *renewable energy* di dalam sektor kita, penjanaaan tidak kurang daripada 10 peratus iaitu cadangan sampai tahun 2020.

Akan tetapi itu melalui *feed-in tariff*, untuk mereka yang melalui SEDA, memohon melalui program solar *purchase, biomass, biogas* dan seterusnya dan menggunakan *feed-in tariff*. Akan tetapi *large scale solar* ini tidak menggunakan *feed-in tariff*, ia *open market*. *Open market* tiada subsidi sama sekali kerana kita berpendapat bahawa *it is almost at the price of-* teknologi telah menurun dan seterusnya. Dan FiT kita gunakan untuk Komuniti Solar. *I think biogas* kita akan teruskan kerana biogas itu daripada kilang-kilang *is polluting, it is a methane, about 23 percent*, dengan izin, *more polluting than CO2*. So, kita akan terus sokong itu tetapi

solar kecuali Komuniti Solar dan program Suria yang diumumkan di dalam belanjawan tahun lalu untuk penduduk yang di bawah B40, itu kita terus bekal melalui FiT tetapi *large scale solar, is open price bidding* oleh pihak kementerian. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mana ada bahas ini, tiada. Kalau air Selangor bolehlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, bukan. Ada kaitan. Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya kenapa tidak ada *open tender* untuk LSS? Yang mana sebenarnya ia boleh dilaksanakan oleh SEDA kerana SEDA ada pengalaman dalam bidang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia baru dapat kiriman SMS, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, ini dia pinjam Yang Berhormat Serdang punya soalan itu. Ya, dari segi *feed-in tariff, Sustainable Energy Development Authority (SEDA)* yang mentadbir dan mengurus dan melaksanakan. Dari segi *large scale tariff*, kerajaan telah memutuskan supaya ini dikendalikan oleh pihak *Energy Commission*.

Untuk makluman Dewan, *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)* diberi tanggungjawab untuk merancang pertumbuhan tenaga boleh baharu dalam negara menerusi mekanisme tarif galakan atau *feed-in tariff* sahaja. Memandangkan pelaksanaan program *large scale solar (LSS)* melibatkan perolehan tenaga elektrik berskala besar yang memberi kesan terhadap tarif dan keboleharapan bekalan elektrik, segala urusan berkaitan dengan program LSS adalah merupakan tanggungjawab Suruhanjaya Tenaga seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(9)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990. *This is because- this is large scale*. LSS 3 megawatt sampai ke 50 megawatt. Ini daripada pandangan kita, *Energy Commission* ataupun Suruhanjaya Tenaga (ST) yang paling *qualified* kerana bukan sahaja *open bidding* dari segi harga tetapi memastikan teknologi yang digunakan itu kerana berskala besar adalah teknologi yang ditapis oleh Suruhanjaya Tenaga.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Yang Berhormat Stampin. 'Aiso'? Oh, ada.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yes.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, telah membangkitkan dalam perbahasannya berhubung pelaksanaan program *feed-in tariff (FiT)* dan meminta

penjelasan terperinci kementerian berhubung program ini. Yang Berhormat turut bertanya sama ada program FiT ini akan diperluaskan di negeri Sarawak.

Pendek kata, *actually* Sarawak tidak *contribute* kepada tabung amanah *feed-in tariff* yang *1.6 percent* itu. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, program *feed-in tariff* telah dilaksanakan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 yang memberi peluang kepada orang awam untuk menjana dan menjual elektrik daripada tenaga solar yang merupakan salah satu sumber tenaga boleh baharu dalam negara. Sambutan program FiT bagi tenaga solar amat menggalakkan dan jelas terbukti kerana keseluruhan had kuota solar sehingga tahun 2017 iaitu sebanyak 431 megawatt untuk 11,449 permohonan telah habis diagihkan.

■1740

Walau bagaimanapun, program *Feed-in Tariff* (FiT) ini tidak dilaksanakan di negeri Sarawak kerana Akta Boleh Dibaharui 2011 tidak diguna pakai di negeri tersebut. Sebarang cadangan untuk melaksanakan program seumpama FiT di negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Akan tetapi untuk tambahan sebelum Yang Berhormat Stampin, saya pernah berbincang dengan Almarhum Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak, *late* Tan Sri Adenan mengenai dengan *possibility* untuk Sarawak *to joined the group, because* Sarawak tidak terkeluar daripada mempromosi dan memang melaksanakan program-program tenaga boleh dibaharui, *renewable energy*.

Beliau begitu- dia katakan, *we pay 1.6 percent, how much do we get back? I said, dari segi pengalaman di Sabah, for one dollar you give, from the pool you can get RM1.50 or twice the amount. Roughly, okay. From the pool.* Jadi, dia katakan lepas *election* baru kita bincanglah tetapi nampaknya beliau tiada sudah. So, terpulang pada Ahli-ahli Parlimen Sarawak untuk membincang dengan pihak kerajaan negeri jika mereka ingin menyertai program ini. Ya, Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang mengalu-alukan inisiatif kerajaan dalam dari segi *renewable energy*. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mempercepatkan perbincangan dengan Yang Berhormat Ketua Menteri baru negeri Sarawak. Sebelum itu, tentang kuota yang Yang Berhormat Menteri katakan itu, adakah kuota itu *limited for residence*? Bolehkah kita tambahkan lagi kuota supaya kita boleh menggalakkan lebih banyak *residence* iaitu orang biasa memasang solar panel dan jual balik kepada TNB ataupun kepada kerajaan. Juga adakah inisiatif seumpama wujud di Sarawak? Saya faham di Sarawak tidak terima pakai apa yang Yang Berhormat Menteri katakan tadi. Akan tetapi adakah inisiatif yang sama wujud di negeri Sarawak? Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini jika daripada penggunaan FiT- *Feed-in Tariff*, pihak SEDA, pihak kerajaan telah meluluskan sebenarnya 1,403 megawatt dan daripada ini saya telah sentuh tadi dari jumlah ini 457.6 sudah *injected into the grid, FITCD we called it.* Sudah dari situ masih dalam proses.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya minta pengesahan. *The quota is that for residence only or for everyone?*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *No. No. I will give you the fact figure.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Thanks.*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Daripada 1,400 yang telah diluluskan kapasiti 1,400 megawatt, bahagian dari segi *photovoltaic* suria sahaja. Saya katakan tadi bahawa kalau solar sahaja adalah 431, yang mana individu 96 megawatt. Okey, dan komuniti 9 ataupun 10, 9.66 megawatt dan bukan individu, *scale* di bawah 425 kilowatt ke bawah, 96.8 megawatt dan *last scale*, 425 kilowatt ke atas, 228.5. *So, that can say* dari sini ia *split between* kalau- *the most popular is* memang suria ataupun solar *photovoltaic*. 432 kelulusan of which 96 individu *houses* dan itu syarikat *is equivalent to 228.5 plus 96.79*, Okey. Saya telah katakan tadi bahawa dari segi individu, rumah tiada sudah untuk FiT kecuali komuniti dan yang potong 40 percent itu. Namun, ada satu program baru yang akan saya jawab Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru ada? Tiada?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, sekejap sahaja ya. Kalau boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau boleh saya cadangkan supaya yang individu itu, *the household* itu, *can we increase the quota and the limit? So, that we can encourage more residence to participate rather than we give to* syarikat ataupun komuniti ataupun *large scale or what so ever? But, increase because here we want to encourage the residence*, rakyat biasa untuk memasang solar panel. *So, I hope* cadangan saya supaya kementerian boleh *to take into consideration to increase quota specifically for rakyat biasa* ataupun tempat tinggal. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tiada sudah individu. Okey. Akan tetapi ada satu program baru, nanti Yang Berhormat boleh bangkit dan tanya. *I jawab* jugalah walaupun Yang Berhormat Bayan Baru tidak ada di sini. Profesor mahu tanya solar ke? Ini bukan *chemistry*.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Penjelasan sedikit. Ya, mengenai solar ini. Boleh minta penjelasan yang lebih sedikit dari segi solar komuniti itu? Macam mana syarat dia dan kaedahnyalah supaya- saya sebenarnya kurang jelas. Terima kasih.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, minta laluan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Kota Kinabalu, tunggu dululah. Kota Kinabalu jauh bah itu. Ini komuniti solar PV sebenarnya dimulakan oleh Yang Berhormat Johor Bahru yang telah meminta. Ini khas untuk kumpulan-kumpulan komuniti, sekolah-sekolah SRJK Tamil atau sekolah rendah, masjid, surau, gereja, kuil, balai raya dan Yang Berhormat boleh *sponsor* mereka juga. Jadi, ini dikhaskan kepada tempat-tempat seperti berikut. *It's still available anyone, anytime* untuk memohon. Setakat ini, digunakan baru 405 pemohon *either* surau ataupun bangunan lain dan 9.6 megawatt sahaja. *So, this is available, MPs can support. Of course, they have to pay for the installation.* Akan tetapi ia menggunakan

subsidies rate Feed-in Tariffs. Kalau *the highest West Malaysia*, Semenanjung yang LSS pada tahun lalu adalah 43 sen, *highest. Feed-in Tariff under this program is about 96 sen, double*. Jadi, dia boleh ada untung sedikit untuk bayar bil sekolah-sekolah tersebut. Okey.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, begitu prosesnya ada dalam *website*. Ahli Yang Berhormat yang perlu penjelasan seterusnya bolehlah berjumpa dengan saya. Ini kerana masih ada kuota untuk komuniti. *But, no more individual houses kecuali net energy metering*. Saya baca, jawab Yang Berhormat Bayan Baru supaya Yang Berhormat boleh tahu satu sistem baru. Ahli Yang Berhormat Bayan Baru telah bertanya kepada kementerian berhubung dengan pelaksanaan *Net Energy Metering (NEM)* dan bila akan mula dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun minat ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan Program *Net Energy Metering* pada 1 November 2016. Turut memberi peluang kepada orang awam untuk menjana elektrik menerusi panel solar, khusus untuk kegunaan peribadi. Sebahagian lebihan elektrik akan di simpan dalam akaun pengguna untuk tempoh 24 bulan secara kredit pusingan. Program ini akan membantu orang ramai menikmati bil elektrik yang lebih rendah atau percuma bergantung pada jumlah penggunaan elektrik bulanan dan jumlah tenaga yang di keluarkan. Okey.

Di samping itu, program NEM ini adalah satu usaha kerajaan untuk meningkatkan sumbangan tenaga boleh baharui dalam penjanaan elektrik negara selain daripada program *Feed-in Tariffs (FiT)* yang telah dilaksanakan pada masa sekarang tetapi untuk solar individu sudah di peringkat penutupan sudah. Kerajaan juga menyasarkan program NEM akan mencapai jumlah kapasiti terpasang sebanyak 500 megawatt dalam 5 tahun- 100 megawatt satu tahun. Sehingga kini, permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak- terkini adalah sebanyak 1,804 kilowatt, seterusnya 1.8 megawatt, *so far* mengikut maklumat daripada pihak TNB, dan ini masih terbuka untuk semua pihak.

■1750

So very simple, you pilih EPC ataupun kontraktor yang berdaftar dengan ST, dan pasang di atas bumbung. *You* gunakan untuk sendiri dan lebihan itu jual, hantar kepada TNB tetapi bukan juga dijual, kita ada akaun di situ. Jadi apabila kita menggunakan lebih daripada apa yang kita jana, maka dia tolak balik daripada *you* punya akaun yang *you* jana. Tiada limit tetapi dijangka kebanyakan orang *about* tiga per sepuluh kilowatt, kalau rumah besar Ahli-ahli Yang Berhormat ini, boleh letak di garaj rumah dan seterusnya. Jadi *this scheme*, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingin taklimat khas untuk ini, pihak kita bersedia.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Di Sarawak pun boleh, di Sabah pun boleh.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak minta pengesahan Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Di Sarawak boleh kerana kami sudah berbincang SEB ini.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Sekarang boleh, Sarawak boleh? So Sarawak sudah *confirm can already, is it?*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yes, terlibat Sarawak.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya minta pengesahan seperti Yang Berhormat cakap tadi tetapi ada *limit. Just now you are saying that the quota has already reach the limit, 9.6 megawatt but just now you said that there is no limit. So, is there a limit? Can we increase the limit or not?* Bagi menggalakkan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Bukan FIT, okey? Bukan *Feed-in Tariff*, ertinya *open rate*. You pakai apa yang you perlu untuk ke rumah, yang lebihan you send to the grid to other SEB di Sarawak ataupun TNB. Dia masuk akaun you di sana, okey, *except* dia beli daripada kita *at displacement cost which is about 31 cent, okay?* Dia beli. Jadi *no limit because the limit is you punya* atap ataupun you punya garaj.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *I see. So for that one no limit?*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tiada *limit*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Anyone can apply?*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yes, yes.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Anyone can apply, can save it, no limit...*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tiada *limit*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Macam mana prosesnya?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Akan tetapi hanya *on the roof*, ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *On the roof?*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jadi kalau rumah besar, besarlah. Rumah kecil, kecillah. You tidak boleh letak di padang.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *So not limited by the quota, anyone can apply, anyone can pasang?*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: No, no, 100 megawatt per house.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Satu tahun?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Seluruh negara, 100 megawatt.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *That is the limit?*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yes.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Can we increase or not?*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kalau pakai, habiskan dululah baru kita bincang.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Sekarang sudah habiskah?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sekarang tahap ini, baru dua megawatt sudah habis...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jadi saya rasa cukuplah itu untuk penjelasan. Yang Berhormat Rasah? Tiada? Oh! Yang Berhormat Rasah. Ini Yang Berhormat Kota Kinabalu. Apa mahu tanya?... *[Disampuk]* Ada? Ini bukan batu sumpah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Ketawa]* Tidaklah, tidak. Kita orang Sabah tidak mahu kupas punya. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang saya sayangi... *[Dewan ketawa]* Sudah lebih 600 ekar tanah sudah disediakan dan pampasan untuk pemilik-pemilik tanah pun sudah dibayar lebih 10 tahun dahulu, masa tahun zaman PPS lagi untuk empangan air di Tawau.

Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, apakah status Projek Skim Pangkalan Air Tawau dan pembinaan empangan air Tawau setakat ini? Kedua, berapakah peruntukan yang telah diberikan dan digunakan untuk projek tersebut? Saya sudah tanya Yang Berhormat Menteri banyak kali, Menteri bilang, "*Awak sudah mahu tender, sudah. Mahu mulai sudah*". Jadi ada janji juga akan bina pada tahun Julai. Jadi saya sekarang mungkin hendak masa jugalah untuk tanya.

Kedua, pangkalan elektrik. Yang Berhormat Menteri, banyak mega projek telah dan akan dibangunkan di kawasan KK seperti *Tanjung Aru Eco Development* (TAED) dan juga *Aeropod* dan yang ketiga *Sabah International Convention Centre* dan sebagainya. Banyak juga ada projek lagi, banyak mega projek. Nama pun mega. Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian telah mengkaji penggunaan tenaga elektrik yang akan diperlukan? Setelah mega projek ini siap, apakah tindakan kementerian untuk selesaikan keperluan elektrik di KK pada masa akan datang? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang saya sayangi *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dia itu, kalau DAP kata dia sayang, betul atau tidak itu? *[Ketawa]* Ala, ini kawanlah. Okey, kadang-kadang dia banyak guna juga. Okey. Mengenai dengan ini, Yang Berhormat tidak dapat berucap dalam perbahasan dan daripada KK mahu balik Tawau kah? *He want to send to Tawau but nevermind* kerana perkara ini penting. Ini mengenai dengan empangan air yang di Tawau.

Seperti mana yang saya telah jawab berkali-kali, antara sebab kenapa ini terlewat kerana kerajaan negeri ubah *spec, bah*, daripada empangan air sahaja menjadi tadahan, menjadi tebatan banjir. Okey? Jadi itu bajet terpaksa hendak *review* tetapi *I can tell you* yang terkini ini, sudah selesai dari segi kewangan. *The last one* tiga bulan dulu, mereka minta pengecualian daripada GST. *Total budget now about RM560* juta sudah *pass value management* dua kali dan juga sudah lintas *value engineering*. *Now*, dokumen sedang disiapkan. Perjanjian antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat kerana ini adalah *loan*, pinjaman. Selesai sahaja itu, maka negeri boleh panggil dia punya tender. Okey? Jadi semua hal sudah habis. Saya telah habis-habisan bantu walaupun saya kena tuduh kadang-kadang tidak bantu.

Yang Berhormat Tawau juga, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi telah pun banyak kerja untuk menyusul. *We are about to sign the-* dalam proses *the loan agreement* dengan negeri dan selepas itu negeri boleh panggil tender. Jadi mudah-mudahan tiada halangan lagi, Yang Berhormat. Cukuplah itu. Tawau jauh itu. *You* mahu balik Tawau kah?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Mungkin lah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, tidak masuk perbahasan dia. Saya dengar dia punya perbahasan, tidak masuk tetapi saya ada masuk perbahasan tetapi belum dijawab.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini Yang Berhormat Putatan dia bukan air punya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Dia tiada masuk perbahasan. Saya ada perbahasan tetapi belum dijawab.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dia tiada dalam senarai tetapi ada mengganggu-ganggulah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey. Saya jawab satu lagi tentang itu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Menteri. Saya pun hairanlah kenapa ini peruntukan daripada RM200 juta sampai RM450 juta, nanti naik lagi ke RM600 juta.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mula-mula RM300 juta...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kenapa begitu mahal lah? Apa sebabnya? CST lagi dua. Itu CST pun mahu RM200 juta kah?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mula-mula RM360...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Atau ada lain lagi?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Duduk dulu. Lain kali jangan ganggu. Dulu, kira-kira RM320 juta kerana air empangan sahaja. Selepas itu dia mahu *flood mitigation*, tebatan banjir. Jadi itulah meningkat dua fungsi mengenai ini tetapi sekarang *through engineering, value management*...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okeylah. Yang Berhormat Menteri, saya sabar jugalah. Berapa-berapa sahajalah, saya hanya mahu mulakan sahajalah. Jangan janji-janji, janji tidak ditepati lagi. Okey? Ini kali sumpahlah, jangan lagi bohong-bohong. Okey? Ini macam... [*Dewan riuh*] Kita kali-kali mahu ikut batu sumpah. Ini kalilah.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya tidak pernah berbohonglah. Saya hanya beritahu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sudah banyak kali bohong, sudah berapa kali. Tiga tahun ini, bohong. Janji berapa kali saya sudah bahas?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jangan janji buta sahaja. Bohong, bohong, bohong. Akhirnya langsung tiada. Okey?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Empangan itu...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya harap ini kali *insya-Allah*, boleh diambil tindakan. Okey? Itu saya haraplah. Jangan lagi susahkan rakyat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, Yang Berhormat. Duduklah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey? Air pun tiada.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sudah cukup bagus empangan, Yang Berhormat. Tiada bohong punya. Kita kasi jelas kenapa lewat. Diamlah, okey?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tidak betul punya. Saya harap Yang Berhormat Menteri dari Sabah boleh dapat cepatkan tetapi lagi lambat. Apa ini? Alamak [Ketawa]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia tiada bahas. Dia tiada bahas, Yang Berhormat Menteri. Tiada bahas.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya mahu sayang tetapi benci lagi loh.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kacau Dewan sahaja. Tiada bahas. Saya ada bahas. Saya mahu tunggu jawapan ini fasal KK, oleh sebab dia sentuh fasal...

■1800

Tuan Yang di-Pertua, minta kebenaran. Saya sambil menunggu di luar tidak sampai-sampai jawapan yang saya bahas. Soal yang paling serius Tuan Yang di-Pertua, ini sering berlaku kebakaran ini. Ini perkara saya rasa amat penting bukan sahaja bagi pihak kementerian tetapi juga kepada pihak tempatan, PBT. Soal rumah-rumah yang dibina di tepi-tepi bandar, di tepi-tepi sungai yang dibina oleh pemiliknya sendiri. Mungkin terdapat pendawaian yang tidak begitu baik dan didawaikan oleh orang-orang yang tidak ada kelayakan.

Jadi ini sering berlaku kebakaran dan ada juga perkara-perkara yang saya sentuh pada ketika itu perbincangan saya, rumah-rumah yang sudah lama mungkin dia punya *wiring* sudah kau tahulah, faham lah zink ini panas, *cracking* dalam *wiring* dan mungkin digigit tikus, ada yang lain sengaja dipotong, disambung yang tidak begitu baik. Ini sering berlaku kebakaran di kawasan Kota Kinabalu, di kawasan saya. Bukan sahaja di kawasan saya juga di Tawau, kampung Yang Berhormat Kota Kinabalu ini juga di Sandakan kerap kali berlaku kebakaran di Sabah. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Ini kerana Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab dengan *electricity* ini.

Keduanya, tenaga di Sabah ini masih lagi luahan-luahan dan keluhan dari rakyat negeri Sabah. Bagaimana Yang Berhormat Menteri memperjelaskan ini? Walaupun Yang Berhormat Menteri sudah menjelaskan beberapa kali, bertubi-tubi tetapi orang masih lagi timbulkan perkara yang sama. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Bertubi-tubi, dahsyat!

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mengenai dengan Yang Berhormat Putatan mengenai dengan perkara – sebelum itu Yang Berhormat Kota Kinabalu, saya ingin perbetulkan itu yang telah muktamadkan selepas *value engineering*, RM470 juta sahaja. Ertinya *after value engineering* banyak lagi yang dipotong, GST nampaknya tidak

diluluskan. Jadi harga itu sekadar RM470 juta. Nanti saya pantau, kita pantau bersama. Kalau tidak, saya tarik balik duit itu kalau mereka tidak kasi laksana. Cukuplah!

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Banyak terima kasih. Saya mahu terima kasih ke atas perhatian. Hanya berjanji boleh ditepati sahaja. Itu harga saya tidak mahu bincang lagi. Nanti baru saya cerita.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, okey. Yang Berhormat Putatan mengenai dengan rumah-rumah yang setinggan ini, kalau rumah itu dan tapak itu *locality* yang rasmi, SESB termasuk TNB akan memberi penjanaaan secara rasmi dan *official*. Masalahnya ini adalah tempat-tempat penempatan ataupun setinggan yang membuat *collection* yang haram ataupun kampung-kampung sementara. Akan tetapi banyak masalah juga ini. Kadang-kadang kita punya pemimpin yang sokong kerana sementara belum dapat geran, minta sokong disambung juga. Jadi pihak kita punya utiliti ini pun pening kepala juga tetapi memang biasanya mereka tidak akan menyambung mana-mana sambungan kalau kampung itu tidak sah atau rumah itu tidak berada dalam lokasi yang sah.

Jadi memang akibatnya itu begitulah. Kalau ada api, kebakaran dan seterusnya maka sukar untuk mengawal dari segi *standard connection* dan seterusnya. Misalnya bagi mengelakkan kalau di sini dan di Sabah berlakunya kejadian kebakaran berpunca dari penggunaan tenaga elektrik tidak ada masalah. ST boleh mengambil pelbagai langkah dan tindakan akan meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan seperti menjalankan *market surveillance* ke atas penjualan kelengkapan elektrik dan seterusnya.

Akan tetapi kalau dia setinggan amat sukar untuk mengatasinya kerana terpaksa bekerjasama dengan komuniti dan biasanya *local government* di tempat itu yang bertanggungjawab mengenai perkara-perkara tersebut kerana biasanya kalau setinggan itu *quit most of time is illegal connection* dan seterusnya. *So, cannot be purely the regulator* ataupun *the utility, you has to be* pemimpin masyarakat sekali gus dengan *local government* dalam kawasan tersebut.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, jawapan Yang Berhormat Menteri ini hanya kepada setinggan. Soalan saya tempat perkampungan, bukan setinggan. Ada rumah-rumah – jangan kita elakkan daripada keprihatinan kita terhadap masyarakat di kampung-kampung ini. Bukan saya maksudkan setinggan sahaja termasuk rumah-rumah yang sah, yang sudah kena wartakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, kalau kes itu yang sudah berdaftar, mempunyai bil yang sah dengan pihak SESB misalnya. Maka memanglah tanggungjawab itu kepada pengguna sendiri kerana pihak SESB tidak boleh memantau rumah-rumah untuk meneliti adakah wayar-wayar sudah...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, itu jawapan yang paling senang. Saya pun boleh buat jawapan macam itu. Apa yang saya minat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri itu adakah cadangan daripada kerajaan, bukan pandangan sendiri tahu. Saya pun boleh jawab begitu Yang Berhormat Menteri. *There must be a way to*

create awareness among the house ..[Tidak jelas]. Who is the authority? Dengan izin is your kementerian.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Memang, *well* sebagai *the regulator*, kesedaran awam itu dibuat juga dari masa ke semasa kepada pihak-pihak pengguna dari segi kalau wayar sudah tua *you know*, harusnya berapa tahun itu boleh bertahan untuk perlu dibuat *rewiring* dan seterusnya. Akan tetapi *at end of the day it is still the* pengguna tetapi yang kos kita mempunyai tanggungjawab seperti Yang Berhormat Putatan katakan, pengedaran maklumat, kesedaran dan seterusnya jangan tunggu api sudah sampai kerana sudah tua wayar itu kerana kena gigit barulah buat. Akan tetapi saya sedar lebih banyak *I think* yang perlu dibuat oleh utiliti dan ST dalam perkara ini.

Saya hendak maju ke hadapan, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Minta –itu soalan nombor dua belum jawab lagi mengenai banyak mega projek akan dibangunkan di kawasan KK.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, ya. Kita sebagai *regulator* di situ dan misalnya pada tiga bulan yang lalu saya telah panggil bahagian industri, EPU, SEDIA untuk *revise* kita punya *estimate* mengenai *demand* untuk negeri Sabah. Setakat ini mengikut apa yang telah dilaporkan kepada kita, *generation capacity* keseluruhan 1,200 pada saat ini. Untuk tahun yang akan datang mengikut EPU, mengikut *industrial development*, mengikut SEDIA adalah paling banyak pun untuk yang akan datang 500 megawatt sampailah termasuk Lahad Datu dan seterusnya.

Jadi itulah dalam perancangan kita ialah untuk memastikan lima tahun akan datang ada tambahan tenaga sejumlah kira-kira 500 megawatt belum masuk *renewable* seperti solar dan seterusnya. Sebanyak 300 megawatt ini akan di Sandakan, okey dan 180 megawatt untuk dam hidro di Tenom. Jadi sudah sampai 500 megawatt, belum masuk lagi *renewables* yang kita adakan dan juga *repowering* yang sudah tua itu iaitu generator-generator.

Saat ini kita eksport 220 megawatt kepada Sandakan, Tawau sampai Lahad Datu. Jadi melalui *the grid* kita. Maksimum *demand in the next player* termasuk keperluan di Sandakan mengikut EPU, mengikut *industrial development department* ada kira-kira 500 megawatt. *We should be able to handle* kecuali ada projek besar tiba-tiba.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jadi untuk Kota Kinabalu sahaja berapa megawatt?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kota Kinabalu tidak ada masalah...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Berapa megawatt diperuntukkan untuk Kota Kinabalu?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *They say only about* 100 megawatt ke 150 megawatt sahaja keperluan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sama mega projek?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Akan tetapi kebanyakan ini hotel-hotel sahaja bukan *energy demand* betul-betul. Sebanyak 150 megawatt dikatakan harus mencukupi untuk tiga tahun, empat tahun yang akan datang.

■1810

Akan tetapi kita *review* setiap enam bulan juga.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akan tetapi, tanjung aru ada lima bintang punya hotel tambah empat ribu, *apartment* tahu? *Luxurious apartment* akan mungkin 20,000 punya peruntukan -- penduduk akan tinggal di sana.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Akan tetapi 150 megawatt itu cukup banyak.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya harap cukup.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Lagi pun di pantai timur saya katakan tadi *excess* dia saat ini memang ada *excess* 220. Itu yang kita kirim pergi Sandakan itu. Kira-kira *excess* keseluruhan saat ini margin 27 *percent*, 25 *percent* dan kadang-kadang 180 sampailah kepada 220 margin. Jadi tambah 500 *they should be a* margin untuk 700 dalam lima tahun ini, okey.

Akan tetapi, *we are willing to engage* dengan *industry* kalau ada *investment* baharu dan *we can plan quickly*.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Hanya Menteri mahu pastikan cukupi elektrik untuk dalam masa lima tahun. Jangan mati lampu lagi hari-hari, terima kasih banyak.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tadi Yang Berhormat Putatan ada sentuh – *I can really*.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tunggu-tunggu – Sandakan – *actually* dari SAIDI, *improvement from* 2008, 1,000, 2,000 itu, 1,800 SAIDI *in the last four years* 423 naik sedikit 500 SAIDI *minutes* satu bangunan satu tahun 379 pada 2015. Tahun lalu 311 kerana ada naik sedikit walaupun saya tentukan sasaran 250. Ada projek khas SAIDI 150, *we are spending quite a lot of money*. Saya yakin tahun ini *we should be able to touch the 200*.

Jadi dari segi jumlah gangguan sudah menurun hanya saya tidak berapa senang hati kerana jumlah gangguan tidak – jumlah minit ya tapi *the number of* gangguan tidak banyak menurun, okey. *I mean* dari segi masa gangguan banyak menurun tapi dari segi jumlah gangguan kerana dalam masa 10 minit barangkali, dua kali, tiga kali dia *'trip'* bah ini bikin meradang bah *you see*. Akan tetapi bukan semua tempat-tempat begitu.

So, banyak *improvement*. Australia punya SAIDI pun 480. US punya SAIDI pun 430. *These are developed countries, you know* tetapi banding dengan Putrajaya *point three*, banding dengan Kuala Lumpur tiga minit sahaja. Jadi ini yang kita mahu kejar supaya Sabah tidak ketinggalan daripada Malaya ataupun ini Semenanjung Malaysia.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: [Bangun]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Menteri jangan banding sama USA kerana USA banyak itu *typhoon Toronto*. [Ketawa]. Itu jangan ikut sana, ikut Sabah, okey Kuala Lumpur hanya *less than* berapa minit – Kuala Lumpur berapa minit ?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Apa ?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kuala Lumpur SAIDI berapa ?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tiga minit.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tiga minit. Jadi tiga minit Sabah lah, apa lagi. Kenapa mahu 100.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Di Sabah 23 tahun itu tarif tidak naik itulah tidak ada duit dalam SESB.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *I remind you* Menteri dalam bajet kita *target less than one hundred you know*, 2016 tahu? Jadi kenapa jauh lagi 200?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *No*, saya tidak cakap 100.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kau tengok itu bajet saya pun hairan. Boleh kah dapat 100? Kalau boleh...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Siapa berani mahu pergi 100.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kalau boleh kenapa sekarang jauh lagi, okey. Itu saya tahulah saya ingat punya.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *Three years time* boleh itu. Okey, cukuplah.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Jadi Menteri saya mahu satu soalan sahaja mahu tahu bila Sandakan itu janji punya 380 megawatt punya itu loji gas itu. Bila ini boleh lancar, saya ini telah dapat Menteri punya jawapan dua tahun lalu pun sudah bilang akan dilancar. Itu hari *last* Parlimen bilang awal tahun ini yang dilancar tapi sampai sekarang saya mampu tidak nampak apa-apa tindakan yang diambil.

Mengikut Menteri punya pun faham juga Sandakan ialah satu bandar yang bekalan elektrik sentiasa *break down that is the most serious town*. Jadi saya pun tidak tahulah sudah berapa tahun kita membangkit ini masalah berkali-kali. Menteri pun sudah janji bagaimana mahu kasi membaik pulih keadaan begitu tetapi sampai hari ini keadaan tidak ada *improve you know*.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat dari segi *improvement* memang ada lah. Nanti saya bekalkan dengan itu jumlah SAIDI untuk Sandakan dan ada *improvement* tapi itu jumlah gangguan masih *about the same* untuk tahun lalu.

Kita akan *pouring a lot of money* kepada Sandakan dua PMU besar. Masalahnya di sana itu *you* punya sektor satu di situ tidak boleh angkat itu *distribution*. Perlu satu dua PMU baru – Bukit Nanas dan Sungai Sibuga. *Once* itu kena buat *that will be strengthen*. *The next would be to make sure* mencukupi bekalan *generation* di Sandakan.

300 megawatt itu sebenarnya Kerajaan Persekutuan telah pun meluluskan sekali gus dengan itu paip gas dari Tuaran sampailah Sandakan. Sudah tandatangani dengan negara

China yang baru-baru okey. Jadi masih dalam proses perbincangan dengan kerajaan negeri dari segi itu paip dan gas tapi *the paip and gas* itu mesti siap dalam tempoh tiga tahun kerana jika kita mulakan itu pembinaan 300 megawatt di Sandakan dia perlu itu gas dan dijangka 2018, 2019 -- tiga tahun setengah dari sekarang. Saat ini sedang dimuktamadkan dia punya pelaksana. Mula-mula Kerajaan Pusat sudah bincang, sudah tentukan pemaju-pemaju tapi negeri Sabah dia mahu majoriti *control* itu *power plant*.

Jadi ini dalam peringkat terakhir untuk bincang. Saya harap dalam tempoh terdekat saya boleh bawa pergi Kabinet. Kerajaan negeri mahu majoriti itu *power plant*. Akan tetapi sudah lulus hanya soalnya mengemas kini *share structure* dan akhirnya mahu kasi *tune*, kasi *timing* sama dengan itu gas *pipe line*, okey. Boleh lah itu Yang Berhormat, Yang Berhormat pun tidak ada berucap dalam...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri, kita harap kali ini semesti loji ini yang boleh mengikut Menteri punya janji. Ini kalau saya tidak silap Yang Berhormat Menteri sudah janji ini dua tahun lalu – *back to two years* bilang ini bila yang *end of the year* lancar *or next year* lancar tapi sampai sekarang masih belum lagi apa-apa.

Saya ada satu soalan tanya ini macam apa-apa pun belum ada...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Itulah jawapan yang terkini yang tadi ini. Akan tetapi, Yang Berhormat *sometimes* kita pusat kerajaan negeri *sometimes* juga ini soal tanah banyak perundingan bah, *you know*. So, jangan *blame us sometimes is a mutual* tanggungjawab tapi saya yakin Kerajaan Negeri Sabah mahu itu *power*. So, sekarang ini soalnya pengambilan tanah untuk gas *pipe line* dan memuktamadkan *share holding* dalam pemaju itu 300 megawatt di POIC di Sandakan.

Okey, nanti *I update*...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ini *what is a* apa yang jumlah *allocation* untuk ini...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *No, because it is a PFI* tidak ada peruntukan kerajaan. *It's a swasta* yang bangunkan tidak ada peruntukan kerajaan kecuali...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tidak ada peruntukan, saya mahu tahu apa yang dia mega projek ini berapa yang – *the cost*.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dia orang perlu – EPC belum buat *estimate but quite standard* lah 300 megawatt, *you know* satu kilo megawatt berapa. So, tidak ada peruntukan *but you expect it* 300 megawatt *depending on gas fired*. *I can't give you the figure now* tapi *is almost RM1 billion, you know* – *private sector*. 300 megawatt *roughly*. Ingatlah kalau solar satu megawatt pun RM6 juta – satu megawatt, okey.

Yang Berhormat dari Rasah terhadap masalah penduduk Parlimen beliau khususnya yang melibatkan aduan terhadap Tenaga Nasional Berhad yang mengambil tindakan kepada penduduk yang didakwa mengusik meter elektrik TNB. Kes ini secara spesifik dan beliau telah merujuk kepada pemilik akaun yang bernama Encik Tan Keng.

Untuk makluman Yang Berhormat siasatan terhadap aduan oleh pemilik akaun nombor ini 032000408301 di atas nama Encik Tan Keng telah dijalankan oleh pejabat kawasan Suruhanjaya Tenaga ST Melaka dan Negeri Sembilan.

■1820

Hasil siasatan ini mendapati, telah berlaku pengusikan ke atas pemasangan-pemasangan meter TNB di premis yang terlibat, berdasarkan bukti-bukti kukuh yang ditemui semasa siasatan. Nanti saya boleh bincang dengan Yang Berhormat *to show all the things*. Memang ada pengusikan. Barangkali terjadi sebelum dia di situ ataupun tanpa diketahui tetapi bukti-bukti yang ada, memang ada. Akan tetapi saya hanya katakan di sini saya boleh...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tambah sedikit? Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Nanti saya habiskan dulu. Selepas ini. Nanti saya bincang dengan Yang Berhormat dan perlihatkan bukti-bukti semua yang ada. Kita tidak menuduh dia buat tetapi barangkali sejarah rumah di situ atau seterusnya. Okey, prosedurnya, Suruhanjaya Tenaga juga mendapati bahawa pihak TNB telah mematuhi Garis Panduan Prosedur Tuntutan Kerugian Hasil oleh Pemegang Lesen ke Atas Kes-kes Penggunaan Elektrik Secara Curang semasa melaksanakan operasi. Pemeriksaan tersebut serta tindakan pemotongan yang dibuat adalah seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 38 Akta Bekalan Elektrik 1990.

Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa pihak pengguna sentiasa mempunyai ruang untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak TNB berhubung tindakan yang dilakukan. Satu jawatankuasa khas juga bagi menjamin hak pengguna telah kita tubuhkan melalui perubahan kepada Akta Bekalan Elektrik yang kita bentang pada tahun lalu di sini bagi mendengar rayuan pengguna berkaitan tuntutan yang dibuat sebelum tindakan lanjut diteruskan oleh TNB.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya, contoh ataupun aduan yang saya tujukan kepada pihak kementerian, ia cuma merupakan salah satu aduan yang saya terima daripada penduduk dan masalah yang sebenarnya adalah kebanyakan dari mereka memang untuk – kalau penduduk ataupun rakyat jelata, ketika mereka menerima notis bahawa mereka didakwa menyentuh ataupun mengusik meter mereka, kebanyakan daripada mereka, saya rasa mereka tidak berdosa ataupun tidak pernah melakukan tindakan tersebut. Akan tetapi cuma untuk pihak TNB, seolah-olah kita di Parlimen ini ataupun kerajaan kita membenarkan TNB bermaharajalela. Mereka suka hendak dakwa, mereka hendak kata mereka usik tetapi tidak ada pihak yang *independent* untuk membuktikan bahawa meter tersebut ada diusik ataupun tidak.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [Bangun]

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Untuk perkara ini, saya sendiri telah pun menulis kepada Suruhanjaya Tenaga tetapi sampai hari ini, tiada sebarang jawapan daripada Suruhanjaya Tenaga. Saya rasa kalau kita wujudkan Suruhanjaya Tenaga tetapi Suruhanjaya Tenaga juga gagal mempertahankan hak-hak pengguna, saya rasa ini satu masalah yang amat serius dan

pihak kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri, saya berharap, jikalau pihak kementerian ataupun pihak kerajaan ada benar-benar ikhlas untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk di bawah, saya rasa bukan sahaja jawatankuasa perlu ditubuhkan sebab jawatankuasa-jawatankuasa ini ditubuhkan akhirnya, segala keputusan penduduk terpaksa ataupun pengguna terpaksa mendengar kepada segala yang ditawarkan oleh pihak TNB.

Sebenarnya tidak ada ruang untuk dirundingkan dan sampai akhir, jikalau pengguna tersebut, mereka tidak menerima tawaran daripada TNB, mereka terpaksa menghadapi kes mereka di mahkamah. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kebanyakan daripada pengguna-pengguna ini, mereka *income* tidak tinggi. Macam mana mereka hendak bertembung dengan TNB di mahkamah? Ini adalah sesuatu yang harus kita pertimbangkan khususnya kepada mereka yang tidak bersalah. Bagi mereka yang bersalah, yang benar-benar menyentuh meter itu, saya rasa tindakan tegas mesti diambil. Akan tetapi isunya kebanyakan daripada mereka, mereka rasa tidak adil terhadap mereka kerana mereka tidak ada ruang untuk membuktikan bahawa mereka tidak bersalah.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya minta jalan, Yang Berhormat Menteri. Ini adalah berkaitan juga dengan apa yang ditimbulkan oleh rakan saya Yang Berhormat Rasah.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sekejap sahaja. Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan berkenaan bahawa di bawah *Electricity Supply Act 1990* bahawa ada cara untuk berunding dengan pihak Tenaga. Saya tidak mempunyai pengetahuan bagaimana rundingan itu boleh dibuat. Mengikut pengetahuan saya, tiada *avenue* untuk rundingan dan sekiranya terdapat satu *finding* oleh Tenaga bahawa terdapat pengusikan, Tenaga boleh membuat *finding* seterusnya untuk mengenakan berapa jumlah yang perlu dibayar. *In other words*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, itu adalah merupakan satu kuasa mutlak. *Absolute power* yang diberi kepada Tenaga di bawah akta tersebut. Jadi bagaimanakah kerajaan bercadang untuk mengecualikan ataupun mengurangkan risiko bahawa Tenaga akan *will abuse his power*, dengan izin *by using this absolute power under Electricity Supply Act?*

Saya berkongsi pandangan rakan saya dari Rasah. Ini bukan satu masalah di Rasah atau Negeri Sembilan sahaja. Di kawasan saya di Bukit Gelugor, di kawasan-kawasan lain juga terdapat banyak kes di mana *TNB abuses his power in the disguise of the Electricity Supply Act*. *So, what is the steps propose by the government*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua *to overcome this problem of abuse of power by TNB*. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kedua-dua Ahli Yang Berhormat, seperti mana saya katakan tadi, memang saya ada menerima juga aduan-aduan daripada pihak awam yang tidak puas hati dengan siasatan yang dijalankan tetapi siasatan biasanya itu dilakukan secara profesional.

Satu, di peringkat Suruhanjaya Tenaga. Memang *like in the case of Mr. Teoh, I can show you the pictures* dan begitu semua. Akan tetapi saya pernah juga menerima aduan bagi mereka

yang kita lihat memang ikhlas betul bahawa mereka tidak ada buat *tempering* dan masalahnya ialah bagaimana itu terjadi jika dibuktikan dengan *tempering*. So, satu ialah apabila keputusan telah dibuat itu, memang ada rundingan, ada jawatankuasa di peringkat TNB untuk membincangkan apa yang perlu dibayar termasuk *backlog*, penjelasannya.

Kedua ialah pihak pengguna jika tidak puas hati dengan itu, boleh merayu di bawah seksyen baru itu yang kita bincang, Akta 2016 kepada Suruhanjaya untuk merayu. Sebenarnya, saya sedang dalam proses perbincangan ini untuk menubuhkan tribunal misalnya supaya tidak payah pergi ke mahkamah. *But my concern is the small man who cannot afford to go to court, cannot even afford to ... down.* Saudara Mr. Teoh ini *actually* RM400 lebih sahaja dia punya tunggakan yang perlu dibayar.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Sebab itu saya membangkitkan di Dewan yang mulia ini. Orang ini, dia tinggal berseorangan sahaja di rumah tersebut, rumah kampung. Rumah kampung dan tinggal seorang tetapi didakwa usik meter sebab dia punya *usage* kalau tidak silap tiap-tiap bulan lebih kurang RM15 hingga RM20 sahaja tetapi tiba-tiba didakwa curi elektrik.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Juga boleh saya *just* tambah kepada apa yang dinyatakan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, sikit lagi.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta maaf. Terima kasih. Ini bukan satu perkara di mana orang-orang yang dikatakan mengusik itu mempunyai pengetahuan bagaimana untuk mengusik. Pengetahuan untuk mengusik itu juga satu pengetahuan yang mendalam. Jadi, pengadu dalam kes Yang Berhormat Rasah tadi, sudah tentunya tidak mempunyai pengetahuan untuk mengusik. Jadi *to whom do such people turn to prove their innocent because under the Electricity Supply Act*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *that seems to be no avenue for them except to go to court and even that the remedies are limited.* Sudah tentu mereka tidak akan dapat membiayai kos mahkamah, peguam dan sebagainya.

So apakah cadangan kerajaan untuk mengatasi *this 'david and goliath' problem where obviously, the problem is Tenaga has all the resources and disposal where as the 'commandment' does not.*

■1830

Apakah yang dicadangkan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, saya katakan tadi *ada avenue-avenue* yang sedia ada ini. Nanti saya telitikan apa lagi, *I think they need a bit more independence* dari segi suruhanjaya *when they* turun padang untuk pergi menyiasatnya. Akan tetapi *as I said* dalam kes-kes yang telah dibuktikan *very clear seal* pecah dan begitu semua

and kalau dia satu orang sahaja tua di sana saya pun hairan *how did they do but this is the fact of the matter*. [Ketawa]

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Akan tetapi masalahnya selama ini dia punya *usage* tidak banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Takkan dia hendak sentuh meter tersebut hendak mencari pendakwaan daripada pihak TNB.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rasah.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak, tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Rasah kalau saya biarkan macam ini berlarutan...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Nanti kita bincang susuli. Lagipun ada surat suruhanjaya kepada Yang Berhormat dari Rasah. Nanti saya buat *engagement*-lah beberapa Ahli Yang Berhormat di Parlimen dan *maybe* kita bincang *have a session* dan mendapatkan bukti-bukti Yang Berhormat Bukit Gelugor di sini. *I mean*— tetapi dasarnya *I don't think to ending purposely* pergi menuduh kalau tidak ada bukti dan ST yang mengesahkan itu tetapi ada juga tempat yang mana kita ragu. *Let's find solution together*, memperluaskan barangkali *investigation team*-nya itu dan seterusnya *especially* untuk yang *small venue* ini.

Okey, Yang Berhormat Tanjung Piai. Tiada? Kalau tidak ada, Yang Berhormat Raub? Saya jawab secara bertulis. Kalau tiada yang dua-dua ini, maka Tuan Yang di-Pertua, sekadar itu jawapan saya kepada perkara yang dibangkitkan. Mana yang Ahli Yang Berhormat tiada di sini saya jawab secara bertulis dan saya akan susuli perbincangan dengan Ahli Parlimen dari sebelah sana dan di sebelah kerajaan untuk cuba mencari satu penyelesaian kepada perihal *tempering meter* ini supaya satu yang lebih *transparent* dan untuk cuba memuaskan semua pihak.

Akan tetapi pada dasarnya kerajaan tiada *and* ST begitu profesional untuk dalam perkara ini tetapi ada perkara yang kadang-kadang sukar untuk hendak perelaskan. Apabila seseorang itu sudah tua dan mengatakan meternya ada *tempering*, so bagaimana itu terjadi adalah sesuatu yang barangkali kita perlu halusi prosedur tersebut. Dengan kata demikian, saya rasa terima kasih kepada semua yang telah membahas dan kemukakan soalan-soalan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Saya jemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sila Yang Berhormat Menteri.

6.33 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa membahaskan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong 2017 yang lalu.

Sepanjang perbahasan seramai 27 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Sungai Besar, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Melur, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Selayang telah membahaskan sebanyak lapan perkara yang akan saya jelaskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama ialah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri tentang mengetahui bilangan tindakan yang telah diambil ke atas syarikat jualan langsung yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh KPDNKK pada tahun 2015 dan 2016. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 30 tindakan kes berkaitan jumlah jualan langsung telah dihasilkan pada tahun 2015 dan 23 kes pada tahun 2016. Ini menjadikan keseluruhannya sebanyak 53 tindakan kes dengan nilai rampasan berjumlah RM1.9 juta serta kompaun denda sebanyak RM186,000 di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

Isu yang kedua mengenai Kedai Rakyat 1Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kanowit. Program KR1M diwujudkan bertujuan untuk memberi pilihan kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan barangan keperluan harian berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat atau 1MKR pada harga yang berpatutan.

Buat setakat ini sebanyak 185 buah KR1M telah dibangunkan di seluruh negara. Program ini berbentuk perniagaan yang berteraskan kebajikan kepada rakyat. Sehingga kini terdapat *outlet* KR1M yang berdaya maju dan juga ada yang mencatatkan keuntungan. Oleh yang demikian, kerajaan sedang melihat semula pelaksanaan KR1M secara keseluruhan termasuk keperluan sama ada untuk menambah bilangan KR1M yang sedia ada supaya program sebegini dilaksanakan dengan lebih baik.

Isu ketiga ialah mengenai pembangunan koperasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Besar. Seperti Yang Berhormat sedia maklum KPDNKK melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengawal selia pembangunan koperasi berlandaskan kepada Akta Koperasi 1993. SKM bertanggungjawab untuk mengukuhkan sektor koperasi supaya ia memberi sumbangan yang berkesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi memastikan perundangan koperasi yang sentiasa kekal relevan dengan perubahan ekonomi dan sosial semasa, kerajaan komited untuk memperkasakan koperasi sebagai entiti perniagaan seiring dengan perkembangan ekonomi di seluruh negara. Prinsip dan nilai koperasi akan dirangka, perundangan koperasi sedang disemak semula dengan objektif untuk menzahirkan koperasi yang tulen, berkualiti dan *vibrant*, mewujudkan pematuhan sendiri, *self-regulation* serta memastikan kawal seliaan dapat dijalankan dengan lebih efektif.

Semakan Akta 502 ini juga mengambil kira falsafah prinsip dan amalan terbaik koperasi sejagat serta berlandaskan kepada *blueprint* yang digariskan oleh *International Co-operative Alliance* (ICA) dengan tema '*to ensure supportive legal framework for co-operative growth*'. Kerajaan terus komited untuk memastikan koperasi-koperasi kecil tidak dipinggirkan dalam semakan Akta 502 ini dan seterusnya diberi bimbingan supaya dapat meningkatkan jumlah perolehan perniagaan yang lebih *significant*.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat adalah menyentuh pelaksanaan Akta Syarikat 2016 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong. Akta Syarikat 2016 telah dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017 secara berperingkat untuk memastikan polisi-polisi perundangan baru yang bermanfaat kepada komuniti perniagaan negara ini dapat dilaksanakan lebih awal.

Dalam pelaksanaan Akta Syarikat 2016 ini hanya peruntukan yang telah sedia ada dipraktikkan oleh komuniti perniagaan sahaja, dikuatkuasakan terlebih dahulu di bawah pelaksanaan fasa 1. Ini bagi memastikan proses transisi yang melibatkan perubahan polisi dan prosedur dapat dilaksanakan secara lebih berkesan. Manakala peruntukan baru yang belum pernah dipraktikkan di negara ini seperti peruntukan yang berkaitan dengan mekanisme penyelamat korporat hanya akan dilaksanakan di bawah fasa 2 dengan mengambil kira tahap kesediaan komuniti perniagaan pada masa akan datang.

Di samping itu, Suruhanjaya Syarikat Malaysia juga melaksanakan 125 program melibatkan pelbagai sesi konsultasi, rundingan dan hebahan sejak akta ini mula digubal pada tahun 2013 sehingga ia dibentang dan diluluskan di Parlimen pada 28 April 2016. Seterusnya beberapa program, kursus kesedaran dan hebahan bagi memberi penerangan taklimat serta dialog dengan setiausaha syarikat, juruaudit, pengarah-pengarah syarikat, dewan-dewan Perniagaan, pihak kawal selia yang lain, badan-badan profesional, institusi perbankan dan sebagainya telah dimulakan. Program-program dan hebahan ini juga akan terus dilaksanakan bagi memastikan pihak-pihak berkepentingan memahami polisi-polisi dan perubahan perundangan melalui pelaksanaan Akta Syarikat 2016.

Isu kelima menyentuh usaha kerajaan untuk menyeragamkan harga barangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Samarahan dan Yang Berhormat Sibu. Yang Berhormat Kota Samarahan juga ingin mengetahui apakah kekangan dalam kementerian melaksanakan program 1Malaysia 1Harga.

■1840

Untuk makluman Yang Berhormat, program 1Malaysia 1Harga dilaksanakan bermula Februari 2013 dan bertujuan menyeragamkan harga bagi barangan keperluan seperti gula,

tepung gandum dan minyak masak di seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini merupakan inisiatif kerajaan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat di luar bandar dan pedalaman bagi menangani bebanan kos sara hidup.

Dalam melaksanakan program ini, kekangan atau cabaran utama yang dihadapi oleh kementerian ialah bagi memastikan harga barang keperluan iaitu gula, minyak masak dan tepung gandum, kegunaan am adalah sama di antara semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Bagi tujuan ini, kementerian telah menampung perbezaan harga gula, tepung gandum dan minyak masak di Sarawak, Sabah dan Labuan berbanding dengan Semenanjung kerana bebanan kos pengangkutan yang ditanggung untuk mengangkut barangan tersebut dari pelabuhan semenanjung ke pelabuhan-pelabuhan di Sarawak, Sabah dan Labuan.

Kementerian juga melaksanakan program penyeragaman harga bagi memastikan harga tujuh barangan keperluan asas iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum cecair atau LPG, petrol RON95 dan diesel adalah seragam seperti di semenanjung. Beberapa syarikat pengangkutan telah dilantik oleh kementerian bagi membawa bekalan-bekalan barangan perlu ke kawasan pedalaman dan kos pengangkutan tersebut ditanggung oleh kerajaan dan tiada caj tambahan yang dikenakan.

Bagi Yang Berhormat Kota Samarahan yang ingin mengetahui langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh KPDNKK dalam melaksanakan program penyeragaman harga, seperti Yang Berhormat sedia maklum, program ini telah pun bermula sejak tahun 2009 dan menyasarkan kepada golongan berpendapatan rendah di kawasan-kawasan pedalaman.

Dalam waktu yang sama, oleh sebab hendak meningkatkan keberkesanan program ini, kementerian telah menubuhkan pasukan pemantau di setiap negeri untuk menjalankan naziran bagi memastikan bekalan diterima oleh golongan sasaran seperti sepatutnya. Pada masa yang sama, kerajaan turut menggiatkan penambahbaikan terhadap infrastruktur perhubungan agar rakyat di kawasan pedalaman mendapat akses mudah terhadap bekalan barangan keperluan asas tanpa bergantung pada program ini di masa akan datang.

Isu keenam adalah berkaitan dengan bekalan minyak masak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Sepanggar.

Yang Berhormat Pasir Gudang mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula untuk memberi subsidi minyak kepada pengguna. Ingin saya menegaskan bahawa kerajaan masih mengekalkan subsidi minyak masak bagi pek satu kilogram poli beg dengan kuota 60,000 metrik tan sebulan berdasarkan purata penggunaan minyak masak sebanyak 1.5 kilogram sebulan bagi setiap penduduk.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepanggar, kekurangan minyak masak di Sabah tidak sepatutnya berlaku memandangkan kementerian telah memperuntukkan satu jumlah kuota yang mencukupi di Sabah dan Sarawak berdasarkan jumlah penduduk di sana. Kementerian sentiasa melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan

syarikat pembungkus minyak masak yang mendapat kuota membuat pengeluaran berdasarkan kuota yang telah diagihkan.

Yang Berhormat Sepanggar turut menyentuh isu kekurangan minat pengilang untuk membuat pembungkusan minyak masak dalam pek satu kilogram poli beg di Sabah. Saya hendak memaklumkan, buat setakat ini masih ramai lagi yang menghantar surat untuk memasuki program ini dan ianya datang daripada syarikat-syarikat pembungkus dan juga pengilang-pengilang yang besar. Maka ini membuktikan bahawa ramai lagi yang berminat untuk mengeluarkan minyak masak dalam bentuk beg satu kilogram poli beg yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Isu seterusnya ialah berkenaan dengan sara hidup rakyat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Selayang.

Kementerian selaku urus setia Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat sememangnya peka terhadap isu melibatkan kos sara hidup rakyat yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta 14 orang Menteri pelbagai kementerian. Lain-lain anggota ialah Ketua Setiausaha Negara, Gabenor Bank Negara, Peguam Negara dan wakil Majlis Profesor Negara.

Fungsi utama jawatankuasa ini ialah untuk menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup rakyat dan harga barang secara bersepadu termasuk kenaikan harga yang tiada kaitan dengan langkah konsolidasi fiskal tetapi berpunca daripada isu struktur pasaran termasuk isu bekalan serta sistem pemasaran. Setiap anggota dalam jawatankuasa ini berperanan untuk memastikan rakyat di negara ini mampu untuk berbelanja, mampu untuk membeli rumah, mempunyai akses kepada bekalan barangan keperluan dan memastikan bekalan keperluan harian mencukupi.

Dalam keadaan tertentu seperti semasa musim perayaan, kementerian saya bertanggungjawab dalam memastikan bekalan barangan keperluan perayaan adalah mencukupi dan pada harga yang mampu dibeli oleh rakyat. Namun, pada hari-hari yang lain, pengerusi jawatankuasa ini mahukan semua menteri yang bertanggungjawab terhadap keperluan rakyat seperti bekalan makanan, pengangkutan, perumahan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Menteri, bagi laluan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sebagai contoh..

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Klang. Depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Klang di depan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak balik kepada isu yang penting yang dibangkit oleh Yang berhormat Menteri berkait dengan isu-isu kos sara hidup rakyat Malaysia.

Satu daripada masalah yang dihadapi oleh semua rakyat Malaysia adalah *general increase in price* ataupun inflasi. Akan tetapi kalau kita ambil *different categories of the price increase*, satu daripada barang yang digunakan oleh rakyat tetapi kos itu terlalu tinggi adalah berkait dengan ubat-ubatan. Misalnya, kita ada ubat untuk kanser, satu botol kecil 30 biji *medicine* ataupun ubat lebih kurang RM9,000. So, kos sebenarnya untuk mendapat rawatan yang bagus adalah tinggi. Dan menurut Menteri Kesihatan, sebanyak satu daripada empat rakyat Malaysia akan menghadapi kanser sebelum mereka berumur 70 tahun dan juga setiap hari di Malaysia, 38 orang ataupun 38 rakyat Malaysia akan didiagnosis dengan kanser barah.

So oleh sebab itu, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, macam mana untuk kita *price control* untuk *medicine-medicine* yang penting untuk *life saving* rakyat Malaysia? Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sedikit, Yang Berhormat. Terima kasih Yang berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berkaitan dengan jawatankuasa yang memantau kos sara hidup ini, apakah KPI yang digunakan dan bagaimanakah mereka memantau dua aspek peningkatan kos sara hidup iaitu pendidikan dan kesihatan? Dua-dua ini adalah situasi di mana rakyat membuat aduan di mana ada peningkatan kos sara hidup yang amat tinggi. Dia tak ikut skala yang berpatutan, tiba-tiba menaik. Itu yang memberi kejutan kepada rakyat biasa. Bagaimanakah kementerian sedang memantau dua aspek ini? Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat. Pertama, saya hendak maklumkan tentang ubat-ubatan. Saya dan Menteri Kesihatan sedang menilai dan mengkaji bagaimana caranya untuk kita menggunakan akta yang sedia ada ini untuk membantu rakyat dari segi menangani kos pembelian ubat-ubatan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Kepada KPI yang digunakan tentang pendidikan dan kesihatan terutamanya tentang harga-harga atau kos yang meningkat bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan— kesihatan seperti yang saya maklumkan tadi, saya sedang melakukan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan. Sementara Kementerian Pendidikan ini, saya merasakan ini adalah suatu isu yang sepatutnya Yang Berhormat boleh bangkitkan nanti dengan Kementerian Pendidikan bagaimana caranya untuk dari segi *holistic approach* untuk kita dapat mengurangkan kos pendidikan dalam negara kita. Itu saya biarkan untuk Yang Berhormat tanya kepada Kementerian Pendidikan nanti.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang berhormat Menteri, *follow up question*. Berkaitan dengan perbincangan dengan Menteri Kesihatan, apakah tahap perbincangan yang telah berlaku dan bilakah kerajaan akan membuat satu keputusan mengenai isu ini? Terima kasih.

■1850

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada berbagai-bagai cara. Salah satunya seperti ubat-ubatan yang telah pun dipatenkan dalam negara kita. Kita boleh mengenakan beberapa akta yang ada dan juga kita sedang mengkaji bagaimana nak memastikan ubat-ubat generik juga dapat kita keluarkan dengan secepat mungkin. Semua ini adalah sesuatu perbincangan yang tak sepatutnya saya umumkan hari ini. Selepas perbincangan telah pun kita adakan keputusan, *insya-Allah* akan kita maklumkan kepada rakyat nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat, terima kasih dan syabas kepada kementerian ya.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Akhirnya, isu kelapan mengenai penetapan harga petrol RON95 dan diesel yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Kapar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga jualan runcit petrol dan diesel tidak berdasarkan kepada harga minyak mentah dunia, sebaliknya kepada pasaran antarabangsa bagi minyak bertapis atau *refined oil*. Penanda aras harga bagi minyak bertapis yang digunakan di rantau ini ialah *Means of Platts Singapore* atau MOPS. Penetapan harga jualan runcit petrol dan diesel, harga di pam stesen minyak pada masa ini adalah berdasarkan kepada apungan terurus melalui mekanisme *automatic pricing mechanism* atau APM yang mana MOPS merupakan komponen utama di bawah APM ini.

Sehubungan dengan itu, sekiranya harga MOPS meningkat, harga runcit bagi bahan api tersebut di Malaysia turut meningkat dan begitu juga sebaliknya. Memandangkan harga MOPS didagang dalam US Dolar, maka kadar tukaran US Dolar kepada Ringgit Malaysia juga mempengaruhi harga jualan runcit yang ditetapkan. Di samping itu, negara kita merupakan pengimport bersih atau *nett importer* produk petroleum. Oleh yang demikian, harga petrol dan diesel yang terdedah kepada pasaran antarabangsa adalah di luar kawalan kerajaan. Namun begitu, harga jualan runcit produk tersebut di Malaysia adalah lebih rendah berbanding negara-negara berdekatan seperti Indonesia, Vietnam, Filipina, Thailand dan Singapura.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bintulu bangun.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta maaf Yang Berhormat Menteri, banyak laju, sudah limpas sikit tadi, saya kata kehidupan harian punya isu. Ini kehidupan harian, rakyat selalu bising. Harga selalu meningkat, hari-hari naik harga. Pembangkang banyak syok dengar kalau barang naik harga. Dia kasi *viral*, *spin* habis-habisan. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, setuju atau tidak, dalam perbahasan itu hari saya ada soal. Sekarang bergantung kepada barang-barang naik harga, orang semua marah kita punya kementerian, marah Menteri. Bila saya berjumpa sama Menteri, Menteri kata kalau ayam naik harga, dia tak boleh *control*. Kalau ikan naik harga, dia tak boleh cakap apa. Bolehkah saya cadangkan kalau Menteri tidak boleh buat apa-apa, bawalah ini perkara berbincang dalam Kabinet.

Contoh, macam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, okey. Dia orang cuma *concentrate* dalam *production*. Macam mana meningkatkan *production*, kualiti produk. Semua harga, kitalah kementerian bertanggungjawab ditentukan. Memanglah kita tentukan itu harga, berbincang sama petani itu semua, sama-sama menjaga kepentingan. Janganlah nanti kita taruk satu harga, petani esok semua orang lban kata sudah '*parai*' semua, memang dia orang pun marah. Saya rasa inilah cara lagi baik. Kalau tidak sekarang, kita tak boleh *control* apa-apa. Hari-hari bila kita jumpa rakyat, rakyat kata dia punya poket sudah bocor. Sama juga itu RON tadi. RON95 ke, apa ke, subsidi minyak itu, kalau kerajaan kita, saya mencadangkan tidak payah subsidi.

Bukan saya mahu cadang kasi mati rakyat, sekarang subsidi semua, contoh macam RON95, hah bermalam-malam pergi negara jiran, lori *queue* panjang hantar pergi negara jiran. Kita, negara kita setengah mati kasi subsidi. Kita tak boleh *control*. Saya mencadangkan kalau boleh kita berbincang sedalam-dalamnya atas isu ini. Minyak RON itu semua kita tak payah kata satu minggu satu kali ataupun satu bulan satu kali ataupun tiap-tiap hari kita umum, tak payah. Terus macam Singapura, tiap-tiap petrol kiosk, dia taruh harga sana sendiri. Turun naik dia orang tentukan, memang kita bagi dia satu formula tidak boleh melebihi itu. Jadi, daripada kerajaan, kita boleh kira subsidi mana, contoh macam *road tax* itu semua lain-lain, kita kasi balik macam 3000cc ke bawah, kita mansuhkan. 3000cc ke atas, kita bagi sekian *percentage*, kasi diskaun, kurangkan dia punya *roadtax*. Kenapa saya cadang 3000cc? Macam di Sabah dan Sarawak, kalau kereta tidak cukup cc, dia tidak boleh naik bukit. Macam logistik, daripada logistik punya *company*, kita lori-lori semua atau pun bas semua, kita kasi separuh ke ataupun 70 peratus punya subsidi bagi, kita kurangkan daripada *roadtax*.

Inilah sekurang-kurangnya negara kita boleh kira berapa subsidi sebulan ataupun setahun kita kasi. Sekarang saya rasa, subsidi minyak kita langsung tak boleh kira. Lagi makin naik, lagi banyak pencuri. Yang Berhormat Menteri, setuju tak? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Pertamanya, saya dah masuk isu yang lain tetapi Yang Berhormat masih lagi nak bercakap tentang masalah kos sara hidup. Itu saya nak jelaskan. Ada kebenarannya bahawa beberapa barang keperluan dalam negara ini seperti ikan, ayam, daging, saya tidak mampu untuk mengawalnya tentang harga barang ini kerana ia adalah mengikuti *basic economy supply and demand*. Cuma dalam waktu-waktu yang tertentu, kita ada akta untuk kita mengawal harga barang tersebut, contohnya musim perayaan. Itu ada akta yang boleh membenarkan saya mengawal beberapa barang keperluan waktu-waktu perayaan dalam negara kita. Ikan sebagai contoh, ianya adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian. Maka, sudah tentu saya berbincang dengan Menteri Pertanian untuk memastikan bekalan mencukupi. Kalau bekalan mencukupi, maka *demandnya* boleh kita *sustain*kan daripada segi harga yang boleh kita berikan untuk rakyat dalam negara kita. Akan tetapi kalau bekalan tidak mencukupi, *demandnya* begitu tinggi, ini menyebabkan harga juga akan naik tinggi. Maka, perbincangan kita nanti adalah untuk

memastikan waktu-waktu mana mereka mengeluarkan produk-produk tersebut. Itu ikan sebagai salah satu contohnya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh masuk sikit lagi? Contoh macam ikan punya *production*, bukan laut kita tak ada ikan. Masalahnya penguat kuasa masing-masing lain agensi. Kita punya penguat kuasa tidak boleh ambil alih. Nelayan itu, *deep sea fishing* banyak sudah tengah laut kita bagi subsidi untuk *deep sea fishing* punya *fishermen* tapi tengah laut dia sudah jual itu ikan. *Enforcement* tak ada. *So*, macam mana boleh mencukupi? Itulah tadi saya cadang satu kementerian jaga *production*, satu kementerian pastikan mencukupi dengan harga itu, baru boleh. *Enforcement is under your ministry*, baru boleh jalan. Sekarang laut buat wayang di luar, tak ada orang peduli, macam mana ikan ada? Setuju ke tidak Menteri?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ini cadangan yang baik Yang Berhormat, cuma saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat, contohnya ikan. *The total supply chain* itu di bawah Kementerian Pertanian, maka sudah tentu daripada segi *importationnya*, daripada segi keperluannya, perkiraan itu semua dipertanggungjawabkan kepada kementerian yang lain. Nanti Yang Berhormat boleh minta supaya kementerian itu memastikan bekalan yang cukup supaya dalam tiap-tiap waktu pun ia mencukupi tentang *demand* yang diperlukan oleh rakyat dalam negara, *insya-Allah* harganya juga akan stabil dan tidak naik.

■1900

Saya tidak mahu mengaku bahawa sepatutnya saya jaga satu bab, *production* dijaga oleh kementerian lain. Saya ingat itu biarlah perbincangan yang lebih akan saya buat di antara saya dan juga Yang Berhormat Menteri tersebut. Tentang persoalan yang kedua iaitu RON95 supaya kalau boleh tidak ada subsidi. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, sekarang ini kita buat secara konsep *manage float*. Tunggulah dulu, kalau tidak saya tidak jawab ini. Dia mudah saja, kalau dia sudah tanya, dia terus keluar, saya tidak payah hendak jawab. Jadi kalau hendak keluar tidak apa, saya tidak payah jawab. Saya teruskan kepada. [Disampuk] Sila, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri, tadi...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya pun hendak pergi *toilet* tapi saya tunggu sampai hendak habis ini. Yang Berhormat tunggulah sekejap.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah ada beza Yang Berhormat Menteri sama BNBBC *Backbencher* ada lain sikit. [Ketawa] Yang Berhormat Menteri, saya mahu cadang lagi. Memang sekarang bukan di bawah kementerian kita. Berbincanglah dalam Kabinet, buat pindaan. Akta pun boleh pinda. Undang-undang itu kita lulus dalam Dewan ini. Kalau kebaikan untuk rakyat, saya kata Dewan Rakyat ini memang setuju, termasuk pembangkang yang kata tidak setuju. Dia memang setuju juga. Ini untuk kebaikan rakyat kita.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya ambil maklum tentang perkara itu. *Insya-Allah* saya akan bincang dengan lebih mendalam dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani nanti. Isu yang kedua Yang Berhormat mencadangkan supaya kalau boleh kita tarik balik subsidi dan kita gunakan kaedah-kaedah yang lain seperti memberi diskaun tentang *road taxes*, macam-macam lagi cara-cara yang boleh memberikan balik semula kaedah subsidi

untuk kumpulan-kumpulan sasar kita. Itu satu cadangan yang baik. Akan saya perhatikan dan bawa dalam mesyuarat yang ditubuhkan oleh Kabinet iaitu Jawatankuasa Kos Sara Hidup nanti. *Insya-Allah*, itu cadangan yang baik oleh Yang Berhormat.

Kadang-kadang Yang Berhormat bagi cadangan baik juga. Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban dan Yang Berhormat Lanang adalah dicadangkan supaya diadakan satu sesi keterlibatan bersama Ahli-ahli Parlimen bagi membincangkan mekanisme apungan terkawal secara mingguan yang akan dilaksanakan. *Insya-Allah*, akan saya lakukan. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini saya telah pun buat *engagement* dengan banyak kumpulan. Bukan hanya dengan syarikat minyak dan juga pengusaha stesen minyak tetapi juga dengan persatuan-persatuan, NGO-NGO yang ada dalam negara kita.

Insya-Allah, saya akan lakukan bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat nanti. Yang Berhormat Sabak Bernam telah membangkitkan mengenai isu monopoli dan persaingan yang tidak sihat. Jika kita...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Soalan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Lakukan penetapan harga petrol dan diesel secara mingguan nanti akan dilaksanakan. Saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat ini. *Insya-Allah* kita ada Akta *Anti-Profiteering* dan kita juga ada Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Kita akan gunakan kedua-dua akta untuk memastikan isu-isu yang boleh membebankan pengguna tidak akan berlaku *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mendapatkan penjelasan sama ada pelaksanaan harga siling secara mingguan ini akan dimulakan pada bulan April seperti yang telah saya lihat ada pengumuman bahawa mungkin bulan April akan dimulakan. Kalau ia dilakukan secara mingguan, soalan yang rasa yang paling penting yang perlu dijawab oleh pihak kementerian ialah harga runcit itu, iaitu harga jualan kepada pengguna itu.

Adakah itu ditentukan oleh stesen berasingan ataupun syarikat minyak? Adakah ia kelonggaran kepada stesen-stesen untuk menentukan harga di stesen-stesen berlainan? Adakah harga minyak itu berlainan dari bandar ataupun dengan luar bandar? Atau kalau syarikat itu, umpamanya satu syarikat minyak, dia tentukan harga itu, semua stesen di seluruh negara akan menggunakan harga itu pada minggu tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Untuk maklumat...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, sikit. Berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya ini, jika harga siling ini dilaksanakan, bagaimanakah kerajaan akan menentukan mekanisme komisen untuk

pengusaha-pengusaha petrol stesen? Adakah akan berlaku perang harga dan yang mana stesen pengusaha-pengusaha, stesen yang lebih kecil akan jadi susah dan mungkin akan gulung tikar. Apakah kesan kepada mereka? Terima kasih.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat hendak tanya?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Kepada Yang Berhormat, saya ingin...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Menteri saya ada bangkitkan tentang harga siling itu pada tempoh hari. Cuma yang saya bimbang dasar yang akan dibuat mulai 1 April saya harap tidak membebankan rakyat sebab saya takut daripada keluar lari mulut buaya, masuk mulut harimau. Yang kita bimbang ialah kita harap ia tidak lebih tinggi daripada harga pasaran. Yang paling, yang merisaukan, ia memberi kesempatan kepada pengusaha stesen untuk mengaut keuntungan.

Jadi saya harap kerajaan betul-betullah pastikan situasi pelaksanaan siling ini tidak membebankan rakyat. Itulah kebimbangan rakyat pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Tanah Merah. Saya hendak menjelaskan bahawa pengumuman untuk kita adakan mekanisme yang baru tentang harga minyak petrol yang akan kita buat pada tiap-tiap minggu ini akan saya adakan pada hari Khamis ini. Walau bagaimanapun oleh sebab Yang Berhormat semua ketiga-tiganya telah mempersoalkan isu ini, saya hendak menjelaskan pertama, ia tidak akan merugikan sesiapa kerana kita masih lagi mengikut kaedah yang sama iaitu kaedah *manage float* tadi dengan menggunakan perkiraan sama mengikut MOPS dan juga APM yang telah pun saya telah jelaskan tadi.

Cuma pengumannya akan dibuat pada tiap-tiap minggu, itu pertama. Keduanya tentang *price war*. *Insyah-Allah* tidak akan ada *price war* kerana kita hendak memastikan sekurang-kurangnya dalam waktu setahun ini, semua rakyat sudah dapat mengikuti mekanisme yang baru dengan jelas dan mereka akan menggunakan kaedah-kaedah baru yang akan kita umumkan nanti dan kita tidak mahu ada *price war* yang boleh merugikan sesuatu pihak. Maka sebab itu jika sekiranya mereka hendak melakukan sesuatu promosi tentang harga di petrol stesen-petrol stesen tertentu, mereka mesti mendapat persetujuan daripada kementerian dahulu.

Jadi akhirnya kita akan memastikan tidak ada sesuatu kumpulan yang akan rugi. Yang pentingnya supaya rakyat juga dapat memahami bahawa harga minyak yang diumumkan tadi adalah mengikut harga antarabangsa dan dianya tidak naik dan turun yang begitu ketara seperti yang kita lakukan pada tiap-tiap bulan. Inilah jawapan yang telah pun saya berikan kepada semua. Maka sebab itu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekali lagi banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu ini yang telah pun saya jawabkan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Adakah untuk bulan depan akan dimulakan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Kita akan mulakan pada 1 April nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya jemput...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan harga itu. Tuan Yang di-Pertua, boleh? *Last question*. Saya hendak tahu ada tidak *cut off point* di mana harga antarabangsa, di mana bila harga itu lebih ataupun melepasi tahap yang tertentu, maka sistem yang digunakan itu akan kembali kepada sistem yang lama di mana ada juga subsidi kerana bila sudah harga itu sudah lebih daripada USD 60 *per barrel* sebagai contoh, kerajaan dan Petronas sudah mula buat keuntungan. Maka tidakkah pada ketika itu wajar sebahagian daripada keuntungan itu dikembalikan kepada rakyat dengan cara adanya subsidi. Apa jawapan daripada Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terpulang pada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okeylah, sebenarnya saya tengok nama-nama Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam langsung tidak membincangkan isu daripada kementerian saya tempoh hari. Akan tetapi oleh kerana Yang Berhormat Shah Alam ini orangnya hari ini baik, tertib.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tiap-tiap hari baik Yang Berhormat Menteri. Bukan hari ini saja.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia tidak tentu. Kadang-kadang...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Dia sudah mula tidak baik. Saya sebut baik, dia serius. Ini yang jadi masalahnya.

■1910

Saya hendak maklumkan bahawa kerajaan ini adalah sebuah kerajaan yang sentiasa memikirkan tanggungjawabnya secara yang berhemah. Pertama, untuk memastikan pengguna dapat menjalankan atau membeli barang-barang tersebut dengan perasaan yang selesa. Pertama.

Kedua, kerajaan hendak memastikan kalau harganya begitu ketara, *insya-Allah* selama mana yang kita lakukan ini walaupun kita namakan konsep *manage float*, dalam waktu yang sama kita masih lagi kadang-kadang memberikan subsidi-subsidi tertentu pada bulan-bulan yang tertentu. Jadi tidak salah kalau kita hendak memberikan subsidi. Terpulanglah kepada kerajaan asalkan pengguna dapat menjalankan tugas mereka dan membeli minyak tersebut dengan rasa lega, selesa yang kita berikan. Inilah Kerajaan Barisan Nasional yang sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat. Itulah jawapan saya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jawapannya kurang menjawab soalnya Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Yang Berhormat sekalian biasanya kementerian ini mengambil masa yang panjang kerana banyak isu yang diutarakan oleh semua wakil rakyat. Yang Berhormat Menteri boleh memilih untuk tidak memberikan jawapan atau memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat yang tidak ada di dalam Dewan dan juga boleh memilih untuk memberikan jawapan bertulis kepada isu-isu pembangunan setempat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

7.11 mlm.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 26 orang Ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk berbahas dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Titah Diraja sepanjang dua minggu lepas.

Izinkan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Saya mengambil *queue* daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk saya menjawab secara bertulis kepada yang tidak hadir kerana kalau saya jawab semua, saya ada 60 muka surat. Jadi kebanyakannya adalah spesifik mengenai bahagian atau Parlimen masing-masing, mengenai projek jalan dan sebagainya.

Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Lanang ada. Yang Berhormat Lanang membangkitkan perkara-perkara berikut. Pertama, meminta supaya kerajaan menaik taraf semua jalan akses utama kesemua rumah panjang di kawasan Lanang dan Sibul. Kedua, adalah bertanya berapa peratuskah rumah panjang di kawasan Lanang yang masih belum mempunyai bekalan elektrik dan bekalan air terawat.

Untuk makluman Yang Berhormat dari segi jalan ke rumah panjang tersebut, saya kalau boleh memohon kepada Yang Berhormat untuk mengemukakan senarai-senarai kawasan jalan yang memerlukan untuk dinaiktarafkan. Oleh sebab kalau kita terlalu *general*, saya tidak boleh hendak dapatkan. Jadi saya mohon Yang Berhormat berikan kepada saya supaya kita boleh *upgrade* jalan-jalan tersebut.

Kedua, bagi bekalan elektrik dan bekalan air di rumah-rumah panjang pula. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kemudahan Awam Negeri Sarawak, seluruh kawasan Lanang telah dibekalkan dengan elektrik. Walau bagaimanapun, ia tidak mengambil kira kawasan-kawasan baru, kawasan-kawasan yang baru dibina dan sebagainya. Jika ada kawasan baru yang dibina yang belum ada elektrik dan air, *insya-Allah* kita akan segerakan dari segi kemasukan air dan api tersebut. Manakala berdasarkan maklum balas, ini untuk elektrik ya.

Manakala dari maklum balas Jabatan Bekalan Air Luar Bandar, hanya tiga buah rumah panjang daripada 114 buah rumah tersebut telah dibekalkan dengan air terawat. Kita akan

berbincang dengan pihak kerajaan negeri kerana biasanya kita akan menerima laporan daripada kerajaan negeri dan permohonan daripada kerajaan negeri untuk kita bawa permohonan kita ke pihak EPU dan sebagainya. Saya harap Yang Berhormat kalau boleh bagi senarai rumah panjang yang memerlukan bekalan air dan kita akan bincang dengan pihak kerajaan negeri untuk disenaraikan sebagai senarai utama untuk projek-projek ini.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Menteri, saya ingin tahu kalau ada rumah panjang yang baru, apakah syarat untuk mereka memohon bekalan elektrik kerana ada beberapa kawasan yang sekarang mereka bina rumah panjang sendiri kerana mempunyai tanah sendiri tetapi kawasan tersebut tidak ada elektrik. Mereka sudah memohon tetapi tidak diluluskan kerana diberi alasan bahawa kawasan itu tidak mempunyai banyak rumah panjang yang mencukupi. Jadi saya ingin memohon penjelasan apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk memohon perbekalan elektrik. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Apa yang paling pentingnya adalah memohon melalui Kementerian Kemudahan Awam Negeri Sarawak kerana mereka yang akan menghantar kepada pihak kementerian. Pada masa yang sama Yang Berhormat boleh hantar terus juga kepada saya supaya saya boleh berbincang dengan pihak Kementerian Kemudahan Awam Negeri Sarawak untuk kita bantu dari segi rumah panjang yang baru didirikan.

Yang Berhormat Sabak Bernam, ada, memohon penjelasan sejauh manakah usaha kerajaan untuk mewujudkan profil 17,900 buah kampung di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang giat menyelaras maklumat profil kampung yang lengkap dan komprehensif melalui sistem profil kampung peringkat nasional yang dibangunkan oleh Jabatan Perdana Menteri agar boleh digunakan oleh semua agensi kerajaan dalam perancangan dan pembangunan luar bandar.

Sehingga kini sejumlah 12,210 buah kampung di bawah seliaan JKKP telah didaftarkan di dalam sistem profil kampung peringkat nasional ini. KKLW juga telah membangunkan aplikasi iDesa yang merupakan aplikasi pintar yang dibangunkan dengan matlamat untuk mempromosikan maklumat asas kampung di seluruh negara seperti lokasi kampung, nama pengerusi, JKK atau JKKP, kemudahan asas dan pencapaian kampung. Malah menerusi aplikasi ini juga, rakyat akan dapat mengambil manfaat daripada maklumat-maklumat berkaitan dengan kampung tersebut seperti kemudahan *homestay*, hasil produk kampung dan sebagainya.

Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Google Play Store* dan juga *Apple Store*. Maknanya apa yang kita buat pada hari ini, profil itu sesiapa pun boleh akses, sesiapa pun boleh lihat apa yang ada di kampung tersebut. Kalau misalnya ada yang mahu mendapatkan *homestay* di sesebuah kampung tersebut, mereka boleh dapatkan maklumat melalui iDesa, melalui *handphone* kita pun kita boleh dapat terus. Jadi Yang Berhormat selepas ini boleh masuk kepada *Google Play Store*, *install* iDesa tersebut dan kita boleh dapatkan terus

maklumat yang *detail* bukan sahaja daripada ketua kampung, berapa banyak dewan di kampung tersebut, jalan dan sebagainya, semua ada *detail* di dalam iDesa ini.

Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Hulu Rajang, ada. Yang Berhormat Hulu Rajang memohon bagi mendapatkan program Projek Jiwa Murni bagi pembinaan jalan raya dari Nanga Gaat ke Rumah Panjang Tuan Rumah Tungku di Sungai Gaat, Baleh, Kapit sepanjang 55 kilometer. Yang Berhormat juga memohon agar Projek Jiwa Murni turut diteruskan bagi menaikkan jalan akses balak ke SK Lusong Laku di daerah Belaga untuk suku kaum Penan yang melibatkan jalan sepanjang 22 kilometer.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi projek-projek jalan luar bandar untuk dilaksanakan di bawah *rolling plan* ketiga, RP3 Rancangan Malaysia Kesebelas, cadangan Projek Jiwa Murni, jalan raya dari Nanga Gaat ke Rumah Panjang Tuan Rumah Tungku Sungai Gaat, Baleh, Kapit, Sarawak masih belum disenaraikan lagi.

■1920

Walau bagaimanapun, cadangan projek jalan alternatif ke Lusong Laku, Ulu Sungai Linau menyusuri Tasik Balui, Sarawak sudah disenaraikan oleh kementerian dan untuk dipanjangkan kepada EPU, JPM untuk kelulusan.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Menteri, Jalan Lusong Laku dia ada dua. Kalau dalam perancangan Negeri Sarawak, dia buat dari Tasik Bakun tetapi bagi diri saya lah— saya memahami keadaan yang sebenarnya. Kalau kita hendak buat jalan melalui Tasik Bakun, kalau ada kemalangan ataupun *emergency* untuk membawa pesakit malam dari Klinik Lusong Laku melalui jalan yang telah dicadangkan begitu payah sekali. Jadi ketika ini jalan balak yang sedia ada 22 kilometer, kalau boleh saya mintalah di dalam Dewan ini minta peruntukan untuk menaiktarafkan jalan itu sentiasa ada.

Akan tetapi jalan balak telah ditinggal oleh *company-company* balak itu masih dapat digunakan tetapi kita – untuk menaik taraf – taraf dia guna pakai oleh suku kaum Penan 24 jam pun boleh. Kedua, Yang Berhormat Jalan Nanga Mujong ke Sungai Gaat Rumah Tunku adalah jalan di kawasan Parlimen saya dan rumah itulah rumah saya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau jalan itu dibina dalam perancangan, nanti saya ingat melewati Yang Berhormat Timbalan Menteri KKLW Yang Berhormat Datuk Alex. Oleh yang demikian Yang Berhormat, saya tahu – saya tahu perancangan itu tidak di dalam *plan* kementerian ataupun *state government*. Akan tetapi, itulah saya minta supaya dapat diambil alih untuk Kementerian Luar Bandar kerana itu dalam keadaan luar bandar. Dan kalau jalan itu dibina dia akan menguntungkan penduduk kurang lebih jumlah dalam 3,000 ke 4,000 orang.

Terdapat juga sekolah *secondary school*, *primary school* dan juga klinik dan Jabatan Pertanian. Dia ada dua Yang Berhormat. Satu di sebelah jalan kiri ialah Jalan Skor dan di sebelah kanan itulah saya memohon dari 2013 sehingga 2016 ini. Saya mohon tahun 2017 ini – mohon Yang Berhormat Menteri untuk dipertimbangkan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. *Insyah-Allah* kita akan bincang dengan pihak kerajaan negeri, kerana seperti Yang Berhormat semua tahu

bahawa sebelum sesuatu pelaksanaan ataupun sebelum kita mengemukakan cadangan kepada EPU untuk satu-satu projek, maka kita berbincang dengan kerajaan negeri dulu kerana kerajaan negeri yang akan mengemukakan senarai projek-projek yang perlu kita kemukakan kepada KEPU. Jadi kalau boleh mungkin Yang Berhormat juga berbincang dengan kerajaan negeri untuk jadikan jalan itu sebagai senarai utama untuk dihantar ke pihak EPU dan pihak Kementerian juga – pihak Kementerian juga akan menyenaraikan cadangan daripada Yang Berhormat tadi untuk kita kemukakan juga kepada kerajaan negeri supaya kita sama-sama boleh bersetuju untuk diangkatkan projek ini ke pihak EPU untuk mendapatkan bajet dan sebagainya.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat, untuk pengetahuan Yang Berhormat, jalan tersebut dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat, tanah mereka telah dibayar oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Bermakna untuk pembinaan sahaja, jadi kos tanah – bayar tanah untuk adat bumiputera ... yang apa nama – dari Nanga Mujong -Nanga Gaat telah diselesaikan. Jadi lebih mudah dan cepat dan kiranya dapat dipertimbangkan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *Insyah-Allah* Yang Berhormat, nanti kita akan kemukakan. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya agihan bekalan elektrik dimasukkan di kawasan pedalaman Hulu Rajang di Long Menjawab dan Pekan Belaga. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian pada tahun 2016 telah melaksanakan projek bekalan elektrik melibatkan kawasan pedalaman Hulu Rajang di Long Menjawab ke Pekan Belaga. Projek ini telah mula dilaksanakan pada 11 April 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada 10 April 2018 dan projek ini akan memberikan manfaat, bekalan elektrik 24 jam kepada 544 pemohon di kawasan tersebut.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Seterusnya Yang Berhormat Jerantut. Mencadangkan supaya FELCRA berusaha menjadi pengeluar makanan dan tidak hanya menjadi pengimport makanan dari luar – luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat, ketika Majlis Sambutan 50 Tahun FELCRA pada 20 Disember 2016 yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa FELCRA Berhad akan menjadi peneraju industri *food security* dalam mendukung usaha bagi mengurangkan kebergantungan import makanan dan menghasilkan makanan secara sistematik dan efisien. Justeru FELCRA Berhad telah mengambil dua langkah awal berkaitan itu. Iaitu, yang pertama, menubuhkan Jawatankuasa peringkat pengurusan dan lembaga pengarah bagi hala tuju gedung makanan negara FELCRA Berhad yang bertujuan untuk merealisasikan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kemas dan tersusun.

Kedua, mengadakan mesyuarat bersama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai status dan hala tuju pengurusan gedung makanan negara pada 13 Mac 2017 bagi mendapatkan panduan di dalam melaksanakan tanggung jawab. Jadi selepas pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan iaitu FELCRA Berhad akan menjadi -- akan menerajui industri ataupun *food security* ini kita telah

pun mengambil tindakan awal. Dalam konteks ini, FELCRA Berhad juga telah pun memulakan Program Memperkasakan Industri Makanan dengan mengusahakan kira-kira 10,000 ekar kawasan penanaman padi di Seberang Perak. Dengan pengeluaran sebanyak 40,000 tan setahun. Untuk merealisasikan pembakaran beras sebagai *food security* maka FELCRA akan membuat prosesan padi kepada beras bagi menampung permintaan beras negara. Hal ini bagi mengimbangi dasar kadar 30 peratus pengimportan beras.

Di samping itu juga, FELCRA melihat terdapat keperluan untuk memperluaskan lagi kawasan penanaman padi terutama di kawasan-kawasan tanah terbiar. Hal ini kerana, FELCRA mempunyai kepakaran dalam penghasilan benih penanaman serta penghasilan padi antara yang tertinggi penghasilannya per hektar di negara ini iaitu 8 sehingga 10 tan per hektar. FELCRA Berhad akan meluaskan *food security* ke bidang lain yang berkaitan dengan pertanian seperti ternakan lembu secara integrasi, pengeluaran ayam secara komersial dan aktiviti lain yang bersesuaian. Seterusnya Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Saya ingin mendapatkan penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mendapatkan penjelasan, ada ura-ura mengatakan bahawa pihak FELCRA akan – untuk menambah daging negara ini – mencadangkan untuk menjadi pengeksport daging. Antaranya cadangan hendak eksport daging dari Argentina. Jadi persoalan saya kalau ini benar Yang Berhormat Menteri, bagi saya adalah satu tindakan yang kurang tepat memandangkan FELCRA sendiri mempunyai kawasan ladang yang begitu luas. Jadi kalau dibuat – membesarkan ternakan itu di dalam negara ia dapat memberi keuntungan yang lebih baik kepada peserta FELCRA. Hal ini kerana, mereka juga mungkin boleh menjadi sebahagian daripada pemain dalam usaha memperbanyakkan ternakan negara. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang kita sebutkan tadi, yang saya sebutkan tadi, bahawa ini adalah peringkat awalan. Iaitu selepas Yang Amat Berhormat mengumumkan FELCRA akan *involve* akan terlibat dalam *food security* khususnya yang melibatkan ternakan ini. Jadi, beberapa perancangan sedang dibuat itu di peringkat awal. Mungkin di peringkat ini mereka masih lagi mengimport dan sebagainya. Jadi – walau bagaimanapun saya akan lihat secara *detail* perkara ini akan dapatkan gambaran yang lebih jelas daripada FELCRA dan saya percaya akhirnya dari segi FELCRA kita akan mengeluarkan sendiri lembu – daging-daging lembu yang diberikan peranan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walau bagaimanapun baru bulan Mac pengumuman tersebut, dan masih lagi di peringkat permulaan.

Yang Berhormat Kota Kinabalu, memohon diberi perhatian kepada masalah bekalan elektrik dan bekalan air di Pulau Gaya, Pulau Sepanggar dan Pulau Banggi.

Untuk makluman Yang Berhormat Pulau Gaya, Pulau Sepanggar...

■1930

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bukan Pulau Banggi. Pulau Sepanggar dan Pulau Gaya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Pulau Gaya, Pulau Sepanggar dan Banggi. Pulau Banggi tidak masuk?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kampung Numbak, Numbak. Kampung Numbak di Kota Kinabalu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Di Sepanggar?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Di Sepanggar. Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Di Sepanggar ya?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bukan Pulau Banggi ya? Dalam *Hansard* ada...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Panggil itu air punya hal lah. Saya tahu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ada tiga-tiga sekali ya?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar, sambungan kabel dasar laut ke Pulau Gaya telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM42 juta. Projek ini telah siap sepenuhnya dan dimulakan tugas pada 14 Ogos 2012. Projek ini melibatkan empat buah kampung iaitu Kampung Terong Logong, Kampung Lobong, Kampung Kasuapan, Kampung Lok Urai serta dua sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Gaya dan Sekolah Kebangsaan Pulau Gaya yang memberi manfaat kepada 1,027 *premises*.

Manakala bagi Pulau Banggi, Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), sistem solar hibrid berjumlah RM81.5 juta memberi manfaat kepada 718 premis merangkumi rumah, balai polis, sekolah, dewan dan surau. Projek ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2014 dan telah diserahkan kepada pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) untuk tujuan operasi dan senggara.

Manakala bagi Pulau Sepanggar, setakat ini masih tiada cadangan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di pulau tersebut.

Bagi bekalan air luar bandar, untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian telah melaksanakan satu projek di Pulau Gaya iaitu projek pemasangan paip air ke Pulau Gaya dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM93 juta. Skop pelaksanaan projek ini telah siap sepenuhnya pada 13 September 2013 dan telah diserahkan kepada pihak berkuasa negeri bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, dari segi tanggungjawab kementerian KKLW, kita menyiapkan projek dan telah pun kita serahkan kepada pihak berkuasa negeri. Dari segi pengagihan air dan sebagainya adalah terletak di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, sejumlah RM85.5 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan dua Projek Bekalan Air Luar Bandar di Parlimen Sepanggar iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar Kampung Kokol dan kawasan sekitarnya di Menggatal dan Projek Bekalan Air Luar Bandar Kampung Poring-Poring dan kawasan sekitarnya, kawasan sekitar Menggatal. Status terkini projek-projek tersebut adalah dalam proses reka bentuk. Kerajaan juga

meluluskan pelaksanaan projek menambah baikkan ke atas muka saur ataupun *intake* loji air Pulau Banggi, Kudat dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dengan kos projek sebanyak RM37.7 juta bagi mengatasi masalah air di Pulau Banggi. Pelaksanaan projek ini telah bermula pada 24 November 2015 dan dijangka siap pada 24 Mei 2017.

Manakala bagi Pulau Sepanggar, setakat ini, tiada cadangan projek bekalan air di pulau tersebut. Walau bagaimanapun, seperti saya janjikan kepada Yang Berhormat di luar tadi, pihak pegawai saya akan melawat ke kawasan Pulau Sepanggar itu untuk kita lihat bagaimana cara kita hendak menyelesaikan isu air dan api di Pulau Sepanggar. Terima kasih Yang Berhormat. Begitu juga dengan Kampung Lubok.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kampung Numbak.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kampung Numbak. Pegawai saya pun sudah bersetuju untuk....

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Di belakang 1Borneo itu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya. Pegawai di kementerian dah setuju untuk pergi ke Kampung Numbak tersebut untuk melihat tentang projek yang telah pun dilaksanakan dan ia mungkin akan kita masukkan dalam senarai untuk RP3 ataupun di dalam senarai projek yang kita hantar kepada EPU untuk dilaksanakan. Okey Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ada tambahan soalan, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini hari tidak marah lah. Ini baik-baik punya cakap. Terima kasih Yang Berhormat Menteri ke atas peluang kerana begitu prihatin memberi perhatian tentang masalah di Pulau Gaya, di Kampung Numbak dan juga Pulau Sepanggar. Sebetulnya, jumlah penduduk lebih 15 ribu dan juga pengundi pun kurang lebih 4,000 juga 3,000 lebih semua. Semua pun penyokong Barisan Nasional tapi bila saya buat lawatan di sana, saya terkejut kerana harga air, Menteri, yang paling mahal di dalam dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang itu sudah bahas Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya. Okey lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya mendengar Yang Berhormat berbahas pasal itu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jadi ini kerana ada air yang begitu mahal, saya minta Menteri prihatin kepada rakyat yang begitu susah, dalam sepanjang 54 tahun, bagi lah air percuma yang saya mohon dalam perbahasan saya.

Kedua, penduduk di sana pun ramai orang yang nelayan yang mencari makan pancing ikan. Jadi, *pump boat* dia kena tahan oleh sekuriti *ESSCOM* kerana *on the basis of the security matter but* kasihan juga Menteri kerana mereka punya *life line* ialah pancing ikan. Jadi, *pump boat* mereka kena gantung, mereka tidak dapat mencari makan. Jadi saya minta kerajaan tolong nelayan ini memberi *micro credit* supaya penduduk yang melebihi 1,000 keluarga ini boleh membeli *pump boat* iaitu enjin sangkut dengan kredit. Kalau Menteri Luar Bandar mampu, bagi lah percuma kalau boleh tapi kalau tidak boleh, bagi lah kredit mungkin panjang

masa lima tahun. Mereka mampu boleh bayar dan mereka minta lah supaya mereka boleh mendapat banyak ikan supaya kita banyak-banyak boleh dapat itu *seafood* lebih murah lagi.

Ketiga, saya nampak juga Kampung Numbak - mungkin hal ini Luar Bandar pun ingin campur tangan kerana saya nampak murid-murid lebih 200 ratus murid-murid setiap pagi mahu ikut satu bot pergi Pulau Gaya untuk belajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat itu pun sudah di bahas. Saya mendengar jawapan dia. Dah bahas Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Itu yang saya bahas. Jadi saya minta lah kerana ini mungkin dalam tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Luar Bandar. Belilah satu bot supaya dapat memberi percuma kepada murid-murid dapat pergi belajar di Pulau Sepanggar kerana di sana kampung tiada sekolah. Jadi walaupun wang RM 2.50, mereka tidak mampu. Jadi banyak *absents* di sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jadi saya harap ambil perhatian kerana saya pun diberitahu Menteri mempunyai hati yang bagus lah. Jadi saya harap - kasihan dengan mereka kerana orang Cina bilang "*Ini orang macam kui bukan kui. Lang bukan lang*". Jadi orang bukan orang, hantu bukan macam hantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jadi saya harap lah tolong lah. Sampai cakap pun *kui bukan kui, kui* itu hantu, orang bukan orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kasi lah hormat kepada tolong lah kasi bagi kasihan sama dia dengan penuh hati Menteri. Okey dan sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, ini Yang Berhormat Kota Kinabalu ini dia minta untuk pendidikan pun dia hantar kepada KKLW. Dia cakap fasal rasuah pun dia hantar kepada Menteri Kewangan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pilih-pilih lah yang mana yang boleh jawab Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey. Yang Berhormat Kota Kinabalu sudah puji saya. Nanti saya akan ambil tindakan lah. Mana yang boleh dibawa ke kementerian, kita akan bantu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Menteri, saya ada satu lagi ...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ada satu isu yang penting lagi. Ada satu isu di pedalaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kalau isu baru, Yang Berhormat, kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, peraturan mesyuarat Yang Berhormat, isu baru jangan bawa.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kerana ia satu hal di Sook. Yang lebih susah lagi tiada air. Ada terdapat 15 buah kampung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, isu baru jangan bawa Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kerana saya bawa ...

■1940

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee Semalam Yang Berhormat cakap Yang Berhormat *tiger, tiger* tidak membuat macam ini Yang Berhormat. [Dewan ketawa]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bukan, ini *tiger* masuk hutan jadi saya diberitahu ada 15 kampung tiada air.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Graviti air pun tiada, harganya lebih lagi mahal dari Pulau Gaya Yang Berhormat. RM200.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Hampir 7,000 penduduk di sana sama tiada air.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, duduk Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ada sungai pun sudah *polluted* jadi tolonglah tengok bagaimana apa yang rancangan-rancangan air untuk Souk 15 kampung. Jadi tiada sumber ada 15 kampung untuk memberi beritahu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, duduk Yang Berhormat.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Yang Berhormat kerana ini isu baru, Souk ini jadi kita akan catitkan, akan catitkan. Yang Berhormat Parit Sulong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada dalam Dewan Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya pergi lagi. Yang Berhormat Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada dalam Dewan Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada dalam Dewan Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Tenom.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada dalam Dewan. Sudah tahu sudah, kedudukan tahu. Yang Berhormat Kuala Langat pun tiada dalam Dewan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Gerik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Gerik ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik ada dalam Dewan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Gerik mencadangkan supaya pembinaan jalan di luar bandar perlu menggunakan getah asli. Untuk makluman Yang Berhormat, saya sendiri telah pun mengumumkan bahawa projek-projek di bawah Kementerian Luar Bandar terutamanya yang melibatkan jalan-jalan kampung akan menggunakan jalan berasaskan getah.

Manakala bagi projek jalan luar bandar kita sedang berbincang dengan pihak JKR dan juga Lembaga Getah Malaysia untuk penggunaan jalan getah tersebut. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Pekan telah pun bersetuju untuk melancarkan projek jalan berasaskan getah tersebut dalam waktu yang terdekat ini.

Yang Berhormat Kanowit ada tanyakan mengenai pembinaan jalan raya daripada Lungun ke Jagau yang telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM50 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan jalan dari Nanga, Lungun ke Nanga- Jagau sepanjang 20 kilometer dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM50 juta merupakan sebahagian daripada Projek Jiwa Murni yang diluluskan kepada kementerian di bawah RP2 tahun 2017.

Projek ini akan dilaksanakan menggunakan konsep Jiwa Murni dengan penglibatan Rejimen Arah Jurutera Diraja (RAJD), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dan status terkini projek adalah dalam proses penyediaan reka bentuk oleh pihak RAJD, ATM dan Makmal Pengurusan Nilai yang dijadualkan akan diadakan pada bulan Mei 2017.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas jawapan dan maklumat. Yang Berhormat Menteri, Jiwa Murni ini bukan kita tidak setuju dengan mereka untuk melaksanakan projek ini tetapi, kita mempunyai beberapa jalan dibuat oleh Jiwa Murni di Sarawak. Tapi *standard* dia itu sangat berkurangan dan jalan ini saya difahamkan dulu apabila ianya dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ialah *are R1 JKR road*. Bermakna mungkin sampai taraf **gravel** Sebab peruntukan RM50 juta untuk 20 kilometer itu sangat kecil. Memang tidak banyak.

Kalau di kawasan luar bandar *rate* sekarang tidak kurang daripada RM6 juta hingga RM7 juta sekilometer. Sepatutnya jalan ini diberikan peruntukan dalam RM150 juta. Minta penjelasan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat kalau saya tidak silap dari segi jawapan yang lepas, ini adalah pengumuman yang dibuat iaitu sebanyak RM50 juta ini. Pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Jadi Jiwa Murni ini adalah arahan daripada pihak EPU juga untuk kita melaksanakan dengan konsep Jiwa Murni dengan Angkatan Tentera ini.

Saya ambil maklum dari segi pandangan Yang Berhormat mengenai mutu dan sebagainya dan *insya-Allah* saya akan berbincang dengan pihak kementerian, akan berbincang dengan pihak EPU mengenai cadangan Yang Berhormat tadi. Kalau tidak mahu dilaksanakan secara Jiwa Murni untuk dijalankan secara projek seperti biasa dan kos pun perlu dinaikkan. Itu terpaksa kita bawa kepada pihak EPU untuk mendapatkan bajet tambahan.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: [*Bangun*] Jangan salah anggap Dato' Menteri. Kita memang mahukan peruntukan itu. Saya khuatir dengan RM50 juta itu mungkin dalam kalau R1 JKR *road* kita dapat buat, tetapi untuk *task* ini memang tidak boleh. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat kita ambil pandangan Yang Berhormat untuk kalau perlukan tambahan kita akan kemukakan cadangan untuk tambahan.

Yang Berhormat Kapar, bertanyakan adakah pelajar MARA yang bernama Nur Fitri Azmeer bin Nordin, yang pernah menjalani hukuman penjara di London kerana kesalahan memiliki video pornografi kanak-kanak akan diberikan peluang kedua untuk melanjutkan pelajaran beliau di Institusi Pendidikan MARA. Berdasarkan perjanjian antara pelajar dengan MARA mengenai kes jenayah dan sebagainya, jadi pihak MARA sebenarnya telah pun menamatkan pinjaman pelajaran MARA beliau, berkuat kuasa pada 15 Disember 2014 dan beliau tidak lagi mengikuti mana-mana pengajian di Institut Pendidikan MARA. Itu jawapan dia.

Yang Berhormat Kota Raja, pula menyatakan bahawa JAKOA telah gagal dalam melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dengan keputusan mahkamah yang terkandung dalam laporan SUHAKAM. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai hak tanah Orang Asli yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bagi memastikan syor-syor Laporan Inkuiri Nasional Suruhanjaya Hak Asasi Manusia mengenai hak tanah Orang Asli yang telah dipersetujui dilaksanakan mengikut tempoh masa yang dinyatakan.

Selain daripada itu juga, jawatankuasa berkenaan berperanan bagi menjalinkan kerjasama antara kementerian, jabatan, agensi Kerajaan Persekutuan dan agensi Kerajaan Negeri berhubung dengan pelaksanaan syor-syor berkenaan. Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab bagi jawatankuasa ini adalah Bahagian Integriti dan Tadbir Urus JPM.

Makluman Yang Berhormat, JAKOA sebagai agensi pusat di bawah Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab membela serta melindungi kebajikan orang asli selama ini. Kalau Yang Berhormat membuat *statement* saya tidak habis lagi, membuat *sweeping statement* atau pun *statement* secara menyeluruh mengatakan JAKOA gagal dalam melaksanakan tanggungjawab ini, saya rasa agak kurang adil kepada pihak JAKOA.

Saya akan berikan apa yang telah pun dilakukan oleh JAKOA. Dalam usaha melonjakkan pembangunan ekonomi, kita ambil yang ekonomi dahulu. Saya akan pecahkan kepada ekonomi, kepada pembangunan, prasarana, perumahan dan juga pendidikan. Dalam usaha melonjakkan pembangunan ekonomi berdaya maju kepada masyarakat orang asli, projek tanaman komersial getah dan sawit telah diperkasakan secara NBOS JAKOA bersama dengan FELCRA dan juga RISDA dalam melaksanakan 155 projek tanaman semula komersial dengan keluasan 27,720.47 hektar.

■1950

Projek tersebut telah memberi faedah kepada seramai 8,817 peserta Orang Asli dengan nilai dividen sehingga RM1,000 sebulan bergantung kepada prestasi ladang dan harga komoditi.

Selain daripada itu juga, bermula pada tahun 2010, kementerian ini melalui JAKOA telah melaksanakan Projek Ladang Masyarakat yang diusahakan masyarakat Orang Asli sendiri sebanyak 48 ladang dengan keluasan 2,832.92 hektar yang melibatkan seramai 2,393 peserta Orang Asli.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh tidak saya habiskan dulu? Nanti saya beri peluang kepada Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Begini. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya saya berkata begitu sebab asas kepada kehidupan Orang Asli adalah tanah. Saya tahu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya akan sampai ke tanah.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sebab saya tahu Yang Berhormat Menteri akan menjawab tentang semua perkara pembangunan dan sebagainya, tetapi akhirnya kita lihat Orang Asli masalah mereka adalah kerana tidak ada tanah atau apa yang kita panggil tanah adat itu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *Land reserved.*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kehidupan mereka tidak menentu, tidak terjamin.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh tidak— saya akan sampai situ. Saya hendak beritahu Dewan dulu tentang *success story* JAKOA dulu. Saya berhenti tadi 2,832.92 hektar yang melibatkan seramai 2,393 peserta Orang Asli.

Pembangunan usahawan Orang Asli turut diberi keutamaan bagi melahirkan masyarakat Orang Asli yang mampu berdikari dan berdaya saing dalam melonjakkan ekonomi dan pendapatan. Sehingga Mac 2017, jumlah usahawan yang aktif adalah seramai 534 orang dari sektor pertanian, peruncitan, perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Pada tahun 2016, dianggarkan— ini dari segi pendidikan ya. Dari segi pendidikan, pada tahun 2016, dianggarkan seramai 41,651 pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah dan menengah menerima Skim Bantuan Galakan Pendidikan yang meliputi bantuan tambang, pengangkutan, peralatan sekolah dan asrama dan pelbagai yuran. Di peringkat institut

pengajian tinggi awam pula, seramai 756 pelajar Orang Asli sedang melanjutkan pengajian di bawah biasiswa yang disediakan oleh JAKOA.

Ini juga menjawab pertanyaan Yang Berhormat daripada Lumut yang minta supaya Perlembagaan dipinda kerana Orang Asli tidak dimasukkan di bawah kategori bumiputera. Sebenarnya walaupun tidak termasuk di bawah kategori bumiputera sekalipun, apa yang diperolehi oleh masyarakat kaum Orang Asli, kalau pun tidak melebihi, tetapi sekurang-kurangnya tidak kurang daripada apa yang diperolehi oleh bumiputera. Walau bagaimanapun, saya merasakan bahawa Orang Asli mendapat kelebihan yang jauh daripada bumiputera. Sebagai contoh, bumiputera mendapat pinjaman untuk pelajaran, masyarakat Orang Asli mendapat biasiswa penuh daripada pihak kerajaan dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya hendak sebut juga, kita ada mempunyai satu program untuk membantu pelajar-pelajar yang mempunyai potensi cemerlang. Oleh itu, kerajaan mewujudkan Pusat Intelak Pelajar Orang Asli (PIPOA) iaitu sekarang ini di Rompin iaitu pelajar selepas UPSR untuk Tingkatan Satu dan Tingkatan Tiga, setiap masa mempunyai 120 orang. Kita akan bina lagi di Terengganu dan juga di Johor. Pelajar yang berpotensi cemerlang apabila keluar daripada Pusat Intelak Pelajar Orang Asli (PIPOA) ini akhirnya menjadi pelajar yang cemerlang. Terdapat 120 pelajar Orang Asli di MRSM dan 33 orang di SBP.

Bagi program penghantaran pelajar Orang Asli ke luar negara, kita menyasarkan seramai 15 orang setahun. Tahun lepas, untuk makluman Dewan, kita telah berjaya menghantar 18 pelajar Orang Asli ke luar negara termasuk ke England, Amerika dan sebagainya yang mendapat biasiswa sepenuhnya daripada MARA. Untuk makluman daripada statistik, sehingga hari ini terdapat seramai 72 pelajar masyarakat Orang Asli telah pun dihantar untuk belajar di universiti-universiti di luar negara. Saya hendak maklum statistik ini supaya Yang Berhormat dapat catat.

Mereka yang mendapat diploma sehingga hari ini seramai 650 pelajar Orang Asli. Mereka yang mendapat sarjana muda seramai 912 orang. Mereka yang mendapat sarjana atau *master* seramai 24 orang, dan mereka yang mendapat PhD seramai empat orang.

Selain daripada itu, kita juga menghantar pelajar-pelajar Orang Asli mengikuti kursus-kursus kemahiran asas MLVK dan mereka ini berpeluang memasuki pasaran pekerjaan dengan pendapatan di antara RM1,000 sehingga RM1,500. Bermula daripada tahun 2011 sehingga tahun 2016, JAKOA telah membelanjakan sebanyak RM35.21 juta dengan melibatkan seramai 4,332 pelatih Orang Asli.

Kerajaan juga mengiktiraf bakat semula jadi Orang Asli bagi berkhidmat dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia melalui Program Konstabel Polis Orang Asli atau Senoi Praq. Bermula pada tahun 2013, pengambilan telah pun mencapai seramai 322 konstabel.

Manakala bagi aspek kebajikan dan kesihatan pula, pada tahun 2017, JAKOA memperuntukkan sebanyak RM6.2 juta bagi menyediakan pelbagai bantuan kesihatan. Bagi aspek kualiti hidup juga, JAKOA memastikan kawasan-kawasan masyarakat Orang Asli mendapat projek bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya.

Selain daripada itu, bantuan perumahan, untuk rumah PPRT masyarakat Orang Asli, JAKOA telah melaksanakan sebanyak 18,275 rumah PPRT untuk isi rumah masyarakat Orang Asli.

Now, saya hendak sebutkan tentang tanah yang menjadi isu. Juga dibangkit oleh Yang Berhormat Lumut. Dari segi Akta 134 dan sebagainya. Tanah, saya hendak beritahu tanggungjawab ya. Tanggungjawab JAKOA selain daripada membangunkan masyarakat Orang Asli dari segi ekonomi, pembangunan, pendidikan dan sebagainya, juga dari segi soal tanah. Tetapi, had tanggungjawab JAKOA adalah sehingga proses pengukuran tanah. Kita ukur sahaja.

Saya hendak maklumkan, kawasan yang sepatutnya diukur di seluruh negara adalah sebanyak 132,631.04 hektar yang sepatutnya diukur. Okey? Itu yang diukur ya. Akan tetapi, kalau menjawab soalan Yang Berhormat, adalah kawasan yang telah pun diwartakan, digazetkan sebagai kawasan Orang Asli, *reserve* Orang Asli ataupun simpanan Orang Asli. Daripada jumlah tersebut, saya tahu, 32,000— saya hendak supaya kita sama-sama dapat rekod ya. Sebanyak 32,779.37 hektar telah diwartakan. Maknanya ada 100,000 lagi yang belum diwartakan.

Saya hendak maklumkan juga tanah yang telah diluluskan oleh mesyuarat kerajaan negeri dalam proses pewartaan adalah seluas 19,870.08 hektar, telah diluluskan oleh MMK tetapi belum digazetkan. Tanah yang diukur oleh JAKOA, yang diluluskan oleh kerajaan negeri adalah seluas 52,649.45 hektar. Manakala bagi tanah yang diukur dan masih lagi dalam pertimbangan kelulusan pihak kerajaan negeri adalah seluas 74,838.86 hektar. Maknanya bagi pihak JAKOA, mereka telah pun menjalankan tanggungjawab mereka dan baki tanah yang sedang diukur yang belum selesai oleh JAKOA yang menjadi tanggungjawab JAKOA adalah sebanyak 5,142.73 hektar dan pengukuran tanah ini, *balance* ini iaitu 5,142.73 hektar, *balance* ini akan diselesaikan kerja mengukurnya pada bulan Oktober tahun 2017.

■2000

Jadi bermakna, untuk soal tanah, tanggungjawab JAKOA adalah mengukur dan setakat ini 90 peratus lebih telah pun selesai. *Balancenya* akan diselesaikan pada Oktober 2016. Tugas JAKOA selepas mengukur, menyerahkan kepada kerajaan negeri untuk diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) dan selepas kelulusan, kerajaan negeri jugalah yang bertanggungjawab untuk mewartakan.

Jadi, kalau diletakkan kesalahan tanah Orang Asli masih belum digazetkan sebagai kawasan simpanan asli yang— saya faham, saya faham. Banyak pencerobohan dan pertelingkahan berlaku kerana isu pencerobohan tanah yang belum digazet. Oleh sebab itu, saya sendiri membawa beberapa kali perkara ini iaitu selepas kita selesaikan dari segi ukur, kita minta supaya kerajaan negeri meluluskan dalam MMK dan mewartakan. Selepas itu, barulah tidak akan berlaku lagi pertelingkahan mengenai pencerobohan dan sebagainya. Seperti yang berlaku— seperti Yang Berhormat sebut dalam ucapan, apa yang berlaku di Gua Musang dan sebagainya. Ini kerana isu perebutan kawasan, di dalam pelan tidak disebutkan kawasan itu sebagai kawasan

Orang Asli pun. Sedangkan mereka merasakan itu kawasan mereka kerana mereka sudah lama tinggal di kawasan tersebut. Jadi, inilah timbul pertelingkahan. Oleh sebab itu saya di dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan sebagainya selalu kita membangkitkan.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya sudah sebut daripada awal, kita sudah pun mewujudkan jawatankuasa untuk melihat kepada isu masyarakat Orang Asli ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. *Insyallah*, saya percaya perkara ini kita boleh selesaikan. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya biasalah, *exaggerate* sedikit apabila saya kata gagal. Ini kerana apabila kita melihat kepada bidang kerja JAKOA ini, saya setuju kita sebenarnya melakukan sesuatu perkara yang kita fikir *what is best for them*. Kita gagal bertanya kepada mereka apa yang mereka mahu. Apa yang mereka mahu ialah *self-determination* untuk menentukan kehidupan sendiri, cara hidup mereka sendiri. Saya sebut sekiranya kita tidak cepat melakukan sesuatu kepada mereka, tanah wilayah mereka ini yang kita tentukan, bukan mereka tentukan. Ini kerana mengikut adat wilayah mereka, mereka ada cara menentukan tanah adat mereka. Akan tetapi kita yang ukur, kita kata, "*Oh, ini tanah untuk kamu*", kita yang *determine* untuk mereka. Adakah kita bertanya kepada mereka? Sedangkan mereka sudah tinggal di kawasan itu berpuluh, beratus tahun ya. Kita katakan ini adalah pertindihan. Semua tanah dalam negara kita ini kalau tidak ada geran, adalah tanah kerajaan. *There is something wrong with our* Kanun Tanah Negara. Itu sebab saya sebut, saya salahkan JAKOA kerana Akta 134 di bawah Yang Berhormat Menteri, di bawah KKLW. Saya tengok dalam *internet*, dalam JAKOA ini disebut sini bahawa Akta 134 kali akhir disemak 1974.

Isu tuntutan Orang Asli dengan tanah ini dibawa di mahkamah dan sebagainya, semua Menteri jabatan ini tahu tetapi sehingga sekarang. Perkara ini bukan baru Yang Berhormat Menteri, itu sebabnya kita boleh beri rumah murah, kita boleh beri ladang tetapi mereka tidak ada kampung untuk balik. Ini graduan-graduan yang pergi Amerika, yang pergi semua balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *Where is the kampung? That is why* Yang Berhormat Menteri, minta maaf saya sebut JAKOA gagal. Oleh sebab apa, sebab perkara pokok, *basic* kepada Orang Asli tidak ditekankan. Kebajikan mereka tidak dijaga. Yang Berhormat Menteri kalau sebut fasal air, saya pergi baru ini di Kampung Kuala Betis. Air— sumber air mereka saya tidak tahu hendak cakap, hendak masak nasi kami kena bawa air sendiri, kerana apa? Ini kerana sumber air sudah tercemar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Jadi, apabila tidak ada pembelaan daripada JAKOA, apa yang berlaku di Gua Musang, bagaimana saya hendak sebut Yang Berhormat Menteri kata KKLW menjaga kebajikan mereka? Sedangkan ini adalah

kebajikan mereka. *The rights to self determination*. Jadi, selagi saya rasa Akta 134, Akta Perhutanan, Kanun Tanah Negara tidak diselaraskan untuk menjaga hak Orang Asli, *I would say you failed, because you represent Orang Asli*. Terima kasih.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, saya tambah sikit. Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Lumut.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Lumut, okey.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyampaikan rayuan daripada Orang Asli. Dia mohon supaya pihak kementerian melihat balik akta, khususnya kepada perenggan 6, 7, 8 dan 9. Mereka harap anggaplah ini pegawai-pegawai di kementerian itu seperti mereka dan teliti perkara 6, 7, 8 dan 9 itu, apakah kerugian yang akan dihadapi oleh pihak Orang Asli? Itu sahaja Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, dari segi Orang Asli ini sebenarnya Yang Berhormat tidak bolehlah melihat kepada satu isu di Gua Musang mewakili seluruh masyarakat Orang Asli di seluruh negara. Yang Berhormat mungkin pergi satu kampung Orang Asli. Saya mempunyai berpuluh-puluh kampung Orang Asli. Lebih daripada 5,000 masyarakat Orang Asli di Bera. Saya tahu tentang masyarakat Orang Asli, masalah dan sebagainya. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mempunyai perasaan yang sama dengan saya iaitu untuk menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli. Akan tetapi ada isu yang di luar kawalan.

Sebagai contoh, di Kelantan, Gua Musang yang mengeluarkan sijil, yang mengeluarkan kebenaran untuk mengeluarkan kayu, bukannya JAKOA tetapi Jabatan Perhutanan. Yang membenarkan keluar lesen untuk masuk ke kawasan tanah tersebut adalah kerajaan negeri, di luar kawalan kita. Apa yang boleh JAKOA lakukan adalah memanggil mesyuarat bersama dengan pihak jabatan hutan, dengan pihak kerajaan negeri, wakil kerajaan negeri. Itulah yang terbaik, yang mampu kita lakukan. Akan tetapi saya sudah sebutkan tadi, tidak bermakna kita tidak boleh menyelesaikan isu ini untuk jangka panjang, soal tanah dan sebagainya.

Itulah sebabnya saya sudah sebutkan tadi bahawa kita sudah tubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet. Saya sendiri di pihak kementerian, kita mempunyai Majlis Penasihat Masyarakat Orang Asli yang dipengerusikan oleh saya dan semua kebanyakan ahli jawatankuasanya terdiri daripada wakil masyarakat Orang Asli. *Academician* daripada kalangan masyarakat Orang Asli, ketua-ketua mewakili ketua-ketua kampung masyarakat Orang Asli dan sebagainya ada dalam jawatankuasa ataupun Majlis Penasihat Orang Asli di bawah kementerian saya yang saya sendiri menjadi pengerusi. Sekarang ini pihak kerajaan juga telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asli. Bermakna, kita akan lihat secara

menyeluruh, termasuklah Akta 134 dan sebagainya. Berilah kepercayaan kepada kita bahawa kita akan pastikan perkara ini dapat diselesaikan. Oleh kerana Yang Berhormat, pengundi saya 2,000 lebih adalah masyarakat Orang Asli. Kalau saya tidak jaga kepentingan Orang Asli, hilang undi saya.

Jadi, bukan setakat undi yang saya pentingkan tetapi kerana saya kenal masyarakat Orang Asli daripada mereka kecil dan membesar, daripada kecil sampai membesar bersama saya. Jadi, masalah mereka adalah masalah saya. Kebetulan saya berada di kementerian ini *insya-Allah...*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *You have to move faster Yang Berhormat Menteri, you have to move faster.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *Ya, okay. We are moving now, don't worry.* Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Move faster to another tajuk Yang Berhormat.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *I hendak move faster dari segi tajuk pun. Yang Berhormat Kota Samarahan, saya ingat saya skip banyak tadi boleh cepat habis. Yang Berhormat Kota Samarahan ada di sini saya tahu, saya nampak.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Samarahan ada ya?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Membangkitkan mengenai permohonan projek baru bagi bekalan elektrik luar bandar RES di Sarawak, terutamanya di kawasan beliau serta status pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar Asajaya. Yang Berhormat juga meminta supaya kementerian mengkaji pembinaan jalan-jalan baru luar bandar di pesisir pantai seluruh Sarawak yang melibatkan Samarahan, Asajaya dan juga Sadong Jaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang kita komited untuk memastikan setiap penduduk mendapat bekalan elektrik luar bandar 24 jam. Walau bagaimanapun bagi pemilihan, saya sudah sebut itu hari, bagi pemilihan senarai keutamaan pelaksanaan projek di negeri Sarawak terutamanya, ia tertakluk kepada senarai keutamaan yang disediakan oleh Kementerian Kemudahan Awam Sarawak dan peruntukan yang diluluskan. Begitu juga bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar Asajaya, ia telah pun disenaraikan pelaksanaannya oleh Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, sudah pun masuk dalam senarai. Walau bagaimanapun pihak kementerian— untuk Yang Berhormat minta supaya kita ganti paip-paip lama dan sebagainya yang usang dan rosak, itu bukan merupakan bidang kuasa kementerian. Oleh sebab apabila kita menyiapkan projek, kita menyerahkan kepada kerajaan negeri, dari segi *maintenance*, dengan izin dan sebagainya adalah di bawah pihak berkuasa yang menjaga bekalan air.

■2010

Jadi perlu bincang dengan pihak berkuasa air negeri untuk mereka bantu dari segi penukaran paip dan sebagainya.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin hendak mohon penjelasan sedikit berkenaan dengan projek elektrik luar bandar, RES. Sebenarnya apa yang dimaklumkan Yang Berhormat Menteri itu betul, setiap permohonan kita ajukan kepada Kementerian Kemudahan Awam atau *Ministry of Public Utilities* di Sarawak dan kementerian ataupun kerajaan Sarawak akan memberi prioriti. Namun begitu kita dapati banyak lagi permohonan-permohonan baru sedangkan pihak kementerian telah memaklumkan kepada kita bahawa peruntukan untuk projek-projek baru sudah tidak ada lagi. Maksudnya sebab sebelum ini berdasarkan makmal ataupun perancangan untuk negeri Sarawak mencapai tahun 2016, Sarawak dianggarkan 100% mendapat bekalan elektrik luar bandar.

Namun begitu kesan daripada pembangunan yang cepat dan berkembang, peningkatan penduduk, peningkatan penempatan telah berlaku dan kita merasakan penempatan-penempatan baru, pertambahan penduduk ini perlu diambil kira dan banyak cadangan baru telah dikemukakan kepada pihak kementerian khususnya negeri Sarawak tetapi tidak dapat dipertimbangkan setakat ini. Kita memerlukan peruntukan baru daripada pihak kementerian luar bandar untuk projek-projek baru dan saya dimaklumkan untuk 2017, tidak ada projek baru lagi untuk Sarawak cuma projek yang berterusan, maksudnya *ongoing project* sahaja.

Oleh sebab itu saya mohon pihak kementerian melihat ataupun memberi pertimbangan terhadap permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak walaupun permohonan ini tidak tersenarai sebelum ini. Maksudnya peruntukan tidak mencukupi. Ada kes-kes yang begitu kritikal contohnya di kawasan saya, di kampung baru. Kampung itu dalam bandar Samarahan tetapi sebahagiannya belum menerima bekalan elektrik. Begitu juga beberapa buah rumah panjang juga di dalam kawasan bandar tidak – itu juga dikategorikan permohonan baru tetapi saya diberi jawapan tiada peruntukan. Sebab itu saya merayu kepada pihak kementerian melihat dan menimbangkan permohonan-permohonan baru ini untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat kerana ia merupakan keperluan asas bagi penduduk-penduduk di negeri Sarawak.

Begitu juga dengan bekalan air Asajaya itu bukannya projek gantian, itu projek baru. Hari itu kita sudah luluskan projek fasa satu. Fasa satu itu yang melibatkan pembinaan *high level tank* dengan *piping* tetapi ada lagi segmen-segmen yang dimasukkan dalam fasa kedua dan saya diberi maklum telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas sebab itu saya tanya status memandangkan separuh lagi kawasan itu belum menikmati sistem *piping* yang baik yang bagus menyokong kepada projek fasa pertama yang telah dilaksanakan. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi cadangan pelaksanaan projek KKLW untuk negeri Sarawak, pihak kementerian telah pun bersetuju dengan kerajaan Sarawak untuk kita mewujudkan jawatankuasa bersama. Maknanya senarai kerajaan negeri boleh kemukakan dan pihak kementerian pun mungkin mempunyai senarai hasil daripada perbincangan yang kita buat di dalam Parlimen ini sebab mungkin apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak ada dalam senarai di negeri tapi termasuk dalam senarai kementerian untuk diberikan keutamaan.

Saya pun telah berbincang dengan pihak Yang Berhormat Menteri yang menjaga air dan api ini, kemudahan awam ya. Sudah berbincang tentang bagaimana kita hendak selesaikan isu yang berkaitan dengan peruntukan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kita akan buat rayuan bersama. Saya sudah berjanji dengan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya bersama Yang Berhormat Menteri tersebut akan berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk membincangkan isu itu terutamanya berkaitan dengan api luar bandar di Sarawak malah air juga. *Insyah-Allah* kita akan cuba selesaikan isu ini.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Lumut, ada lagi? Saya sudah jawab tentang Orang Asli itu tadi mengenai Akta 134 dan sebagainya. Yang Berhormat membangkitkan mengenai isu UniKL. Isu penajaan UniKL dan juga Pelaburan MARA Berhad kepada *The Red Warriors* dan sebagainya. Yang Berhormat, kalau boleh saya hendak jawab perkara ini tetapi seperti yang kita tahu perkara ini sedang di dalam tindakan siasatan pihak SPRM dan juga siasatan jawatankuasa audit dalam. Jadi tidak adil kalau saya memberi jawapan kerana pihak berkaitan sedang menjalankan siasatan. Cuma satu yang saya hendak sebutkan, tegaskan dalam Dewan ini seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat. Pengerusi MARA diminta bercuti tidak ada kena mengena dengan kenyataan beliau tentang UEC, tidak ada kena mengena. Apa yang berlaku adalah semuanya berkaitan dengan hal dalaman MARA sahaja, tidak ada apa-apa.

Mengenai cadangan Yang Berhormat, permohonan untuk MRSM Lumut. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun selaku Ketua Bahagian Lumut telah pun berjumpa saya memohon pembinaan MRSM Lumut. Setakat ini kita ada sembilan MRSM di Perak, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata cukupkanlah ke-10. Jadi *insyah-Allah* kita akan lihat perkara ini dan kalau ada bajet dan sebagainya, kita akan bina di Lumut pula.

Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Tanah Merah ada? Bertanyakan mengenai MARA. Pertama, berkenaan dengan cadangan MRSM Tanah Merah. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan MRSM Tanah Merah telah pun diluluskan di dalam RP1, RMK-11 Tahun 2016. MARA telah melaksanakan makmal pengurusan nilai pada 10 hingga 14 Oktober 2016. Status terkini projek pembinaan MRSM Tanah Merah ialah di peringkat penyediaan reka bentuk dan spesifikasi teknikal bagi tujuan perolehan tender. Tidak lamalah itu Yang Berhormat.

Perkara kedua, Yang Berhormat bertanyakan tentang statistik jumlah sebenar pelajar 3A yang berjaya atau diterima masuk ke MRSM? Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 7,500 pelajar ditawarkan tempat di MRSM seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 52% pelajar yang mendapat 3A dalam UPSR ditawarkan tempat ke MRSM. Manakala saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memuji Program Jelajah Pendidikan Bumiputera.

Yang Berhormat Tanjong Manis, ada kah? Membangkitkan berkenaan dengan permohonan untuk pembinaan sambungan jalan sejauh tujuh kilometer di Pulau Bruit dari

Kampung Salah Kecil ke Kampung Tekajong. Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai permohonan naik taraf jalan perhubungan desa dari Penuai sampai ke Kampung Tekajong, Rumah Panjang Sebayang dan Pusuk, kawasan perkampungan di Ulu Sari, Kampung Bukit Kinyang, kawasan perkampungan di Mupong, Selidap dan kawasan Sungai Sian, perkampungan Cina di Sungai Sian yang terlalu sempit dan uzur.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek jalan Kampung Tekajong, Penipah, Kapung Salah Kecil, Kampung Betanak, Kampung Penibung, Kampung Penyuai merupakan projek yang telah pun diluluskan oleh pihak kementerian di bawah RP1, Tahun 2016 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM29 juta. Projek ini melibatkan kerja menaik taraf dan bina baru jalan sepanjang 16 kilometer *premix* dengan lebar jalan berturap lima meter.

■2020

Status terkini projek adalah dalam proses pelantikan perunding. Kementerian menjangkakan Surat Setuju Terima dapat dikeluarkan pada kontraktor selewat-lewatnya pada September 2017. Berhubung isu pelebaran jalan kampung seperti yang telah saya jelaskan sebelum ini, garis panduan pelaksanaan projek jalan kampung sedia ada telah menetapkan kelebaran maksimum bagi jalan kampung ialah lapan kaki hingga 14 kaki ataupun 2.5 meter hingga 4.27 meter. Ia boleh dibesarkan tertakluk kepada kebenaran izin lalu daripada penduduk setempat di sepanjang jajaran berkenaan.

Yang Berhormat Tanjong Piai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sama-sama. Yang Berhormat Baram?

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Baram ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Baram merayu supaya jalan-jalan balak khususnya di negeri Sarawak dan lebih spesifik di kawasan Baram di bawah DUN Marudi dinaikkan taraf lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak negeri Sarawak daripada fasa satu hingga fasa empat, sejumlah RM4.2 juta telah diperuntukkan bagi menaik taraf jalan sepanjang 8.1 kilometer di bawah DUN Marudi.

Buat masa ini pihak kementerian masih belum menerima sebarang permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk menaik taraf bekas jalan balak yang lain di kawasan Marudi. Setakat itu sahaja yang kita ada. Manakala yang lain belum kita terima. Kementerian memohon, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat mengemukakan cadangan bekas jalan-jalan balak yang lain yang ingin dinaiktarafkan di DUN Marudi kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak supaya dapat dipanjangkan kepada kementerian ataupun dalam masa yang sama, pihak Yang Berhormat boleh menghantar terus senarai jalan-jalan tersebut untuk kita naiktarafkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Baram bangun, Yang Berhormat.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Yang Berhormat Menteri, saya ingat satu daripada jalan di kawasan DUN Marudi yang telah di-survey oleh pihak ICU dua tahun yang lepas ialah jalan menaikkan taraf jalan balak dari Pekan Lapok ke Long Jegan. Kawasan ini, saya rasa ada dalam lingkungan berpuluh-puluh rumah panjang tetapi dia memang sebelah kiri mudik Sungai Tinjar. Pihak ICU saya rasa telah pun buat tinjauan berkenaan jalan ini. Manakala yang satu lagi di kawasan Marudi yang saya perlu bangkitkan di sini ialah di Sungai Teru. Di kawasan ini ia dalam lingkungan 20 kilometer, 30 kilometer sahaja dan terdapat berpuluh-puluh juga kampung di kawasan ini termasuk sekolah dan klinik. Saya mohon supaya kedua-dualah jalan ini dapat dimasukkan dalam senarai jalan untuk dinaikkan taraf dalam masa yang terdekat. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Pegawai saya di belakang akan catatkan mengenai cadangan-cadangan baru tersebut. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya bekalan solar hibrid dipanjangkan kepada kawasan-kawasan di luar kawasan grid utama. Untuk makluman Yang Berhormat, projek bekalan elektrik luar bandar memang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi penyaluran elektrik di kawasan yang terlalu jauh dari sambungan grid.

Kementerian pada tahun 2016 telah meluluskan pelaksanaan projek BELB secara solar hibrid di negeri Sarawak dengan kos keseluruhan berjumlah RM240.6 juta melibatkan 14 buah kampung dan memberi manfaat kepada 886 buah rumah yang melibatkan 3,987 orang penduduk apabila siap pada pertengahan tahun 2018. Yang Berhormat Kuala Kangsar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Kuala Kangsar memohon supaya pemasangan lampu jalan kampung diperbanyakkan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan menambah bilangan lampu jalan kampung yang dipasang setiap kampung di seluruh negara dengan kuantiti keseluruhan tidak melebihi 40 unit untuk setiap kampung berbanding 10 unit sebelum ini. Walau bagaimanapun ia masih lagi bergantung kepada saiz keluasan kampung tersebut. Ia menjadikan setiap kawasan Parlimen akan menerima lebih kurang 500 lampu jalan kampung. Makna setiap kawasan Parlimen akan menerima 500 lampu jalan kampung.

Yang Berhormat Libaran?

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Libaran tiada dalam Dewan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak ada ya? Yang Berhormat Lubok Antu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lubok Antu ada. Yang Berhormat Lubok Antu? Tidak ada dalam Dewan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Lubok Antu tidak ada. Yang Berhormat Kudat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat mana?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Kudat pun tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kudat tidak ada.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *Wait*, Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik pula. Boleh atau tidak saya tanya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah lepas, sudah Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat dah lepas.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Belum habis lagi. Masih tajuk lagi. Fasal lampu itu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Lampu jalan?

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ha, ya. Okey. Yang Berhormat Menteri tadi ada maklumkan mengenai ada penambahan dan kami pun terutamanya Ahli Parlimen luar bandar hendak mengucapkan ribuan terima kasih mengenai perkara ini. Adakah ia terpakai kepada setiap kampung termasuk kampung rangkaian sebab kampung rangkaian pun kadang-kadang panjang dan juga macam tempat saya sendiri, kampung itu sendiri pun sudah 300 buah kampung. Saya hendak minta penjelasan mengenai perkara tersebut.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, senarai kampung itu kita serahkan kepada Yang Berhormat untuk menyenaraikan, ya. Jumlah pun, walaupun kita kata 40, mungkin Yang Berhormat hendak adakan, hendak berikan 10 lampu sahaja kepada satu buah kampung supaya banyak kampung yang boleh mendapat lampu jalan kampung itu. Jadi saya serahkan kepada kebijaksanaan Yang Berhormat sekalian untuk memilih kampung, berapa jumlah dan sebagainya untuk setiap kampung yang dicadangkan tersebut.

Saya kira itu sahaja yang saya hendak sebut, yang saya hendak sampaikan.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya ada lagi satu, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri belum duduk lagi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Cuma saya tidak boleh sebut Parlimen Beluran kerana kita boleh beri bertulis, ya?

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tidak mengapalah, Yang Berhormat Beluran pun Ahli Parlimen Luar bandar juga, boleh itu, Yang Berhormat Menteri. Tidak mengapa, tidak ada masalah. Saya ada satu mengenai *combination between rural and urban* yang saya bangkitkan. Saya dimaklumkan tadi semasa persoalan saya itu, saya di luar. Akan tetapi saya pun manusia biasa, **terpaksa** pergi ke bilik air, terpaksa begitu. Jadi saya hendak minta sedikit penjelasan mengenai perkara tersebut Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri pun manusia biasa, Yang Berhormat. Jadi kalau Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan, dia terlepas jawapannya.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Yang Berhormat Menteri. Parit, Parit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Fasal lampu jalan kampung?

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Bukan, jalan kampung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh bertulis, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Jalan kampung.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya?

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Jalan kampung. Boleh?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Lampu jalan kampung?

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Jalan kampung.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kalau lampu jalan kampung masih dalam tajuk lampu jalan kampung.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Bukan, jalan kampung.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Projek PJK? Projek Jalan Kampung?

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Yes. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya serah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Singkatkan Yang Berhormat, ya?

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Ya, begini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peraturan sekarang ini tidak membenarkan jalan menghala ke sebuah rumah. Kalau dua buah rumah, tiga buah rumah tidak mengapa tetapi kalau sebuah rumah tidak boleh. Itu larangan peraturan sekarang. Jadi dalam ucapan saya hari itu, saya minta supaya larangan itu dibatalkan sebab ada kemungkinan setahun, dua tahun lagi oleh kerana jalan sudah ada, mungkin orang lain akan buat rumah di situ juga. Jadi saya minta peraturan menghalang, melarang bina jalan ke sebuah rumah ditarik balik dan dibenarkan di kampung-kampung sebagai nikmat kemerdekaan negara. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan kaji cadangan tersebut. Kalau kampung itu semua tempat yang ramai orang sudah ada jalan, mungkinlah jalan satu rumah pun boleh. Akan tetapi kalau dari segi keutamaan jalan ke surau, jalan ke kubur, jalan itu pun masih lagi tiada jalan, kita utamakan jalan itu. Saya hendak jawab satu line sahaja untuk Yang Berhormat Parit Sulong.

Yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, ruban...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *Urbanization.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *Urbanization*-nya itu. Sebenarnya kita laksanakan di bawah Transformasi Luar Bandar dengan tema 'Membandarkan Luar Bandar'. Jadi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat telah pun kita laksanakan pada hari ini.

■2030

Jadi, saya kira itu sahajalah Yang Berhormat. Untuk Beluran, saya akan bagi secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menunjukkan minat yang mendalam di dalam kita hendak membangunkan masyarakat luar bandar ini. *Insyallah* perkara-perkara yang disebut tadi akan kita ambil tindakan segera. Mana-mana yang saya tidak dapat jawab ataupun tertinggal dalam

jawapan saya, *insya-Allah* saya akan berikan jawapan secara bertulis. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seterusnya giliran Kementerian Luar Negeri. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

8.30 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* serta salam sejahtera. Bagi pihak Kementerian Luar Negeri, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang terlibat dan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2017 yang telah menyentuh isu-isu dan perkara-perkara yang terletak di bawah kawal seliaan Kementerian Luar Negeri. Seramai 24 Ahli Parlimen yang terlibat dan saya hendak pergi ke isu yang pertama iaitu isu penindasan etnik Rohingya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis, Kuala Pilah, Kuala Terengganu, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Tumpat– Terengganu ada.

Malaysia sememangnya terkenal dan lantang menyuarakan isu-isu keganasan terhadap situasi kemanusiaan di Rakhine, Myanmar. Selain atas dasar kemanusiaan, pendirian tegas Malaysia mengenai isu etnik Rohingya adalah disebabkan krisis kemanusiaan di Rakhine yang boleh menjejaskan kestabilan rantau dan akhirnya mengakibatkan kebanjiran etnik Rohingya ke negara kita. Dalam hal yang sama juga, Malaysia juga akan terus mengadakan pendampingan dan juga perbincangan secara konstruktif dengan Kerajaan Myanmar untuk memastikan penindasan, kekejaman terhadap etnik Rohingya dapat dihentikan.

Pelbagai langkah telah pun diambil dan dilakukan untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa. Sebagaimana yang telah di– kita sedia maklum pada peringkat mula kita telah memanggil sidang tergempar Menteri-menteri Luar ASEAN walaupun ditolak, akhirnya pada 19 Disember Myanmar bersetuju untuk mengadakan *retreat* ataupun sesi pemukiman di Yangon yang telah memberi ruang untuk kita mengutarakan pandangan.

Selain daripada itu pada 19 Januari, Malaysia juga telah membawa isu ini di peringkat OIC di sesi tergempar di peringkat Menteri-menteri Luar Negeri OIC mengenai situasi minoriti Islam Rohingya di Myanmar. Dalam sesi tergempar tersebut juga, Malaysia melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan sumbangan sebanyak RM10 juta bagi membiayai usaha kemanusiaan dan projek pemulihan sosial di Rakhine semasa mesyuarat tersebut.

Selain daripada itu, lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Doha, Qatar pada 5 hingga 7 Februari juga telah menghasilkan sumbangan persetujuan daripada Kerajaan Qatar melalui Qatar Development Fund untuk menyalurkan sumbangan secara berperingkat sebanyak USD50 juta kepada Majlis Keselamatan Negara bagi membiayai program-program yang melibatkan komuniti etnik Rohingya di Malaysia.

Hasil daripada semua usaha-usaha yang dilakukan kerajaan, suka saya umumkan bahawa yang terkini Kerajaan Myanmar telah pun mengumumkan pada 15 Februari bahawa

operasi keselamatan di utara Rakhine yang bermula sejak kejadian serangan pada 9 Oktober 2016 telah pun dihentikan. Di samping itu, Kerajaan Malaysia seiring dengan pandangan masyarakat dunia yang lain berpandangan bahawa Kerajaan Myanmar pimpinan Aung San Suu Kyi yang dibentuk pada bulan November 2015 ataupun secara rasminya pada bulan April 2016 harus diberi peluang untuk mengambil langkah-langkah sebagaimana yang disarankan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Hasil daripada semua ini sebagai contoh, Kerajaan Myanmar yang baru ini telah pun memulakan projek perintis proses verifikasi ke atas etnik Rohingya yang bermula pada 7 Jun 2016 iaitu dua bulan selepas terbentuknya secara rasmi kerajaan di bawah NLD di bawah Aung San Suu Kyi. Walaupun pada peringkat mulanya telah mengalami kesukaran teknikal, namun ia telah diteruskan dan pada 8 Februari 2017, Kerajaan Myanmar telah menubuhkan *Steering Committee for National Verification Card for Rakhine state for those who will undergo verification process*. Untuk mengkaji masalah dan mempercepatkan proses verifikasi tersebut.

Suka saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, setakat bulan Februari, seramai 6,202 NVC telah pun dikeluarkan oleh Kerajaan Myanmar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kepong bangun Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Reezal Merican: Oh! Okey.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Apakah sebab yang utama yang mengakibatkan itu tindakan pihak tentera Myanmar ke atas Rohingya. Apakah punca yang sebenarnya?

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih. Sebenarnya perkara ini. Ini ialah antara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar ketika mana sesi *retreat* yang diadakan pada 19 Disember di Yangon. Salah satu yang kita inginkan ialah kita dibenarkan *imminent person* untuk pergi ke kawasan Rakhine untuk *establish* apa yang dipanggilkan *facts finding mission*. Sebab banyak dakwa dakwi yang berlaku sana dan sini tetapi hakikatnya *the very underline root cause* kepada sebab tersebut kita belum ketahui.

Sebab isu ini kena difahami bahawa bukan isu baharu. Isu *atrocities* yang berlaku di Northern Rakhine ataupun Rakhine state ini telah berlaku puluhan tahun. Hampir enam dekad. Sebab itu, saya kata tadi dalam jawapan ketika mana kerajaan yang baru dibentuk NLD yang tidak sampai pun lagi usia yang setahun, kalau mengambil kira *inauguration* pada bulan April, perlu juga diberi ruang untuk melakukan *attempts to do the reform* bagi memulihkan keadaan-keadaan kestabilan yang berlaku di Rakhine state.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar bangun Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Baik Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan penjelasan tersebut sebab antara yang kita dapat maklumat juga ketika berlakunya verification bagi pihak kerajaan, mereka juga berhadapan dengan pelarian Bangladesh yang masuk, yang mereka bukan asal dari Rakhine state itu. Mereka yang datang sebagai pelarian pula oleh sebab kuaratir mereka ini akan

diverifikasikan juga sebahagian mereka menghalang penduduk Rakhine state yang asal untuk menerima verification process ini.

So, saya kira juga kita kena ambil kira isu pelarian Rohingnya juga tidak semuanya berasal dari Rohingya tetapi juga ada yang tercampur dalamnya pelarian dari Bangladesh yang mencari jalan untuk keluar daripada Bangladesh melalui Rohingya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri dalam hal ini?

Dato' Seri Reezal Merican: Saya bersetuju dengan pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar. Cuma itulah kalau saya habiskan laporan yang saya hendak maklumkan bahawa dalam tempoh dua bulan ini ada tiga laporan. Pertama, dia panggil flash report yang dibuat oleh special committee. Empat interviewers yang dilantik oleh Office of the High Commissioner Zeid Raád yang pergi ke sempadan dan menemu ramah semua di kalangan mereka hampir 202 di kalangan yang duduk di Cox's Bazar. Cox's bazar adalah yang berada di sempadan the longest coastal di Bangladesh. Akan tetapi, sekarang ini dipenuhi hampir 400 internally ataupun displaced people of Rohingyas.

Kemudiannya, laporan kedua adalah laporan yang dikeluarkan oleh special rapporteurs di bawah United Nations Human Rights Council (UNHRC) yang telah diberi peluang untuk masuk sendiri ke Maungdaw dan juga Northern Rakhine. Special report by the special rapporteur ini, hari ini telah pun sekarang ini masih lagi diperbahaskan dan it's still being deliberated in consultation by all the members of the council and satu resolusi dijangka dikeluarkan pada hari Jumaat.

Ketiga, adalah Kofi Annan, State of Commission. Advisory Commission juga telah mengeluarkan laporan setebal ataupun interim report setebal 15 muka surat.

■2040

Kesemua laporan-laporan tersebut yang dikeluarkan juga telah *narrowed down* kepada perkara yang sama. Pertama, memberi *the right of return of the refugees, safe & sound*. Kedua, *allowing the verification to be done by facts*, saya sebut tadi ialah *facts finding mission* untuk menentukan isu-isu yang berlegar dan yang paling penting ialah untuk juga mewujudkan *unimpeded humanitarian assistance accessible* kepada kawasan yang memerlukan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [Bangun]

Dato' Seri Reezal Merican: So, itu antara yang juga merupakan perkara yang dibangkitkan oleh kerajaan semasa ASEAN, semasa kita berjumpa di OIC dan juga yang terbaru sekali semasa sidang ASEAN di Manila.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Reezal Merican: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Reezal Merican: Selepas itu Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Menteri. Saya menghargai pendirian yang diambil oleh Timbalan Menteri dan Kementerian Luar Negeri. Nampaknya

Kementerian Luar Negeri ambil satu sikap yang lebih rasional kalau dibandingkan dengan Jabatan Perdana Menteri. Cuma saya ingin tahu, kenal pasti, semasa kita melalukan *facts finding* ini, apa peranan ASEAN umpama Burma atau Myanmar sebagai satu anggota dan ASEAN juga mempunyai satu *charter* tentang *human rights* dan juga cara kita menangani *refugees* dari mana-mana tempat. So, adakah ini boleh dijadikan satu kesempatan untuk kita perkukuhkan lagi *Unity of ASEAN* untuk menangani krisis bersama? Saya juga ingin dapat sedikit penjelasan, apa pendirian Kerajaan Myanmar sekarang terhadap rombongan-rombongan yang kita hantar untuk mengenal pasti *facts* yang berlaku *on the ground*? Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, nak bagi?

Dato' Seri Reezal Merican: Boleh, nanti saya bagi Yang Berhormat Shah Alam dulu. Yang Berhormat Shah Alam bangun tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor dengan Shah Alam yang Berhormat. Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya tak berapa jelas tadi, disebutkan bahawa pihak kerajaan mencadangkan supaya dibenarkan *eminent person* untuk membuat lawatan ke kawasan Northern Rakhine ini supaya dapat maklumat yang sebenar dan apakah respons daripada Kerajaan Myanmar terhadap persoalan itu? Ini yang pertama.

Kedua, walaupun kita memahami bahawa masalah ini adalah satu masalah yang lama sejak sebelum kemerdekaan lagi dengan kemasukan orang-orang daripada Bangladesh masuk ke kawasan Rakhine ini untuk melakukan kerja-kerja yang telah ditentukan oleh pihak British atau penjajah tetapi saya rasa kita kena mengutuk secara sekeras-kerasnya tindakan pembunuhan dan kezaliman yang telah dilakukan. Kita *appreciate* masalah yang berlaku tetapi syarat kemerdekaan yang telah dikenakan terhadap Myanmar dulu oleh British sama juga seperti mana yang dikenakan sedikit sebanyak kepada negara kita di mana mereka yang berada di kawasan Rakhine itu diterima sebagai warganegara. Itu tidak menjadi sebagai satu alasan untuk tindakan-tindakan keganasan, pembunuhan dan *ethnic cleansing* yang telah berlaku.

Saya rasa setakat ini, pernah dicadangkan supaya diadakan satu usul yang khas untuk dibahas di dalam Parlimen supaya Parlimen menentukan satu sikap sebagai *the legislative body* untuk menentukan satu sikap bagi mewakili rakyat Malaysia secara rasmi mengenai apa yang sedang berlaku. Akan tetapi saya tak faham kenapa persoalan ini telah tidak dipersetujui untuk dibahas di dalam Parlimen untuk menentukan sikap itu. Saya harap Timbalan Menteri...

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Just* berkaitan...

Dato' Seri Reezal Merican: Okey.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Berkenaan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam. *I just want to know*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu apa yang berlaku di sana adalah amat ganas, amat zalim. *The major*

atrocities is going on over in Rakhine and in Myanmar with regard to the Rohingya. Now, apa yang perlu saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri adalah apakah stand atau pendirian rasmi kerajaan berkenaan dengan keadaan di sana?

Kita tahu ada perhimpunan telah pun dianjurkan di sini. Selepas itu nampaknya pendirian kami adalah terkabur. *We need to have a proper stand as to whether or not we are* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *with one party or the other and* Tuan Menteri *had also* telah pun membangkitkan tadi beberapa *facts finding mission* yang telah pun bermula sekarang. Salah satu daripadanya adalah daripada Kofi Annan, memangnya merupakan seorang personaliti yang *eminent*. Apakah pandangan-pandangan Kofi Annan berkenaan perkara yang berlaku di sana? Boleh kami tahu dan adakah kami selaras dengan pandangan tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya sambung sedikit boleh? Yang Berhormat Kota Tinggi.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Seri Reezal Merican: Tak. Yang Berhormat Kuala Terengganu dulu. Oh! *Sorry*.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Kota Tinggi dulu boleh?

Dato' Seri Reezal Merican: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya, pandangan sama tadi. Cuma saya hendak tanya spesifik, soalan nombor satu, adakah keganasan ini sudah *dicontent*, sudah diberhenti kah belum? Maknanya penindasan, kekejaman ini sudah berhenti atau tidak di Myanmar sekarang ini? Kedua, adakah mereka ini Rohingya mendapat akses *through medical*, makanan yang cukup? Ketiga, *maybe* Yang Berhormat Menteri boleh *advise* kita *what are the next step international pressure for example* yang sedang dilakukan oleh pihak-pihak multilateral sama ada Malaysia ataupun UNHCR. Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang karakter *eminent person* iaitu Kofi Annan kerana beliau merupakan satu tokoh yang neutral yang boleh diterima oleh semua pihak dan itulah caranya kalau kita ingin menghantar pertolongan dan bantuan.

Akan tetapi baru-baru ini apabila flotila dihantar ke Myanmar, perkara telah menjadi rumit kerana telah didominasi oleh pihak-pihak politik di mana ini telah menggugat kejayaan penghantaran bantuan apabila masuk isu-isu politik dan bukan orang yang neutral, banyak NGO lain telah menarik diri termasuk satu daripada Turki yang telah menghantar lebih kurang setengah juta US Dolar bantuan.

Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri Luar? Adakah patut kita membenarkan parti-parti politik tempatan mendominasi kalau betul *missions* ini adalah *mission* kemanusiaan untuk menghantar bantuan? Kalau hendak hantar bantuan, biarlah cara yang selamat dan selesa. Apa yang sahabat saya katakan juga tadi, kita juga ingin tahu apakah polisi kerajaan. Semasa saya timbulkan isu ini pada awal tahun, tidak diterima untuk didebat kerana dikatakan kerajaan kita neutral, tidak campur tangan. Akan tetapi setelah himpunan yang telah diadakan, kerajaan telah mengeluarkan kenyataan yang begitu keras dan apakah pendirian kita? Kenapa tidak seperti yang sahabat saya kata tadi, dibawa ke Parlimen untuk mengadakan satu pendirian yang rasmi. Jadi kita jelas, tidak duduk, ke kiri tidak, ke kanan pun tidak dan terumbang-ambing. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih. Saya cuba rangkumkan semualah ya jawapan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Parit Buntar dan juga Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Pertama, saya hendak bangkitkan bahawa memang kecaman yang dibuat kepada Myanmar khas kalau dilihat ucapan yang dibuat ketika mana sidang tergepar OIC. Demikian juga kenyataan yang dikeluarkan oleh Kabinet. Oleh sebab itulah reaksi yang pertama yang dikeluarkan oleh Myanmar adalah reaksi yang amat-amat *diplomatically disturb with us* sampaikan dikatakan *we are using the mega phone diplomacy, instead of the normal channel*.

Akan tetapi pada waktu yang sama kita menggunakan *dual track*. *Dual track* ini maknanya *first*, kita hendak *capture the international attention of the international community to have a microscopic scrutiny on exactly what is happening in Northern Rakhine*. Maka datanglah OIC, Qatar, Arab Saudi, NEU *also responds* kerana dengan kita buat begitu, maka akhirnya *the atrocities that was happening for almost two months finally got stop*, satu.

■2050

Akan tetapi *after that, what is next? Next*, kita kena *build also a good will*. Sebab apa? Sebab itu saya kata *constructive engagement* tadi. Sebab, *we want unimpeded assistant access of humanitarian assistant to finally reach to the targeted and to desired area which in the dyonic of Mentuan*. Sebab itulah *the dual track* yang digunakan *finally* telah membawa kejayaan. *The eminent person* yang saya sebut tadi, itu adalah cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ketika sidang *retreat* di Yangon tetapi yang saya cerita tadi, usul yang dibawa oleh Malaysia adalah usul yang sama dibawa oleh Kofi Annan *Commission*, usul yang sama juga dibawa oleh *Flash Report by the Four Interviewers* daripada United Nations dan usul yang sama juga yang dibawa oleh *Special Rapportuers*. Maknanya *very much consistent*.

Dari segi reaksi dan *respond* daripada Kerajaan Myanmar, pada peringkat awal, memang menolak tetapi saya sendiri pergi ke Myanmar. Saya sendiri pergi ke Yangon. *And then* bantuan yang dihantar itu adalah bantuan yang diterima oleh Menteri Kanan. Saya Timbalan Menteri sahaja *but I was received by* Timbalan. Memang ada kumpulan-kumpulan yang menentang dan melakukan *demonstration* daripada Kumpulan Ekstrem Mabata. Ada, tetapi

mereka juga telah dikawal bagi memastikan bahawa bantuan yang hendak dihantar itu sampai dengan selamat. Itu satu.

Kedua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you are not answering the question.* Adakah cadangan itu diterima oleh Kerajaan Myanmar?

Dato' Seri Reezal Merican: Cadangan mana?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang *the visit fact finding mission by eminent.*

Dato' Seri Reezal Merican: *No*, cadangan pertama pada 19 Disember tidak diterima. Tidak diterima. Kemudian ada *flash report* pada bulan dua, kemudian yang terbaru Kofi Annan juga menyebut supaya ada *facts finding*. Yang itu disambut baik. Diterima. Maknanya setelah ada *some developmental progress of engagement*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tetapi belum lagi dilaksanakanlah? Disambut dengan baik tetapi tidak boleh buat apa-apalah?

Dato' Seri Reezal Merican: Diterima. Diterima. Maknanya saya boleh baca ada *General Observation of Myanmar on the Report by Special Rapportuers*. Saya hendak maklumkan *Special Rapportuers* punya *report* ini keras. Dia minta supaya ada *Commission of Inquiry* ataupun COI selalunya disebut. Akan tetapi nampaknya *United Nations Human Rights Council lighter it down, they go to FFM. Fact Finding Mission first*. Saya hendak maklumkanlah di UN sendiri disebut secara *specifically* bahawa apa yang berlaku dan *engagement* termasuk disebut kedatangan Menteri *Indonesian Foreign Minister* pada 19 hingga 22 Januari disebut juga dan disebut juga kejayaan *Flotilla Mission* oleh Myanmar ini. Disebut *on the same time, Deputy Minister of Foreign Affairs of Malaysia, Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican handed over the aid and has been received by the Minister of Social Welfare*.

So saya fikir...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekali lagi. Cadangan itu diterima ataupun tidak diterima oleh Kerajaan Myanmar *as of today*. Diterima ataupun tidak?

Dato' Seri Reezal Merican: Cadangan yang dibawa oleh Kofi Annan, *Advisory Commission has been positively responded*.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Bangun]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Don't give me all this diplomatic. Has it been accepted? Kalau diterima, bila? Siapa yang akan pergi dan bila? Jangan positively responded..*

Dato' Seri Reezal Merican: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam, macam ini. Nanti dulu. Dalam *international diplomacy*, dia tidak boleh berlaku se *conclusive* begitu. Dia bukan *just black and white, immediately like that*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *As it is*, tidak diterimalah?

Dato' Seri Reezal Merican: Bukan, dia diterima.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Diterima? Bila? Siapa hendak pergi dan bila?

Dato' Seri Reezal Merican: Diterima tetapi.... Sebab itu saya tidak boleh kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang, seorang. Seorang, seorang, Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: ...*For definitely and for conclusive* tetapi...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Belum diterima lagilah?

Dato' Seri Reezal Merican: Ini kerana *there is a developmental progress*.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh *I just tanya? I just on what* saya tanya tadi berkenaan dengan *recommendation* Kofi Annan. *What is the exactly the Kofi Annan? Recommend exactly.*

Dato' Seri Reezal Merican: Kofi Annan kemukakan *29 recommendation*. *I can give you, it's quite lengthy. I can give you the copy if you want.*

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Mungkin yang penting. *The salient. Salient recommendation.*

Dato' Seri Reezal Merican: Salah satunya ialah juga menyentuh tentang *to classify and resolve without delay the surrounding verification of citizenship of Rakhine and juga Rohingya*. Termasuk juga dan sebagai *respond* yang dikeluarkan macam saya sebut tadi, *immediately after, the Kerajaan of Myanmar because this is done togethers with Myanmar Government. We are also watching it closely. We are also pushing for this. It's not that kata we are being... ataupun pessimists but we are also watch it closely cuma for the first time, recommendation by Kofi Annan Advisory Commission ini has been positively accepted by Myanmar Government. So, we hope the good will will continue.*

Jadi saya berpindah kepada isu maritim. Tuan Yang di-Pertua, isu maritim dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Sibul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cuma Yang Berhormat Lumut yang tiada, Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Yang Berhormat Lumut sahaja tiada? Okey. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan dan sebarang tindakan boleh menggugat keamanan, menimbulkan ketegangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah diselesaikan secara aman melalui rundingan dan sebagainya dan semuanya dilakukan berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah *Convention* Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 ataupun UNCLOS 1982.

Malaysia serta negara-negara penuntut Asia yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *Nine-Dash Line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah UNCLOS 1982. Malaysia juga berpendirian bahawa tidak wujud sebarang

tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan. Malaysia berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi dengan izin *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia adalah kepunyaan Malaysia.

Berhubung dengan gesaan supaya Malaysia mendesak pengunduran pihak China, ingin dimaklumkan bahawa kependudukan China di Laut China Selatan tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia. Berhubung dengan kenyataan Malaysia berada di antara Amerika Syarikat dan China dan harus menolak campur tangan asing, sukacita dijelaskan, dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, kepentingan negara sememangnya menjadi teras utama dalam menentukan tindakan yang diambil dan tidak memilih mana-mana pihak dalam hal ini.

Berhubung laporan mengenai kehadiran kapal asing di perairan Malaysia dan di Laut China Selatan, undang-undang antarabangsa termasuklah UNCLOS 1982 memperuntukkan hak kebebasan pelayaran (*freedom of navigation*) dengan izin kepada kapal-kapal asing termasuk kapal perang dan juga kapal penguat kuasa di dalam kawasan perairan. Sehubungan dengan itu, kehadiran kapal-kapal di kawasan zon EEZ tidak boleh dianggap sebagai bercanggah dan selagi mana ia tidak melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan aspek pelayaran seperti mengganggu aktiviti-aktiviti kapal-kapal lain dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Reezal Merican: Okey.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dalam isu pencerobohan. Saya ingat kita, Malaysia ini telah mengamalkan satu prinsip ZOPFAN. Kita *South of Asia free from* sebarang nuklear *facility* dan nuklear *weapons*. Semasa pencerobohan dari mana-mana kuasa besar, apakah cara kita menentukan mereka bukan bernuklear kapasiti termasuk kapal selam yang masuk? Itu yang kita– pendirian yang telah disebut dalam perbahasan kita ialah kehadiran kapal perang itu adalah satu tindakan dengan izin *act of aggression* dan dia akan mengundang pihak yang lawan juga menghantar kapal perang atau senjata ke zon ini.

Akan tetapi saya percaya kementerian dan juga Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan ASEAN yang lain telah menetapkan bahawa zon ini harus bebas daripada sebarang provokasi dan itulah sebab kita dalam perbahasan kita untuk mendesak supaya kerajaan mengambil satu pendirian yang lebih tegas untuk mencegah sebarang kehadiran ketenteraan, perahu yang bersifat ketenteraan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh saya sambung, Yang Berhormat?

Dato' Seri Reezal Merican: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri gunakan platform ini untuk menerangkan maksud menceroboh yang ada dalam minda kementerian.

■2100

Pada pengetahuan saya, kalau sesebuah kapal katakan daripada China memasuki kawasan kita tanpa pengetahuan kita, itu dianggap sebagai menceroboh. Kalau kita

dimaklumkan bahawa mereka akan melalui kawasan itu, itu bukan mencerooboh. So, adakah setiap kapal daripada China yang memasuki kawasan ini dimaklumkan kepada kita dan kita anggap itu sebagai tidak mencerooboh? Komitmen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan tidak ada mencerooboh, bermaksud semua kapal yang melalui perairan ini telah dimaklumkan kepada kita. Penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih. Kedua-dua pandangan ini saya terima dengan baik. Cuma saya hendak maklumkan, inilah benda yang telah diperuntukkan. *This is provided under UNCLOS. They called it safe passage.* Sebab dalam *maritime features*, ia ada *three major component. One, it is called island* yang orang kata yang ada persisiran pantai. Kedua dipanggilnya *rock* dan yang ketiganya dipanggil LTE ataupun *low-tide elevation*.

Kalau kepada yang pulau macam Malaysia ataupun mana-mana yang ada *coastal beach*, dia ada tiga *entitlement*. Pertama dia ada *territorial sea, 12 mile nautical*. Kedua, dia ada EEZ 200 dan yang ketiga dia ada *continental shelf which is about right up to 350*. Kalau *rock* macam Batu Putih, dia hanya ada *territorial sea* sahaja, dia tidak ada EEZ. Kalau LTE, sebenarnya LTE di dalam UNCLOS, *you can't even claim also* sebab dia mengikut kawasan perairan. LTE bererti kalau ketika air pasang, maka tenggelamlah pulau itu. Macam ada dua tiga kawasan. Yang itu *not even territorial sea their entitle*.

So, dalam soal dikatakan *safe passage* ataupun *freedom of navigation*, ini adalah termasuk dalam EEZ dan selagi mana kalau mereka masuk dan mereka memaklumkan— dan sebenarnya tadi disebut berulang kali China tetapi sebenarnya bukan China tapi banyak lagi yang ada tetapi saya tidak ada maklumat ini sebab ini benda bukan di bawah kawalan saya. Ini di bawah kawalan Kementerian Pertahanan dan juga tentu sekali agensi yang berkaitan ialah APMM. Tetapi sekadar hendak memberi penjelasan dan pencerahan tentang apa yang dikatakan UNCLOS tadi.

Mengenai soalan Yang Berhormat Lumut yang bertanyakan tentang status penyelenggaraan Pulau Pisang, seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini, ia merupakan hak mutlak Johor. Berhubungan dengan rumah api dan penyelenggaraan, ianya dilaksanakan oleh *Singapore* berdasarkan perjanjian bertulis *indenture* yang telah ditandatangani oleh Sultan Ibrahim dan Gabenor Sir Swettenham pada 6 Oktober 1900. Akan tetapi, kerajaan telah pun mengemukakan dan mengenakan peraturan-peraturan dan syarat kemasukan kepada petugas ke rumah api tersebut dan peraturan itu telah diperketatkan di mana semua mereka perlu mendaftar dengan Jabatan Marin dan Jabatan Laut serta kastam di *checkpoint* di Kukup sebelum mereka dapat masuk untuk sebarang pertukaran syif kakitangan untuk direkodkan.

Baik, saya pindah ke...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lumut bangun, Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:

Soalan saya kepada kementerian, adakah langkah-langkah ataupun usaha-usaha untuk kita mengambil alih pengoperasian rumah api itu? Itu yang penting. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih. Itulah yang saya jangkakan. Sebenarnya memang saya sendiri pun terpanggil untuk melihat bahawa wajar ia diambil alih dan sebab itu tadi saya minta pegawai bawa. Benda ini telah pun dilakukan oleh MKN pada tahun 2015, telah ada satu perbincangan, dan saya sudah minta supaya benda ini dibangkitkan semula kepada MKN bagi kita melihat supaya pengurusan rumah api itu pun boleh diambil alih *finally by us*.

Ketiganya adalah isu Israel yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat. Yang Berhormat Tumpat ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat tidak ada dalam Dewan, Yang Berhormat. Boleh jawab bertulis.

Dato' Seri Reezal Merican: Saya jawab bertulislah. Isu lawatan Perancis oleh Yang Berhormat Kuala Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor tidak ada dalam Dewan. Yang itu pun bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Isu mengenai selatan Filipina yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kudat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kudat tidak ada dalam Dewan.

Dato' Seri Reezal Merican: Yang Berhormat Kudat ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada, Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Saya jawab bertulis. Dan yang terakhir sekali isu lawatan Arab Saudi yang dibangkitkan oleh ramai juga ini iaitu Yang Berhormat Kuala Lipis, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Tanah Merah— Yang Berhormat Tanah Merah tidak ada— Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Kuala Pilah... **[Disampuk]** Ada ya.

Hubungan Malaysia dan Arab Saudi adalah akrab di peringkat dua hala mahupun di peringkat pelbagai hala. Kedua-dua negara bersama menganggotai pelbagai organisasi di peringkat multilateral terutamanya di PBB, OIC dan juga NAM. Hubungan diplomatik yang baik antara Arab Saudi dan Malaysia juga telah diterjemahkan dengan pertukaran lawatan yang aktif antara kedua-dua negara di pelbagai peringkat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Arab Saudi merupakan rakan dagangan Malaysia ke-19 terbesar dan kedua terbesar di Malaysia di kalangan negara-negara Timur Tengah. Jumlah perdagangan keseluruhan antara Malaysia dan Arab Saudi pada tahun 2016 meningkat sebanyak 27.8 peratus kepada RM14 bilion pada tahun 2016 daripada RM11 bilion pada tahun 2015.

Untuk makluman Dewan yang mulia, lawatan ini juga telah menghasilkan banyak manfaat yang telah dicapai bersama khususnya dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Perjanjian pelaburan bernilai RM31 bilion ataupun USD7 bilion antara PETRONAS dan Saudi Aramco, tujuh MoU antara Malaysia dan Arab Saudi berkaitan kerjasama pelbagai bidang termasuk pembinaan, kerjasama halal, aeroangkasa dan perkhidmatan hal ehwal haji membabitkan nilai dagangan berjumlah RM9.75 bilion. Lawatan ini juga telah membuka peluang bersama yang baru yang dicapai melalui MoU dalam bidang perdagangan, pelaburan, saintifik dan pendidikan tenaga kerja sumber manusia dan pertukaran maklumat serta bahan berita.

Lawatan bersejarah ini juga telah membawa pengertian dan makna yang lebih mendalam kepada umat Islam di Malaysia khususnya kejayaan berkaitan hal ehwal haji di mana kuota haji dinaikkan daripada 27,000 ke 30,300 dan mendapat pertimbangan TYT Raja Salman bin Abdul Aziz Al Saud mengenai permohonan Malaysia untuk menyewa tanah di Makkah dan Madinah untuk tujuan pembinaan kompleks penginapan jemaah haji Malaysia.

Selain daripada itu, Malaysia juga menyambut baik komitmen Kerajaan Arab Saudi untuk meningkatkan jumlah pemberian biasiswa penuh kepada pelajar Malaysia bagi melanjutkan pengajian di negara itu pada tahun hadapan. Sehingga kini, terdapat 362 pelajar Malaysia yang menerima biasiswa penuh daripada Kerajaan Arab Saudi bagi melanjutkan pengajian di pelbagai peringkat seperti diploma, sarjana, ijazah falsafah, PhD di institut pengajian tinggi.

Secara keseluruhan, lawatan ini adalah satu lambang komitmen antara Malaysia dan Arab Saudi dalam mempertingkatkan lagi hubungan dua hala yang telah ditunjuk melalui keakraban dan kemesraan semasa pertemuan dalam lawatan tersebut.

Seterusnya, yang terakhir...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya dalam soalan kaitan sebab saya dengar dalam Kementerian Pertahanan dan sekarang ini dalam Menteri Luar. Saya sentuh isu penglibatan kita di Saudi semasa dalam Perang Yaman. *So, since* Menteri Pertahanan *missed it, I* harapkan kita dapat pendirian daripada Kementerian Luar. Kalau kita *condemn* atau kutuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah jawab dalam pertahanan, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Pelanggaran hak asasi di Myanmar, adakah kita berdiam diri dalam isu Yaman? Saya berulang kali tanya bila tentera kita harus ditarik balik untuk mengelakkan seolah-olah kita menyokong tindakan agresif oleh Arab Saudi ini.

Dato' Seri Reezal Merican: Isu ini, Yang Berhormat Batu, sebenarnya telah pun dijawab agak banyak kali oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tetapi saya boleh sentuh balik. Isu itu dinamakan *Thunder of North Operation*. Isu itu adalah membabitkan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Lama over lah *Thunder of North...*

Dato' Seri Reezal Merican: Itulah. *You are referring to that, right?*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, *but our soldiers still there.*

Dato' Seri Reezal Merican: *No, they are still ongoing* sebab latihan itu latihan membabitkan bukan satu aspek, dia membabitkan aspek— sebab kita tidak pernah terdedah dengan latihan-latihan ketenteraan yang berada di luar kawasan tropika atau di dalam hutan. Itu satu. Keduanya, untuk makluman, ia hanya membabitkan persiapan dan kesiapsiagaan untuk tujuan-tujuan tertentu terutamanya kalau memerlukan *evacuation of the remaining Malaysian living in Yemen.*

■2110

Tidak ada kaitan dan tidak pernah sekali pun, saya hendak terangkan, tidak pernah sekali pun bahawa kita terlibat dalam military operations di Yaman mahupun have we cross over the border of Yaman and Saudi.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ada yang pernah sentuh soalan ini. Yang kita pertikai bukan soal North Thunder Exercise itu, tidak salah mana-mana tentera untuk buat latihan tentera, itu bukan isu dia. Isu paling besar ialah laporan United Nations menyebut penglibatan Malaysia. Saya faham bukan maksud penglibatan itu offensive, kita turun bawa tentera kita on the ground atau cross the border. Akan tetapi being in the operation room yang disebut oleh pegawai Saudi sendiri bahawa Malaysian officials yang daripada tentera Malaysia ada dalam bilik operasi itu. Itu maksud dia dan United Nations has come out with a panel expert committee on the war in Yaman dan di situ ada disebut Malaysia terlibat dan disebut dua surat telah dihantar untuk memberi penjelasan tetapi Malaysia tidak respons.

Itu saya kira yang dimaksudkan lebih kepada penglibatan, bukan North Thunder Exercise. Akan tetapi tidak apa lah, itu Kementerian Pertahanan yang jawab hari itu tapi saya jawab itu tidak— Menteri sudah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dan juga our stand terhadap Human Rights Atrocity di Yaman itu.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Atrocity in Yaman. *United Nations punya report itu. I can still show you the report.*

Dato' Seri Reezal Merican: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Saya rasa apa yang dimaksudkan oleh sahabat saya daripada Batu dan daripada Parit Buntar adalah penempatan anggota Malaysia di operational headquarters di Jeddah bersama dengan Amerika Syarikat, Britain dan France adalah di *Operation Room, Command Control Centre.*

Apabila kita bertanya kenapa mereka di situ, di antara alasan diberi adalah untuk operasi evakuasi tetapi kita telah membuat evacuation setahun dahulu. Kalau itulah sebab sebenarnya, takkanlah Amerika, Britain dan Perancis pun menunggu orang dia untuk operation evacuation. Saya rasa itu lebih daripada apa yang dinyatakan. Itulah kita perlu penjelasan yang

nyata kerana laporan United Nations ini amat terperinci seperti apa yang dikatakan tadi Amerika, Britain, dan Perancis menjawab inquiry daripada panel of experts tetapi Malaysia tidak menjawab. Kenapa kita tidak menjawab? Itulah adalah satu perkara yang amat-amat aneh yang kita ingin tahu. Kalau kita hendak clear our name, jawab, terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Okey, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar, ia arising juga daripada *the Operation Thunder of North* itu. Cuma apa yang dibangkitkan oleh panel of experts in *United Nations*— well, kalau kata ada tentang jawapan, saya akan beri secara *details. I don't have that now with me*. Saya tidak mahu hendak mengelirukan Dewan kalau saya tidak ada benda on my plate.

Cuma saya hendak maklumkan ialah jawapan yang terlebih terperinci yang diberikan oleh Menteri Pertahanan itu kerana ia berlaku di bawah Kementerian Pertahanan. Akan tetapi apa yang dibangkitkan tentang sama ada kita mengecam dan *misconduct of human rights*, masa kita menjadi ahli *United Nations Security Council, quite a number of times with did intervention over the deteriorating human rights conduct in Yaman*.

So, hendak kata bahawa kita tidak bersuara, tidak benar, kita bersuara. Cuma yang berkaitan secara spesifik kedua-dua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu dengan Yang Berhormat Parit Buntar, saya akan jawab lebih detail dan bertulis. Akhir sekali, tentang isu Korea Utara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panjang isu ini Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Ya, saya cari mana isu Korea Utara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh kalau tidak ada dalam nota, boleh bertulis Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Ada-ada. Masa ada lagi? Isu Korea Utara telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Kuala Pilah dan Yang Berhormat Libaran.

Sebagai mana yang telah kita sedia maklum bahawa pertama sekali izinkan saya maklumkan tentang situasi rakyat kini yang berada di Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK). Memang sememangnya tindakan DPRK tidak membenarkan rakyat Malaysia keluar dari negara tersebut telah menarik perhatian ramai. Malahan telah juga mencetuskan kebimbangan. Sebagaimana telah diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan sedang menyelesaikan dan sedang berusaha untuk melalui pendekatan yang masih sedia ada iaitu melalui pendekatan diplomatik di antara Malaysia dengan DPRK untuk menyelesaikan masalah berkaitan dan menekankan bahawa kerajaan amat-amat meletakkan keselamatan yang melibatkan rakyat Malaysia sebagai keutamaan utama.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah pun membuat panggilan telefon dan bercakap sendiri dengan kedutaan atau staf kedutaan kita pada 9 Mac. Yang Berhormat Menteri Luar juga telah berjumpa dengan keluarga-

keluarga mereka yang terbabit. Saya sendiri berhubung *every alternate day with all of them di Pyongyang*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada waktu sekarang semua rakyat kita berada dalam keadaan yang baik dan selamat. *There are having a complete freedom of movement, there is no any form of threat to their life or they are not living in fear*. Kita harap kita dapat sama-sama berdoa. Setakat ini ada sembilan orang yang masih lagi berada di sana. Dua orang pun telah berlepas ke Beijing kerana mereka ini adalah yang terlibat dengan World Food Program di Pyongyang. Ketika itu mereka memegang *UN passport atau they are UN passport holders*. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada beberapa rakan-rakan daripada pihak pembangkang juga yang berada dalam kebersamaan bersama-sama dengan kerajaan untuk kita melihat dan memastikan bahawa pada akhirnya isu-isu yang membabitkan bersama North Korea, terutamanya yang untuk membawa pulang rakyat kita secara sound, swift and safe dapat dilakukan.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya yang soalan yang berkaitan berkenaan dengan rakyat ataupun warga kami yang sekarang berada di Pyongyang. Ada sembilan orang warganegara yang saya difahamkan berada di sana. Seperti mana yang telah pun dimaklumkan oleh Menteri, bukan sahaja hari ini dan juga di dalam persidangan media sebelum ini. Kami dimaklumkan mereka adalah selamat dan sebagainya.

Akan tetapi persoalannya di sini *they might have*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *rights of freedom of movement in Pyongyang*. Akan tetapi itu bukannya bermaksud *they have freedom*. Oleh kerana sekiranya mereka ada freedom, sudah tentunya mereka boleh balik ke Malaysia. *So, the point is this* Yang Berhormat Menteri, *are those nine citizens held by the North Korean Government by ransom? In other words, are they being kidnap by the North Korean Government? That we must know, itu* adalah satu isu yang perlu kita tahu oleh kerana keselamatan mereka mungkin terjamin buat sekarang tapi kita kena tahu *for how long is this going to go on for. It is something which important*.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan dengan— *it is obvious*, amat jelas sekarang bahawa hubungan antara Malaysia dengan North Korea ini sudah amat tegang. Mungkin tidak boleh diselamatkan lagi di masa depan. So, adakah keadaan tersebut juga akan menjejaskan keselamatan kesembilan warganegara tersebut di North Korea? Bolehkah kami mempunyai satu anggaran? *My last question, satu* anggaran berkenaan lebih kurang bila, *when we can expect the arrival or the return of this nine citizens? Can we have some sort of an indication as to how the government diplomatic sort of approach has been so far?* Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Seperti mana yang saya jawab tadi bahawa isu yang paling utama kita titik beratkan sekarang, *the most paramount thing* adalah keselamatan rakyat Malaysia. Bila berlaku begitu, *of course currently we are looking the option of deescalating the tension*. Bila berlaku rundingan yang *of the highest magnitude of contention* semacam mana di antara dua negara ini, tentulah pertama, ia tidak boleh dirunding secara public ataupun

dimaklumkan secara media. Oleh sebab itulah kalau Yang Berhormat Bukit Gelugor perasan, saya tidak pernah maklumkan apa pun berkaitan dengan rundingan.

■2120

Saya hanya maklumkan *the well being* sebab saya hendak dapatkan keadaan dan juga tentu sekalilah yang penting rakyat Malaysia hendak tahu keadaan di sana. Namun apa yang sedang berlaku sekarang ialah kita sedang memastikan bahawa suasana dan rundingan yang sedang berlaku ini akan akhirnya membawa kejayaan, tentang *indication* secara *specifically whether they are held ransom*, kalau *you* tanya secara lisan kepada saya, memang *it looks that way, it looks that way*.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *That's what*, dengan izin. *Just* mencelah. *That is what we would like to know because when*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bila Menteri kata *they have freedom of movement in Pyongyang and so on, we are lead to an impression* bahawa mereka adalah bebas, tiada masalah. Sekiranya mereka bebas, sudah tentu mereka boleh balik.

Dato' Seri Reezal Merican: Sebab itu saya faham maksudkan *freedom of movement* itu supaya saya nak maklumkan mereka tak *confine, they are not house arrest, they are not being move to another place or contain with one place. That is not it*.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Then what is the purpose of the Korean Government holding them?*

Dato' Seri Reezal Merican: *Which I already answered. If you want to look at that, yes it can be seen as they are being held by ransom but* pada waktu yang sama, yang penting pada waktu sekarang ialah rundingan yang berlaku dan yang paling-paling penting yang kita letak keutamaan dan saya juga nak minta supaya kebersamaan kita semua adalah keselamatan rakyat Malaysia kita, *swift sound and safe returning back...*

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu sudah tentu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Timbalan Menteri.

Dato' Seri Reezal Merican: *...And we are doing the very best that we could at the moment*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan berdialog, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Timbalan Menteri, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nak bagi Yang Berhormat Batu kah Yang Berhormat?

Dato' Seri Reezal Merican: Soalan Yang Berhormat Batu saya dah jawab dah tadi. Yang Berhormat Batu, banyak sungguh saya jawab tadi. Yang Berhormat Batu pun tak tanya saya ini, Yang Berhormat Batu. Saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *It similar* tapi soalan tambahan. Bagi saya, saya nak nyatakan sokongan kita terhadap kerajaan dalam sebarang usaha untuk

membawa pulang warganegara kita. Itu *I think that is the bottom line*, cuma kita *caution* dalam bahasa kalau *you* kata *they have complete freedom of movement*. *Then* maksudnya tidak ada *collision* cuma saya hendak dapat penjelasan sama ada kita juga *reciprocal* dengan menghalang staf atau warga Korea Utara daripada meninggalkan negara kita...

Dato' Seri Reezal Merican: *At the moment, yes.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Dan saya juga ingin, kita juga ingin tahu *what is the end game*. Apakah *demand* dari Kerajaan Korea Utara kalau *demand* itu is *acceptable by both side*, kita sebagai Dewan dan kita harus sokong kepada kerajaan.

Dato' Seri Reezal Merican: Ya, *as I said...*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *If their demand is just return the body, then just tell us.*

Dato' Seri Reezal Merican: ...*As I said*, pertamanya bila ada *negotiation that involve the gravity of magnitude of contention of this level*, - kalau boleh duduk sekejaplah. Maka, *it cannot be done with a larger amount of people involve because this is ongoing*. *Then this is something government of the day that has got to also bear the responsibility*. Dulu macam mana, kalau berlaku di *United States of America*, isu-isu tertentu tak bawa ke Kongres pun. *In fact* orang kata, *17 intelligence community, they never be presented all of thing* dekat Kongres, diberi kepada *the government of the day*.

Oleh sebab itulah yang paling penting bila ada sesuatu berlaku, saya puji apa yang dilakukan oleh rakan-rakan untuk kita dalam secara *spirit, a togetherness in this spirit* sebab *this is a time that we need to be together*. *And then* saya tadi pun bila saya hendak jawab tentang soalan-soalan, bila saya keluar dari Malaysia, bila menghulurkan bantuan dan sebagainya, *I am not going there as a partisan. I am going there, representing the people of Malaysia*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Seri Reezal Merican: Nanti dulu, dengar. Sebab itu bila saya pergi ke Myanmar dulu pun, saya pergi ke Yangon, saya bersalam dan kata, *"I am representing the people of Malaysia."* *Not even a flag* dalam Flotila itu ada bendera BN, bendera UMNO kah, malahan ada di kalangan pemimpin-pemimpin parti pembangkang pun datang. Pemimpin dari PAS, Yang Berhormat Bachok turut serta.

Ini bererti bahawa *mission* bila kita berada di luar negara, *at least let us show the spirit of togetherness because that is what we are respected*. Kalau kita hendak memastikan bahawa kita dapat menjadikan negara kita dihormati terutamanya dalam isu-isu membabitkan di arena antarabangsa. Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapar duduklah Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Dahlah Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar, dahlah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *I just want to say something, Yang Berhormat Menteri. May I? Boleh Menteri?*

Dato' Seri Reezal Merican: Okey. Kesian ini, Kementerian Multimedia tunggu itu. Kementerian Multimedia besoklah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila habiskanlah Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Esoklah, jumpa luarlah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *No, no.* Ada enam minit itu, okey lagi. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Reezal Merican: Okeylah, *last. Last.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Menteri boleh habiskan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Okey.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *No, no.* Beberapa kali tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengulang komitmen dan sebagainya. Saya ingin memaklumkan di sini, kami semua memberi komitmen sepenuhnya. Tak perlu ulang balik beberapa kali, *you know.*

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *That's a bit I think unfair to our side. That's period. We are support, in support of any action taken by the government as long as our citizen is concern. Thank you.*

Dato' Seri Reezal Merican: *That is why, Yang Berhormat Kapar, sebab itu saya make a point to mention here* bahawa saya ucap terima kasih kepada rakan-rakan daripada pihak pembangkang kerana turut berada dalam *the spirit of togetherness* untuk pastikan rakyat Malaysia di Korea Utara dapat pulang, *swift, sound and safe.* *[Tepuk]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Thank you, thank you.*

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah jawapan-jawapan kepada perbahasan yang dibangkitkan di bawah Usul Titah Diraja 2017. Saya ucapkan terima kasih kepada semua dan *insya-Allah* ini akan memberi suntikan semangat yang lebih kepada Kementerian Luar Negeri untuk terus menjulang nama negara di peringkat arena antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang giliran Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

9.26 mlm.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang kuasa tugas kementerian saya

sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Majlis Parlimen Yang Ketiga belas. Seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini. Saya akan menjawab persoalan tersebut secara umum dan bagi isu-isu spesifik yang dibangkitkan, akan dijawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kuala Pilah. Nanti secara bertulis ya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan berkaitan penyebaran ideologi militan keganasan melalui internet, media sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sabak Bernam tak ada.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Yang Berhormat Kepong.

Seorang Ahli: Tak ada.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Nanti secara bertulislah. Izinkan saya memberi maklum balas mengenai persoalan isu infrastruktur telekomunikasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Limbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Yang Berhormat Kota Melaka dan Yang Berhormat Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka ada, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Berkaitan cadangan penyambungan kontrak sebanyak 438 WiFi Komuniti di Negeri Sarawak yang diutarakan oleh Yang Berhormat Limbang, izinkan saya terlebih dahulu memberi sedikit penjelasan terhadap Projek WiFi Komuniti kerana sering terdapat kekeliruan mengenai perkara ini. WiFi Komuniti hanya merupakan kemudahan *hotspot* WiFi dan bukannya merujuk kepada sesebuah pusat internet. Kemudahan ini bersifat sementara bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan internet kepada penduduk dalam had liputan dan akses tertentu. Perkhidmatan ini akan ditamatkan dan dibekalkan dengan perkhidmatan 3G yang lebih berkualiti, stabil dan menyeluruh.

Dengan demikian, cadangan Yang Berhormat Limbang supaya perkhidmatan WiFi Komuniti diteruskan, kerajaan sebenarnya sedang meneliti cadangan ini dan ingin mengambil kira penyediaan dan liputan perkhidmatan 3G serta aspek teknikal yang berkaitan. Kerajaan sedang melaksanakan inisiatif penaiktarafan liputan jalur lebar 3G atau LTE yang mampu memberi kelajuan yang lebih baik berbanding dengan WiFi Komuniti yang sedia ada. Sebanyak 424 lokasi menara sedia ada di Sarawak sedang dinaiktarafkan dengan liputan 3G atau LTE. Ia dijangka siap sebelum akhir 2017 dan akan meliputi kesemua kawasan 438 WiFi

Komuniti tersebut. Mengenai isu liputan UNIFI di kawasan Kota Melaka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada, ada Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Saya ingin memaklumkan bahawa kawasan komersial Taman Melaka Raya terletak dalam liputan ibu sawat Melaka Tengah. Ibu sawat ini telah dilengkapi dengan infrastruktur UniFi sejak tahun 2015. Sehingga kini, sejumlah 10,648 port UniFi telah dilancarkan untuk ditawarkan kepada pelanggan TM. Bagi kawasan Taman Melaka Raya, pihak TM telah pun menyediakan sebanyak 2,416 port sambungan UniFi di kawasan ini. Dengan jumlah port yang ditawarkan ini, liputan perkhidmatan telah mencapai 100 peratus di kawasan ini dengan kemudahan UniFi.

■2130

Untuk makluman Yang Berhormat, disebabkan kawasan Taman Melaka Raya baru saja ditawarkan perkhidmatan UniFi di sana pada awal tahun ini, maka setakat ini terdapat hanya seramai 246 pelanggan yang telah melanggan perkhidmatan UniFi. Bagi tujuan menaik lebih ramai pelanggan, unit jualan TM sedang rancak mempromosikan perkhidmatan UniFi dan memang setiap hari TM menerima langganan.

Bagi kes Yang Berhormat Kota Melaka bangkitkan, pihak TM sedang mengambil tindakan bagi memastikan perkhidmatan UniFi ditambah baik mutu perkhidmatannya. Pihak TM akan menghubungi Yang Berhormat sendiri bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang di Taman Melaka Raya ada UniFi tetapi sebahagian dari Taman Melaka Raya iaitu berdekatan dengan kawasan *Garden City Apartment* dan berhampiran sana, memang tidak ada, masih tidak ada perkhidmatan. Mereka ada tanya tentang yang mereka masih ada buat *cabelling, cabelling* yang katakan itu masih belum dalam, dalam perancangan mereka. Oleh sebab itu saya ucap terima kasihlah. Saya harap dapat pegawai yang boleh hubungi saya dan saya akan maklum kepada mereka tentang kawasan itu dan harap mereka dapat mengambil pertimbangan tentang permintaan dari mereka. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya berkaitan isu *cherry-pick* oleh penyedia perkhidmatan awam dalam penyediaan perkhidmatan telekomunikasi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan wujudnya kesamarataan dalam penyediaan perkhidmatan telekomunikasi kepada rakyat Malaysia. Jadi walaupun lesen-lesen penyediaan telekomunikasi yang dikeluarkan oleh SKMM adalah untuk penggunaan komersial seperti yang digariskan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, kerajaan tidak meminggirkan keperluan rakyat di kawasan-kawasan yang

tidak dianggap komersial. Sebaliknya kerajaan menyediakan infrastruktur telekomunikasi yang sama kualitasnya di kawasan-kawasan bukan komersial khususnya di luar bandar.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong bangun.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Saya habis Yang Berhormat sekejap. Pada masa yang sama kerajaan sedang merangka pelan pelaksanaan bagi meningkatkan kelajuan perkhidmatan jalur lebar pada harga yang lebih rendah selaras dengan dasar kerajaan yang telah diumumkan baru-baru ini. Beberapa inisiatif terbaru yang memanfaatkan rakyat melalui perkhidmatan jalur lebar akan diumumkan tidak lama lagi.

Saya juga ingin maklumkan Yang Berhormat, kita telah mengkaji beberapa opsiyen bagaimana kita boleh laksanakan sedemikian. Antaranya yang kita sedang fikir ialah untuk menyediakan pelan *fiber* seluruh negara tahun 2017 hingga tahun 2019. Kerajaan akan mewujudkan satu pengaturan infrastruktur dengan entiti-entiti yang relevan bagi penyediaan perkhidmatan borong jalur lebar, *wholesale broadband fiber*.

Kita juga matlamatnya untuk menyediakan harga borong yang lebih murah agar penyedia perkhidmatan dapat menawarkan harga runcit jalur lebar yang lebih murah kepada pengguna runcit dan perniagaan di seluruh negara termasuk luar bandar. Infrastruktur tersebut akan menggunakan *fiber* yang sedia ada dalam rangkaian elektrik dan fasiliti. Fasiliti yang lain untuk pelaksanaan yang lebih pantas.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih dan syabas diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana sempat dan juga memberikan jawapan yang walaupun secara umum tetapi menyeluruh. Saya suka mendengar bahawa kementerian dan juga kerajaan sedang merancang supaya penerapan *broadband* itu dapat masuk kesemua pelosok tanah air kita.

Ada dua perkara yang ingin saya bangkitkan. Kalau kita imbas kembali semasa Bajet 2017, semasa Yang Berhormat Malaysia Kewangan berucap, telah diberitahu kepada semua Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada tahun ini bagi kelajuan yang sama akan ditingkatkan tetapi harga pakej dan tarifnya akan dikekalkan. Saya rasa mungkin ada masalah teknikal kerana kalau di kawasan di mana pembekalnya ialah *Streamyx* dan saya tahu *Streamyx* itu teknologi yang dipakai ialah DSL. DSL itu kalau ditweetkan dia punya teknologinya, paling tinggi, paling laju cuma lapan *megabit per second*.

Kalau dia hendak tambah, dia lipat gandakan kelajuan pada tarif pakej yang sama, saya rasa terbantut kerana *Streamyx* tidak sempat mencapai 16 *megabit per second*. Jadi apakah kalau pada harga yang sama tapi kelajuannya telah mencapai *the glass* siling, apakah olahan yang akan diguna pakai oleh kerajaan?

Kedua, dari segi...

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Okey. Terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita cuma ada 10 minit.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Yang Berhormat, memang saya memahami apa Yang Berhormat katakan. Bagaimanapun memang sebenar yang telah kita katakan bahawa pada tahun ini yang kita mahu ialah *double the speed at the same price* dan salah satu lagi nanti yang telah kita katakan semasa ucapan tersebut iaitu *double the speed half the price*. Itulah sebabnya kita kena melihat opsi-opsyen yang lain untuk melaksanakan apa yang telah dilakukan.

Memang pada ketika ini memang sudah ada juga yang dilakukan tetapi sebenar Yang Berhormat katakan beberapa perkara perlu diselesaikan dengan sebaik-baiknya. Sebagaimana yang saya katakan tadi kita berpendapat bahawa kalau kita ingin mencapai matlamat ini, kita kena memikir cara yang lain. Itulah sebabnya kita bercadang untuk mewujudkan pelan *fiber* kerana *fiber* ini penting untuk dilaksanakan bukan sekadar di bandar tetapi menyeluruh agar *target* kita ialah nanti *80 percent of the household* boleh mencapai matlamat tersebut. Bagaimanapun oleh kerana masa singkat ini, tidak dapat saya terangkan. Akan tetapi memang hasrat kita untuk mencapai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab dua isu daripada Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Setampin.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dua-dua tidak ada di Dewan.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Secara bertulislah.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan, laluan. Orang Sabah, untuk Sabah.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Dengan itu saya mengucapkan banyak terima kasih.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kenapa boleh *short*? Minta laluan.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat. Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Banyak masa.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu 22 Mac 2017.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.37 malam]